

# جورنل مهاملات

# JURNAL MUAMALAT

Bil. 4 • 2011/1432H

ISSN: 1985-6156

Penggunaan Akad Build, Operate, And Transfer Sebagai  
Cara Pembiayaan (Kewangan) Dalam Membangunkan Tanah Wakaf  
Oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan: Satu Analisis  
Menurut Perspektif Syariah

AZMAN MAT NOOR & SAIDATOLAKMA MOHD YUNUS

Membangunkan Aset Wakaf Menggunakan Prinsip Musyarakah  
NURDIN NGADIMON

Pemakaian Instrumen Derivatif: Manfaat Kepada  
Lindung Nilai Atau Spekulasi?

HAILANI MUJI TAHIR, SHOFIAN AHMAD, MAT NOOR MAT ZAIN  
AZLIN ALISA AHMAD, SHAHIDA SHAHIMI, SAADIAH MOHAMAD

Permasalahan Pemegang Amanah Terhadap  
Benefisiari Kanak-Kanak Dalam Harta Faraid  
NAZIREE MD YUSOF

Etika Dan Moral Dalam Ekonomi Dari Perspektif Islam  
AMINI AMIR ABDULLAH

Agihan Zakat Serta Pelaksanaannya Dalam Pembangunan  
Ekonomi Islam: Tinjauan Di Tabung Baitulmal Sarawak  
MOHD DAUD AWANG, MOHD HAFIZ ABDUL WAHAB,  
ASJAD MOHAMED, AMIRULDIN MD. SHAM & SHAHIDA SHAMIMI

Parameter Berasaskan Syariah Dalam Perniagaan Jualan Langsung  
Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (*Multi-Level Marketing*)  
SYAHNAZ SULAIMAN

Majlis Penasihat Syariah: Nasihat Yang Mesti Dipatuhi  
MOHAMED HADI ABD HAMID

Dana Masjid Menjana Ekonomi Ummah  
MOHD YAHYA MOHD HUSSIN, FIDLIZAN MUHAMMAD &  
MOHD YAZID ISA

Isu-Isu Syariah Di Dalam Kewajipan Zakat Atas Entiti Korporat  
AZNAN HASAN

Epistemologi Tauhid Dalam Pemikiran Ekonomi:  
Teori Penggunaan  
FADILAH MAT NOR, ABDUL GHAFAR ISMAIL &  
AZA SHAHNAZ AZMAN



# Sidang Redaksi Jurnal Muamalat

## Penasihat

DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA  
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

## Ketua Editor

MOHAMAD BIN SAARI  
Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

## Penolong Ketua Editor

HAJI MUNIR BIN HAJI MD SALLEH  
Ketua Penolong Pengarah Seksyen Muamalat  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan

## Sidang Editor

Abdul Muhaimin bin Mahmood • Norhalina binti Othman  
Mohd Hafiz bin Asmani • Syahnaz binti Sulaiman

**Penasihat Bahasa:** Dr. Haji Abdul Razak bin Haji Dali dan Hajah Sharifah Shipak binti Syed Hassan Aidid

**Pembaca prof:** Fatimah binti Saad • Muhamad Zakuwa bin Rodzali. Dayang Sitiawa binti Pgn Shamsudin. Taqwa binti Zabidi • Siti Khumaizah binti M. Moideen • Sabri bin Mat Yasim • Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud • Kamarulzaman bin Mustappa • Shahril Azwan bin Hussin • Radihan bin Saari.

**Ahli Jawatankuasa:** Zainur Akmar binti Abdul Adi • Sofiah Noor binti Yahya • Selamah binti Mat Saman • Maznah binti Md Nor • Azziana binti Azman • Muhammad Atif bin Ali @ Buraidah

**Penerbit:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Aras 6, Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

**Konsep & Rekabentuk:** Visual Print Sdn. Bhd. A-1-7A, 2, Jln 12/144A, Tmn Bkt. Cheras, 56000 Kuala Lumpur. Tel: 03-9100 2420/9100 2389 Fax: 03-9102 1389

**Percetakan:** Visual Print Sdn. Bhd. A-1-7A, 2, Jln 12/144A, Tmn Bkt. Cheras, 56000 Kuala Lumpur. Tel: 03-9100 2420/9100 2389 Fax: 03-9102 1389

**Penafian:** Rencana yang terdapat dalam jurnal ini ialah milik penulis dan tidak menggambarkan pendapat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

JURNAL MUAMALAT: (ISSN: 1985-6156) diterbitkan setahun sekali oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia sebagai platform penyebaran maklumat tentang aspek teori, aplikasi dan penyelidikan dalam bidang muamalat dan ekonomi Islam.

SUMBANGAN ARTIKEL: Segala pertanyaan tentang jurnal dan sumbangan artikel hendaklah dialamatkan kepada Ketua Editor Jurnal Muamalat, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Aras 6, Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya. E-mel: [jurnalmuamalat@islam.gov.my](mailto:jurnalmuamalat@islam.gov.my)

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk pada royalti atau honorarium.

## KANDUNGAN

- Penggunaan Akad Build, Operate, And Transfer Sebagai Cara Pembiayaan (Kewangan) Dalam Membangunkan Tanah Wakaf Oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan: Satu Analisis Menurut Perspektif Syariah  
*AZMAN MAT NOOR & SAIDATOLAKMA MOHD YUNUS* 1
- Membangunkan Aset Wakaf Menggunakan Prinsip Musyarakah  
*NURDIN NGADIMON* 31
- Pemakaian Instrumen Derivatif: Manfaat Kepada Lindung Nilai Atau Spekulasi?  
*HAILANI MUJI TAHIR, SHOFIAN AHMAD, MAT NOOR MAT ZAIN, AZLIN ALISA AHMAD, SHAHIDA SHAHIMI, SAADIAH MOHAMAD* 57
- Permasalahan Pemegang Amanah Terhadap Benefisiari Kanak-Kanak Dalam Harta Faraid  
*NAZIREE MD YUSOF* 79
- Etika Dan Moral Dalam Ekonomi Dari Perspektif Islam  
*AMINI AMIR ABDULLAH* 97
- Agihan Zakat Serta Pelaksanaannya Dalam Pembangunan Ekonomi Islam: Tinjauan Di Tabung Baitulmal Sarawak  
*MOHD DAUD AWANG, MOHD HAFIZ ABDUL WAHAB, ASJAD MOHAMED, AMIRULDIN MD. SHAM & SHAHIDA SHAMIMI* 127
- Parameter Berasaskan Syariah Dalam Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (*Multi-Level Marketing*)  
*SYAHNAZ SULAIMAN* 155
- Majlis Penasihat Syariah: Nasihat Yang Mesti Dipatuhi  
*MOHAMED HADI ABD HAMID* 187
- Dana Masjid Menjana Ekonomi Ummah  
*MOHD YAHYA MOHD HUSSIN, FIDLIZAN MUHAMMAD & MOHD YAZID ISA* 199

- Isu-Isu Syariah Di Dalam Kewajipan Zakat Atas Entiti Korporat 215  
*AZNAN HASAN*
- Epistemologi Tauhid Dalam Pemikiran Ekonomi: 243  
Teori Penggunaan  
*FADILAH MAT NOR, ABDUL GHAFAR ISMAIL &  
AZA SHAHNAZ AZMAN*

## *Biodata Penulis*

MD NURDIN NGADIMON ialah Penolong Pengurus Besar Pasaran Modal Islam Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC). Beliau terlibat secara langsung dalam membuat perancangan pembangunan jangka pendek dan jangka panjang secara berterusan Pasaran Modal Islam. Di samping itu beliau juga terlibat dalam penyelidikan pembangunan produk kewangan, pembentukan polisi dan garis panduan, menganalisis proposal sukuk, produk berstruktur, Real Estate Investment Trust (REIT) Islam dan berbagai-bagai lagi. Penglibatan beliau dalam Pasaran Modal Islam adalah sejak dari awal penubuhan Kumpulan Penyelidikan Instrumen Islam (KPII) di Suruhanjaya. Kemudian diikuti dengan penubuhan Unit Pasaran Modal Islam di Suruhanjaya Sekuriti pada tahun 1995 yang kini merupakan sebuah Divisyen Pasaran Modal Islam.

AZMAN BIN MOHD NOOR bertugas sebagai pembantu Profesor di Jabatan Fiqh dan Usul Fiqh, Universiti Islam Antarabangsa. Beliau mempunyai dua kelulusan Ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Kebangsaan Malaysia (2000), Ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Islam Antarabangsa (2001), Ijazah Sarjana Muda Syariah di Universiti Islam Madinah pada tahun 1997 dan telah memperoleh ijazah kedoktoran juga di dalam bidang Syariah dari Universiti Edinburgh, Scotland (2005). Beliau telah dilantik menjadi Penasihat Syariah kepada Bank al-Rajhi (Malaysia) dan juga Malaysian National Reinsurance Berhad (MNRB) Retakaful. E-mel: azzmannor@yahoo.co.uk.

SYAHNAZ BINTI SULAIMAN bertugas sebagai Penolong Pengarah Gred S41 di Bahagian Perancangan dan Penyelidikan, Jakim. Beliau mempunyai dua kelulusan Ijazah Sarjana Muda dan Undang-Undang, Universiti Malaya (2002) dan Ijazah Sarjana, Masters Of Comparative Laws, Universiti Islam Antarabangsa (UIA) (2005). Kini, beliau sedang mengikuti pengajian sepenuh masa di peringkat doktor falsafah di Universiti Malaya. E-mel: syahnaz@islam.gov.my.

AZMAN HASAN ialah Penolong Profesor di International Islamic University Malaysia

(IIUM) Institute of Islamic Banking and Finance (IIBF), Bukit Damansara Kuala Lumpur. Beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda (Kepujian), Universiti al-Azhar, Mesir; Ijazah sarjana Syariah (kelas pertama), Universiti Kaherah, Mesir dan Ph.D University of Whales, Lampeter, United Kingdom. Beliau telah memberikan sumbangan besar kepada industri dengan melibatkan diri

sebagai penasihat syariah dalam institusi kewangan, firma undang-undang, dan badan-badan korporat di arena tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, penglibatan beliau sebagai penasihat syariah di pelbagai tempat seperti di Bursa Malaysia, sukuk terbitan Islam Suruhanjaya Sekuriti, American Biological Safety Association (ABSA) ABSA Islamic Bank, Afrika Selatan, Amanah Raya Berhad, RHB Islamic Bank, Amanah Raya Investment Bank Labuan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Selain itu, beliau juga terlibat sebagai Perunding Syariah untuk Maybank Investment Bank Berhad, Barclays Capital, London dan Fellow Syariah luaran di Perbankan Islam dan Kewangan Islam Malaysia (IBFIM). Beliau turut serta menganggotai Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa (ISRA), anggota Majlis Ulama dan Ahli International Zakat Organization (IZO), sebuah badan penasihat yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bekas ahli Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia. E-mel: [aznanh@gmail.com](mailto:aznanh@gmail.com).

AZLIN ALISA AHMAD ialah pensyarah di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM Bangi. Beliau dapat memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Sains Pengurusan serta Ijazah Ilmu Wahyu di UIA dan Sarjana Ekonomi di universiti yang sama. Kini beliau sedang menyambung pelajaran di peringkat Doktor Falsafah di Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM. E-mel: [azlin\\_alisa@yahoo.com](mailto:azlin_alisa@yahoo.com).

AMINI AMIR ABDULLAH mula berkhidmat dengan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Pertanian Malaysia (UPM) pada 18 Disember 1995. Pada bulan Disember 1996, beliau telah dianugerahkan biasiswa SLAB Universiti Putra Malaysia untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Pengajian Islam di Center For The Study of Islam and Christian-Muslim Relations, Selly Oak Colleges, University of Birmingham, United Kingdom. Beliau adalah mantan Pengarah Pusat Islam Universiti, Universiti Putra Malaysia bermula 1 Januari 2004 hingga 31 Disember 2009. Sebelum itu beliau ialah Pemangku Pengarah Pusat Islam Universiti bermula 1 Februari 2003 hingga 31 Disember 2003. Beliau juga banyak melakukan penyelidikan dalam bidang ke tamadun Islam, sejarah Islam, integriti, hubungan etnik, dan interaksi sosial. Beliau pernah menjadi penilai program sains sosial untuk National Accreditation Board (LAN) dan penilai pakar modul Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Beliau juga pernah menjadi pakar rujuk menangani masalah sosial untuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pakar rujuk zakat Universiti Putra Malaysia dan Ahli Jawatankuasa Nadwah Ulama dan Ilmuan Malaysia (NUIM) Naib Presiden Yayasan Islam Hadhari dan Ahli Jawatankuasa Kerja Pusat Yayasan Islam Hadhari. Pada tahun 2011, beliau telah mendapat anugerah Erasmus Mundus Eurasia2 oleh Kesatuan Negara-negara Eropah

sebagai Sarjana Pelawat di University of Humboldt, Berlin, Jerman. Emel: amini@putra.upm.edu.my.

MOHD DAUD AWANG ialah pensyarah kanan Fakulti Ekologi Manusia di UPM Serdang. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Syariah (HON'S) pada 1995 di Universiti Islam Madinah, Arab Saudi dan pada Mac 2000, beliau memperoleh Ijazah Sarjana dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memulakan karier sebagai pensyarah pada tahun 1997 apabila ditawarkan jawatan pensyarah di Pusat Bahasa UiTM Shah Alam (1997-1999). Pada 1999 beliau berhijrah ke Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) sebagai pensyarah sehingga tahun 2002. Kemudian pada April 2002, beliau mula berkhidmat dengan UPM Kampus Bintulu sebagai pensyarah. Beliau kemudiannya melanjutkan pelajaran dalam bidang Perbankan Islam di Universiti Malaya dan memperoleh Ijazah Doktor Falsafah pada Oktober 2007 dan kembali bertugas di UPM Kampus Bintulu selama tiga tahun. Beliau telah menerbitkan beberapa artikel dalam jurnal KIPSAS sejak tahun 2001 dan Buku Islam di Borneo serta membentangkan kertas kerja dalam beberapa seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa E-mel: amdaud@putra.upm.edu.my.

FADILAH MAT NOR berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (2008) dan Ijazah Sarjana Ekonomi (2010) di salah sebuah universiti tempatan. Beliau merupakan pensyarah dalam bidang ekonomi Islam di Jabatan Pengurusan Perniagaan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS), Selangor. Emel: fadilahmn@kuis.edu.my.

MOHAMED HADI BIN ABD HAMID berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB), Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Syariah) (LLB(S)) dan Ijazah Sarjana Undang-Undang Perbandingan (MCL) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau merupakan Peguambela & Peguamcara, Mahkamah Tinggi Malaya dan pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, UIAM. Beliau kini berkhidmat sebagai Eksekutif Kanan, Bahagian Syariah, Etiqa Takaful Berhad. E-mel: mhadi.ah@etiqa.com.my.

MOHD YAHYA BIN BIN MOHD HUSSIN ialah pensyarah kanan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Jabatan Ekonomi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Ekonomi di Universiti Malaya (2001), Sarjana Ekonomi Islam Ekonometrik di UKM (2002) dan Ijazah kedoktoran dalam Ekonomi di Universiti Malaya (2009). Bidang kepakaran beliau ialah dalam bidang ekonomi. E-mel: yahya@fpe.upsie.du.my.

NAZIREE BIN MD YUSOF ialah pensyarah Fakulti Undang-Undang dan Perhubungan Antarabangsa di Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Terengganu. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang di UIA (2002), Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang Syariah di universiti yang sama (2003) dan mendapat Ijazah Sarjana Undang-Undang di UKM, Bangi (2006). Beliau telah memberikan banyak sumbangan artikel dalam bidang penulisan akademik dan majalah. Selain itu, beliau juga merupakan perunding syariah produk perbankan Islam di bawah Messrs Fariz Halim & Co dan produk wisoyah di bawah ZAR Perunding Pusakan Sdn. Bhd.



# Kata Alu-aluan

## KETUA PENGARAH JAKIM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**B**idang fiqh muamalat merupakan satu disiplin ilmu yang sangat luas. Ia tidak hanya membicarakan tentang kaedah bagaimana menjalankan perniagaan berasaskan syariah semata-mata. Bahkan ia mendidik manusia bagaimana cara berakhlak antara sesama manusia lain di samping memenuhi kehendak ekonomi masing-masing. Oleh sebab itu, dalam bidang fiqh muamalat ini, meskipun secara umumnya ia berasaskan kepada kaedah fiqh, iaitu: “Asal sesuatu (hukum dalam muamalat) adalah harus”.

Namun, ia tidaklah membawa maksud kebebasan segala-galanya sehingga melangkaui sempadan halal dan haram dalam Islam. Islam tetap mempunyai garis sempadan tertentu dengan meletakkan beberapa larangan dalam transaksi seperti tiadanya amalan riba, ketidaktentuan dalam akad, judi, tidak terlibat dalam industri yang diharamkan oleh syarak dan sebagainya.

Dalam usaha mensasarkan ke arah ekonomi negara yang manpan dan berpendapatan tinggi, sektor perbankan Islam meneruskan trajektori pertumbuhannya dengan mencatatkan pertumbuhan dua angka sebanyak 13.8% dalam jumlah aset, mencakupi 23.8% daripada jumlah aset dalam keseluruhan sistem perbankan.

Dengan peralihan sistem kewangan Islam Malaysia kepada sistem yang lebih berorientasi antarabangsa, jumlah perniagaan mata wang asing termasuk yang dijalankan oleh Bank-Bank Islam Antarabangsa dan Unit Perniagaan Mata Wang Antarabangsa meningkat sejak beberapa tahun ini.

Justeru, selaras dengan hasrat untuk mendukung industri kewangan Islam, Alhamdulillah, pada tahun ini sekali lagi Jurnal Muamalat Bil. 4/2011, Jakim menampilkan isu-isu semasa yang berkaitan dengan muamalat Islam sebagai wadah penyebaran maklumat dan informasi kepada segenap lapisan masyarakat. Bagi pihak Jakim, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas segala jasa baik, pengorbanan dan komitmen bersepadu yang diberikan oleh semua pihak dalam menjayakan penerbitan jurnal ini. Mudah-mudahan segala jasa baik yang dicurahkan mendapat sebaik-baik ganjaran daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih

DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA

*Ketua Pengarah*

*Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*

# Kata Pengantar

## KETUA EDITOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**A**lhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, tuhan semesta alam dan selawat serta salam ke atas Junjungan Agung Nabi SAW serta seluruh ahli keluarganya maka Jurnal Muamalat Bil. 4/2011 berjaya diterbitkan. Penerbitan jurnal pada kali ini mengetengahkan pelbagai isu yang berkaitan muamalat Islam untuk manfaat para pembaca.

Antara tajuk yang ditampilkan pada kali ini ialah cara pembiayaan (kewangan) untuk membangunkan tanah wakaf, pemakaian instrumen derivatif, etika dan moral dalam ekonomi dari perspektif Islam, parameter dalam perniagaan jualan langsung secara pemasaran berbilang tingkat (MLM), zakat ke atas entiti korporat, agihan zakat di Tabung Baitulmal Sarawak, epistemologi tauhid dalam pemikiran ekonomi dan tajuk-tajuk lain.

Penampilan tajuk yang beraneka dalam penerbitan jurnal kali ini adalah bertujuan memberikan pendedahan informasi yang luas untuk tatapan para pengkaji dan pembaca dalam menyajikan keunikan sistem muamalat Islam. Selain itu, penerbitan jurnal ini juga diharap dapat menjana budaya pemikiran dan penyelidikan yang optimum di kalangan para cendekiawan dan pengkaji. Pada kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan jurnal pada kali ini. Semoga segala usaha dan pengorbanan yang dicurahkan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

MOHAMAD BIN SAARI

*Pengarah*

*Bahagian Perancangan dan Penyelidikan*

*Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*

# **Penggunaan Akad 'Build, Operate And Transfer' Sebagai Cara Pembiayaan (Kewangan) Untuk Membangunkan Tanah Wakaf: Satu Analisis Projek Pembangunan Wakaf oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**AZMAN B MOHD NOOR  
SAIDATOLAKMA BT MOHD YUNUS**

## **Abstrak**

'Build, Operate, and Transfer' (BOT) ialah sejenis akad baharu yang digunakan dalam membina dan membangunkan infrastruktur awam dan swasta. Kajian ini sebenarnya akan membincangkan konsep, struktur serta operasi akad BOT menurut perspektif syariah. Akad ini telah digunakan oleh negara-negara maju di dunia dalam memajukan infrastruktur swasta dan awam. Baharu-baharu ini, akad BOT telah digunakan juga oleh beberapa institusi wakaf kerana ia dipercayai mampu memajukan tanah dan harta wakaf serta memberi manfaat kepada orang ramai. Kajian ini akan membahaskan akad BOT yang digunakan oleh institusi wakaf secara umum dan MAIWP secara khusus dari segi keselariannya dengan prinsip-prinsip syariah. Kajian ini juga akan mengenal pasti isu-isu syariah dan masalah-masalah yang dihadapi sepanjang pelaksanaan projek. Kajian ini akan melihat idea menyeluruh tentang BOT, konsep, struktur, pengisian, dan operasinya. Kaedah kajian yang digunakan akan menitikberatkan kerja-kerja semasa dalam perundangan Islam. Maklumat kajian diperolehi daripada buku-buku ulama silam, buku-buku semasa, kertas kerja seminar dan temu bual dengan beberapa orang pegawai MAIWP yang memberi maklumat berkenaan aplikasi BOT untuk pembangunan tanah wakaf. Hasil daripada temu bual ini, didapati bahawa

penggunaan akad BOT ialah sebuah kontrak yang tidak bercanggah dengan syariah apabila memenuhi syarat-syarat tertentu bersama-sama dengan pemantauan dan pengawasan patuh syariah. Ia boleh digunakan dengan baik dan berkesan dalam usaha membangunkan tanah wakaf.

### ***Abstract***

*Build, Operate and Transfer (BOT) is a new concept applied in developing and constructing private and public infrastructures. It is a means of project financing and operating practiced primarily in the area of private and government infrastructures in developing countries. Recently, some wakaf institutions have applied BOT since the concept and structure give a new direction in the field of wakaf, as it enhances wakaf property for public benefits. The involvement of wakaf institution in developing its property and public infrastructures through BOT is a challenging exercise. This study examines the current practice of this contract in wakaf institutions in general and in Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan with reference to the contracts applied in compliance with the principles of Shariah. Besides that, the study aims at identifying Shariah issues faced by wakaf institution during the implementation of BOT. This study will look into the general idea of BOT contracts, its concept, structures, contents as well as operation. The methodology used in this study is archival research with emphasis on contemporary works on Islamic jurisprudence. The data and related information are collected from classical and contemporary books, conference, seminar papers, and interviews with some authorities from MAIWP for some information about applied BOT to develop wakaf properties. The study suggests that BOT is a Shariah compliant contract if all the conditions are followed with a proper Shariah compliance supervision. It can be a good alternative in developing wakaf land.*



## **PENDAHULUAN**

Tidak dinafikan bahawa setelah kematian, seorang Muslim akan mendapat pahala yang berterusan daripada amal kebajikan yang dilakukan semasa hayatnya. Daripada Abu Hurairah r.a. bahawasanya Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud:

Apabila seorang itu meninggal dunia, semua terputus daripadanya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan serta doa anak yang soleh.<sup>1</sup>

Tindakan mewakafkan harta merupakan sedekah jariah di mana individu pewakaf akan menerima impak berterusan walaupun setelah kematiannya. Namun tidak ramai di kalangan orang Islam yang mewakafkan harta mereka. Ini kerana, selain menghadapi masalah dalam menarik minat orang ramai untuk mewakafkan harta, institusi wakaf menghadapi masalah dalam memajukan dan menguruskan harta wakaf. Begitu juga, institusi wakaf menghadapi masalah dalam menyediakan khidmat terbaik kepada masyarakat. Peluang untuk memajukan harta wakaf tidak terbuka kepada semua institusi wakaf kerana ia melibatkan kos yang sangat tinggi dan kebanyakan institusi wakaf tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi.

Masalah yang dihadapi mungkin disebabkan institusi wakaf tidak mempunyai sistem pengurusan yang cekap dalam memajukan harta wakaf. Kebiasaannya, pembangunan harta wakaf terutamanya tanah, tidak berjaya kerana tiada ketelusan dalam menguruskan dana wakaf. Skop perkhidmatan juga terlalu terhad dan fenomena ini kebiasaannya disebabkan oleh faktor pengurusan birokratik yang tidak cekap. Jika masalah ini berterusan, akan berlakulah kerugian kepada orang ramai kerana harta wakaf tidak dapat digunakan dengan sepenuhnya.<sup>2</sup>

Beberapa alternatif harus diambil bagi mengelakkan masalah ini daripada berlanjutan. Salah satu langkah yang telah diambil adalah menerusi penggunaan akad baharu iaitu 'Build, Operate, and Transfer' (BOT) atau dalam bahasa Melayu disebut Bina, Operasi/Urus, dan Pindah. Akad ini telah diaplikasikan dalam pembangunan tanah wakaf dengan tujuan memaksimumkan penggunaannya untuk kepentingan orang ramai. Melalui kaedah ini, sektor swasta dibenarkan untuk membangunkan projek di atas tanah wakaf, seterusnya mendapat hak

menguruskan projek tersebut dalam tempoh tertentu sebelum projek tersebut diserahkan semula kepada institusi wakaf. Dengan cara ini, manfaat tanah tersebut dapat digunakan dengan sebaik-baiknya.

Berdasarkan kelebihan ini, MAIWP telah mengaplikasikan akad BOT sebagai salah satu cara untuk membangunkan harta wakafnya. Sungguhpun akad ini masih baru diaplikasikan oleh MAIWP, akad ini dikatakan mampu memberi peluang yang cerah kepada MAIWP untuk bergerak lebih maju ke hadapan. Aplikasi BOT dijangka memberi kesan positif kepada MAIWP dan dianggap satu cara yang berkesan dalam meningkatkan prestasi MAIWP sekali gus memberi kesedaran kepada orang ramai tentang peranan MAIWP yang kian dilupakan.

Sebelum membincangkan fokus utama iaitu tentang aplikasi akad BOT oleh MAIWP, transaksi, praktis, dan isu-isu yang berkaitan dengannya, akan menjelaskan gambaran yang menyeluruh tentang akad ini terlebih dahulu.

## **DEFINISI BOT**

BOT ialah singkatan daripada perkataan Inggeris 'Build, Operate, and Transfer'. Akad ini melibatkan kerajaan atau agensi-agensi kerajaan dengan badan-badan korporat daripada sektor swasta. Para cendekiawan berbeza pendapat terhadap maksud sebenar BOT kerana ia bergantung kepada beberapa elemen dan syarat yang diketengahkan oleh mereka. Namun semua definisi yang diberikan membawa maksud yang sama iaitu satu skim pembiayaan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada mana-mana syarikat untuk membangunkan projek tertentu dengan menggunakan perbelanjaan syarikat itu sendiri. Syarikat tersebut akan memiliki manfaat projek tersebut untuk beberapa tahun sebagaimana yang telah dipersetujui sebelum ia dipulangkan semula haknya kepada kerajaan.<sup>3</sup> Dalam usaha memajukan tanah wakaf, pihak pengurusan akan memberi hak memajukan tanah kepada sesebuah syarikat dengan cara membenarkan syarikat tersebut membangunkan dan menguruskan projek tertentu dalam tempoh tertentu sebelum projek dikembalikan kepada pihak pengurusan wakaf.

## **KONSEP BOT**

Akad BOT melibatkan pemilihan kerajaan terhadap mana-mana syarikat yang mampu membina projek dalam tempoh tertentu. Syarikat yang terpilih perlu membuat projek dan menguruskannya untuk manfaat orang ramai. Ini kerana syarikat tersebut diberi hak oleh kerajaan untuk memberi perkhidmatan kepada pengguna awam serta boleh mengenakan bayaran terhadap mereka untuk tempoh tertentu sebagai sumber pendapatan, sebelum projek tersebut dikembalikan kepada kerajaan.<sup>4</sup>

Konsep akad BOT boleh disimpulkan daripada tiga perkataan 'build' yang membawa maksud membina projek, 'operate' bermaksud menguruskan atau menjalankan projek tersebut, dan 'transfer' yang membawa maksud mengembalikan semula projek terbabit kepada pemilik asalnya selepas tamat tempoh kontrak. Semasa projek beroperasi, syarikat berhak mengambil semua keuntungan untuk menampung semula kos pembinaan projek. Pada asalnya, BOT diaplikasikan untuk tujuan mengurangkan beban kerajaan dalam menyediakan kemudahan awam kepada pengguna. Namun kini, aplikasi BOT tidak terhad kepada kerajaan sahaja malah kepada pelbagai syarikat dan organisasi termasuklah institusi-institusi wakaf dalam usaha memajukan harta wakaf.<sup>5</sup>

Penggunaan akad BOT oleh institusi-institusi wakaf merupakan satu langkah yang telah diambil untuk memajukan harta wakaf dengan cara yang lebih berkesan. Menerusi kaedah BOT, institusi wakaf akan memberi permit kepada institusi-institusi kewangan atau mana-mana syarikat yang berupaya membangunkan projek di atas tanah wakaf untuk tempoh yang tertentu dengan menggunakan pembiayaan sendiri. Setelah projek selesai dibangunkan, syarikat yang menerima permit daripada institusi wakaf akan menguruskan dan menjalankan projek tersebut dalam tempoh tertentu. Segala keuntungan daripada pengurusan projek akan dimiliki oleh pihak syarikat dan kebiasaannya dengan keuntungan tersebut mampu mengembalikan kos pembiayaan pembangunan projek. Setelah tamat tempoh pengurusan, syarikat akan mengembalikan semula pengurusan projek berserta tanah wakaf yang dimajukan kepada pihak pengurusan wakaf.

## AKAD BOT MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Disebabkan tiada ayat Quran dan hadis yang menyentuh tentang akad BOT secara jelas, kajian tentang kebebasan berkontrak dalam undang-undang Islam sangat penting untuk mengetahui hukumnya. Jadi sebelum bukti-bukti tentang hukum akad ini dikemukakan, kebebasan berkontrak ini harus dibincang terlebih dahulu.

Segala perkara yang halal dan haram telah jelas di dalam al-Quran tetapi bagi akad BOT tiada nas yang jelas menunjukkan hukum sebenar berakad dengannya. Begitu juga *istisna'*, hukum beramal dengannya tidak didapati daripada al-Quran mahupun Sunnah tetapi daripada konsep *istihsan* yang terbina atas dasar keperluan. Maksudnya, kaedah *istisna'* sangat diperlukan oleh orang ramai untuk dipraktikkan kerana ia memenuhi kemudahan urusan transaksi jual beli khususnya apabila ia melibatkan pembuatan dan pembinaan.

Berdasarkan konsep kebebasan berakad (*hurriyyah al-aqd*) dalam Islam, setiap individu boleh berakad selagi akad tersebut tidak bertentangan dengan prinsip Syariah. Akad yang mengandungi unsur *riba*, *gharar*, *maisir* dan syarat yang bertentangan dengan ajaran Islam 'voidable stipulation' contohnya adalah tidak sah untuk dipraktikkan. Menurut pandangan Islam, sesuatu akad itu dibenarkan apabila ia tidak bertentangan dengan prinsip Syariah. Segala akad baharu yang tidak dibincangkan oleh ulama terdahulu boleh diterima pakai selagi menepati hukum-hukum Syarak.<sup>6</sup> Setiap akad yang tidak menepati prinsip-prinsip Syariah adalah tidak sah untuk dipraktikkan sungguhpun tujuan berakad adalah baik. Islam memberikan kebebasan berakad kepada manusia sebagai salah satu cara untuk memenuhi keperluan dan hajat mereka. Menurut kata-kata ulama, memenuhi keperluan manusia merupakan asal penyariatian akad dalam Islam.<sup>7</sup>

Berdasarkan prinsip hukum asal, semua perkara ialah *ibahah* (*al-asl fi al-ashya' al-ibahah*). *Ibahah* dalam istilah fiqh bermaksud harus ataupun dibenarkan. Dengan itu, semua perkara adalah harus kecuali apabila ada nas yang tidak membenarkannya. Menurut Ibn al-Qayyim, akad dalam bermuamalat dimaafkan (*afwu*) atau diharuskan selagi Syarak tidak mengharamkannya. Selagi Islam tidak mengharamkan atau menyatakan keharusan melakukan sesuatu akad, tidak harus kita mengharamkannya.



Ini kerana sesuatu yang sunyi daripada hukum ialah rahmat daripada Allah SWT.<sup>8</sup> Namun, akad tersebut haruslah dilaksanakan mengikut rukun dan syarat yang telah ditetapkan oleh Islam.

Kesahihan akad BOT juga boleh disokong dengan kaedah *al-masalih al-mursalah* yang menitikberatkan soal *maslahah* umum 'public interest'. Konsep ini juga merupakan usul pengambilan hukum yang tidak disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah dan bertujuan mewujudkan keharmonian dalam kehidupan manusia. Konsep ini merangkumi perkara-perkara dan dasar-dasar pemerintah untuk menjaga kebaikan umum dan mengelakkan kerugian atau kerosakan kepada masyarakat selagi ia tidak bercanggah dengan roh syariah. Selari dengan konsep ini, penggunaan BOT sangat diperlukan untuk membiayai kos pembinaan pelbagai keperluan dan kemudahan untuk kebaikan orang ramai. Samalah juga penggunaan akad BOT dalam pembangunan harta wakaf terutamanya tanah wakaf dengan tujuan untuk mendapatkan manfaat yang berterusan untuk amal kebajikan. Ia juga boleh mengelakkan harta wakaf daripada terbiar tanpa dimajukan kerana sukar mendapatkan dana pembiayaan.

Menurut Imam al-Ghazali, *maslahah* bertujuan mendapatkan manfaat dan mengelakkan segala bentuk kemusnahan atau bahaya. Melindungi nyawa, agama, akal, keturunan, dan harta tergolong dalam *maslahah*.<sup>9</sup> Akad BOT adalah selari dengan pemeliharaan tanah wakaf. Ini kerana memajukan tanah wakaf adalah salah satu cara pemeliharaannya di samping dapat memastikan pengagihan manfaat yang berterusan kepada penerima manfaat wakaf. Ini sejajar dengan kaedah fiqh yang berbunyi *al-darar yuzal* yang bermaksud kemudharatan hendaklah dihapuskan.

Akad BOT berpotensi menjadi akad yang penting sebagai cara pembiayaan pembangunan tanah wakaf. Dengan terbinanya bangunan-bangunan komersial di atas tanah wakaf, ia mampu memberi keuntungan lumayan kepada institusi wakaf supaya harta wakaf dimanfaatkan secara berterusan. Sekiranya harta wakaf tidak dimanfaatkan, dikhuatiri tujuan utama penyumbang wakaf tidak tercapai. Cara pinjaman konvensional biasanya akan melibatkan kos pembangunan yang sangat tinggi dan memerlukan pemantauan yang berterusan untuk memastikan kualiti binaan dan perancangan infrastruktur yang baik. Mungkin pihak pentadbir wakaf tidak mempunyai kepakaran tersebut. Tetapi, melalui

BOT, kontraktor akan memastikan kualiti dan perkara-perkara logistik lain diambil kira sepenuhnya kerana merekalah yang akan mengutip balik kos binaan melalui sewaan dan upah operasi yang berkaitan.

Kebanyakan ulama fiqh semasa yang membenarkan penggunaan BOT<sup>10</sup> beranggapan bahawa ia merupakan gabungan akad *ijarah*<sup>11</sup> dan *istisna*<sup>12</sup> yang kedua-dua akad tersebut adalah sah dan diiktiraf di sisi syarak. Kaedah *hukr*<sup>13</sup> juga telah digunakan sebelum ini dalam memajukan tanah wakaf tetapi kaedah ini tidak begitu menyakinkan dan kurang praktikal kerana tanah digunakan dalam tempoh masa yang agak lama dikhuatiri akan mengurangkan manfaat tanah tersebut. Bagi menggantikan kaedah ini akad BOT diaplikasikan dengan beberapa syarat. Menurut Khalid So'ud, BOT boleh digunakan dalam memajukan tanah wakaf dengan syarat masa yang diambil untuk memajukannya tidak terlalu lama dan hak-hak pewaris serta pemaju mesti dipelihara sepanjang projek beroperasi.<sup>14</sup> Masa yang diambil tidak perlu terlalu lama seperti akad *hukr* kerana masa yang lama mampu mengurangkan manfaat harta wakaf. Kaedah fiqh ada mengatakan *yukhtaru ahwan al-sharrain* (memilih cara yang paling kurang mempunyai mudarat) bagi memelihara manfaat dan *maslahah* umum. BOT digunakan bagi menggantikan akad *hukr*.

## **LATAR BELAKANG MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)<sup>15</sup>**

MAIWP merupakan institusi wakaf yang menggunakan akad BOT untuk memajukan harta wakaf. Ia ditubuhkan pada 1 Februari 1974 bersempena dengan penguatkuasaan perintah Perlembagaan Persekutuan bagi Wilayah Persekutuan. MAIWP bertanggungjawab terhadap semua urusan pentadbiran Islam di Wilayah Persekutuan. Selain itu, ia merupakan badan tertinggi yang menggubal dasar dan polisi serta pemberi nasihat kepada Yang diPertuan Agong berkaitan dengan agama Islam. Oleh itu MAIWP ialah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak dan berkuasa meminda atau membuat undang-undang.

Baru-baru ini MAIWP telah mengambil langkah untuk membangunkan tanah wakaf dengan menggunakan akad BOT melalui projek

Menara MAIWP. Projek ini masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada bulan Mei 2011. Pembinaan Menara tersebut dilakukan di tanah wakaf, lot 168 dan 169 di Jalan Perak, Kuala Lumpur. Keluasan kedua-dua lot tanah tersebut menjangkau 52,796 kaki persegi. MAIWP memiliki tanah ini selama 16 tahun bermula dari 14 Mei 1993 setelah ia diwakafkan oleh Allahyarham Ahmad Dawjee Dadabhoy untuk kebajikan umum. Sehingga tahun 2006 lalu, kadar nilai kedua-dua lot tersebut mencecah RM31.915 juta.

Dalam Mesyuarat Khas Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 5 Julai 2005, MAIWP telah bersetuju agar projek tersebut dibangunkan oleh Lembaga Tabung Haji (LTH). Pihak LTH akan membina sebuah bangunan pejabat kelas A setinggi 34 tingkat dan selepas itu LTH akan menguruskan projek tersebut selama 25 tahun.<sup>16</sup>

## **APLIKASI AKAD BOT DALAM PEMBANGUNAN PROJEK MENARA MAIWP**

Projek Menara akan dibangunkan oleh LTH menerusi anak syarikatnya, TH Technologies Sdn. Bhd. Pembinaan projek adalah dengan berdasarkan konsep *istisna'* dan *wakalah*. Di bawah konsep *istisna'*, TH Technologies mempunyai hak untuk membangunkan projek dan memperoleh keuntungan dengan menguruskan projek tersebut sejurus selepas pembinaannya selesai. Di bawah konsep *wakalah* pula, TH Technologies bertindak sebagai wakil LTH untuk membina projek tersebut tetapi LTH akan membiaya kos pembinaan sepenuhnya.

Kos keseluruhan pembinaan projek itu dianggarkan mencecah RM151 juta dan dijangka siap dalam masa 46 bulan atau 3 tahun 10 bulan. Setelah siap, LTH bertanggungjawab menguruskannya dalam tempoh masa 25 tahun. Tempoh pengurusan selama 25 tahun ini diberikan oleh MAIWP.


MAIWP ialah pemilik sebenar projek tersebut kerana tanah wakaf hanya disewakan kepada LTH di bawah akad *ijarah*. Jadi tiada berlaku pertukaran hak milik antara MAIWP dan LTH. Kadar sewa yang dikenakan dilangsaikan sehingga tamat tempoh pajakan dan kebiasaannya dibayar semasa pengembalian semula projek kepada MAIWP selepas projek tersebut tamat tempoh untuk beroperasi. Selain

TH Technologies, Bank Islam Malaysia Bhd. akan menyewa beberapa bahagian dalam bangunan tersebut dan ini akan memberi keuntungan kepada LTH. LTH berhak atas keuntungan yang diperoleh kerana ia membiayai sepenuhnya kos pembinaan projek tersebut.

## STRUKTUR AKAD BOT

Pembangunan tanah wakaf melalui kaedah BOT melibatkan beberapa pihak dan setiap pihak mempunyai tanggungjawab tersendiri. Pihak-pihak yang terlibat ialah MAIWP, LTH dan TH Technologies. LTH membiayai kos pembinaan dan menguruskan projek tersebut untuk mendapatkan keuntungan manakala TH Technologies bertanggungjawab menyiapkan projek tersebut mengikut masa yang ditetapkan. MAIWP ialah pihak utama dalam akad ini dan pemberi pajakan kepada LTH menerusi konsep *istisna'*. Melalui konsep ini sebenarnya, MAIWP mencari pembiaya untuk menanggung kos pembinaan projek iaitu LTH mengikut syarat-syarat yang dipersetujui.<sup>17</sup>

Seperti yang telah disebutkan sebelum ini, LTH akan membuat perjanjian dengan anak syarikatnya TH Technologies Sdn. Bhd. untuk membina projek melalui konsep *istisna'* dan *wakalah*.<sup>18</sup> Di bawah



Rajah 1: Struktur Organisasi BOT

konsep *istisna'* LTH meminta anak syarikatnya membina projek dan akan dibayar mengikut persetujuan kedua-dua belah pihak manakala di bawah konsep *wakalah*, LTH melantik TH Technologies sebagai ejen membangunkan projek dan segala risiko berkaitan dengan pembinaan ditanggung oleh ejen tersebut.<sup>19</sup>

Selepas projek siap dibangunkan, LTH akan menyewa daripada MAIWP dan menjalankan operasinya selama 25 tahun di bawah akad *ijarah*. Tempoh 25 tahun yang diberikan oleh MAIWP cukup untuk LTH menebus kembali kos pembinaan dan mendapatkan keuntungan sebagai pendapatan. Kemudian LTH akan menyewakan beberapa bahagian bangunan kepada beberapa institusi, sebagai contoh Bank Islam Malaysia Bhd. dan TH Technologies Sdn. Bhd. untuk menjalankan urusan perniagaan masing-masing. Hasil daripada penyewaan ini, LTH akan memperoleh bayaran sewa yang kemudiannya akan digunakan sebagai bayaran kepada MAIWP. Daripada keseluruhan projek, jumlah bayaran sewa yang akan MAIWP peroleh adalah lebih kurang RM56.6 juta. Selepas tamat tempoh pengurusan iaitu selama 25 tahun, MAIWP akan menerima semula tanah wakaf yang disewakan serta projek tersebut yang dianggarkan akan bernilai RM600 juta.<sup>20</sup>

## **KEBAIKAN MENGGUNAKAN AKAD BOT**

Akad BOT mampu mengurangkan beban kerana MAIWP tidak perlu menanggung bebanan hutang kerana kos pembangunan ditanggung oleh LTH. Selain itu, LTH akan membuat pelaburan untuk kemajuan MAIWP menerusi pembinaan dan pengurusan projek Menara MAIWP.<sup>21</sup> Oleh itu, BOT mampu menyelesaikan masalah kewangan MAIWP untuk memajukan harta wakaf kerana akad BOT menjanjikan pengembalian projek tersebut kepada MAIWP pada akhir pengurusan projek tanpa sebarang bayaran terhadap LTH.

Melalui skim BOT ini juga, MAIWP dapat meningkatkan prestasinya melalui skil-skil yang telah digunakan oleh LTH semasa menguruskan projek. Begitu juga alat-alat moden yang digunakan akan memberi manfaat besar kepada MAIWP dalam meneruskan pengurusan projek apabila ia dikembalikan kepada MAIWP. Organisasi

Pembangunan Industri Negara-Negara Bersekutu/'United Nations Industrial Development Organization' (UNIDO) menyatakan bahawa penglibatan pembiayaan persendirian yang berpengalaman merupakan salah satu tanda projek akan menemui kejayaan apabila pemindahan teknologi, latihan untuk pekerja tempatan dan perkembangan dalam pasaran pasti berlaku untuk kemajuan ekonomi negara. Dengan penggunaan alatan moden dan teknik yang canggih, keuntungan lumayan akan diperoleh oleh syarikat pemaju. Situasi ini akan meminimumkan kos pembinaan dan operasi projek.<sup>22</sup>

Menara MAIWP yang akan dibina menerusi konsep BOT akan menjadi mercu tanda dalam meningkatkan imej MAIWP sebagai agensi Islam yang mampu bergerak seiring agensi-agensi yang lain. Secara tidak langsung ia akan melambangkan kesatuan dan kemajuan Islam di mata dunia. Dengan pembinaan menara itu juga, komuniti atau masyarakat akan sedar usaha proaktif MAIWP dalam memajukan harta wakaf yang selari dengan Rancangan Malaysia Ke-9 yang menggalakkan usaha-usaha pembangunan hartanah dilakukan untuk kemaslahatan orang ramai.

Pulangan yang akan diterima oleh MAIWP mampu menjadi modal penyediaan perlindungan kepada orang Islam terutamanya penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan. Apabila tempoh pajakan tamat, MAIWP akan menerima tanah dan projek menara tersebut sebagai pemilik asal.<sup>23</sup>

## **ISU-ISU SYARIAH YANG BERKAITAN DENGAN AKAD BOT**

Terdapat beberapa isu Syariah yang mungkin timbul apabila akad BOT diaplikasikan dalam pembangunan tanah wakaf. Antara isu tersebut adalah seperti berikut:

### **Isu pertama:**

Aplikasi akad BOT adalah dengan berkonsepkan *istisna'* di mana bayaran kepada pembangunan yang akan dibina adalah dalam bentuk manfaat projek yang belum wujud semasa akad ditandatangani kerana pada masa ini, pembangunan projek belum dilakukan. Adakah Islam membenarkan pembayaran dalam bentuk manfaat yang belum wujud semasa akad?

Menurut Sheikh Muhammad Taqi Usman, pembayaran sebegini dibenarkan kerana pembangunan tanah wakaf melalui kaedah BOT sangat diperlukan demi kemaslahatan umum. Lebih-lebih lagi pembayaran menggunakan manfaat yang belum wujud tiada unsur ragu-ragu ataupun kurang jelas (*gharar*) sekiranya tempoh masa menggunakan manfaat sesuai untuk mendapatkan pulangan yang mampu menebus semula kos pembinaan projek di bawah konsep *istisna'*. Ia juga dibenarkan sebagai langkah untuk memastikan pembinaan projek siap dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sekiranya syarikat pemaju tidak menyiapkan projek tersebut maka bayaran kos pembinaan tidak dapat ditebus. Ini kerana bayaran itu bergantung kepada manfaat daripada projek yang akan dibina olehnya.<sup>24</sup>

### **Isu kedua:**

Seperti yang telah disebutkan dalam isu yang pertama, bayaran di bawah konsep *istisna'* adalah dalam bentuk manfaat dan akan diperoleh selepas pembinaan projek selesai. Seseorang berpendapat mengatakan bayaran mestilah dalam bentuk harta (*amwal*) atau sesuatu yang bernilai.<sup>25</sup> Persoalannya di sini: Adakah manfaat itu dikira sebagai sejenis *amwal* atau sesuatu yang bernilai?

Menurut mazhab Hanafi, manfaat tidak dianggap sebagai *amwal* kerana bagi mereka, *amwal* ialah sesuatu yang berjisim, sejenis benda dan juga sesuatu yang dikehendaki oleh semua orang untuk memilikinya meskipun ia haram untuk dimiliki bagi orang Islam. Walau bagaimanapun, menurut Ahmad Faraj, ulama-ulama baharu 'contemporary jurist' dalam mazhab Hanafi mengiktibarkan *amwal* sebagai sesuatu yang boleh ditukar dengan mata wang termasuklah benda, manfaat atau hak.<sup>26</sup>

Jumhur ulama berpendapat bahawa manfaat dikira sebagai *amwal* selagi sumber manfaat itu ialah benda yang boleh disimpan dan dimiliki sungguhpun tiada seorang pun yang membelanjakan wang untuk memilikinya. Ini kerana mereka melihat sesuatu objek adalah bernilai disebabkan manfaat yang ada padanya bukan disebabkan objek itu sendiri.<sup>27</sup> Begitu juga mereka beranggapan bahawa kegunaan sesuatu objek menyebabkannya berharga.<sup>28</sup> Sebagai contoh, sebuah rumah dan

kereta adalah bernilai bagi kita kerana manfaat yang terdapat padanya. Disebabkan ini, manfaat dibenarkan untuk dijadikan bayaran sewa (*ujrah*) kepada penyewa di bawah konsep sewa (*ijarah*).<sup>29</sup>

Penulis berasa pendapat jumur ulama dan ulama baharu 'contemporary jurist' daripada mazhab Hanafi meluaskan skop pengertian *amwal* untuk disesuaikan dengan benda-benda baharu yang tidak pernah diketahui sebelum ini lebih-lebih lagi pada era globalisasi kini. Sebagai contoh, hak intelek dan hak untuk mencipta sesuatu yang tidak pernah dibincangkan oleh ulama-ulama fiqah terdahulu dikira sebagai *amwal* selagi ia boleh ditukarkan dengan wang.<sup>30</sup> Oleh itu, manfaat ialah *amwal* dan sangat praktikal dijadikan bayaran *istisna'* dalam akad BOT.

### **Isu ketiga:**

Jika manfaat dapat dijadikan sebagai bayaran dalam transaksi BOT: Bagaimana seseorang itu dapat memastikan yang manfaat itu mempunyai jumlah yang sama dengan kos pembinaan? Ini ialah isu ketiga yang dikenal pasti. Jumlah pulangan, hasil daripada penggunaan manfaat tidak dapat dipastikan sama ada akan menjadi lebih atau kurang daripada jumlah kos pembinaan. Hal ini akan menyebabkan tidak jelas (*gharar*) dan ketidakadilan dalam berakad yang boleh menyebabkan akad itu menjadi tidak sah.

Seperti yang telah diketahui, syarikat pemaju memiliki hak untuk membina dan menguruskan projek dalam tempoh tertentu. Jika jumlah pulangan yang didapati hasil daripada penggunaan manfaat melebihi jumlah kos pembinaan, ia dikira sebagai keuntungan untuk syarikat pemaju. Lebihan itu juga dikira sebagai upah kepada pemaju atas usahanya mengoperasikan projek tersebut. Untuk mengelakkan ketidakadilan dalam berakad, tempoh masa menggunakan manfaat projek telah dipersetujui semasa akad ditandatangani. Jadi, lebihan atau kekurangan pulangan dalam tempoh masa itu bergantung kepada usaha syarikat pemaju.

### **Isu keempat:**

Dalam menggunakan akad BOT, syarikat pemaju yang bertanggungjawab membina dan menguruskan projek akan menerima sumber pendapatan



daripada bayaran yang dikenakan kepada pengguna yang menerima servis daripada projek tersebut. Isunya ialah, jumlah bayaran yang akan didapati daripada pengguna tidak dapat dijangka dan diketahui semasa akad dilakukan.<sup>31</sup> Keadaan ini akan menyebabkan kesamaran dalam berakad.

Untuk mengatasi kesamaran ini, perlu dijelaskan bahawa bayaran yang disebut dalam akad di bawah konsep *istisna'* bukan berupa jumlah bayaran yang diberikan oleh pengguna tetapi hak menggunakan manfaat tersebut untuk tempoh masa tertentu. Penggunaan manfaat tidak boleh dikaitkan dengan sumber pendapatan yang akan didapati daripada pengguna. Keadaan ini dapat difahami dengan contoh ini. Seorang lelaki membeli kompleks perumahan untuk disewakan kepada pengguna. Semasa menandatangani akad jual beli, dia tidak mengetahui berapa ramai orang yang akan menyewa daripadanya dan sekali gus tidak dapat menganggarkan jumlah pulangan yang akan diterima daripada penyewa-penyewa. Isu *gharar* tidak timbul kerana objek yang dibeli (*mahal aqad*) ialah manfaat kompleks sahaja dan tiada kena-mengena dengan pendapatan yang akan diterima kelak.

### **Isu kelima:**

Kebiasaannya, projek yang dibangunkan mengikut konsep BOT memerlukan jumlah wang yang besar untuk membiayai kesemua kos berkaitan pembinaan. Seseengah syarikat pemaju membuat pinjaman daripada institusi kewangan yang mengamalkan riba untuk menampung kos pembinaan. Pinjaman sebegini tidak dibenarkan oleh Islam lebih-lebih lagi pembangunan itu bertujuan memajukan harta wakaf.

Dalam masalah ini, syarikat pemaju boleh menggunakan kaedah-kaedah kewangan Islam seperti *musharakah*, *murabahah*, *ijarah*, dan sebagainya yang mengikut lunas-lunas syariah. Dalam pembangunan harta wakaf yang dilakukan oleh MAIWP, masalah ini mungkin tidak berlaku kerana syarikat pemaju yang akan memajukan projek tersebut ialah LTH yang mampu membiayai semua kos pembinaan mengikut lunas-lunas yang ditetapkan oleh Islam.

Selain itu, sumber kewangan dapat diperolehi dengan cara *musharakah bi tariq al-tawriq* 'securitization'. Kaedah ini membenarkan

syarikat pemaju mengeluarkan bon secara Islam (*sukuk*)<sup>32</sup> untuk mendapatkan wang daripada syarikat-syarikat lain.<sup>33</sup> *Sukuk* membenarkan semua syarikat, yang menyumbang derma kepada syarikat pemaju bersama-sama membina dan menguruskan projek. Semua syarikat akan memperoleh saham daripada jumlah pendapatan yang diberikan oleh para pengguna. *Sukuk* boleh dikeluarkan sebelum atau selepas pembinaan projek dilakukan.

### **Isu keenam:**

Sesetengah pendapat mengatakan bahawa akad BOT menyerupai *bay' al-'inah* iaitu satu bentuk transaksi di mana penjual menjual asetnya kepada pembeli dengan harga yang telah dipersetujui dan bayaran akan dibuat secara ansuran. Selepas itu, pembeli akan menjual semula aset tersebut kepada penjual yang asal dan akan menerima bayaran tunai tetapi lebih rendah daripada harga belian pada peringkat pertama jualan. Menurut jumbuh ulama (Maliki, Hambali, dan Hanafi), *bay' al-'inah* tidak dibenarkan dalam Islam kerana ia merupakan cara untuk menghalalkan amalan riba.<sup>34</sup>

Walau bagaimanapun, penulis berpandangan bahawa BOT tidak mengandungi unsur *bay' al-'inah* berdasarkan hujah seperti yang berikut. Pertama, BOT bukanlah satu bentuk jual beli di mana penjual menjual aset kepada pembeli. Tambahan pula, di bawah konsep BOT, aset yang menjadi *mahal aqad* 'subject matter' belum wujud sama sekali. Dalam situasi ini, BOT mempunyai persamaan dengan *istisna'* di mana pihak yang menawarkan servis perlu menyediakan permintaan pelanggan mengikut ciri-ciri yang telah diminta oleh pelanggan tersebut. Kedua, akad BOT tidak melibatkan akad jual dan beli sebanyak dua kali atas barang yang sama sebagaimana yang terdapat dalam *bay' al-'inah* kerana pemindahan balik kepada pemilik asal bukan melalui akad jual beli. Ketiga, tujuan BOT adalah untuk mendapatkan sokongan dari segi kewangan untuk membiayai kos pembinaan projek dan mengurangkan beban tanggungan sesebuah organisasi. Sebagai balasan, penyumbang kewangan atau syarikat pemaju akan mendapat keuntungan. *Bay' al-'inah* menggunakan aset untuk mewujudkan pertukaran wang secara tidak adil. Tujuan asal *bay' al-'inah* bukan untuk mendapatkan aset

tetapi wang tunai semata-mata. Dengan erti kata lain, pihak yang terlibat dalam *bay' al-'inah* iaitu pembeli tidak ingin memiliki aset yang dijual tetapi inginkan wang tunai.

Sungguhpun pada akhir kedua-dua transaksi BOT dan *bay' al-'inah*, aset akan dikembalikan kepada pemilik asalnya, akad yang diaplikasi oleh kedua-duanya adalah berbeza. Ini kerana, BOT tidak melibatkan jual beli tetapi melibatkan sewa (*ijarah*) yang masih mengekalkan hak milik aset kepada pemilik asal manakala *bay' al-'inah* melibatkan pemindahan hak milik aset kepada pihak kedua dan kemudiannya aset dijual semula kepada pihak pertama dengan harga yang lebih rendah.<sup>35</sup> Pihak pertama tidak boleh mensyaratkan pihak kedua atau pembeli menjual semula aset kepadanya dengan harga yang rendah. Ini kerana aset tersebut bukan lagi menjadi hak miliknya yang sah. Situasi sebegini dilarang kerana ia akan membenarkan riba diamalkan dalam transaksi.

### **Isu ketujuh:**

Selain *bay' al-'inah*, sesetengah pendapat mengatakan bahawa BOT menyerupai *bay' al-wafa'* kerana dalam akad BOT syarikat pemaju tidak dibenarkan menjual projek atau bangunan yang dibina kepada pihak lain. Dalam *bay' al-wafa'*, pihak yang memerlukan wang akan menjual aset kepada pembeli dan berjanji akan menebus semula aset yang telah dijual dengan harga yang sama aset itu dijual. Pembeli aset tersebut tidak mempunyai hak untuk menjualnya kepada pihak lain sungguhpun aset tersebut telah menjadi hak miliknya. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali berkata *bay' al-wafa'* ini seumpama hutang (*qard*) berserta gadaian (*rahn*).<sup>36</sup> Semua penjual aset di bawah *bay' al-wafa'* mempunyai hak untuk menebus semula aset dengan harga tertentu. Ia dinamakan *wafa'* kerana ia merupakan janji untuk mengembalikan semula aset yang telah dijual kepada pemilik pertama.

Ulama daripada mazhab Maliki, Hambali tidak membenarkan *bay' al-wafa'*.<sup>37</sup> Bagaimanapun, sebahagian ulama fiqh daripada mazhab Hanafi dan Syafii membenarkannya untuk mengelakkan riba. Ini akan memudahkan individu yang memerlukan wang untuk mendapatkannya tanpa melibatkan diri dalam amalan riba.<sup>38</sup> Atas alasan ini, ulama fiqh daripada mazhab Syafii menganggap *bay' al-wafa'* sebagai gadaian dan

janji untuk menebus semula aset (*rahn al-mu'ad*).<sup>39</sup> Baru-baru ini *Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami* telah memutuskan bahawa *bay' al-wafa'* tidak sah kerana ia merupakan satu helah untuk membenarkan riba.<sup>40</sup>

BOT tidak boleh disamakan dengan *bay' al-wafa'* kerana, pertama, BOT bukan merupakan akad jual beli barang yang sudah ada tetapi melibatkan akad *istisna'*. Kedua, aset dalam akad BOT iaitu bangunan yang dibangunkan tidak dijual kepada syarikat pemaju. Ini kerana bangunan tersebut hanya disewakan di bawah konsep *ijarah* di mana ia akan dipulangkan semula kepada penyewa selepas tempoh tertentu dengan bayaran tertentu. Disebabkan ia menggunakan konsep *ijarah*, syarikat pemaju tidak boleh menjual bangunan kepada pihak lain. Ia mesti dipulangkan (dalam keadaan apa sekalipun) kepada pemiliknya setelah tamat tempoh.

Selain itu, BOT tidak boleh disamakan dengan *bay' al-wafa'* kerana ciri-cirinya tidak sejajar dengan akad BOT. Ciri-ciri tersebut adalah seperti yang berikut:

- a. Penjual dan pembeli dalam *bay' al-wafa'* boleh membatalkan akad pada bila-bila masa sahaja tidak seperti akad BOT. Di bawah akad BOT, pembatalan akad tidak boleh dilakukan sesuka hati kerana ini akan menyebabkan beban kepada kedua-dua pihak. Dalam akad BOT jarang sekali pembatalan berlaku disebabkan syarikat pemaju kerana ia menanggung segala kos pembinaan yang sangat besar. Jadi, syarikat pemaju akan berusaha menyiapkan bangunan untuk menebus semula kos pembinaannya. Jika pembatalan disebabkan oleh pemilik bangunan, maka ia harus membayar ganti rugi kepada syarikat pemaju yang telah mengeluarkan modal dengan banyak untuk membina bangunan.<sup>41</sup> Untuk mengelakkan beban sebegini, kedua-dua pihak akan memastikan pembatalan akad tidak berlaku.
- b. Pembeli aset dalam *bay' al-wafa'* boleh menggunakan aset tersebut tanpa ada pengawasan daripada si penjual tetapi tidak boleh menjualnya kepada pihak lain. Di bawah konsep BOT, syarikat pemaju dibenarkan menggunakan bangunan yang dibina melalui akad *ijarah* untuk menebus kos pembinaan bangunan tersebut sebelum dipulangkan kepada pemilik asal atau penyewa. Dalam konsep *bay' al-inah* pembeli dibenarkan menggunakan aset yang

dibeli sehingga ditebus oleh penjual. Ini kerana ia dianggap sebagai cagaran sehingga hutang dibayar sepenuhnya.<sup>42</sup> Ini tidak dibenarkan sama sekali kerana ia seolah-olah hutang dan dalam masa yang sama si pemiutang dapat mengambil manfaat daripada hutangnya. Situasi sebegini membawa kepada ketidakadilan dan penyerupaan pinjaman riba.

- c. *Bay' al-wafa'* ada mengandungi unsur gadaian di mana seolah-olah barang yang dijual itu digadai untuk mendapatkan kecairan wang, kemudian akan ditebus balik. Ini tidak berlaku dalam BOT.

### **Isu kelapan:**

Dalam aplikasi BOT, pihak pertama akan memberi hak untuk memiliki manfaat kepada syarikat pemaju selepas sahaja projek atau bangunan siap dibina. Adakah pemberian hak milik manfaat 'beneficial ownership' diiktiraf oleh Syariah?

Dalam Islam hak milik dibahagikan kepada dua iaitu hak milik penuh (*milkiyyah tam*) dan hak milik tidak penuh (*milkiyyah naqisah*). Individu yang mempunyai hak milik penuh terhadap sesuatu aset, dibenarkan untuk memindahkan hak milik aset tersebut kepada pihak lain melalui konsep jual beli (*bay'*), hibah, derma, dan sebagainya. Selain itu, dia juga berhak untuk memberikan penggunaan manfaat aset tersebut kepada sesiapa sahaja melalui konsep *ijarah*, pinjaman dan sebagainya. Individu yang mempunyai hak milik tidak penuh tidak dibenarkan untuk memindahkan hak milik aset kepada sesiapa sahaja yang dikehendakinya. Ini kerana aset bukan milik sepenuhnya. Bagaimanapun, mereka mempunyai hak untuk memiliki manfaat sahaja, bukan memiliki aset tersebut. Aset di bawah hak milik tidak penuh tidak boleh dijual, diberi sebagai wakaf kerana praktis-praktis tersebut akan menyebabkan pemindahan hak milik.<sup>43</sup>

Daripada diskusi di atas, jelaslah bahawa syariah mengiktiraf hak milik manfaat dan antara transaksi yang menggunakan kaedah memiliki manfaat ialah *ijarah*, *i'arah*, dan *wasiyyah bi al-manfa'ah*. Dalam memajukan harta wakaf, pengurus wakaf (nazir) tidak dibenarkan untuk memindahkan hak milik harta wakaf kepada pihak lain kerana pemillik harta wakaf ialah Allah SWT.<sup>44</sup>

### **Isu kesembilan:**

Bagaimanakah status pembinaan bangunan sekiranya ia tidak disiapkan sepenuhnya oleh syarikat pemaju?

Pembangunan yang tergendala ialah milik tuan tanah dan bukan syarikat pemaju. Hukum Kanun Tanah menyatakan bahawa apa-apa sahaja yang dibina di atas tanah tersebut ialah hak milik pemilik tanah. Dalam kes ini bangunan yang tidak siap, selalunya disebabkan oleh bencana alam dan pembatalan daripada pihak pertama bukan pihak kedua (syarikat pemaju). Ini kerana pihak kedua (syarikat pemaju) menanggung semua kos pembinaan dan sekiranya berlaku pembatalan akad, ia akan menanggung beban yang sangat besar.<sup>45</sup> Jika pembatalan akad disebabkan bencana alam, kedua-dua pihak akan menandatangani akad baharu sama ada ingin meneruskan pembinaan atau membatalkannya terus. Selalunya ia memerlukan persetujuan bersama untuk sampai kepada keputusan yang baik. Walau bagaimanapun, jikalau pembatalan akad disebabkan pihak pertama, ia harus membayar ganti rugi kepada syarikat pemaju.

### **Isu kesepuluh:**

Akad BOT merupakan gabungan dua akad iaitu *istisna'* dan *ijarah*. Di bawah akad BOT, syarikat pemaju akan membina bangunan mengikut bentuk, ciri-ciri, dan pelan yang disukai oleh pihak pertama. Persoalannya: Adakah gabungan akad diterima oleh Islam?

Gabungan akad merupakan satu proses yang melibatkan dua atau lebih pihak dan melibatkan lebih daripada satu akad. Gabungan akad dibenarkan dalam Islam selagi tidak melibatkan elemen-elemen yang membawa kepada pengharamannya. Walau bagaimanapun terdapat beberapa peraturan yang ditetapkan oleh Syariah untuk memastikan aplikasinya mengikut lunas-lunas Islam:

- a. Semua perkara yang ditegah oleh Syariah tidak boleh ada dalam gabungan akad. Sebagai contoh, menggabungkan akad *i'arah* dan akad *bay'*. Nabi Muhammad SAW telah mengharamkan sesiapa sahaja yang membenarkan saudaranya meminjam aset dan sekali gus mensyaratkan kepada peminjam supaya membelinya.

- b. Konsep gabungan akad mestilah tidak digunakan sebagai cara untuk melakukan riba secara halus sebagaimana dalam *bay' al-inah* dan *bay' al-wafa'*.
- c. Gabungan akad tidak boleh dijadikan pengecualian untuk melakukan riba contohnya, kedua-dua pihak memutuskan akad pinjam (*i'arah*), tetapi pada masa yang sama bayaran dikenakan pada peminjam ataupun mensyaratkan peminjam supaya memberi sesuatu kepada pemberi pinjaman sama ada dalam bentuk wang ringgit, kereta, dan sebagainya. *Fuqaha* bersependapat bahawa syarat yang menetapkan pulangan kepada pemberi hutang adalah tidak sah kerana ia adalah seperti riba.
- d. Gabungan akad mestilah bebas daripada elemen-elemen yang bertentangan dengan tujuan sebenar akad. Sebagai contoh, memberi seseorang hadiah tetapi meminta menjualnya semula kepada pemberi atau menggabungkan akad *mudarabah* dengan akad hutang dengan meminjamkan jumlah yang sama (modal) kepada *mudarib*. Gabungan sebegini dilarang kerana bertentangan dengan tujuan ataupun *maksad* sebenar akad.

Daripada perbincangan di atas, tujuan akad BOT tidak bertentangan dengan objektif Syariah iaitu memelihara harta wakaf. BOT yang dilaksanakan menggabungkan *istisna'* dan *ijarah*. Ia mestilah bersih daripada unsur-unsur *gharar*, *maisir* dan *riba*. Tetapi perlu diingat pemeteraian kedua-dua akad mestilah berlaku secara berasingan. Dengan kata lain perlu diwujudkan dua kontrak *istisna'* dan *ijarah* secara berasingan untuk mengelakkan *shubhah* gabungan dua kontrak dalam satu dan juga supaya salah satu akad tidak menjadi syarat kepada akad yang lain.

### **Isu kesebelas:**

Kos penangguhan pembinaan bangunan disebabkan 'force majeure' dapat diatasi dengan langkah mengambil insurans ataupun ditanggung sendiri oleh syarikat pemaju. Kebanyakan ulama kontemporeri berpendapat bahawa akad takaful, walaupun mengandungi elemen *gharar*,<sup>51</sup> boleh dimaafkan kerana ia berteraskan *tabarru'* bukannya *mu'awadah*. Dalam insurans konvensional, unsur-unsur *gharar* wujud dan selalunya

berkaitan *mahal* akad (subjek yang dibeli dalam akad), kuantiti bayaran premium, dan jumlah pulangan yang akan didapati oleh para peserta. Dalam insurans konvensional, pertukaran jual beli adalah antara premium dengan perlindungan terhadap mala petaka yang tidak ada kepastian tentang kebarangkalian akan berlaku. Dengan itu, sebagai alternatif kepada insurans konvensional, skim takaful (insurans Islam) mestilah digunakan.

### **Isu kedua belas:**

Dalam aplikasi BOT oleh MAIWP, terdapat syarat-syarat yang dikenakan dalam akad tersebut sebagai contoh syarat supaya pemaju projek memulangkan semula projek atau tanah kepada pemiliknya dan tidak boleh dijual atau diberikan kepada pihak lain. Menurut mazhab Hanafi kebebasan menetapkan syarat dalam berakad adalah terhad kerana pada pendapat ini kesan akad telah ditetapkan oleh undang-undang dalam bermuamalah. Sebagai contoh kesan akad jual beli yang telah ditetapkan adalah apabila berlaku pemindahan hak milik barang daripada penjual kepada pembeli. Jadi tidak ada ruang bagi sesiapa yang terlibat dalam akad untuk menetapkan syarat-syarat lain.

Sekiranya syarat-syarat yang dikenakan dalam akad memberi keuntungan kepada salah satu pihak, menurut pandangan mazhab Hanafi akad ini adalah tidak sah dan terbatal. Mazhab Syafii berkongsi pendapat dengan mazhab Hanafi dalam syarat-syarat sah yang boleh dikenakan semasa berakad. Menurutnya, akad akan menjadi tidak sah sekiranya syarat yang dikenakan bertentangan dengan kesan yang telah ditetapkan oleh undang-undang bermuamalah. Sebagai contoh apabila penjual mensyaratkan pembeli tidak boleh menjual kepada orang lain atau memberi barang yang dibeli sebagai hadiah, syarat tersebut tidak diterima dan akad adalah terbatal. Pendapat ini ialah pendapat yang juga diterima pakai oleh mazhab Maliki.

Tidak seperti mazhab-mazhab yang lain, mazhab Hambali tidak menghadkan kebebasan dalam menetapkan syarat semasa berakad malah mazhab ini menjadikan penetapan syarat sebagai satu peraturan 'rule' dalam berakad. Namun syarat-syarat ini tidak sah dikenakan apabila ia membawa kesan yang bertentangan dengan kesan akad yang sebenar



ataupun sekiranya syarat itu sendiri ditegah oleh Islam. Pandangan mazhab Hambali disokong oleh Ibn Taimiyah yang mengatakan bahawa penetapan syarat oleh pihak-pihak yang berakad untuk memastikan kelancarannya merupakan peraturan asas dalam perundangan Islam.<sup>52</sup>

Ibn Quddamah pula mengakui kebebasan menetapkan syarat semasa berakad selagi ia tidak melanggar ketentuan prinsip-prinsip Syariah. Sekiranya syarat yang dikenakan tidak melanggar peraturan akad tetapi dikenakan untuk memberi keuntungan kepada salah satu pihak maka akad tetap tidak diterima. Menurut Ibn Quddamah lagi untuk menetapkan syarat dalam berakad beberapa perkara harus diberi perhatian. Syarat hendaklah dibuat dengan kerelaan kedua-dua belah pihak sambil memelihara hak pihak-pihak yang berakad dan bukannya menurut kehendak satu pihak tanpa menghiraukan hak pihak lain.<sup>53</sup>

Akad BOT dilakukan berdasarkan akad *ijarah* 'leasing' apabila pihak pemaju yang berkontrak dengan MAIWP harus memulangkan semula projek dan tanah yang disewa. Ini ialah ketentuan akad sewa yang harus dipatuhi oleh pihak pemaju kerana pertukaran hak milik tidak berlaku dalam akad sewa tetapi berlaku pada akad jual beli. Selain itu, akad BOT mensyaratkan pihak pemaju menguruskan projek yang dibina pada tempoh tertentu untuk menampung semula kos pembinaan dan menerima keuntungan manakala pemilik sebenar tanah akan menerima projek dan tanah pada akhir tempoh operasi selain menerima bayaran sewa. Sungguhpun menurut pendapat mazhab Hambali, di sana ada kelonggaran dalam menetapkan syarat perjanjian, disarankan supaya dipastikan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam kontrak BOT mestilah selari dengan tuntutan Syarak.

## **PENUTUP**

Akad BOT sesuai digunakan dalam membangunkan harta wakaf dan ia merupakan skim yang tidak bertentangan dengan Syariah. Akad BOT dapat dijadikan sebagai alternatif bagi menyelesaikan masalah kekurangan sumber kewangan dalam memajukan harta wakaf. Ia juga boleh dijadikan sebagai kaedah baharu kepada institusi wakaf untuk meneruskan manfaat harta wakaf dan menjana pendapatan untuk memajukan harta wakaf yang lain demi menjaga kemaslahatan umum.

Melalui skim ini, syarikat pemaju akan berusaha memajukan tanah wakaf dengan membina projek yang diminta oleh institusi wakaf. Kesannya, beban institusi wakaf dalam membiayai kos pembangunan dapat dikurangkan dan skil yang efisien semasa menguruskan projek dapat diaplikasikan oleh institusi wakaf apabila projek dipulangkan semula kepadanya. Gabungan akad *istisna'* dan *ijarah* dalam BOT membuktikan sah dipraktikkan kerana penggunaan kedua-dua akad telah pun dipersetujui oleh ulama fiqh kontemporari di persidangan *Majma Fiqhi* di Dubai 2009 dengan meletakkan syarat-syarat dan garis panduan tertentu. Isu-isu Syariah dan garis panduan tersebut perlu diberi perhatian untuk memastikan akad BOT yang dilaksanakan betul-betul mengikut lunas-lunas Syariah. Pemantauan Syariah oleh pihak berwajib sangat penting untuk memastikan ia patuh Syariah demi menjaga kepentingan harta wakaf, pendapatan yang halal kepada pelabur dan juga untuk mendapatkan keberkatan daripada Allah SWT.

## **NOTA HUJUNG**

### ***(Endnotes)***

- 1 Al-Darimi, 'Abdullah Abdul Rahman, 1986, *Sunan al-Darimi*, Beirut, Dar al-Kitab al-'Arabi, hlm. 148.
- 2 Temu ramah bersama En. Hanif bin Hj Salim pada 2 April 2010. Beliau merupakan Penolong Pengurus, Unit Pembangunan Hartanah, MAIWP, Kuala Lumpur.
- 3 Bukhait, Ahmad, 2009, *Tatbiq 'aqd al-bina wa al-tasyghil wa al-i'adah (BOT) fi ta'mir al-awqaf wa al-marafiq al-'ammah*, kertas kerja persidangan Majma' Fiqhi al-Duwali al-Islami, United Arab Emirates, hlm.14.
- 4 Al-Bahji, 'Isom Ahmad, 2008, *'Uqud al-BOT al-tariq li binamarafiq al-daulah al-hadithah*, al-Azaritoh, Dar al-Jami'ah al-Jadidah, hlm.13.
- 5 Bukhit, Ahmad, hlm. 14.
- 6 Shalbi, Muhammad Mustafā, 1985, *al-Madkhal fi al-ta'rif bi al-fiqh al-Islami wa qawa'id al-milkiyah wa al-'uqud fih*, Bayrut, Dar al-Nahdah, hlm. 564.
- 7 Sarkhasi, Muhammad bin Ahmad, 1986, *Kitab al-Mabsūt*, Bayrūt, Dar al-Ma'rifah, hlm. 91.
- 8 Ibn al Qayyim, Shamsuddin Abu Abdullah Muhammad, 1955, *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabbi al-alam*, ed. 1, tahqiq Muhamad Muhyiddin abd Hamid, Mesir, Maktabah Tijariah Kubra, hlm. 344.
- 9 Al-Zuhaili, Wahbah, 2004, *Usul al-Fiqh al-Islami*, Beirut, Dar al-Fikir, hlm. 756.
- 10 Umar, Muhammad Abduh, 2009, *Tatbiq nizam al-bina wa al-tamlik BOT fi ta'mir al-wakaf*, *kertas kerja persidangan Majma' Fiqhi al-Duwali al-Islami*, United Arab Emirates, hlm. 35.
- 11 Ijarah dalam konteks pembangunan harta wakaf menurut Monzer Khaf ialah sejenis akad transaksi apabila pengurus harta wakaf (nazir) memberi permit kepada mana-mana institusi kewangan yang dipercayai untuk menjalankan projek pembangunan di atas tanah wakaf tertentu dan untuk tempoh tertentu dengan pembiayaan sendiri. Setelah projek pembangunan selesai, institusi wakaf akan menyewa bangunan tersebut untuk tempoh yang telah dipersetujui sehingga kos pembiayaan projek langσαι. Pada pengakhiran kontrak, bangunan dan tanah wakaf dikembalikan kepada institusi wakaf. Monzer Kahf, *Financing the Development of Awqaf*

- Property, *Kertas Pembentangan, Seminar tentang Pembangunan Harta Wakaf*, IRTI, Kuala Lumpur, hlm. 24.
- 12 Kontrak istisna' dalam konteks pembangunan harta wakaf merujuk kepada permintaan pengurus harta wakaf (nazir) terhadap mana-mana institusi kewangan untuk membiaya pembinaan pembangunan di atas tanah wakaf tertentu. Pembayaran akan dibuat secara beransur-ansur selepas projek pembangunan selesai. Islamic Economic, Al-balagh, <http://www.albalagh.neta>.
  - 13 Hukr ialah satu kaedah yang telah digunakan dalam pembangunan harta wakaf. Hukr merupakan akad berupa sewa tetapi melibatkan tempoh masa yang panjang. Institusi tertentu akan menyewa tanah wakaf daripada pihak pengurusan harta wakaf untuk tempoh masa yang lama bagi tujuan pembangunan. Bayaran atas sewaan tanah akan diberikan kepada pihak pengurusan wakaf beransur-ansur sehingga tamat tempoh sewaan.
  - 14 So'ud, Khalid, 2009, *Tatbiq nizam al-bina' wa al-tashghil wa al-'iadah fi ta'mir al-awqaf wa al-marafiq al-ammah*, kertas kerja persidangan Majma' Fiqhi al-Duwali al-Islami, United Arab Emirates, hlm. 27.
  - 15 Mohd Hanif bin Salim yang ditemu ramah oleh Saidatolakma Mohd Yunus, (Tingkat 7, Bangunan PERKIM, No. 150, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, 2 April 2010).
  - 16 Ibid.
  - 17 Islamic Finance: A Practical Guide, 2008, diedit oleh Rahail Ali, Globe Business Publishing Ltd, hlm. 22.
  - 18 *Wakala* ialah satu konsep agensi apabila seseorang mewakilkan seseorang yang lain untuk melakukan sesuatu pekerjaan dan diberikan ganjaran atas pekerjaan yang telah dilakukan.
  - 19 Rahail Ali, 2008, *Islamic Finance: A Practical Guide*, Globe Business Publishing Ltd. hlm. 73.
  - 20 Mohd Hanif bin Salim, yang ditemu ramah oleh Saidatolakma Mohd Yunus, (Tingkat 7, Bangunan PERKIM, No. 150, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, 2 April 2010). Beliau ialah Penolong Pengurus, Unit Pembangunan Hartanah, MAIWP, KL.
  - 21 Solah, Hani, 2001, *al-Tanzim al-qanuni wa al-ta'quidi li mashru'at al-banniah al-asiyah al-mamulah 'an toriq al-khas*, ed. 1, Dar al-Nahdah al-'Arabiyah, hlm. 187.

- 23 Mohd Hanif bin Salim, ditemuramah oleh Saidatolakma Mohd Yunus, (Tingkat 7, Bangunan PERKIM, No. 150, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur, 2 April 2010)
- 24 Al-Usmani, Muhd Taqi, 2009, 'Uqud al-bina' wa al-tashghil wa naql al-milkiah min an nahiah al-Shariah, kertas kerja persidangan Majma' Fiqhi al-Duwali al-Islami, United Arab Emirates, hlm. 9.
- 25 Mansuri, Mohd Tahir, 2007, *Islamic Law of Contracts and Business Transaction*, New Delhi, Adam Publishers and Distributers, hlm. 210.
- 26 Husayn, Ahmad Farāj, 1986, *Al-milkiah wa nazariyyat al-'aqd fi al-Shari'ah al-Islamiyyah*, Iskandariyyah, Dar al-Jāma'iyyah, 1986, hlm. 13.
- 27 Ibid, hlm. 12.
- 28 Al-Zuhaili, Wahbah, 1989, *al-Fiqh al-Islami wa adilatuhu*, ed. 5, Dimashq, Dar al-Fikr, hlm. 493.
- 29 Ahmad, Ahmad Muhyiddin, 2009, Tatbiq nizom al-bina' al-tamlik (BOT) fi ta'mir al-awqaf wa al-marafiq al-'ammah, *kertas kerja persidangan Majma' al-Fiqhi al-Duwali al-Islami*, United Arab Emirates, hlm. 13.
- 30 Al-Husayn, Ahmad Farāj, hlm. 13.
- 31 Al-Usmani, Muhd Taqi, hlm. 10.
- 32 Sukuk mengikut definisi Accounting and Auditing Organization For Islamic Financial Institutions (AAOIFI) merupakan perakuan yang mempunyai nilai sepadan yang mewakili perkongsian pemilikan ke atas aset ketara dan perkhidmatan atau pemilikan ke atas aset bagi sesuatu projek atau pelaburan khas. Rujuk kepada Suruhanjaya sekuriti (2009), *The Islamic Securities (sukuk) Market*, Malaysia, p.9. Secara prinsipnya, sukuk mengaplikasikan konsep tanpa faedah melalui transaksi pendasar terhadap jumlah tertentu aset yang menjadi asas penerbitan sukuk dan wujud perjanjian dengan pihak tertentu berdasarkan prinsip Syariah yang bebas riba, maysir dan gharar.
- 33 Al-Usmani, Muhd Taqi, hlm. 14.
- 34 Abd Razak, Abd Mutalib, 2007, *'Uqud al-muamalat al-maliah wa tatbiqatiha al-mu'asarah fi al-Fiqh al-Islami*, al-Iskandariah, Dar al-Fikr al-Jami'ie, hlm. 75
- 35 Ibid, hlm. 81.
- 36 Ibid, hlm. 149.

- 37 Buang, Ahmad Hidayat, 2000, *Studies in the Islamic Law of Contracts: The Prohibition of Gharar*, Malaysia, Kuala Lumpur, hlm. 153.
- 38 Ibid, hlm.154.
- 39 Ibid.
- 40 Engku Ali, Engku Rabbiah, 2006, Bay' al-inah and Tawarruq: Mechanisms and Solutions, in *Bay' al-inah dan Tawarruq: Isu-isu dan Penyelesaiannya dalam Konteks Kewangan Islam*, Muzakarah Cendiakawan Syariah Nusantara, hlm. 146.
- 41 Al-Bahji, 'Isom Ahmad, hlm. 237.
- 42 Niazi, Liaquat, t.t, *Islamic Law of Contract*, Lahore, Research Cell, Dyal Sing Trust Library, hlm. 220.
- 43 Al-Husayn, Ahmad Farāj, hlm. 80.
- 44 Umar, Muhammad Abduh, hlm. 3.
- 45 Al-Bahji, 'Isom Ahmad, hlm. 237-238.
- 46 Ibid, hlm. 234.
- 47 *Shari'a Standards AAOIFI*, hlm. 451.
- 48 Ibid. Mansuri, Muhammad Tahir, 2007, *Islamic Law of Contracts and Business Transaction*, New Delhi, Adam Publisher and Distributors, hlm. 236.
- 49 Al-Tarmidhi, Muhammad bin Isa, *al-Jami' al-sabih*, Beirut, Dar Ihya al-Turath al-'Arabi, hlm. 526.
- 50 *Shari'a Standards*, hlm. 452.
- 51 Ibid, hlm. 115.
- 52 Ibid, hlm. 72.
- 53 Ibid, hlm. 74.

## RUJUKAN

- Abu Sulaiman, Abd al-Wahhab. 2009. Aqd al-bina' wa al-tashghil. *Kertas kerja Persidangan Majma' al-Fiqhi al-Duwali*. United Arab Emirates. 19 April.
- Al-Amine, Muhammad al-Bashir. 2006. *Istisna' (Manufacturing contract) In Islamic Banking and Finance Law and Practice*. Kuala Lumpur: A.S NOORDEEN.
- Al-Bahji, 'Isom Ahmad. 2008. *'Uqud al BOT al-Toriq li Bina Marafiq al-Daulah al-Hadithah*. Dar al-Jami'ah al-Jadidah.
- An interview with Mohd Hanif bin Hj Salim, Assistant Manager of Property Development Unit, Federal Territory Islamic Religious Council (MAIWP). Kuala Lumpur.
- Al-Bukhit, Ahmad. 2009. Tatbiq 'aqd al-bina' wa al-tashghil wa al-i'adah (BOT) fi ta'mir al-awqaf wa al-marafiq al-'ammah. *Kertas kerja Persidangan Majma' al-Fiqhi al-Duwali*. United Arab Emirates. 19 April.
- Al-Darimi. 1986. 'Abd Allah bin 'Abd al Rahman *Sunan al Darimi*. Beirut: Dar al-Kitab al 'Arabi.
- Al-Husayn, Ahmad Faraj. 1986. *Al-Milkiah wa nazariyyah al-'aqd fi al-Shariah al-Islamiyyah*. Iskandariyyah: Dar al-Jami'iyyah.
- Ibn al-Qayyim, Shamsuddin Abu Abdullah Muhammad. 1955. *Ilam al-Muwaqqi'in 'an Rabbi al-alami*. Ed. 1. Tahqiq Muhamad Muhyiddin abd Hamid. Mesir. Maktabah Tijariah Kubra.
- Mohd Ma'sum, Billah. 2003. *Modern Financial Transactions Under Shariah*. Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.
- Monzer Kahf. 1998. Financing the Development of Awqaf Property, *Kertas kerja di Seminar berkenaan pembangunan harta waqf*. Kuala Lumpur: IRTI, 2-4 Mac.
- Rahail Ali, Islamic Finance: A Practical Guide. 2008. Globe Business Publishing Ltd.
- Al-Sa'ud, Khalid. 2009. Tatbiq 'aqd al-bina' wa al-tashghil wa al-i'adah BOT fi ta'mir al-marafiq al-'ammah wa al-awqaf. *Kertas kerja Persidangan Majma' al-Fiqhi al-Duwali*. United Arab Emirates, 19 April.
- Sahih Muslim, *Kitab al-Shurut*, Hadith No. 2876
- Al-Sarkhasi, Muhammad bin Ahmad. 1986. *Kitab al-Mabsut*. Bayrut. Dar al-Ma'rifah.

- Al-Shalbī, Muhammad Mustafā. 1985. *Al-Madkhal fī al-ta'rif bi al-fiqh al-Islamī wa qawa'id al-milkiyah wa al-'uqud fih*, Bayrut, Dar al-Nahdah.
- Shari'a Standards*. 2003. Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institution.
- Al-Solah, Hani. 2001. *Al-Tanzim al-qanuni wa al-ta'aqudi li mashru'at al-banniah al-asasiah al-mamulah 'an toriq al-khas*. ed. 1. Dar al-Nahdhah al-'Arabiah.
- Al-Tarmidhi, Muhammad bin Isa. t.t. *al-Jami' al-Sahih*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Umar, Muhammad Abduh. 2009. Tatbiq nizam al-bina wa al-tamlik BOT fi ta'mir al-waqf. *Kertas kerja Persidangan Majma' al-Fiqhi al-Duwali*. United Arab Emirates, 19 April.
- Al-USmani, Mohd Taqi. 2009. Uqud al-Bina' wa al-Tasyghil wa Naql al-Milkiah min an Nahiah al-Syar'iah. *Kertas kerja Persidangan Majma' al-Fiqhi al-Duwali*. United Arab Emirates, 19 April.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1989. *Al-Fiqh al-Islami wa adillatuh*. Ed. 5. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1995. *Fiqh dan Perundangan Islam*. Terjemahan Md. Akhir Yaacob. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 2004. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Fikr.



## **Membangunkan Aset Wakaf Menggunakan Prinsip Musyarakah**

**MD NURDIN NGADIMON**

### **Abstrak**

Terdapat salah faham di kalangan masyarakat Islam tentang cara yang efisien dalam usaha memajukan aset wakaf. Kertas ini memberi penjelasan tentang usaha membangunkan aset wakaf menggunakan prinsip musyarakah. Sejak prinsip ini diaplikasikan sebagai instrumen kewangan Islam secara moden dalam bentuk penerbitan sukuk, membangunkan aset wakaf boleh dilakukan dengan kaedah tersebut. Kelebihan menggunakan teknik kewangan Islam moden untuk membangunkan aset wakaf ialah ia dapat memberi kesan yang signifikan dalam meningkatkan kualiti aset dan dalam jangka masa panjang ia dapat memberi nilai tambah kepada benefisiari, masyarakat dan juga pengurus aset wakaf. Artikel ini berasaskan kajian perpustakaan, merujuk kepada karya klasik penulisan Islam dan juga penulisan-penulisan kontemporari berkaitan dengan wakaf. Kesimpulannya pembangunan aset wakaf dapat dilakukan dengan menggunakan alat kewangan Islam moden sebagaimana yang telah dimajukan dalam Pasaran Modal Islam.

### ***Abstrak***

*There is a misconception among the Muslim community in an efficient way to develop wakaf assets. This paper explores the*

*potential of developing wakaf assets using musyarakah principle, which has seen wide applications in contemporary Islamic finance, such as the issuance of sukuk. The use of modern Islamic financial instruments in financing wakaf assets has its advantages. Of significance is the enhancement of asset quality. In addition, we can also expect value added for the beneficiaries of the assets, as well as the asset managers and the public in general. This article is based on library research where classical literature is used as reference as well as contemporary research related to wakaf. In conclusion Islamic financial tools as introduced in Islamic Capital Market can be applied and used in developing wakaf assets in Malaysia.*



## **PENGENALAN**

Aset wakaf pada amnya terdapat dalam bentuk harta tetap, harta alih, dan bersifat cair.<sup>1</sup> Maksud membangunkan aset wakaf di sini adalah dari sudut pendekatan untuk meningkatkan kualiti aset supaya dapat memberi nilai tambah kepada benefisiari. Oleh sebab aset wakaf diurus oleh pemegang amanah, peningkatan kualiti aset juga akan memberi kelebihan kepada pihak pengurus. Mereka berhak mendapat fi pengurusan yang lebih tinggi kerana diberi amanah untuk menguruskan aset yang berkualiti dan bernilai tinggi. Pengguna kepada aset juga akan mendapat manfaat kerana mereka dapat menggunakan aset yang bermutu tinggi selaras dengan keperluan suasana dan bentuk penggunaan untuk perniagaan dan perkhidmatan yang mereka perlukan.

## **ISU DAN PERSOALAN PEMBANGUNAN ASET WAKAF**

Terdapat beberapa isu dan persoalan dalam usaha membangunkan aset wakaf. Artikel ini ditumpukan pada persoalan bagaimana hendak membangunkan aset wakaf menggunakan sukuk musyarakah. Kontrak musyarakah secara amnya ialah suatu kontrak perkongsian antara dua individu atau lebih untuk tujuan suatu pelaburan dan mendapatkan

keuntungan.<sup>2</sup> Mereka yang berkontrak adalah dengan berkongsi dalam memiliki projek musyarakah. Mereka juga berkongsi dari sudut perolehan keuntungan daripada projek yang dijalankan mengikut sebagaimana yang telah dipersetujui.

Dalam konteks harta wakaf, penggunaan manfaat kepada aset tersebut adalah untuk benefisiari sebagaimana yang telah digariskan oleh pewakaf.<sup>3</sup> Oleh sebab itu, timbul persoalan bagaimana prinsip musyarakah dapat diaplikasikan bagi memajukan aset wakaf sedangkan musyarakah mempunyai unsur perkongsian. Justeru, persoalan ini perlu dirungkai bagi menjustifikasi idea pembangunan aset wakaf menggunakan sukuk musyarakah.

Perlu difahami, memajukan dan menambahbaikkan aset wakaf bukan suatu kesalahan malah ia suatu yang dituntut oleh syarak. Ini memandangkan matlamat pewakaf mewakafkan sesuatu aset tetap adalah untuk membolehkan benefisiari berkekalan dapat memanfaatkan manfaat aset tersebut. Oleh sebab itu penyelenggaraan terhadap aset mestilah dilakukan secara berterusan supaya jangka hayat aset dapat bertahan. Siapakah yang perlu bertanggungjawab menanggung kos penyelenggaraan tersebut? Dalam konteks ini secara amnya berasaskan perbincangan para fuqaha dapat disimpulkan bahawa kos penyelenggaraan boleh ditanggung berasaskan pendapatan daripada aset wakaf itu sendiri.<sup>4</sup>

Mungkin timbul persoalan bagaimana aset tersebut boleh menghasilkan pendapatan sedangkan manfaat aset digunakan oleh benefisiari. Begitu juga jika benefisiari tidak menggunakan aset, tetapi hasil aset sepenuhnya disalurkan untuk faedah benefisiari, bagaimana boleh ada lebihan wang untuk membayar sebarang kos yang bersifat liabiliti. Isu-isu seperti ini memerlukan kefahaman yang betul dari sudut pengurusan harta wakaf yang lebih komprehensif, cekap, moden, dan telus. Ini kerana harta wakaf ialah harta amanah. Menjadi tanggungjawab pemegang amanah untuk meningkatkan kualiti harta wakaf tersebut supaya ia kekal berterusan buat selama-lamanya.

## **TANGGUNGJAWAB PEMEGANG AMANAH**

Secara tradisi, pemegang amanah hanya menyimpan amanah dan menyampaikannya kepada pihak tertentu tentang amanah yang telah dipesan berdasarkan wasiat. Pesanan akan disampaikan apabila pewasiat meninggal dunia. Tanggungjawab ini dilaksanakan secara sukarela dan amanah sahaja. Berasaskan prinsip pemegang amanah hanya bertanggungjawab terhadap Allah SWT semata-mata, justeru, tidak timbul unsur komersil atau profesional.

Begitu juga jika wasiat berkaitan dengan harta wakaf. Wasiat yang disampaikan disimpan oleh pemegang amanah sehingga tiba waktu pewasiat meninggal dunia; dia akan menyampaikan pesanan wasiat si mati kepada para waris. Oleh itu, kaedah pengurusan wasiat di sini dilihat berlaku secara tidak profesional dan seterusnya menyebabkan perkara yang berkaitan dengan urusan harta wakaf si mati juga tidak diuruskan secara sistematik dan profesional. Ia hanya berdasarkan pengetahuan yang dipindahkan turun-temurun secara lisan. Terdapat sesetengah kes berkaitan dengan harta wakaf yang tidak mempunyai rekod dari segi benefisiarinya seperti pelajar-pelajar agama sekolah tertentu. Tanpa ada rekod yang khusus dan boleh dipertanggungjawabkan kandungannya. Keadaan sedemikian boleh mengakibatkan berlaku penyelewengan dan penyalahgunaan harta wakaf. Sekali gus boleh menafikan hak pewakaf, pemilik asal sesuatu aset yang diwakafkan, dan juga benefisiari yang telah dinamakan oleh pewakaf. Keadaan ini juga menyebabkan sukar bagi pihak-pihak berkaitan untuk merujuk dan menyemak apabila timbul pertikaian kes ini yang dibawa ke mahkamah.

Bagi menangani isu ini, Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji telah mengambil inisiatif untuk mendaftar semua harta wakaf. Pendaftaran ini amat penting bagi membolehkan satu pangkalan data yang mempunyai kredibiliti berkaitan dengan harta wakaf dapat diwujudkan. Data ini akan mengklasifikasikan jenis-jenis harta wakaf dan benefisiarinya. Dengan adanya data ini ia memudahkan usaha untuk urusan selanjutnya seperti mengenal pasti pemegang amanah dan benefisiari sesuatu harta wakaf.<sup>5</sup>

Data ini juga memudahkan pihak-pihak tertentu mengambil langkah memajukan harta wakaf supaya dapat memberi nilai tambah kepada benefisiari. Ini dapat dilakukan kerana sesuatu aset itu telah jelas

statusnya sebagai harta wakaf dan jenis wakaf. Status yang jelas amat penting kerana ia dapat mengelak dari berlakunya sebarang konflik perundangan pada kemudian hari. Usaha memajukan aset wakaf juga dapat membolehkan aset tersebut tidak ketinggalan ditelan arus pembangunan persekitaran yang pesat. Begitu juga dari sudut penebusan harta wakaf, yang berkemungkinan terdapat kesilapan dan ketiadaan rekod yang jelas boleh menyebabkan sesuatu aset wakaf tersebut telah dibangunkan oleh pihak-pihak tertentu tanpa disedari. Keadaan ini memerlukan langkah penebusan untuk mendapatkan semula aset wakaf tersebut yang berkemungkinan memerlukan proses perundangan dan melibatkan banyak pihak.<sup>6</sup>

Pengurusan wasiat di negara ini juga perlu dilakukan secara lebih profesional bagi mengelakkan kebekuan modal dan aset secara tidak sepatutnya. Ini berdasarkan laporan akhbar Utusan Malaysia<sup>7</sup> yang memetik kajian Amanah Raya Berhad (ARB) yang mendapati hanya dua peratus rakyat Malaysia menulis wasiat bagi membolehkan segala maklumat harta didaftarkan. Sekali gus memudahkan urusan pembahagian harta pusaka. Disebabkan kekurangan kesedaran menulis wasiat, ia menimbulkan masalah rekod bagi membolehkan peralihan pemilikan harta dilakukan kepada waris si mati. Ini menyebabkan sejumlah kira-kira RM42 bilion harta dibekui, yang melibatkan sejuta kes harta pusaka yang gagal diselesaikan pewaris kerana tiada wasiat.

Jumlah sebanyak RM42 billion adalah sangat besar dan perlu dipandang secara serius. Bayangkan jumlah tersebut dapat digunakan untuk manfaat umat Islam dan ekonomi negara yang sudah pasti dapat memberi kesan yang optimum kepada individu dan sektor-sektor ekonomi berkaitan. Sebagai contoh, proses perundangan terhadap harta si mati bagi sesebuah keluarga tidak dapat diambil semata-mata kerana tiada rekod wasiat yang jelas. Jika mereka yang terbabit merupakan individu yang memerlukan wang untuk perbelanjaan pendidikan, sudah pasti mereka tidak dapat menggunakannya menyebabkan pendidikan terbantut dan merugikan. Ini memberi impak kitaran ekonomi kepada individu atau keluarga terbabit. Dengan sebab itu, secara jelas dalam al-Quran, Allah SWT melarang pembekuan harta sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Taubah ayat 34 bermaksud:

Dan (ingatlah) orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah SWT, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.<sup>8</sup>

Ayat tersebut melarang orang menyimpan harta beku dan tidak membelanjakan pada jalan Allah SWT. Membelanjakan pada jalan Allah SWT termasuk membayar zakat jika harta yang disimpan telah mencukupi syarat-syarat pengeluaran zakat. Begitu juga, menggunakan harta tersebut untuk tujuan yang dibenarkan oleh syarak, termasuk menafkahkan harta pada jalan Allah SWT. Jika pemilik harta hanya menyimpan beku, Allah SWT telah menjanjikan pemiliknya akan menerima azab yang pedih. Bentuk azab yang bakal diterima dijelaskan selanjutnya dalam sambungan ayat tersebut iaitu ayat ke-35 surah al-Taubah yang bermaksud:

(Iaitu) pada hari dibakar emas dan perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam, lalu diselar dengannya dahi mereka, dan rusuk mereka, serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka): Inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasalah (azab dari) apa yang kamu simpan itu.<sup>9</sup>

Ibn Kathir menyatakan menurut al-Thauri berasaskan riwayat daripada Ibn 'Umar, telah menjelaskan bahawa sesiapa yang membayar zakat harta maka tidak termasuk dalam menyimpan beku. Ibn Kathir juga menyatakan Ibn 'Abbas meriwayatkan sebaik sahaja turun ayat ini, para sahabat menjadi heboh dan menganggap mereka tidak boleh menyimpan harta untuk waris mereka bagi membantu mereka menyambung kehidupan. Kemudian apabila 'Umar dan Thauban mendapatkan penjelasan daripada Rasulullah SAW sendiri, Rasulullah menjelaskan:

Allah SWT tidak mewajibkan zakat ke atas harta kamu melainkan ada kebaikan di sebalik kewajipan tersebut, manakala bagi hartamu yang tinggal, Allah SWT memfardukan pula hukum faraid bagi para waris...<sup>10</sup>

Pada hakikatnya zakat membolehkan berlakunya aliran harta memasuki semula kitaran ekonomi. Ini selaras dengan firman Allah SWT

tentang kewajipan zakat iaitu untuk membersihkan jiwa si pembayar zakat di samping memastikan peredaran kekayaan tidak hanya berlaku di kalangan orang kaya sahaja.<sup>11</sup> Zakat dapat merencanakan perjalanan dan aktiviti ekonomi melalui pembayaran zakat kepada lapan asnaf<sup>12</sup> sebagaimana yang digariskan dalam al-Quran ialah golongan yang memerlukan bantuan secara langsung dan mereka memerlukan sara hidup bagi menyempurnakan perjalanan kehidupan mereka. Bahagian bayaran zakat yang diambil daripada golongan yang layak membayar zakat akan memasuki semula kitaran ekonomi, kerana para asnaf yang mendapat agihan harta zakat akan membelanjakan wang zakat yang mereka perolehi. Keadaan ini akan meningkatkan permintaan dan mencergaskan kegiatan ekonomi dengan bertambahnya permintaan dan aktiviti perdagangan.<sup>13</sup>

## **PASARAN MODAL: FUNGSI DAN PERANANNYA**

Pasaran modal ialah suatu landasan untuk menyediakan kemudahan mendapatkan modal bagi membiayai aktiviti ekonomi. Prinsip ini boleh diaplikasikan dalam bentuk alat kewangan. Dengan cara ini, penerbitan modal serta penyalurannya dapat dilakukan secara lebih cekap dan telus serta dikawal selia. Dalam konteks Malaysia, kawal selia bagi sektor pasaran modal dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Malahan pada masa ini telah wujud alat kewangan untuk memudahcarakan penerbitan modal mematuhi prinsip syariah iaitu sukuk musyarakah.

Sebelum membincangkan lebih lanjut tentang bagaimana aplikasi musyarakah boleh digunakan bagi membangunkan aset wakaf, adalah lebih baik, secara ringkas, dijelaskan tentang fungsi pasaran modal dan alat kewangan yang berkaitan. Ini bagi memudahkan kita memahami bagaimana aset wakaf boleh dibangunkan dengan menggunakan kemudahan alat-alat kewangan yang ada di pasaran modal.

Pasaran modal ialah pasaran yang membolehkan syarikat dan kerajaan mendapatkan modal jangka panjang melalui alat-alat kewangan seperti sekuriti. Alat-alat kewangan tersebut pada amnya diurusniagakan di pasaran modal bagi membolehkan para pelabur mendapatkan semula wang pelaburan atau membuat pelaburan baharu dengan membeli sekuriti berupa saham syarikat dan bon. Bagi memastikan perjalanan

pasaran modal dan hak-hak peserta pasaran terpelihara, sebuah badan pengawal pasaran modal diwujudkan. Penyeliaan tersebut amat perlu bagi mengawal sebarang aktiviti pemalsuan dan meningkatkan perlindungan terhadap kepentingan pelabur.<sup>14</sup>

Pasaran modal memainkan peranan yang sangat penting dalam sesuatu sistem kewangan. Pada amnya, dengan wujudnya pasaran modal, ia dapat memobilisasikan modal secara cekap menerusi sektor yang mempunyai lebih modal kepada sektor yang memerlukannya. Perkara ini boleh berlaku secara langsung dengan cara pihak yang memerlukan modal menjual sekuriti kepada pelabur individu. Manakala secara tidak langsung pula adalah apabila pihak yang memerlukan modal mendapatkan modal melalui institusi pengurusan dana yang mengumpul dana daripada orang ramai atau menguruskan dana bagi pihak institusi. Kecekapan penyaluran modal dari pelbagai sektor kepada sektor yang memerlukannya dapat meningkatkan kelancaran kegiatan ekonomi serta menambah kebajikan serta kekayaan dalam masyarakat. Ini boleh berlaku kerana sistem ekonomi tersebut dapat memberi laluan secara cekap melalui pergerakan modal daripada satu sektor kepada sektor yang lain. Justeru, pergerakan modal dapat dilakukan daripada mereka yang tidak mempunyai peluang pelaburan kepada pihak yang mendapat peluang pelaburan untuk menggunakan modal tersebut. Kesan daripada kelancaran mobilisasi modal tersebut dapat meningkatkan kecekapan ekonomi di sesebuah negara.<sup>15</sup>

Di Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia/Securities Commission (SC) ialah sebuah badan pengawal selia tunggal bagi pasaran modal negara. SC ditubuhkan pada 1 Mac 1993 di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1993, merupakan badan statutori biaya sendiri dengan kuasa penyiasatan dan penguatkuasaan. SC memberi laporan kepada Menteri Kewangan dan akaunnya dibentangkan di Parlimen secara tahunan. SC mempunyai banyak fungsi pengawalseliaan, antara lain termasuk:

- a. mengawal selia bursa-bursa, rumah-rumah penjelasan, dan depositori pusat,
- b. mendaftar prospektus syarikat selain daripada kelab-kelab rekreasi tidak tersenarai,
- c. meluluskan terbitan bon,



- d. mengawal selia semua perkara yang berhubung kait dengan sekuriti dan kontrak niaga hadapan,
- e. mengawal selia pengambilalihan dan percantuman syarikat,
- f. mengawal selia semua perkara yang berkaitan dengan skim unit amanah,
- g. melesenkan dan mengawasi semua individu yang berlesen,
- h. menggalakkan kawal selia sendiri, dan
- i. memastikan perilaku yang betul di kalangan institusi pasaran dan individu berlesen.

Melaksanakan semua fungsi di atas merupakan tanggungjawab besar SC dalam melindungi pelabur. Selain melaksanakan fungsi kawal selia, SC juga bertanggungjawab di bawah undang-undang untuk menggalakkan dan mempromosikan pembangunan sekuriti dan niaga hadapan di Malaysia.<sup>16</sup>

### **Aplikasi Pasaran Modal Dwisistem**

Malaysia melaksanakan pasaran modal dwisistem iaitu pasaran modal konvensional dan pasaran modal Islam. SC telah diberi mandat untuk memajukan kedua-dua sistem ini sejak penubuhannya pada tahun 1993. Dari sudut demografi pelabur Muslim merupakan 60% daripada keseluruhan jumlah penduduk Malaysia. Oleh itu, memajukan pasaran modal Islam ialah satu sektor yang boleh memberikan kelebihan dan berpotensi besar. Tambahan pula secara global jumlah kekayaan di tangan umat Islam yang sedia ada di seluruh dunia secara individu dan institusi adalah amat besar.<sup>17</sup>

Pasaran Modal Islam (PMI) merujuk kepada sebuah pasaran yang menyediakan satu platform pelaburan dan pembiayaan jangka panjang di mana produk dan perkhidmatan yang ditawarkan selaras dengan prinsip-prinsip syariah. Secara ringkas PMI mempunyai peranan yang sama dari sudut menyediakan suatu platform penjana modal, memobilisasikan dana dan pelaburan sebagaimana fungsi pasaran modal konvensional. Kelebihan PMI dalam konteks ini adalah dengan mengaplikasikan prinsip-prinsip syariah dalam memenuhi tuntutan sesebuah pasaran modal.<sup>18</sup>

Untuk melaksanakan mandat yang telah diamanahkan secara terancang, SC telah mengambil inisiatif menubuhkan Unit Pasaran Modal Islam pada tahun 1995. Unit ini dianggotai oleh para pegawai yang mempunyai kepakaran dalam bidang fiqh muamalat serta mereka yang memahami tentang selok-belok pasaran modal dari sudut produk dan praktisnya. Kini unit ini kemudiannya merupakan Jabatan Pasaran Modal Islam dan seterusnya menjadi sebuah bahagian (Business Group)<sup>19</sup> SC yang di bawahnya bakal mempunyai berbagai-bagai jabatan. Antara fungsi penting bahagian ini adalah untuk menjalankan penyelidikan dari sudut pembangunan produk dan operasi pasaran modal Islam serta merancang konsep sebuah pasaran modal Islam.<sup>20</sup>

Usaha Unit Pasaran Modal Islam di SC diperkukuh dengan wujudnya Majlis Penasihat Syariah (MPS). Ia merupakan MPS peringkat tertinggi bagi sektor pasaran modal Islam dan telah ditubuhkan sejak bulan Mei 1996.<sup>21</sup> Penubuhan Majlis ini mengikut kuasa-kuasa yang diberikan kepada SC di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Seksyen 16 akta ini telah memberi kuasa penuh kepada SC untuk melakukan sesuatu yang wajar dalam menjalankan tugasnya berdasarkan undang-undang sekuriti. Kemudiannya pada Seksyen 18 Akta Suruhanjaya menyebut bahawa SC diberi kuasa untuk menubuhkan suatu jawatan-kuasa yang boleh membantunya menjalankan tugas berdasarkan akta. Di samping itu juga SC dibenarkan untuk melantik sesiapa yang layak untuk menganggotai jawatankuasa tersebut.<sup>22</sup> Kini pembentukan MPS dimantapkan lagi dengan pemasukan peruntukan akta di bawah pindaan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007/ Capital Markets Services Act (CMSA). Akta ibu dipinda pada tahun 2010 dengan memasukkan beberapa seksyen baharu 316A, 316B, 316C, 316D, 316E, 316F, 316G dan 316H selepas seksyen 316. Pindaan tersebut antara lain memperuntukkan penubuhan MPS bagi PMI, menggariskan fungsi MPS, pelantikan anggota MPS, kesan keputusan Syariah dan berbagai-bagai lagi. Peruntukan-peruntukan tersebut meletakkan MPS bagi PMI atas landasan statutori yang kukuh. Objektifnya adalah untuk memastikan MPS bagi PMI dapat terus memainkan peranan penting dalam pembangunan PMI. Pindaan tersebut juga selaras dengan aspirasi Kerajaan untuk meletakkan Malaysia sebagai hab antarabangsa bagi kewangan Islam.<sup>23</sup>

Tujuan penubuhan MPS di SC adalah supaya majlis ini menjadi rujukan utama di peringkat nasional tentang isu-isu berkaitan dengan pasaran modal Islam selaras dengan peranan SC sebagai satu badan kawal selia tunggal di Malaysia bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pasaran modal. MPS juga dapat mewujudkan suasana harmoni dalam menentukan keputusan-keputusan berkaitan Syariah tentang pasaran modal.

Kini PMI ialah komponen penting dalam sistem kewangan negara. Malaysia merupakan satu-satunya negara yang mempunyai komponen lengkap dalam menyediakan infrastruktur kewangan Islam, kerangka perundangan, pemain pasaran, dan penyediaan modal insan. Malah pasaran modal Islam di Malaysia kini telah begitu maju dan menawarkan pelbagai jenis produk dan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan penjana modal dan pelaburan. Produk-produk berkaitan ekuiti seperti sekuriti patuh syariah, unit amanah Islam, indeks syariah, waran, sukuk dan REITs Islam telah sedia ada dimajukan.

Dalam konteks pembangunan aset wakaf, alat kewangan seperti sukuk sesuai digunakan bagi menjana modal sebagai sumber pembiayaan. Dengan modal yang besar aset-aset wakaf bernilai tinggi serta berada di tempat yang strategik dapat dibangunkan. Sifat aset sedemikian amat penting untuk memberi kesan yang signifikan serta menjadi katalis kepada pembangunan ekonomi setempat. Ia juga menjadi asas kepada mercu tanda pengukuhan sistem dan prinsip ekonomi serta kewangan Islam kepada masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini.

## **SUKUK**

Sukuk ialah suatu alat kewangan di dalam pasaran modal Islam yang boleh digunakan untuk menjana modal dan juga pelaburan. Sukuk merupakan bilangan jamak dalam Bahasa Arab yang berasal dari kata tunggal *sakk* yang merujuk kepada sijil kewangan mewakili obligasi kewangan yang terbentuk hasil daripada aktiviti perniagaan dan komersial aktiviti lain. Walau bagaimanapun kini, sukuk digunakan sebagai salah satu alat kewangan dalam PMI melalui satu proses pengsekuritian. Ia merupakan alat kewangan yang membuktikan pemegangnya mempunyai pemilikan tidak boleh dibahagi terhadap aset

atau pelaburan.<sup>24</sup> Pengsekuritian bentuk ini ialah satu proses inovasi sektor kewangan Islam bagi membolehkan terbentuknya suatu produk sekuriti bersifat berpendapatan tetap atau berkadar berubah. Peranan sekuriti ini juga membolehkan modal disalurkan terus kepada sektor yang memerlukan pembiayaan. Dalam konteks sukuk, pembiayaan adalah hanya bagi projek dan aktiviti aktiviti patuh Syariah.

Sukuk boleh distrukturkan berasaskan kontrak pertukaran dan kontrak perkongsian.<sup>25</sup> Jika bentuk sukuk tersebut berasaskan perkongsian seperti musyarakah dan mudharabah, pemegang sukuk akan mendapat pendapatan yang terhasil daripada aset yang dikongsi atau aliran pendapatan daripada aktiviti perkongsian mengikut prinsip penstrukturan. Oleh itu, sukuk adalah amat berbeza dengan bon konvensional yang merupakan sivil hutang di mana penerbit mempunyai obligasi membayar faedah/‘interest’.<sup>26</sup> Sedangkan sukuk aliran penghasilan pendapatan kepada pemegangnya adalah dengan berlandaskan aset dan aktiviti-aktiviti perkongsian.

## **SIFAT ASET WAKAF**

Terdapat kekeliruan tanggapan dalam isu memajukan aset wakaf. Ini memandangkan aset jenis ini merupakan aset yang mempunyai kaitan dengan unsur amanah. Dalam konteks aset wakaf, manfaat aset telah dinyatakan untuk dimanfaatkan oleh benefisiari tertentu jika ia merupakan wakaf khas. Manakala jika wakaf tersebut dikategorikan sebagai wakaf am, maka benefisiarinya adalah seluruh umat Islam. Ini kerana wakaf sebagaimana yang telah digariskan oleh fuqaha adalah dengan menahan suatu harta supaya hanya boleh digunakan untuk mendapatkan manfaatnya sahaja dengan mengekalkan zatnya. Penggunaan manfaat harta adalah terhad mengikut apa yang telah ditentukan oleh pewakaf.<sup>27</sup>

Namun dalam konteks pembangunan aset wakaf perlu difahami dari dua sudut: (a) dari sudut pembiayaan untuk pembangunan aset, dan (b) mengenai penggunaan manfaat aset oleh benefisiari. Dari sudut pembiayaan untuk membangunkan aset wakaf hak pembiaya perlu dipenuhi selaras dengan bentuk pembiayaan yang dilakukan, manakala hak benefisiari pula perlu dipenuhi kerana mereka ialah pengguna manfaat aset wakaf.

Ini berasaskan pemilikan aset wakaf dikategorikan sebagai milik tidak penuh (*milk al-naqis*).<sup>28</sup> Pemilikan aset dalam konteks ini dapat dibahagikan kepada dua: (a) pemilikan terhadap manfaat aset pemilikan ini adalah untuk benefisiari, dan (b) pemilikan pengawasan atau pengurusan pemilikan ini adalah untuk pemegang amanah.<sup>29</sup>

Pada amnya pengurusan baitulmal di Malaysia telah diletakkan di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN).<sup>30</sup> Kuasa eksekutif tentang hal ehwal Islam adalah di bawah bidang kuasa MAIN. Jadual Kesembilan [Perkara 74, 77] Senarai Perundangan; Senarai II–Senarai Negeri Perlembagaan Persekutuan menggariskan kuasa-kuasa tersebut termasuk mengenai pengurusan wakaf dan pelantikan pemegang amanah:

Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan, mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu.

Ini bermakna pengurusan wakaf boleh dijalankan oleh baitulmal negeri sebagaimana yang diperuntukan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia. Oleh sebab sifat harta wakaf dikategorikan sebagai *milk al-naqis* dan pengurusan harta boleh dilakukan oleh baitulmal selaku pemegang amanah sebagaimana mengikut akta; baitulmal boleh menyediakan pegawai bersesuaian untuk pengurusan harta wakaf. Tujuannya supaya pengurusan harta tersebut dapat dilakukan secara cekap dan profesional. Pegawai-pegawai perlu mempunyai latar belakang pengetahuan dan kecekapan dalam pengurusan dan pembangunan aset. Pengetahuan dan kecekapan tersebut membolehkan mereka merancang cara memberi nilai tambah kepada aset wakaf tersebut dan seterusnya memberi lebih nilai kepada benefisiari.

Dalam konteks wakaf khas, pihak yang menjadi benefisiari dan cara menggunakan harta wakaf kadangkala telah disebut dengan jelas oleh pewakaf. Justeru, suatu kajian dan analisis pandangan syariah perlu dilakukan sama ada cara memanfaatkan aset wakaf dengan menggunakan pendekatan yang lebih rasional tetapi masih tidak menyimpang daripada *maqasid* syariah dari sudut maksud wakaf. Sebagai contoh, sebuah aset wakaf yang terdiri daripada dua buah banglo di Petaling Jaya, dikhaskan untuk digunakan oleh pelajar Universiti Malaya (UM) sebagai tempat tinggal mereka. Akibat dari pembangunan pesat di kawasan Petaling Jaya, terdapat banyak kawasan yang pada asalnya rumah banglo telah bertukar wajah menjadi bangunan komersil. Ini termasuklah aset wakaf tersebut. Persoalan yang timbul, aset tersebut merupakan wakaf khas. Apakah pembangunan boleh dilakukan atas aset tersebut supaya selaras dengan pembangunan persekitaran atau alternatif yang lain? Aset tersebut dijual dan diganti (*istibdal*) dengan aset lain yang membawa ciri yang sama untuk mengekalkan manfaat kepada benefisiari.

Bagaimana pula dengan pendekatan baharu, jika aset tersebut tidak dijual dan di*istibdal* dengan aset lain tetapi sebaliknya dibangunkan menjadi bangunan komersil yang berkualiti dan mempunyai nilai tambah yang berkali-kali ganda dari sudut hasil sewaan. Hasil pendapatan sewa kemudiannya disalurkan kepada pelajar-pelajar UM yang cemerlang yang memerlukan bantuan pendidikan, diselaraskan mengikut maksud benefisiari wakaf khas. Menerusi pendekatan yang

baharu ini, ia lebih baik daripada pendekatan pertama di mana hanya merupakan dua buah banglo yang boleh diduduki secara maksimum 36 orang pelajar, tetapi kini menjadi sebuah bangunan komersil yang boleh menghasilkan kutipan sewa sekitar RM120,000 sebulan. Katakan kini pemegang amanah perlu menyalurkan bantuan kepada benefisiari yang layak sebanyak RM500 sebulan bagi seorang pelajar, perbelanjaan untuk benefisiari mengikut wasiat khas berjumlah RM18,000 sebulan. Jika sekiranya bayaran pengurusan kepada pemegang amanah selaku pengurus dan kerja-kerja penyelenggaraan aset wakaf sekitar RM30,000 sebulan, ini bermakna terdapat lebih dana kira-kira RM70,000 sebulan. Jumlah lebih dana ini boleh dimasukkan ke dalam tabungan wang am untuk menambah penyaluran dana kepada benefisiari yang lain atau menjadi modal untuk menambah jumlah aset wakaf lagi. Ini merupakan contoh yang bersifat sederhana, kerana pada hakikatnya pendapatan sewa bangunan komersil boleh menghasilkan jutaan ringgit bagi kutipan sewa bulanan bergantung kepada infrastruktur yang wujud, kedudukan strategik, dan juga kualiti aset.

Persoalan yang timbul ialah, apakah tindakan ini akan bertentangan dengan maksud wakaf khas di mana mengikut yang dinyatakan pewasiat kedua-dua banglo itu adalah untuk digunakan oleh pelajar-pelajar UM. Dalam konteks ini pada hakikatnya ia tidak bertentangan kerana maksud mengguna dan mendapat manfaat ialah maksud yang tiada jauh bezanya. Sebagai contoh di dalam al-Quran Allah SWT berfirman: “Jangan memakan riba” memakan juga membawa maksud memanfaatkan riba dan menggunakan riba.<sup>31</sup> Dalam konteks ini, mendapat manfaat dari hasil aset wakaf adalah lebih besar ertinya kepada pelajar-pelajar terbabit. Secara perbandingan, jika mereka menduduki rumah banglo tersebut sebagai tempat tinggal, mereka hanya terlepas daripada membayar sewa rumah sekitar RM250 sebulan setiap orang. Sedangkan mereka boleh mendapatkan rumah sewa di kawasan berhampiran sekitar RM180–RM220 sebulan dan mereka masih mempunyai wang saku sekitar RM280 sebulan dari jumlah wang untuk benefisiari yang disalurkan kepada mereka sebanyak RM500 sebulan.

Dari sudut aset wakaf pula, kerana ia telah bertukar wajah kepada aset yang lebih berkualiti, aset tersebut dapat menjana pendapatan jangka panjang kepada benefisiari serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi

dan aktiviti-aktiviti ekonomi baharu. Aktiviti-aktiviti ekonomi baharu bermaksud aset tersebut hanya menjadi tempat tinggal pelajar tetapi kini telah menjadi pusat komersil yang boleh memberi ruang kepada pelbagai aktiviti ekonomi merangkumi restoran, bilik pameran, pejabat pentadbiran, pusat servis, klinik, perbankan, dan berbagai-bagai lagi. Pertukaran pendekatan ini juga dapat mewujudkan sistem pengurusan aset yang lebih cekap dan telus selaras dengan *maqasid* syariah yang menggariskan keperluan-keperluan ketelusan dan integriti yang tinggi bagi pengurusan aset-aset beramanah.<sup>32</sup>

Justeru, pendekatan membangunkan aset wakaf tidak hanya tertumpu pada soal *istibdal* aset wakaf dengan menjual dan membeli aset lain di suatu tempat lain sebagai pengganti tapak wakaf yang asal. Tindakan *istibdal* aset mungkin boleh menghilangkan kelebihan sesuatu aset yang mempunyai kedudukan strategik. Sedangkan kedudukan strategik mempunyai nilainya yang tersendiri dan sukar diperoleh jika berlaku perpindahan dari suatu tapak asal sesuatu aset wakaf tersebut. Sepatutnya langkah yang lebih baik dan dinamik adalah dengan melakukan *istibdal* aset wakaf dari satu tempat yang tidak strategik ke tempat yang lebih strategik, supaya keupayaan kualiti aset dapat ditingkatkan. Justeru, nilai tambah dapat diberikan kepada benefisiari secara khusus dan am. Di samping itu, sepatutnya aset wakaf memainkan peranan dalam memacu kegiatan ekonomi di sesuatu tempat. Justeru, kedudukan aset yang strategik merupakan suatu kriteria penting untuk sesuatu aset wakaf mencorakkan kegiatan dan perkembangan ekonomi di sesuatu kawasan.

## **PENJANAAN MODAL MELALUI SUKUK**

Selain membuat pelaburan, baitulmal juga boleh berperanan sebagai pencetus pembangunan aset tetap dan aliran pendapatan boleh disalurkan semula kepadanya sebagai sumber pendapatan kepada baitulmal. Sekiranya ia bersifat am, pendapatan ini dimasukkan ke dalam akaun am. Namun, sekiranya baitulmal adalah sebagai pemegang amanah kepada harta wakaf, manfaat tersebut disalurkan kepada benefisiari. Baitulmal boleh mengambil bahagian mereka sebagai fi pengurusan. Semakin besar jumlah pendapatan yang dijana, semakin besar pendapatan baitulmal



dari sudut fi pengurusan. Ini sekali gus dapat memberi ruang pekerjaan pengurusan bagi aset beramanah dan meningkatkan tugas-tugas yang memerlukan kemahiran tinggi.

Oleh sebab pada amnya benefisiari kepada harta wakaf ialah umat Islam, ini memberi harapan baharu kepada umat Islam bagi mendapat limpahan daripada perkembangan pesat dan kemajuan ekonomi. Bukan sahaja benefisiari mendapat manfaat daripada sudut pendapatan melalui aliran sewa aset, malahan juga umat Islam mendapat manfaat daripada sudut penggunaan manfaat aset kerana ia memberikan peluang penggunaan ruang untuk usaha niaga dan perkhidmatan bersifat komersil.


Pihak pengurusan yang selama ini dipandang sebagai sektor yang tidak begitu kompetitif<sup>33</sup> telah menjadi sektor utama dan berperanan dalam aktiviti ekonomi negara. Anjakan perspektif ini boleh berlaku kerana mereka kini terlibat menjadi pemain utama dalam sektor hartanah dan pembangunan sektor berkenaan, serta terlibat secara langsung dalam menyediakan ruang kecekapan sektor runcit dan perkhidmatan dalam aktiviti ekonomi. Bukan setakat itu sahaja, malah ia dapat memberi ruang kepada umat Islam menjadi pemain utama dalam sektor ekonomi yang selama ini masih ketinggalan dan memerlukan asas untuk mereka membina kekuatan.

### **Sukuk Musyarakah**

Sukuk musyarakah merupakan sijil yang membuktikan pemilikan pemegang sukuk terhadap perkongsian aset bagi aktiviti musyarakah atau pelaburan. Pemegang sukuk berhak terhadap pendapatan yang dihasilkan oleh aset yang terhasil daripada perkongsian dan pelaburan berkenaan.<sup>34</sup> Persetujuan pembahagian keuntungan berasaskan nisbah yang telah dipersetujui, manakala kerugian ditanggung setakat modal yang disumbangkan. Struktur ini merupakan pembiayaan melalui sumbangan modal bersama yang pada akhir tempoh matangnya pemilikan aset akan berpindah tangan kepada salah seorang rakan kongsi. Ini dapat dilakukan melalui penyelesaian perpindahan hak milik sebagaimana dipersetujui antara penerbit sukuk dan pelabur.<sup>35</sup>

### Sukuk Musyarakah dan Penjanaan Modal

Sukuk musyarakah dibentuk berasaskan prinsip musyarakah sebagaimana yang telah digariskan mengikut fiqh Islam. Bagi memenuhi tuntutan keperluan sistem kewangan Islam kini, beberapa penambahbaikan dilakukan. Ini bagi membolehkan ia dapat berfungsi menjadi alat kewangan yang cair dan boleh menjadi alat untuk penjanaan modal. Di samping itu melalui pendekatan ini, ia dapat membolehkan lebih ramai pelabur terlibat dalam sesuatu aktiviti ekonomi secara musyarakah. Pelabur juga mudah untuk membuat keputusan keluar atau masuk dalam tempoh tertentu mengikut keperluan pelaburan dan kecairan masing-masing di samping berasaskan pertimbangan-pertimbangan risiko yang mereka putuskan. Keperluan ini dapat dipenuhi dengan hanya menjual atau membeli alat kewangan berbentuk sekuriti di pasaran. Dengan itu mereka boleh mendapat pulangan berasaskan keuntungan yang dihasilkan oleh aset iaitu keuntungan sepanjang memegang sukuk hasil aktiviti musyarakah. Manakala apabila menjual sukuk di pasaran sekunder pelabur mendapat pulangan pendapatan (*yield*).



Rajah 1: Gambar Aplikasi Sukuk Musyarakah.

Dalam konteks ini jika baitulmal ingin menjana modal untuk membiayai aktiviti ekonomi, sebagai rakan kongsi dalam musyarakah ia perlu menyumbangkan modal, sama ada dalam bentuk aset atau modal tunai. Manakala pelabur pula akan menyumbangkan modal dalam bentuk tunai bagi memenuhi keperluan pembiayaan. Sebagai contoh, untuk memajukan sekeping tanah wakaf, tanah tersebut boleh dijadikan sebagai modal yang disumbangkan oleh baitulmal, kerana baitulmal ialah pemegang amanah atau pengurus harta wakaf. Manakala modal daripada pelabur boleh diperolehi dengan penyertaan mereka melalui pembelian sukuk musyarakah yang diterbitkan. Ini kerana sukuk tersebut menjadi bukti penyertaan mereka dalam projek membangunkan aset wakaf. Contoh kedua, baitulmal mempunyai aset wakaf di kawasan yang tidak strategik. Aset ini boleh dijadikan asas untuk membeli aset yang berkedudukan strategik di suatu tempat lain, tetapi perlu dibangunkan semula kerana mungkin ia merupakan bangunan lama yang berpotensi memberi nilai yang tinggi. Ini dapat dijelaskan secara ringkas seperti gambar raja berikut.

### **Penjelasan struktur secara asas fasiliti di atas:**

Katakan baitulmal ingin membina aset berkualiti dan strategik di atas sekeping tanah wakaf. Justeru, projek musyarakah yang perlu dibentuk ialah projek pembangunan aset wakaf. Berdasarkan persetujuan antara pelabur dan baitulmal; pihak pelabur akan menyediakan modal secara tunai bagi projek tersebut, manakala pihak baitulmal akan menyumbangkan bentuk bukan tunai iaitu sekeping tanah wakaf untuk dibangunkan aset wakaf di atas tanah tersebut. Keuntungan dari projek tersebut akan dikongsi bersama mengikut nisbah yang telah dipersetujui manakala jika berlaku kerugian penanggungungan adalah setakat modal yang disumbangkan. Juga dipersetujui oleh pelabur bahawa baitulmal akan bertindak menjadi pengurus kepada projek ini bagi pihak rakan kongsi yang lain dalam tempoh tertentu. Oleh itu baitulmal berhak mendapat fi pengurusan.

Sebagai bukti sumbangan pelabur dalam musyarakah tersebut Baitulmal menerbitkan sukuk musyarakah kepada semua pelabur yang terlibat dalam projek musyarakah tersebut.

Selaku pengurus kepada projek, baitulmal akan menguruskan projek bagi pihak rakan kongsi yakni para pelabur yang lain. Keuntungan boleh datang dalam bentuk keuntungan hasil daripada bahan binaan yang digunakan, pendapatan sewa tertunda, dan keuntungan lain.

Baitulmal kemudiannya membahagi keuntungan projek kepada para pemegang sukuk, mengikut pembahagian keuntungan berjangka sebagaimana berjalan dalam kerangka sukuk. Keuntungan yang dibahagikan dipersetujui setakat semaksimum jangkaan keuntungan. Ini selaras dengan sukuk tersebut yang tertakluk di bawah kerangka alat kewangan berpendapatan tetap. Jika terdapat lebih keuntungan ia akan disalurkan kepada pihak Baitulmal sebagai bayaran insentif selaku pengurus projek. Jika berlaku kerugian pihak yang berkongsi menanggung kerugian secara bersama setakat modal yang disumbangkan.

Baitulmal membeli bahagian pemilikan pelabur yakni hak perkongsian rakan kongsi dalam perkongsian tersebut untuk menjadikan keseluruhan projek yang dikongsi berpindah penguasaannya kepada pihak baitulmal selaku pemegang amanah harta wakaf.

Bayaran dibahagikan kepada pemegang sukuk kerana pembelian hak pemilikan perkongsian oleh baitulmal. Dengan pembayaran tersebut projek musyarakah dibubarkan.

Dalam keadaan tertentu sukuk ini mungkin menghadapi masalah penarafan. Ini boleh berlaku kerana baitulmal mungkin tidak mempunyai penarafan kredit. Namun begitu penerbitan sukuk masih boleh dilakukan dengan struktur musyarakah yang lain. Sebagai contoh struktur baitulmal sebagai 'obligor' dalam melaksanakan 'purchase undertaking' terhadap aset wakaf yang telah siap dibina. Dalam konteks ini baitulmal perlu membuat satu persetujuan dengan sebuah entiti lain yang boleh menyelesaikan masalah penarafan kredit. Struktur seperti ini dapat dibentuk melalui konsultasi dengan pihak penasihat korporat dan penasihat syariah yang mempunyai kemahiran dalam selok-belok penerbitan sesuatu sukuk.

Pada amnya isu-isu aset wakaf dan perkongsian memajukan aset ini secara moden dan terancang memerlukan kepada kefahaman dan kekuatan ijtihad ulama kini. Konteks yang perlu difahami ialah alat kewangan

seperti sukuk ini ialah suatu cara untuk mendapatkan pembiayaan bagi memajukan dan meningkatkan kualiti aset, manakala status aset sebagai harta wakaf tidak terjejas.

## **PENUTUP**

Membangunkan dan meningkatkan nilai serta kualiti aset wakaf ialah suatu perkara yang amat penting dan perlu dilakukan secara terancang. Alat-alat kewangan Islam kini dapat digunakan bagi menjana modal untuk digunakan sebagai landasan membiayai projek tersebut. Dengan asas pembiayaan yang kukuh suatu aset berkualiti dan memberi kesan signifikan kepada masyarakat setempat dapat diwujudkan. Hasilnya ia akan menjadi satu mercu tanda lambang kecekapan pengurusan menurut prinsip syariah dan kecekapan alat kewangan Islam. Nilai tambah dapat diberi kepada benefisiari aset wakaf, umat Islam selaku benefisiari am dan baitulmal selaku pemegang amanah wakaf atau pengurus aset wakaf.

## NOTA HUJUNG

### (*Endnotes*)

- 1 Lihat lanjut pandangan sebahagian ulama mazhab Hanafi membenarkan seseorang untuk mewakaf bukan setakat harta tetap tetapi termasuk harta alih dan mata wang, Ibn 'Abidin, *Hasyiah Ibn Abidin 'ala al-Dur al-Mukhtar*, Dar Ihya al-Turath, Beirut, 2000, jld.3, hlm.374-375.
- 2 Al-Zarqa`, Mustafa Ahmad, *al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am*, Dar al-Fikr, Damsiq, 1967-68, jld. 1, hlm. 551.
- 3 Ibn 'Abidin, *Rad al-Mukhtar*, Dar al-Fikr, Beirut, jld.3, hlm. 391.
- 4 Al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Ma`rifah, Beirut, jld. 2, hlm. 510; Ibn Qudamah, *al-Mughni*, Dar `Alam al-Kutub, al-Riyaadh, 1997, jld. 8, hlm. 238.
- 5 Setakat ini pihak Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji (JAWHAR) telah menyiapkan manual pengurusan wakaf, tujuan manual tersebut adalah untuk memenuhi kehendak pengurusan harta wakaf yang lebih teratur. Wujudnya manual tersebut membolehkan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di Malaysia (MAIN) menyediakan laporan kewangan wakaf yang lebih seragam serta teratur. (*Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf*, Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji, Jabatan Perdana Menteri, 2007.)
- 6 Kes-kes berkaitan harta wakaf di Pulau Pinang serta bidang kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. Mohd Al-Adib bin Samuri, Bidang Kuasa Membicara Kes Berkaitan Wakaf dan Harta Pusaka Di Mahkamah Sivil: Analisis Kes Selepas Pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*, 2006, hlm. 402-407.
- 7 RM42 bilion harta dibeku, 2011, *Utusan Malaysia*, 31 Mac: 2011. Ini melibatkan sejuta kes harta pusaka yang gagal diselesaikan pewaris kerana tiada wasiat.
- 8 *Tafsir pimpinan al-Qur'an kepada pengertian al-Qur'an*, 1987, edisi kelapan, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- 9 *Tafsir pimpinan al-Qur'an kepada pengertian al-Qur'an*, 1987, edisi kelapan, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- 10 Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim*, Dar al-Ma'rifah, Beirut, 1987, jld. 2, hlm. 364-365.
- 11 Al-Quran, Surah al-Hasyr 59:7.

- 12 Lapan asnaf golongan penerima zakat ialah golongan fakir, miskin, petugas zakat (amil), mu'allaf yang dijinakkan hatinya dengan Islam, hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, golongan dibelenggu hutang, untuk dibelanjakan pada jalan Allah SWT dan orang yang musafir (terputus bekalan) dalam perjalanan, Surah al-Taubah 9:60.
- 13 Ini merujuk kepada sabda Rasulullah SAW tentang kebaikan kewajipan zakat yang disyariatkan oleh Islam, Ibn Kathir, op cit.
- 14 [http://en.wikipedia.org/wiki/Capital\\_market](http://en.wikipedia.org/wiki/Capital_market), 14/05/2011; Lihat juga Securities Commission, *Capital Market Development in Malaysia: History & Perspectives*, Kuala Lumpur: Securities Commission, 2004, hlm. 46.
- 15 S.Mishkin, Frederic, *The Economics of Money Banking, and Financial Markets*, Addison Wesley Longman Inc. Singapore, 1998, pp. 29-46.
- 16 SC Sepintas Pandang, [http://www.sc.com.my/bm/default\\_bm.html](http://www.sc.com.my/bm/default_bm.html), 14.05.2011.
- 17 Securities Commission, *Capital Market Development in Malaysia, History and Perspectives*, Securities Commission of Malaysia, 2004, hlm. 98.
- 18 <http://www.sc.com.my/sub.asp?pageid=&menuid=267&newsid=&linkid=&type=> di bawah tajuk Islamic Capital Market, 14.05.2011.
- 19 Siaran akhbar pembentukan satu Business Group yang diletakkan seorang pengarah eksekutif pada Januari 2011.
- 20 Securities Commission, *Capital Market Masterplan Malaysia*, Kuala Lumpur: Securities Commission, 2001, hlm.17.
- 21 Securities Commission, *Resolutions of the Securities Commission Shariah Advisory Council*, Kuala Lumpur: Securities Commission, 2007, hlm. 4.
- 22 Securities Commission Act 1993.
- 23 [http://www.sc.com.my/eng/html/resources/acts/CMSA\\_%28A%29\\_ACT\\_2010\\_A1370.pdf](http://www.sc.com.my/eng/html/resources/acts/CMSA_%28A%29_ACT_2010_A1370.pdf), pindaan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA), 14.05.2011. Juga lihat siaran akhbar <http://www.sc.com.my/main.asp?pageid=379&linkid=2647&yearno=2010&mod=paper>, 14.05.2011.
- 24 Mokhtar, Sabnam et al., Sukuk and the Capital Market, in *Sukuk, Islamic Capital Market Series*, Sweet & Maxwell Asia, Petaling Jaya, 2009, hlm. 21.
- 25 Kamil, Wan Abdul Rahim, Introduction to Sukuk, *Malaysian Sukuk Market Handbook*, RAM Rating Services Berhad, Kuala Lumpur, hlm. 23.

- 26 Ibid.
- 27 Al-Syarbini, jld. 2, hlm. 376.
- 28 Al-Zarqa', Mustafa Ahmad, 1967-68, jld. 1, hlm. 258-259.
- 29 Perbincangan lanjut tentang bentuk pembahagian pemilikan aset tersebut, Ibid, hlm. 269-271.
- 30 Kecuali di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya, dan di Wilayah Persekutuan Labuan, Baitulmal adalah tertakluk di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Manakala bagi Sabah dan Sarawak di bawah Perbadanan dan Lembaga Baitulmal dan Wakaf, Perbincangan lanjut keperluan Baitulmal diperbadankan supaya ia mempunyai hak dari sudut undang-undang, Kamaruddin Juraish, "Pemeriksaan Entiti dan Sumber Perbendaharaan Baitulmal Melalui Dinamika muamalat dan Undang-Undang Syariah", dalam *Baitulmal: Masihkah Releven*, prosiding Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR): Kuala Lumpur, 2009, hlm. 177-179.
- 31 al-Qurtubi, ed. 'Abd al-Muhsin al-Turki, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Mu'assah al-Risalah, Beirut, 2006, jld. 4, hlm. 391, Surah al-Baqarah 2:278.
- 32 Al-Zarqa', Mustafa Ahmad, 1967-68, jld. 1, hlm. 388.
- 33 Perbincangan lanjut oleh Kamaruddin, Juraish, Memperkasa Baitulmal Menerusi Undang-Undang Syariah di dalam *Jurnal Pengurusan Jawhar*, Jurnal Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri Malaysia, vol. 2, No. 2, 2008, hlm.100 dan seterusnya.
- 34 Kamil, Wan Abdul Rahim, hlm. 31.
- 35 Abdel-Khaliq and Crosby, Musharakah sukuk: Structure, Legal Framework and Opportunities in *Sukuk Islamic Capital Market Series*, Securities Commission Malaysia, Sweet & Maxwell Asia, Petaling Jaya, 2009, pp.190-191.



## RUJUKAN

Al-Quran

Abdel-Khaliq & Crosby. *Sukuk Islamic Capital Market Series: Musharakah sukuk, Structure, Legal Framework and Opportunities*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.

Ibn 'Abidin. 2000. *Hasyiah Ibn Abidin 'ala al-Dur al-Mukhtar*. Beirut: Dar Ihya al-Turath.

Ibn 'Abidin. t.th. *Rad al-Mukhtar*. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Kathir. 1987. *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Ibn Qudamah. 1997. *Al-Mughni*. Riyaadh: Dar 'Alam al-Kutub.

Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2007. *Manual Pengurusan Perakaunan Wakaf*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.

Kamil, Wan Abdul Rahim. t.th. *Malaysian Sukuk Market Handbook: Introduction to Sukuk*. Kuala Lumpur: RAM Rating Services Berhad.

Kamaruddin Juraish. 2009. Pemerkasaan Entiti dan Sumber Perbendaharaan Baitulmal Melalui Dinamika muamalat dan Undang-Undang Syariah dalam *Baitulmal: Masibkah Releven*. Kertas kerja Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2009, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Kuala Lumpur.

Kamaruddin Juraish. 2008. Memperkasa Baitulmal Menerusi Undang-Undang Syariah di dalam *Jurnal Pengurusan Jawhar*. Jurnal Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, Jabatan Perdana Menteri Malaysia.

Mokhtar, Sabnam et al. 2009. *Islamic Capital Market Series: Sukuk and the Capital Market*. Petaling Jaya: Sweet & Maxwell Asia.

Mohd Al-Adib bin Samuri. 2006. Bidang Kuasa Membicara Bagi Kes Berkaitan Wakaf dan Harta Pusaka Di Mahkamah Sivil: Analisis Kes Selepas Pindaan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*.

Al-Qurtubi & al-Turki, 'Abd al-Muhsin. 2006. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Mu'assah al-Risalah.

*Utusan Malaysia*. 2011. RM42 bilion harta dibeku. 31 Mac: 1.

S.Mishkin, Frederic. 1998. *The Economics of Money Banking, and Financial Markets*. Singapore: Addison Wesley Longman Inc.

- Securities Commission. 2004. *Capital Market Development in Malaysia: History & Perspectives*. Kuala Lumpur: Securities Commission Malaysia.
- Securities Commission. 2004. *Capital Market Development in Malaysia, History and Perspectives*. Kuala Lumpur: Securities Commission Malaysia.
- Securities Commission. 2004. *Capital Market Masterplan Malaysia*. Kuala Lumpur: Securities Commission Malaysia.
- Securities Commission. 2007. *Resolutions of the Securities Commission Shariah Advisory Council*. Kuala Lumpur: Securities Commission Malaysia.
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. 2011. SC Sepintas Pandang.[http://www.sc.com.my/bm/default\\_bm.html](http://www.sc.com.my/bm/default_bm.html).
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. 2011. Introduction to Islamic Capital Market. <http://www.sc.com.my/sub.asp?pageid=&menuid=267&newsid=&linkid=&type>
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. 2011. Pindaan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 (CMSA).[http://www.sc.com.my/eng/html/resources/acts/CMSA\\_%28A%29\\_ACT\\_2010A1370.pdf](http://www.sc.com.my/eng/html/resources/acts/CMSA_%28A%29_ACT_2010A1370.pdf).
- Al-Syarbini. t.th. *Mughni al-Muhtaj*. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Tafsir pimpinan al-Qur'an kepada pengertian al-Qur'an*. 1987. Edisi kelapan. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Wikipedia. 2011. Capital Market. [http://en.wikipedia.org/wiki/Capital\\_market](http://en.wikipedia.org/wiki/Capital_market).
- Al-Zarqa', Mustafa Ahmad. 1967-68. *al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am*. Damshiq: Dar al-Fikr.

## **Pemakaian Instrumen Derivatif: Manfaat Kepada Lindung Nilai Atau Spekulasi?**

**HAILANI MUJI TAHIR  
SHOFIAN AHMAD, MAT NOOR MAT ZAIN  
AZLIN ALISA AHMAD, SHAHIDA SHAHIMI  
SAADIAH MOHAMAD**

### **Abstrak**

Lindung nilai merupakan salah satu kaedah pengurusan risiko yang diharuskan dalam Islam. Meskipun matlamat ini mendatangkan masalah, namun penggunaan derivatif untuk tujuan lindung nilai perlu diperhalusi. Ini kerana kebanyakan peserta pasaran lebih cenderung menggunakan derivatif untuk tujuan spekulasi berbanding dengan tujuan lindung nilai. Buktinya, 99 peratus daripada kontrak niaga hadapan digunakan untuk aktiviti spekulasi, sedangkan hanya satu peratus untuk aktiviti lindung nilai. Memandangkan kedua-dua aktiviti lindung nilai dan spekulasi menggunakan kaedah yang sama iaitu derivatif, maka penggunaan derivatif dalam pasaran semasa sering kali dipertikaikan. Persoalan yang perlu dirungkai di sini adalah sejauh mana instrumen derivatif yang digunakan sebagai instrumen lindung nilai pada masa kini benar-benar sesuai untuk diaplikasikan demi menjamin matlamat syariah terpelihara. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji sejauh mana pemakaian instrumen derivatif ini mampu mencapai objektif pengurusan risiko. Untuk mencapai objektif tersebut, kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan. Kajian ini mendapati bahawa instrumen derivatif sememangnya telah mendorong peserta pasaran melakukan aktiviti spekulasi yang bercanggah dengan prinsip-prinsip syariah dan akhirnya boleh mengakibatkan kejatuhan ekonomi

secara keseluruhan. Ini menunjukkan bahawa sekiranya instrumen derivatif diurus serta digunakan dengan baik, maka ia akan mendatangkan manfaat yang besar kepada ekonomi kerana ia mampu menjadi satu alat pengurusan risiko yang sangat efektif. Justeru, instrumen derivatif Islam mesti diterokai bagi menjadikan instrumen ini hanya digunakan dengan baik dan penyalahgunaannya dapat dielakkan.

### ***Abstrak***

*Hedging is one of the risk management tools which is allowed in Islam. Even though hedging gives benefit to the society, the usage of derivative instruments for hedging needs a thorough analysis. This is due to the current factor that market players are prone to use derivative for speculation instead of hedging as risk mitigation. This proves that 99 percent of futures contract has been used for speculation, while only one percent has been used for hedging. Since both hedging and speculation use the same risk mitigation tool, the application of derivative has become debatable among scholars. The central issue is, how far derivative instrument that has been used today can be applied as a risk management tool, so as to preserve the objectives of shariah? This research aims to investigate how far derivative instrument can be applied for the purpose of risk management, instead of speculation. To this end, this study has adopted library research method. The research finds that market players are inclined to use derivatives as a tool of speculation with the purpose of acquiring easy and high profit which contradicts to Islamic principles and consequently leads to the destruction of economy as a whole. However, derivative instrument may give great benefit to the economy if it is used wisely due to its viability as an effective risk management tool. Therefore the application of an Islamic derivative should be further scrutinised so that the misuse of derivative by industry players can be minimized.*



## **PENDAHULUAN**

Secara umumnya, lindung nilai merupakan suatu kaedah pengurusan risiko yang bertujuan untuk memastikan keuntungan yang bakal diperoleh dalam setiap transaksi yang dijalankan tidak akan terjejas manakala kerugian yang bakal dihadapi juga dapat diminimumkan. Sungguhpun matlamat lindung nilai diharuskan dalam Islam, namun kaedah ke arah mencapai matlamat tersebut masih belum mendapat kata sepakat daripada sarjana tentang keharusannya. Dalam konteks ini, penggunaan derivatif bagi mencapai matlamat lindung nilai masih menjadi perdebatan hangat dalam kalangan para ilmuwan Islam kerana instrumen derivatif mengandungi unsur riba, *gharar*, spekulasi, perjudian, tiada pemegangan aset, dan tidak melibatkan aset benar.

Derivatif merupakan satu kaedah yang amat popular untuk mengurus risiko, khususnya lindung nilai. Derivatif juga turut dinamakan sebagai 'lindung nilai spekulatif' memandangkan ia lebih digemari oleh para spekulator untuk mengaut keuntungan dengan mudah sekiranya ramalan tentang pergerakan harga yang dibuat adalah tepat. Ini bermakna, apabila pelabur memasuki pasaran untuk tujuan lindung nilai, mereka akan memasukinya bersama-sama dengan spekulator. Malah, tanpa kehadiran spekulator, matlamat untuk melindungi nilai tidak akan tercapai kerana hanya spekulator sahaja yang sanggup menanggung risiko yang tidak diinginkan oleh pelindung nilai. Ini seolah-olah menjadikan kehadiran spekulator terlalu penting dalam merancakkan pasaran derivatif seterusnya boleh memenuhi matlamat pelabur untuk melindungi nilai.

Pada hakikatnya, pengurusan risiko khususnya lindung nilai merupakan suatu aktiviti yang diharuskan di sisi Islam. Sungguhpun matlamat untuk melindungi nilai adalah harus, namun instrumen yang digunakan bagi mencapai matlamat tersebut perlu dikaji semula kerana mengikut prinsip muamalah Islam, 'matlamat tidak menghalalkan cara'. Jadi, isu yang perlu diselesaikan di sini adalah sejauh mana instrumen derivatif yang kini digunakan sebagai instrumen lindung nilai pada masa ini benar-benar sesuai untuk diaplikasikan demi menjamin matlamat syariah sentiasa terpelihara. Ini kerana, sungguhpun matlamat untuk melindungi nilai diharuskan, tetapi apa yang lebih penting ialah kaedah untuk mencapai matlamat tersebut mestilah menepati kehendak syariah.

Penyalahgunaan derivatif oleh peserta pasaran yang mahu mendapatkan keuntungan yang banyak dengan cara yang mudah pada hakikatnya telah mengakibatkan kejatuhan ekonomi dan negara.

Justeru, kajian ini akan mengupas kajian lepas tentang penggunaan instrumen derivatif dalam lindung nilai dan mengkaji sama ada instrumen tersebut pada hakikatnya digunakan sebagai alat untuk mengurus risiko atau alat untuk spekulasi. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sekiranya derivatif diuruskan serta digunakan dengan baik, maka ia mendatangkan manfaat yang besar kepada ekonomi kerana ia mampu menjadi satu alat pengurusan risiko yang sangat efektif. Malah, matlamat penjagaan harta yang merupakan salah satu daripada *maqasid al-syariah* juga akan turut terpelihara.

## **KONSEP LINDUNG NILAI**

Konsep lindung nilai dalam fahaman umum bermaksud membendung kemungkinan berlaku kerugian dan mengurangkan risiko telah diterima dan dibincangkan secara tidak langsung oleh ulama terdahulu. Menurut al-Suwailem (2006:57), lindung nilai dengan maksud yang menyeluruh adalah untuk mengurangkan (kemungkinan menghadapi risiko) sedaya mungkin. Menurut Clark & Ghosh (2004:2); Kolb & Overdahl (2007:18) lindung nilai merupakan satu aktiviti pembelian polisi insurans untuk melindungi komoditi atau aset kewangan daripada ditimpa kerugian akibat daripada risiko yang tidak diingini. Jadi ia diperlukan untuk melindungi aset daripada perubahan harga yang bertentangan. Perubahan tersebut adalah di luar jangkaan dan merupakan perubahan tidak diingini.

Selain itu, lindung nilai juga dapat ditakrif sebagai suatu usaha untuk memastikan bahawa risiko atau kemungkinan berlakunya kerugian dapat dikurangkan apabila seseorang membuat komitmen di pasaran tunai. Ini kerana peniaga yang memasuki pasaran biasanya belum memiliki barangan yang ingin dijual, sebaliknya akan membeli barangan tersebut pada masa akan datang; apabila tiba masa dia harus menyerahkan barangan tersebut kepada pembelinya. Justeru, lindung nilai diharapkan dapat menghadkan kerugian apabila tiba masa peniaga

tersebut harus membeli barangan untuk dijual pada masa akan datang (Salihin, 2000:137).

Secara umumnya, aktiviti pelaburan dan perniagaan antarabangsa yang melibatkan urusan eksport dan import yang menggunakan mata wang negara asing merupakan antara transaksi yang paling memerlukan instrumen lindung nilai (Dahl, 1993:6). Perdagangan antarabangsa bukan sahaja melibatkan urusan penerimaan dan penghantaran barangan atau perkhidmatan dari satu negara ke negara lain, tetapi ia juga melibatkan urusan penerimaan dan pembayaran daripada aktiviti import atau eksport sesebuah negara. Jadi, penerimaan dan pembayaran ini melibatkan pelbagai jenis mata wang dari banyak negara (Wan Mansor, 1993:2). Memandangkan turun naik kadar mata wang sama ada boleh memberi keuntungan atau kerugian kepada pengimport atau pengeksport, maka aktiviti lindung nilai akan dapat mengurangkan kebimbangan terhadap kadar tukaran wang asing.

Malah risiko yang tidak diingini oleh mereka akan dapat dipindahkan kepada spekulator yang sanggup menanggungnya dengan harapan akan mendapat keuntungan daripada perubahan harga di pasaran. Disebabkan aktiviti lindung nilai berkait rapat dengan aktiviti spekulasi, maka terdapat banyak yang menganggap bahawa konsep lindung nilai adalah untuk mendapatkan keuntungan yang maksimum.

Nadwah al-Barakah dalam persidangan ke-28 di Jeddah (16-17 September 2007) telah mengeluarkan resolusi berhubung dengan lindung nilai. Menurut resolusi tersebut: (a) Berdasarkan kaedah fiqah iaitu *al-ghunmu bi al-ghurmi* yang membawa maksud sebarang pendapatan atau keuntungan yang dihasilkan adalah dengan berdasarkan kepada risiko yang diambil menunjukkan bahawa sebarang aktiviti perdagangan dan pelaburan tidak boleh memisahkan antara keuntungan (*al-ghunm*). dengan risiko (*al-ghurm*). (b) Mengurangkan risiko diharuskan sekiranya diurus selaras dengan mekanisme akad dan instrumen yang selaras dengan syariah selagi ia tidak menyebabkan berlakunya perkara-perkara yang bercanggah dengan syariah (Ahmad Suhaimi, 2010:108).

Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa konsep lindung nilai yang sebenar hanyalah untuk meminimumkan risiko atau kemungkinan kerugian yang tidak diingini semata-mata, bukannya untuk memperoleh

keuntungan berdasarkan ramalan semata-mata. Namun, isu yang masih dipersoalkan ialah, sejauh mana penggunaan derivatif mampu mencapai matlamat untuk melindungi nilai kerana pada masa yang sama ia juga merupakan instrumen spekulasi. Sebelum membincangkan penyalahgunaan derivatif untuk tujuan spekulasi, kertas kerja ini akan menerangkan kepentingan serta keperluan derivatif dalam mencapai matlamat pengurusan risiko, khususnya lindung nilai.

## **KEPERLUAN DERIVATIF DALAM MENGURUS RISIKO**

Derivatif merupakan instrumen kewangan yang nilainya bergantung kepada nilai aset pendasar. Aset pendasar ini kebiasaannya terdiri daripada komoditi (seperti minyak sawit mentah, timah, dan sebagainya) dan aset kewangan (seperti saham dan bon) (Rosalan et al., 2009:23). Jadi, harga instrumen derivatif ini berdasarkan harga sebenar aset fizikal atau aset kewangan. Ini bermakna derivatif tidak boleh berdiri sendiri, sebaliknya mestilah disokong oleh aset yang mendasari transaksi tersebut (Obiyathulla, 2007:2). Sejarah pasaran derivatif telah membuktikan bahawa derivatif lahir hasil daripada keperluan untuk mengurus risiko.

Secara umumnya, instrumen derivatif terdiri daripada kontrak hadapan 'forward', kontrak niaga hadapan 'futures', opsi, dan swap. Kontrak hadapan didefinisikan sebagai kontrak antara dua pihak untuk melaksanakan transaksi pada masa hadapan dan harga ditetapkan berdasarkan persetujuan bersama-sama antara dua pihak pada hari ini (Dubofsky & Miller Jr, 2003:4; Obiyathulla, 2007:3). Kontrak hadapan merupakan kontrak tradisional yang kewujudannya adalah paling awal dibandingkan dengan produk derivatif kewangan yang lain. Rasional di sebalik kemunculan kontrak hadapan disebabkan oleh keperluan manusia untuk melindungi nilai daripada pergerakan harga pada masa akan datang.

Kontrak hadapan membenarkan petani untuk membuat perancangan berkaitan pengeluarannya serta mengurangkan kos tanaman mereka dan dapat menghapuskan risiko turun naik harga kerana harga sudah diketahui dan ditetapkan. Di samping itu, ia juga membantu pengguna bahan mentah membuat perancangan apabila sudah mengetahui



jumlah kos yang diperlukan untuk pengeluaran komoditi akhir serta membuat komitmen tentang penghantaran pada masa akan datang. Kontrak hadapan juga mampu mengurangkan kos penstoran kerana barangan kebiasaannya akan dibeli oleh peniaga pada atau sebelum masa penyerahan barangan dilakukan. Ini berbeza dengan kontrak tunai yang memerlukan kos penyimpanan barangan sebelum menyempurnakan transaksi jualan kepada pelanggan yang berkehendakkan barangan (Dubofsky & Miller Jr, 2003:5).

Disebabkan terdapat beberapa kelemahan dalam kontrak hadapan, maka kontrak niaga hadapan dibangunkan bagi membolehkan bukan sahaja petani atau pedagang melakukan transaksi, malah sesiapa sahaja yang berminat untuk meramal pergerakan harga dan tidak memerlukan penghantaran barangan sebenar juga boleh memasukinya. Kontrak niaga hadapan hampir menyerupai ciri-ciri kontrak hadapan, cuma perbedaannya ialah kontrak ini telah dipiawaikan menurut spesifikasi tertentu dan diniagakan secara tersusun di bursa. Jadi, bursa bertindak sebagai orang tengah yang akan menemukan pembeli dan penjual yang mempunyai kehendak yang sama (Obiyathulla, 2007:5). Kehadiran bursa dalam kontrak niaga hadapan ini menjamin bahawa tidak akan berlaku risiko kemungkiran bayaran oleh pihak yang berkontrak seperti yang wujud dalam kontrak hadapan. Ini kerana setiap kontrak yang dilakukan atau akan ditamatkan akan diselaraskan oleh bursa dan menjadikan kontrak ini lebih adil (ISRA-CAGAMAS, 2011:591). Selain itu, bursa juga berperanan menetapkan margin untuk melindungi siapa daripada kerugian sekiranya berlaku sebarang kemungkiran oleh peserta pasaran (Obiyathulla, 2007: 20).

Kontrak niaga hadapan merupakan kontrak popular untuk lindung nilai kerana ia mampu melindungi transaksi besar dengan hanya menggunakan kos yang sedikit. Penstandardan dalam kontrak niaga hadapan memberi kelebihan seperti penemuan harga yang cekap 'efficient price discovery', meningkatkan kecairan, mengurangkan kos transaksi, dan memudahkan penyebaran harga 'easy price dissemination' (Rosalan & Safinar, 2006:72; Obiyathulla, 2007:4). Kontrak ini sangat diminati oleh peserta pasaran kerana mereka boleh masuk dan keluar daripada kontrak tersebut pada bila-bila masa yang dikehendaki.

Instrumen derivatif lain ialah opsi yang merupakan kontrak yang memberikan satu pihak hak, bukan obligasi untuk membeli atau menjual aset pendasar pada harga yang telah ditetapkan 'strike price' pada satu tarikh yang ditetapkan pada masa hadapan. Opsi membolehkan pelabur mengunci harga belian atau jualan aset pendasar pada masa hadapan. Pembeli opsi hanya akan melaksanakan pembelian opsi tersebut sekiranya kadar faedah bergerak ke arah yang diharapkan. Sekiranya pergerakan harga tidak sama seperti yang diharapkan, maka pembeli opsi akan membuat keputusan untuk tidak melaksanakan kontrak tersebut (ISRA-CAGAMAS, 2011:602). Menurut Obiyathulla, (2007:5), dan Kuhibava, (2008:564), ciri-ciri yang terdapat pada opsi seperti sifat yang fleksibel serta boleh dikombinasikan dalam pelbagai cara untuk mencapai objektif tertentu telah menjadikannya sesuai untuk memenuhi matlamat lindung nilai. Dengan menerima pakai opsi, maka suatu pihak yang berkontrak berkewajipan untuk melaksanakan kontrak tersebut, diberi pilihan sama ada untuk meneruskan atau tidak kontrak tersebut.

Instrumen derivatif seterusnya ialah 'swap', yang merupakan rangkaian daripada kontrak hadapan. Ia merupakan perjanjian dua hala antara dua pihak yang bersetuju untuk melakukan pembayaran berkala secara bersama bagi menukar dua aliran dana yang berbeza. Perjanjian swap dapat dilakukan dengan menukarkan aset atau liabiliti dalam mata wang yang sama atau berbeza atau menukar aliran faedah yang terapung dengan aliran faedah yang tetap (Asyraf Wajdi, 2010:5). Swap boleh dibahagikan kepada dua bentuk, iaitu swap kadar faedah dan swap mata wang. Swap kadar faedah digunakan apabila salah satu pihak memerlukan kadar faedah tetap, tetapi akan mendapat lebih manfaat dalam kadar terapung; manakala satu pihak lagi memerlukan kadar faedah terapung; tetapi akan mendapat lebih manfaat dalam kadar faedah tetap. Dengan ini, kedua-dua pihak akan mendapat manfaat apabila menukar kadar pinjaman tersebut (biasanya melalui bank dan bank akan mengenakan upah).

Swap mata wang pula merupakan aktiviti yang melibatkan pertukaran pinjaman dalam mata wang yang berbeza yang kadar faedah turut ditukar (Clark & Ghosh, 2004:41). Dengan kata lain, ia melibatkan pertukaran mata wang asing pada permulaan dan pada tempoh matang

dan pertukaran dua kali ini menjadikannya berbeza dengan kontrak pertukaran hadapan (Asyraf Wajdi, 2010: 21).

## **DERIVATIF SEBAGAI INSTRUMEN LINDUNG NILAI DAN SPEKULASI**

Pada abad ke-12 di Eropah, iaitu pada era Revolusi Perindustrian, para pedagang telah melakukan transaksi di mana barangan jualan akan diserahkan pada masa akan datang mengikut harga yang dipersetujui bersama. Memandangkan harga telah ditetapkan dan dikunci pada masa kontrak dibuat, maka kedua-dua pihak (pembeli dan penjual) akan dilindungi daripada pergerakan harga yang boleh menyebabkan kerugian yang besar kepada mereka. Dengan adanya instrumen derivatif, pengeluar dan peniaga juga sudah tidak perlu bimbang akan pergerakan harga dalam pasaran kerana mereka boleh melindungi nilai komoditi mereka daripada keterdedahan risiko tersebut. Dengan melindungi nilai, aktiviti ekonomi benar yang dijalankan oleh mereka akan sentiasa terjamin daripada sebarang risiko.

Disebabkan tiada seorang pun individu di muka bumi ini sanggup menerima atau menanggung risiko individu lain secara percuma, maka instrumen derivatif tersebut diharapkan dapat memberikan kemudahan dalam pemindahan risiko ini. Tambahan pula, derivatif melibatkan dua pasaran berbeza, iaitu pasaran derivatif dan pasaran fizikal (Rosalan & Shafinar, 2006:28) yang merupakan ciri penting dan sesuai untuk aktiviti pengurusan risiko dilaksanakan.

Meskipun instrumen derivatif sangat sesuai digunakan dalam pengurusan risiko, namun peserta pasaran lebih gemar menggunakan instrumen tersebut untuk melakukan aktiviti spekulasi. Ini dibuktikan oleh Office of the Controller of the Currency (OCC) yang menyatakan bahawa hanya 2.7 peratus daripada jumlah instrumen derivatif digunakan untuk tujuan lindung nilai sedangkan 97.3 peratus digunakan untuk tujuan spekulasi (al-Suwailem, 2006:42). Meskipun kontrak niaga hadapan mempunyai ciri-ciri yang sesuai untuk memenuhi keperluan lindung nilai, namun kontrak tersebut jarang digunakan untuk melindungi nilai, sebaliknya peserta pasaran lebih berminat melakukan

aktiviti spekulasi dengan tujuan untuk meraih keuntungan yang banyak. Ini kerana spekulator menggunakan kontrak niaga hadapan untuk memperoleh keuntungan dengan menutup akaun mereka sebelum berlakunya penghantaran komoditi. Perbuatan tersebut juga dikenali dengan penyelesaian tunai di mana kontrak tersebut tidak berakhir dengan penyerahan komoditi yang sebenar.

Ini menunjukkan bahawa sungguhpun instrumen tersebut bertujuan untuk memenuhi keperluan lindung nilai, namun ia telah digunakan secara berleluasa dan tidak terhad untuk tujuan lindung nilai sahaja. Malah, penggunaan derivatif sebagai kaedah untuk lindung nilai adalah sama dengan kaedah yang digunakan dalam aktiviti spekulasi, sekali gus mengakibatkan sukar untuk memisahkan antara spekulator dengan pelindung nilai sebenar (Saadiyah & Tabatabaei, 2008:4).

Sungguhpun derivatif memainkan peranan penting dalam pengurusan risiko khususnya lindung nilai, namun derivatif juga mendatangkan kesan yang buruk kepada sistem ekonomi. Derivatif telah mengakibatkan kerugian besar dan kejatuhan institusi perbankan dan korporat. Malah menurut Birch (2009:8), kerugian yang berlaku dalam 'Long-Term Capital Management' (LTCM), menyebabkan 'Orange County, California' mufis; dan kejatuhan Procter & Gamble dan Barings menggambarkan bagaimana instrumen derivatif telah menjatuhkan sistem ekonomi.

Tambahan pula, dengan adanya kemudahan telekomunikasi yang semakin canggih telah memudahkan pasaran derivatif berkembang dengan lebih pesat serta membolehkan aktiviti jualan dan belian risiko dijalankan secara terbuka. Majoriti peserta pasaran menggunakan derivatif bukan untuk mengurangkan risiko, sebaliknya untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar dengan melakukan aktiviti spekulasi dan leveraj. Perkara ini terbukti apabila jumlah dagangan dalam kontrak derivatif melebihi nilai sebenar yang terdapat dalam pasaran tunai.

Pasaran derivatif menjadi rancak apabila wujudnya dua pihak yang mempunyai persepsi yang berbeza tentang pergerakan harga hadapan. Satu pihak menjangkakan harga akan naik dan satu pihak lagi menjangkakan harga akan turun. Apa yang pasti adalah tiada satu pun antara kedua-dua pihak tersebut mengetahui apa yang akan terjadi

pada pasaran tunai pada masa akan datang. Senario ini menggambarkan bahawa dalam urus niaga derivatif, tidak dapat dielakkan bahawa pihak yang turut sama terlibat dalam aktiviti ini ialah spekulator. Jadi, bagi setiap pelindung nilai, terdapat spekulator (al-Suwailem, 2006:47). Ini bermakna, bagi setiap strategi pengurusan risiko, terdapat aktiviti.

## **LINDUNG NILAI LAWAN SPEKULASI**

Penggunaan instrumen derivatif sebagai alat pengurusan risiko, pada hakikatnya, memerlukan satu kefahaman yang jelas tentang perbezaan antara pelindung nilai dengan spekulator. Pada zahirnya, kehadiran spekulator dalam pasaran tidak menimbulkan sebarang perbezaan dengan pelabur tulen yang lain kerana urus niaga yang dilakukan menggunakan instrumen yang sama, iaitu derivatif. Dengan demikian, adalah penting untuk mengetahui pemain pasaran yang terlibat secara langsung dalam pasaran derivatif.

Secara umumnya, pedagang atau pelabur yang menyertai pasaran derivatif terdiri daripada tiga golongan, iaitu pelindung nilai, spekulator, dan pengorbitraj (Rosalan et al., 2009:26-27). Walau bagaimanapun, adalah terlalu sukar untuk membezakan pemain pasaran ini, sama ada mereka menyertai pasaran untuk tujuan lindung nilai ataupun hanya semata-mata bermotifkan keuntungan yang maksimum.

Bagi memastikan bahawa lindung nilai ini tidak disalah ertikan dengan perbuatan spekulasi, maka penting untuk kita mengenal pasti perbezaan antara kedua-dua peserta pasaran ini. Pelindung nilai merupakan peserta asas kepada pasaran derivatif kerana tujuan utama derivatif diperkenalkan adalah untuk melindungi nilai (Obiyathulla, 2007:6). Para spekulator pula bermain dengan pergerakan harga dalam pasaran dan berjanji untuk melakukan penghantaran barangan pada masa akan datang. Namun, hakikat yang sebenar ialah mereka tidak pernah membenarkan kontrak tersebut berlangsung sehingga ke tempoh matang dan melakukan penghantaran barangan. Sebaliknya mereka akan menutup posisi yang diambil dengan melakukan transaksi yang bertentangan dengan posisi yang diambil sebelum tarikh matang. Ini kerana para spekulator tidak pernah berminat untuk memperoleh barangan sebenar dalam aktiviti dagangan mereka.

Selain itu, aktiviti spekulasi biasanya dijalankan bagi satu jangka masa yang sangat singkat kerana para spekulator mahu mendapatkan keuntungan yang banyak dalam jangka masa yang singkat. Disebabkan spekulator langsung tidak berminat dengan komoditi atau sebarang barangan yang diniagakan dalam pasaran hadapan, maka aktiviti spekulasi tidak akan berakhir dengan penyerahan barangan yang sebenar. Malah, para spekulator mencari keuntungan hasil daripada jual beli risiko.

Secara umumnya, dapatlah disimpulkan bahawa aktiviti spekulasi sangat berbeza dengan pelaburan tulen yang juga bertindak sebagai pelindung nilai dari tiga aspek utama, iaitu dari sudut objektif, pegangan aset, dan pengambilan risiko. Dari segi objektif, aktiviti spekulasi lebih mementingkan keuntungan semata-mata. Mereka tidak mementingkan pendapatan semasa dalam bentuk dividen atau kadar faedah seperti yang diperlukan oleh pelabur. Sebaliknya para spekulator lebih gemar akan pelaburan yang lebih tinggi risikonya. Ini kerana semakin tinggi tingkat risiko sesuatu aset, semakin tinggi pulangan yang dijangkakan daripada aset berkenaan.

Hal ini berbeza dengan pelindung nilai kerana mereka mahu berlindung daripada risiko yang terlalu tinggi disebabkan bimbang akan ditimpa kerugian. Dengan demikian, para spekulator lebih mementingkan turun naik harga kerana sekiranya ramalan yang dibuat adalah tepat, maka mereka akan memperoleh keuntungan yang besar dengan terlalu mudah. Malah, semakin kerap berlaku turun naik harga di pasaran, semakin baiklah kedudukan para spekulator tersebut. Sedangkan objektif pelindung nilai yang tulen hanyalah untuk mengurangkan risiko semata-mata, bukannya mengaut keuntungan yang besar hasil daripada ramalan dan andaian sahaja.

Dari segi pemilikan pula, aktiviti spekulasi tidak pernah menginginkan pemilikan aset. Sebaliknya mereka akan menutup dagangan mereka sebelum tarikh matang kerana tidak berminat atas barang dagangan tersebut. Ini menunjukkan bahawa kontrak yang dibuat hanyalah berlaku di atas kertas sahaja. Manakala aktiviti lindung nilai melibatkan aset sebenar dan aset tersebut mesti benar-benar wujud dan dimiliki oleh pihak penjual. Apabila penyerahan barangan dilakukan, pemindahan hak milik mestilah benar-benar berlaku dalam aktiviti lindung nilai, bukannya kontrak di atas kertas semata-mata.

Perbezaan dari segi pengambilan risiko pula ialah para spekulator merupakan penggemar risiko, manakala pelindung nilai kebanyakannya sangat berwaspada terhadap risiko dan berusaha untuk mengurangkan risiko tersebut. Selain itu, aktiviti spekulasi boleh mengakibatkan harga akan menjadi semakin jauh berbeza daripada harga sebenar. Manakala dalam aktiviti lindung nilai, pergerakan harga turun naik tidak akan berlaku dengan ketara, malah pelindung nilai sendiri sentiasa mengharapkan harga yang stabil. Jadi, lindung nilai dan spekulasi berbeza disebabkan transaksi lindung nilai melibatkan jumlah risiko yang terhad di mana kebarangkalian untung melebihi kebarangkalian rugi dan matlamat sebenar adalah untuk meminimumkan risiko kerugian. Manakala aktiviti spekulasi bertujuan untuk memperoleh keuntungan dengan mengambil risiko yang tinggi di mana kebarangkalian rugi melebihi kebarangkalian untung.

Ini membuktikan bahawa spekulasi merupakan aktiviti yang merosakkan (*destructive act*) dan hanya akan meningkatkan jumlah risiko dalam ekonomi. Berdasarkan perbezaan dengan aktiviti lindung nilai dan aktiviti spekulasi, jelaslah menunjukkan kepada kita bahawa kedua-dua aktiviti ini mempunyai perbezaan yang ketara, malah impak yang diberikan juga turut berbeza. Jadual 1 (hlm 69) memberi gambaran secara ringkas tentang perbezaan aktiviti lindung nilai dan spekulasi.

## **PERBINCANGAN KAJIAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM**

Risiko merupakan salah satu elemen penting dan lumrah yang perlu dihadapi oleh pedagang dan pelabur sebelum memperoleh keuntungan. Tanpa terlebih dahulu berdepan dengan risiko, keuntungan yang diperolehi adalah tidak sah di sisi Islam. Namun, risiko yang diambil perlulah seimbang dan memadai dengan pulangan yang bakal diperolehi. Ini bermakna, risiko tidak boleh terlalu tinggi sehingga boleh mendatangkan kemudaratan kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti pelaburan atau perdagangan. Disebabkan risiko secara umumnya merupakan sesuatu yang tidak disukai, maka ia dianggap sebagai kerosakan dan memudaratkan (*darar*) yang mesti dikurangkan seminimum mungkin. Ini adalah bertepatan dengan kaedah fiqah yang berbunyi:

Maksudnya:  
*Risiko mesti dihilangkan*

**Jadual 1:** *Perbezaan Antara Lindung Nilai Dan Spekulasi*

Lindung Nilai	Spekulasi
Pelindung nilai bersikap waspada terhadap risiko	Spekulator gemarkan risiko
Bertujuan untuk mengurangkan risiko	Bertujuan memperoleh keuntungan dengan mudah dan banyak
Memindahkan risiko yang tidak diinginkan kepada pihak lain (spekulator)	Menyerap risiko yang tidak diinginkan oleh pelindung nilai
Mengurus risiko yang ada bagi mengelak kerugian	Mencari keuntungan daripada jual beli risiko
Melibatkan aktiviti ekonomi benar	Tidak melibatkan aktiviti ekonomi benar
Mesti mempunyai aset	Tidak melibatkan pegangan aset
Melibatkan penghantaran barangan	Menutup dagangan sebelum tarikh matang dan juga sebelum penghantaran barangan

Oleh itu, pengurusan risiko sangat penting bagi memastikan keuntungan yang sepatutnya diperoleh tidak akan berkurangan disebabkan kehadiran risiko tersebut. Memandangkan risiko boleh mendatangkan kemudaran, maka Islam menitikberatkan umatnya agar berusaha mengurus risiko dengan bijak dan terancang. Dengan sebab inilah juga Islam menjadikan matlamat penjagaan harta sebagai salah satu daripada *maqasid al-shari'ah*. Para ilmuwan Islam telah sepakat tentang keharusan aktiviti lindung nilai selagi mana ia tidak bertentangan dengan syariah. Malah, Islam juga membenarkan lindung nilai yang bertujuan untuk mengekalkan kemungkinan memperoleh keuntungan hasil daripada perniagaan dan pelaburan yang halal.



Kegagalan melindungi harta dalam berhadapan risiko dan kerugian dianggap sama seperti pengabaian tanggungjawab seseorang terhadap agama dan dibenci oleh Allah. Begitu juga dengan perbuatan berdiam diri tanpa mengambil sebarang langkah melindungi harta daripada risiko, ia seolah-olah telah mengabaikan kaedah *maqasid al-shari'ah*.

درء المفسد اولى من جلب المصالح فإذا تعارض مفسدة ومصلة  
قدم دفع المفسدة

Maksudnya:

*Menolak keburukan adalah lebih utama daripada memelihara kebaikan. Sekiranya berlaku pertembungan antara keduanya, maka menolak keburukan lebih diutamakan.*

Kaedah fiqah di atas menunjukkan bahawa perbuatan menolak kerosakan lebih diberi keutamaan berbanding dengan memperoleh keuntungan. Ini bermakna, mengurangkan risiko lebih diutamakan kerana risiko dikira sebagai kerosakan, maka ia lebih penting daripada memperoleh keuntungan (Tag el-Din, 2009:3). Tambahan pula, keperluan penjagaan harta ini sangat penting kerana harta merupakan amanah daripada Allah SWT yang harus dijaga dan diuruskan dengan baik. Penjagaan harta ini seolah-olah satu tanggungjawab yang diberikan oleh Allah SWT kepada umat-Nya. Harta merupakan perkara yang sangat diperlukan dalam meneruskan kehidupan seharian. Tanpa sebarang harta, hidup manusia akan binasa dan porak-peranda kerana tidak mampu memenuhi keperluan hidup.

Meskipun lindung nilai diharuskan dalam Islam serta mendatangkan *maslahah* kepada masyarakat, khususnya kepada pihak yang berkontrak, namun kehadiran unsur perjudian dan spekulasi dalam derivatif yang merupakan instrumen lindung nilai ini tidak dibenarkan. Kenyataan ini disokong oleh al-Suwailem (2006:57) yang berpandangan bahawa lindung nilai dengan maksud umum ini sejajar dengan *maqasid al-shari'ah*. Namun, yang menjadi isu adalah dari segi instrumen dan wasilah yang digunakan untuk mencapai matlamat ini. Sekiranya instrumen yang digunakan itu mengandungi pertaruhan dan perjudian, maka ia diharamkan, meskipun matlamat yang ingin dicapai itu diterima oleh syarak kerana matlamat tidak menghalalkan cara. Wasilah yang haram

boleh membawa kepada kesan yang memudaratkan, bertentangan dengan matlamat asal pada penghujungnya.

Selain itu, kontrak niaga hadapan yang merupakan salah satu daripada instrumen derivatif yang terkenal dalam menyediakan kemudahan lindung nilai pada hakikatnya adalah bertentangan dengan kehendak syariah. Kontrak niaga hadapan tidak memerlukan aktiviti ekonomi benar berlaku, sebaliknya kontrak yang dijalankan adalah di atas kertas semata-mata. Ini bermakna, kontrak tersebut melibatkan aktiviti belian dan jualan komoditi sebelum penyerahan dilakukan, manakala peserta yang menyertainya (spekulator) tidak mempunyai niat untuk memiliki komoditi yang didagangkan tersebut. Ini menunjukkan bahawa kontrak niaga hadapan yang melibatkan jualan komoditi yang belum wujud dan tidak melibatkan penyerahan barangan sebenar jelas tidak menepati prinsip-prinsip muamalah Islam. Apabila kontrak ini tidak memerlukan penyerahan barangan, maka ia membolehkan aktiviti spekulasi menjadi semakin berleluasa.

Sungguhpun amalan spekulasi boleh membuahkan keuntungan yang lumayan, namun ia juga boleh merugikan diri sendiri sekiranya ramalan dan keputusan yang dibuat tidak tepat. Al-Suwailem (2006:69) menyatakan bahawa instrumen derivatif mengandungi unsur *gharar fahish* yang bersamaan dengan 'zero sum game' yang mempunyai sifat ketidaktentuan pada akhirnya. Kesemua instrumen derivatif mengandungi 'zero sum game' kerana sesuatu keuntungan yang diperoleh oleh satu pihak akan menggambarkan kerugian bagi satu pihak lain. Ini bermakna, sungguhpun derivatif diperlukan dalam lindung nilai, namun kehadiran 'zero sum nature of the game' telah menjadikan kontrak tersebut bertentangan dengan kehendak syariah.

Ini menunjukkan bahawa cabaran utama industri kewangan Islam adalah untuk mengembangkan kaedah pengurusan risiko yang berlandaskan syariah dalam melindungi nilai daripada ketidaktentuan pasaran global. Sikap mengadaptasi produk derivatif konvensional untuk mengurus risiko dalam kewangan Islam bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah, bahkan boleh mengakibatkan bertambahnya risiko yang terpaksa dihadapi. Ini kerana instrumen derivatif konvensional sememangnya diwujudkan untuk menyelesaikan masalah yang berlaku

dalam konvensional, sedangkan risiko dalam kewangan Islam lebih unik dan rumit (Khan & Ahmed, 2001:22).

## **HASIL KAJIAN**

Tidak dapat dinafikan bahawa untuk mencapai kaedah lindung nilai yang hakiki tanpa ada sebarang unsur perjudian dan spekulasi merupakan cabaran besar kepada kewangan Islam (al-Suwailem, 2006:27). Ini kerana tanpa kehadiran spekulator, sudah pasti tiada ruang untuk pelabur melakukan aktiviti lindung nilai. Jadi, menghapuskan aktiviti tersebut secara mutlak ialah sesuatu yang terlalu sukar. Penggunaan derivatif untuk tujuan aktiviti spekulasi berskala besar boleh mengakibatkan ketidakstabilan ekonomi. Dengan ini, tidak dinafikan bahawa pihak yang rugi akan terkesan dengan kemudaratan, sedangkan prinsip syariah mengatakan kemudaratan mesti dihilangkan.

Selain itu, krisis ekonomi baru-baru ini turut dikaitkan dengan penggunaan instrumen derivatif. Ini disebabkan oleh aktiviti perjudian yang berkait rapat dengan jualan singkat dan pembelian saham serta komoditi dan tukaran wang asing. Dalam keadaan sebenar, khabar angin yang disebarkan oleh 'insider' dan mereka yang berkepentingan sendiri telah menjadikan para spekulator melakukan pertaruhan bagi memperoleh keuntungan dengan melakukan aktiviti jualan dan belian barangan yang sama dan akhirnya menyebabkan harga turun naik dengan sangat kerap.

Obiyathulla (2007:3) berpandangan bahawa masalah sekarang ialah ia bukanlah terletak pada instrumen derivatif tersebut, sebaliknya pemain pasaran yang telah menyalahgunakan instrumen ini untuk meraih keuntungan bagi diri mereka sendiri dengan melakukan spekulasi yang kadangkala tidak masuk akal. Justeru, sikap menerima atau menolak derivatif secara total ialah satu tindakan yang salah (al-Amine, 2008:42).

Memandangkan instrumen derivatif masih lagi dalam peringkat perdebatan kerana ia merupakan instrumen untuk mengurus risiko dan juga spekulasi, maka penyelesaian kepada masalah pengurusan risiko perlu diperolehi melalui cara lain, bukannya melalui pemakaian instrumen derivatif. Dalam konteks ini, Khan (1995:35) berpandangan bahawa kontrak *al-salam* adalah lebih praktikal berbanding dengan

kontrak niaga hadapan dalam memenuhi tujuan lindung nilai. Malah, kontrak *al-salam* juga sesuai dijadikan alat kepada aktiviti lindung nilai dalam kontrak niaga hadapan disebabkan oleh syarat-syarat yang mesti dipatuhi dan kontrak *al-salam* tidaklah begitu ketat dan boleh menerima perubahan.

Meskipun kontrak *al-salam* boleh dikiaskan dengan kontrak hadapan, namun ia tidak boleh digunakan untuk tujuan spekulasi dan monopoli, sebaliknya hanya boleh digunakan untuk penukaran barangan sebenar sahaja. Dengan ini, kontrak tersebut tidak akan mengakibatkan bertambahnya aktiviti spekulasi, tetapi hanya akan berguna kepada pengeluar dan pedagang yang terlibat dalam dagangan yang sebenar (Khan 1995:20). Dalam kontrak niaga hadapan komoditi Islam, hanya pembeli, sebelum tarikh matang boleh menjual komoditi tersebut atau memindahkan pemilikan kepada pihak ketiga dan melakukan kontrak 'parallel' *al-salam* (Khan, 1995:37).

Masalah dalam realiti pasaran semasa adalah, sekiranya kontrak hadapan dan niaga hadapan menggunakan kontrak *al-salam* untuk tujuan lindung nilai, pembayaran penuh harga aset ketika kontrak terlaksana mestilah dilakukan. Sedangkan, realiti yang berlaku ialah pembeli tidak membayar harga penuh ketika melakukan kontrak, sebaliknya hanya pembayaran margin sahaja dibuat dan ia tidak memenuhi syarat kontrak *al-salam*. Bahkan, apa yang diperlukan oleh peserta pasaran hanyalah ketetapan harga bagi membolehkan mereka melindungi nilai dan ada yang mengambil kesempatan daripada pergerakan harga tersebut. Ini menunjukkan bahawa kontrak *al-salam* tidak dapat menawarkan alternatif yang sempurna kepada instrumen derivatif konvensional (Engku Rabiah, 2010:78).

Meskipun instrumen derivatif boleh mengundang kemudaran, namun disebabkan instrumen tersebut masih diperlukan untuk memenuhi keperluan lindung nilai yang sangat mendesak ini, maka alternatif kepadanya hendaklah diterokai. Jadi, bagi membangunkan produk lindung nilai Islam yang lebih adil dan kompetitif, industri kewangan Islam pada masa ini mula meneroka dan menerima pakai prinsip *wad'*. Prinsip *wad'* yang distrukturkan dalam kontrak hadapan ini adalah lebih sesuai dan mampu menjadi alternatif sempurna kepada instrumen derivatif konvensional dengan syarat kontrak yang dibuat

mestilah terikat dengan aktiviti ekonomi benar bagi mengelakkan wujudnya ruang untuk spekulator mengambil kesempatan daripada pergerakan harga. Sekiranya mekanisme lindung nilai yang bertujuan untuk menjaga harta ini menggunakan akad dan prosedur yang dibenarkan, maka ia adalah selaras dengan *maqasid al-shari'ah* (Ahmad Suhaimi, 2010:124).

## **PENUTUP**

Selain menjadi alat untuk mengurus risiko, instrumen derivatif juga pada realitinya merupakan alat terkenal untuk aktiviti spekulasi. Jadi, derivatif yang pada asasnya dicipta untuk tujuan pengurusan risiko ini lebih digemari oleh peserta pasaran untuk melakukan aktiviti spekulasi berbanding dengan lindung nilai, meskipun pada permulaan kontrak mereka menyatakan keinginan untuk melindungi nilai.

Justeru, semua transaksi yang bertujuan mengurus risiko mestilah dipastikan tidak melibatkan aktiviti-aktiviti haram agar pengurusan risiko seperti yang diharuskan dalam Islam dapat dicapai, sekali gus dapat bersaing dengan instrumen lindung nilai konvensional. Meskipun kontrak *al-salam* memenuhi syarat yang dinyatakan tersebut, namun ia tidak dapat diaplikasikan dalam pasaran semasa kerana realiti yang berlaku adalah hanya pembayaran margin dilakukan, dan ini tidak memenuhi syarat kontrak *al-salam*. Dengan ini, prinsip *wa'd* mula diteroka dan diadaptasi dalam industri kewangan Islam yang amat memerlukan produk lindung nilai yang selaras syariah. Memandangkan kajian ini terbatas kepada penggunaan derivatif untuk lindung nilai, maka disarankan agar kajian akan datang dapat menumpukan perhatian kepada potensi dan prospek pemakaian prinsip *wa'd* dalam menstrukturkan produk lindung nilai Islam. Instrumen lindung nilai Islam tersebut mestilah dilakukan secara telus dan adil supaya dapat bersaing dengan instrumen lindung nilai konvensional yang dikatakan lebih canggih dan inovatif.

## **NOTA HUJUNG** **(Endnotes)**

- 1 Sebagai contoh, syarikat A meminjam wang dengan kadar faedah terapung, maka syarikat A akan berlindung daripada kenaikan kadar faedah ini. Jadi, syarikat A bersetuju untuk membayar kadar faedah tetap terhadap bank B. Secara teori, pada awal swap dilakukan, kedua-dua pihak yang berkontrak tidak mendapat lebih manfaat berbanding dengan pihak lain kerana keuntungan telah distrukturkan terhadap instrumen. Jika kadar faedah mula naik, syarikat A akan memperoleh keuntungan daripada bayaran kadar faedah yang tinggi oleh bank B. Sebaliknya, jika kadar faedah jatuh, syarikat A terpaksa membayar kadar faedah yang tinggi yang telah ditetapkan dan akan mengalami kerugian nominal.
- 2 Swap mata wang membenarkan syarikat untuk menukar pembayaran kadar faedah dalam mata wang yang berbeza. Swap ini membolehkan syarikat meminjam dalam mata wang yang akan memberi keuntungan terbaik kepada mereka. Selain itu, syarikat juga menggunakan swap mata wang bersilang untuk saling bertukar pinjaman kepada suatu mata wang yang dipilihnya serta boleh mengurangkan keterdedahan kepada risiko mata wang asing. Swap mata wang bersilang ini juga memberi peluang kepada syarikat untuk mengurangkan kos pinjaman dalam pasaran domestik dan juga luar negeri. Swap mata wang juga merupakan penyelesaian efektif dan berkesan untuk keperluan jangka panjang lindung nilai mata wang. Pelabur juga menggunakan swap mata wang ini untuk menguruskan risiko mata wang dalam portfolio pelaburan asing dan untuk mencipta aset sintetik dengan profil risiko mata wang tertentu. Pihak korporat dan institusi kewangan pula menggunakan swap mata wang untuk menguruskan kadar pertukaran dan risiko kadar faedah yang berkaitan dengan pembiayaan mata wang asing dan pelaburan (Asyraf Wajdi, 2009:36).
- 3 Kerugian yang dialami oleh LTCM ialah AS\$4.6 juta dalam masa empat bulan, manakala Orange County telah kerugian AS\$1.6 bilion (Islamic Business & Finance 2006).

## RUJUKAN

- Ahmad Suhaimi Yahya. 2010. Mekanisma Lindung Nilai Dalam Kewangan Islam Menurut Perspektif Syariah. Dlm. Prosiding Muzakarah Penasihat Syariah Kewangan Islam. Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIF 2008-2009).
- al-Amine, Muhammad al-Bashir Muhammad. 2008. *Risk Management in Islamic Finance: an Analysis of Derivatives Instruments in Commodity Markets*. Edisi pertama. Leidin: Brill's Arab & Islamic Law Series.
- Asyraf Wajdi Dusuki. 2009. Konsep dan operasi swap sebagai mekanisme melindungi nilai dalam institusi kewangan Islam. Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-3. Anjuran Bank Negara Malaysia. Jakarta, 25-26 Mei.
- Asyraf Wajdi Dusuki. 2010. The Concept and Operations of Swap as Hedging Mechanism for Islamic Financial Institutions. Research Paper no 14. International Shariah Research Academy for Islamic Finance.
- Birch, Toby. 2010. The Role of Derivatives in Creating the Financial Crisis. Albaraka 30<sup>th</sup> Symposium for Islamic Economics. <http://www.isra.my/media-centre/downloads.html>. [15 Ogos 2010].
- Clark, E. & Ghosh, D.K. 2004. *Arbitrage, Hedging, and Speculation: The Foreign Exchange Market*. Westport, CT: Praeger.
- <http://www.irtipms.org/PubDetE.asp?pub=217&search=hedging%20in%20islamic%20finance&mode=allwords> [5 Julai 2009].
- <http://www.irtipms.org/PubDetE.asp?pub=33&search=islamic%20> [2Ogos 2009].
- Islamic Business & Finance. 2006. *Derivatives- the Forbidden Fruit*. September.
- ISRA-CAGAMAS. 2011. *Islamic Financial System: Principles and Operations*. Kuala Lumpur: International Shariah Research Academy for Islamic Fiance (ISRA).
- Khan, M. Fahim. 1995. *Islamic Futures and their Markets with Special Reference to their Role in Developing Rural Finance*. Jeddah: Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Khan, T. & Ahmed, H. 2001. *Risk management: an analysis of issues in Islamic financial industry*. Jeddah: Islamic Development Bank. Occasional paper (5). [http://www.irtipms.org/PubDetE.asp?pub=91&search=risk management](http://www.irtipms.org/PubDetE.asp?pub=91&search=risk%20management) [2 Ogos 2009].

- Kolb, R. W. & Overdahl, J. A. 2003. *Financial derivatives*. Edisi ke-3. Massachusetts: Blackwell Publisher Inc.
- Kunhibava, Sherin. 2008. Flexibility versus Fairness Conventional Derivatives and Islamic Derivatives. Dlm. Mohd Daud Bakar & Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (pnyt.). *Essential Readings in Islamic Finance*. Kuala Lumpur: CERT Publication.
- Obaidullah, M. 2005. *Islamic financial services*. Jeddah: King Abdul Aziz University. [islamiccenter.kau.edu.sa/english/publications/Obaidullah/ifsf/ifs.html](http://islamiccenter.kau.edu.sa/english/publications/Obaidullah/ifsf/ifs.html) [2 November 2009].
- Obiyathulla Ismath Bacha. 2004. *Value Preservation Through Risk Management. A Shariah Compliant Proposal for Equity Risk Management*. MPRA Paper 12632. Germany: University Library & Munich. <http://ideas.repec.org/p/pra/mprapa/12632.html> [6 Ogos 2009].
- Obiyathulla Ismath Bacha. 2007. *Financial Derivatives: Markets and Applications in Malaysia*. Edisi ke-2. McGraw Hill: Kuala Lumpur.
- Rosalan Ali & Shafinar Ismail. 2006. *Understanding Malaysia Derivatives: Principles & Practice*. Kuala Lumpur: Pearson Prentice Hall.
- Salihin Ramli. 2000. *Pasaran Niaga Hadapan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Suwailem, S. 2006. *Hedging in Islamic finance*. Jeddah: Islamic Development Bank. Occasional Paper (10).
- Tag El-Din, Seif I. 2009. The current financial and economic crisis within the markets: an overview. Kertas kerja seminar Harvard-LSE Workshop on Risk Management. London School of Economics. 26 Februari.
- Wan Mansor Wan Mahmood. 1993. *Urus Niaga Pertukaran Mata Wang Asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



## **Permasalahan Pemegang Amanah terhadap Benefisiari Kanak-kanak dalam Harta Faraid**

**NAZIREE BIN MD YUSOF**

### **Abstract**

Penama ialah pemegang amanah yang perlu mengagihkan harta pusaka menurut faraid. Penama bukanlah benefisiari sebaliknya berperanan sebagai wasi dan perlu menguruskan harta si mati demi kebajikan ahli waris. Ironinya peraturan 16 (2), Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) 2001 menyatakan pemegang amanah perlu mengagihkan harta si mati menurut hukum syarak bukanlah suatu yang berstatus wajib di sisi undang-undang, bahkan jika pemegang amanah mengabaikan peraturan ini tiada penalti yang boleh dikenakan. Ia menjadi semakin serius apabila melibatkan penyelewengan harta kanak-kanak (anak yatim) yang dilarang keras oleh syarak bagi sebarang penyalahgunaan harta tersebut. Tambahan pula sekiranya pengkhianatan harta kanak-kanak itu berpunca daripada harta pusaka peribadi dan bukannya di bawah institusi atau yayasan kebajikan yang menyukarkan tindakan undang-undang terhadap pemegang amanah. Oleh itu, artikel ini akan membahaskan beberapa mekanisme yang boleh diambil dalam membela harta hak kanak-kanak.

### ***Abstract***

*Nominees are trustees who are responsible to distribute of the deceased properties according to faraid. They are not beneficiaries but only the executors to manage the estates for the benefit of legal heirs of the deceased. Ironically, Rule 16 (2) Employees Provident Fund (EPF) Regulations 2001 states that the distribution of the deceased's estate according to Islamic law is not mandatory. This means that if the trustees distribute differently from Islamic law, no legal action could be taken against them. It becomes more serious when it involves orphans' properties, the misuse of which is strictly forbidden by divine law. The situation becomes more difficult in cases of untrustworthy executors of a child's personal assets as compared to a child's property under an orphanage institution, in the latter case, there are clear procedures to be followed, whereas there are no laws in place to ensure the protection of a child's personal assets. Therefore, this paper will discuss a number of mechanisms that can be taken into consideration to protect children's properties and preserve their rights accordingly.*

## **PENGENALAN**

Harta pusaka ialah semua harta milik sah si mati yang mempunyai nilai atau tidak, sama ada harta intelek, aset fizikal atau apa-apa hak yang berkaitan dengannya seperti harta alih atau tak alih, kepentingan si mati atau manfaat selepas diselesaikan segala hak seperti pengebumian jenazah, hutang, wasiat, harta sepencarian dan sebarang perancangan harta yang dibuat semasa hidup. Faraid bermaksud ilmu yang menerangkan status ahli waris, habuan atau peruntukan bahagian setiap waris dan kaedah pengiraan yang digunakan untuk mengetahui bahagian setiap waris.<sup>1</sup> Walau bagaimanapun pengurusan harta faraid tidak terhenti setakat penyelesaian hutang atau liabiliti si mati, wasiat dan isu pembahagian harta semata-mata. Ini kerana kedudukan benefisiari di kalangan kanak-kanak perlu diberi perhatian serius memandangkan ketidakupayaan mereka mengendalikan harta secara berdikari.

## **BENEFISIARI KANAK-KANAK DALAM HARTA FARAIID**

Jika diperhatikan terdapat sesetengah individu menetapkan nama orang lain selaku pemilik rumah atau kereta sekiranya nama mereka telah disenaraihitamkan oleh Bank Negara. Ada juga situasi bagi sesetengah pasangan yang mempunyai anak-anak berusia kurang 18 tahun, terpaksa meletakkan nama-nama orang lain sebagai penama atau pemilik sesuatu harta memandangkan ketidaklayakan kanak-kanak dari segi perundangan. Dengan kata lain, tidak ramai yang peka terhadap situasi pemilikan harta iaitu harta kita atas nama kita, harta kita atas nama orang, dan harta orang atas nama kita. Tambahan pula gaya masyarakat kini berurus niaga kebanyakannya berkaitan dengan hutang. Bermula dengan pinjaman pengajian, pembiayaan perniagaan, penggunaan kad kredit, pembelian rumah atau kereta, bayaran perubatan termasuklah pinjaman peribadi.<sup>2</sup> Kedudukan harta yang masih dalam liabiliti institusi kewangan semestinya tidak melayakkan harta tersebut dipindah milik sama ada dalam urus niaga jual beli, hibah, wakaf, zakat, dan pembahagian faraid.

Oleh itu, kedudukan kanak-kanak sebagai benefisiari mungkin tidak terjamin ekoran pemilikan harta atas nama wali, wasi atau penjaga. Persoalan sama ada kebajikan sara hidup mereka benar-benar terpelihara, kebarangkalian terjadi penyelewengan oleh wali atau pemegang amanah memandangkan ketidakupayaan kanak-kanak untuk menilai sejauh mana kejujuran wali menguruskan harta faraid. Kesemua ini meletakkan benefisiari kanak-kanak bagaikan golongan yang bakal dianiaya oleh wali sekiranya wali bertindak ingin mengambil kesempatan terhadap harta faraid yang telah diperuntukkan kepada mereka.

## **ISU NAFKAH TANGGUNGAN**

Boleh dikatakan benefisiari kanak-kanak dalam harta faraid adalah sama seperti isu nafkah tanggungan kerana pengurusan harta mereka di bawah pengawasan wali. Individu yang dilantik sebagai wali, wasi, penjaga atau pemegang amanah perlu menyusun segala belanjawan dengan cermat semasa peringkat bayi sehingga berumur lima tahun, kerana kosnya pasti berbeza dengan kanak-kanak berusia enam sehingga 12 tahun. Begitu juga kadar perbelanjaan sewaktu sekolah rendah dan

sekolah menengah, keadaan semasa cuti sekolah, musim perayaan, dan awal sesi persekolahan melibatkan kos yang berlainan, malah ada ketikanya memerlukan peruntukan yang agak besar. Dengan kata lain, sama ada kehidupan kanak-kanak tersebut sempurna dari segi nafkah harian, tempat tinggal, pengangkutan, pendidikan, kos rawatan, peralatan sukan, dan sebagainya bergantung penuh pada kebijaksanaan pengurusan wali terbabit.

Mungkin sesetengah pihak berpendapat, tidak perlu dirisaukan tentang peranan wali kerana ia disaring dengan ciri-ciri kelayakan dalam hadanah. Pelantikan sebagai wali bukanlah dipilih tanpa penelitian sebaliknya perlu melalui beberapa syarat seperti keperibadian akhlak, sikap amanah dan tanggungjawab, mempunyai pendapatan tetap dalam menampung nafkah dan syarat-syarat. Namun begitu: Adakah kebajikan kanak-kanak akan terbela sekiranya mendapat wali yang tidak menepati segala kriteria di atas? Adakah mustahil jika segala syarat tadi dapat dimanipulasikan? Situasi malang juga akan berlaku sekiranya si mati meletakkan kanak-kanak sebagai penama dalam kontrak insurans atau takaful, Tabung Haji dan KWSP. Ini kerana pada asasnya kanak-kanak ialah individu yang tidak layak menerima harta selagi belum mencecah usia dewasa, ia mengakibatkan wang yang terkumpul di mana-mana institusi kewangan tidak dapat dikeluarkan untuk dimanfaatkan kepada kanak-kanak itu sendiri atau ahli-ahli waris yang lain.

## **KEDUDUKAN PENAMA (PEMEGANG AMANAH) MENURUT UNDANG-UNDANG**

Terdapat tiga institusi yang menetapkan sistem penama iaitu, insurans atau takaful, Tabung Haji, dan KWSP. Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa status penama hanyalah pemegang amanah dan bukanlah sebagai benefisiari yang wajib mentadbir dan mengagihkan harta pusaka menurut hukum syarak.<sup>3</sup> Seksyen 167 (1) Akta Insurans 1996, Peraturan 16 (2) Peraturan KWSP 2001<sup>4</sup> dan Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran) 2002; kesemuanya menetapkan penama sebagai pemegang amanah sekalipun wujud ketidakselarasan dari aspek pentadbiran penamaan sama ada syarat, terma, borang dan prosedur penamaan.<sup>5</sup>

Peruntukan penama dalam Akta Insurans 1996 jelas dinyatakan peranannya sebagai pemegang amanah kerana peruntukan tersebut dimasukkan dalam akta induk. Berbeza halnya bagi penama KWSP yang mana peruntukan penama sebagai pemegang amanah tidak dinyatakan dalam Akta KWSP 1991 (Akta Induk), tetapi hanya terdapat dalam Peraturan-Peraturan KWSP 2001 bersifat 'in-house rule' yang lebih memberi penekanan kepada peraturan dalaman. Peraturan 16 (2) Peraturan KWSP 2001 sekadar berstatus peringatan dan bukannya kewajipan di sisi undang-undang. Dengan kata lain, sekiranya penama mengabaikan peraturan ini tiada penalti yang boleh dikenakan.<sup>6</sup> Manakala bagi sistem penamaan di Tabung Haji, terdapat beberapa peruntukan yang menyentuh tentang penama dalam Peraturan Lembaga Tabung Haji (Deposit dan Pengeluaran) 2002.<sup>7</sup> Bagaimanapun penyimpan atau pencarum diwajibkan meletak penama, sebaik sahaja seseorang membuka akaun di institusi berkenaan menurut Peraturan 5, Lembaga Tabung Haji. Pihak Tabung Haji hanya membenarkan penama dilantik di kalangan ahli keluarga terdekat seperti anak, suami, isteri, ibu, bapa atau adik-beradik. Sekiranya penama tersebut bukan di kalangan ahli waris, penamaan itu akan terbatal. Penama-penama juga tidak dimaklumkan secara rasmi tentang pelantikan mereka sebagai penama.<sup>8</sup> Seharusnya mereka diberi pilihan sama ada menerima atau menolak pelantikan tersebut, kerana menjadi pemegang amanah ibarat mengundang liabiliti yang tidak mungkin mampu dikendalikan oleh kebanyakan individu.

Kembali kepada persoalan perlindungan harta kanak-kanak (termasuk sebagai benefisiari dalam harta faraid), kenyataan di atas cukup membimbangkan. Ini bermakna jika pemegang amanah bertindak untuk menyalahgunakan harta kanak-kanak yang ditinggalkan oleh ibu bapanya, seolah-olah tiada peruntukan undang-undang yang boleh dikenakan terhadap pengkhianatan pemegang amanah itu. Mungkin kebajikan kanak-kanak akan lebih terjamin apabila pemegang amanah bertugas di institusi atau rumah anak-anak yatim kerana segala data keluar masuk kewangan akan dikawal selia dengan agak ketat. Tambahan pula pegawai-pegawai yang mengendalikan rekod kewangan perlu berwaspada kerana mereka juga akan dipertanggungjawabkan apabila terdapat data yang tidak konsisten semasa diaudit oleh pihak luar. Tetapi sesuatu yang lebih malang jika penyelewengan pemegang amanah

terhadap harta peribadi kanak-kanak, dengan kemampuan mindanya yang terhad dan kelayakan untuk bertindak dari sudut perundangan pun masih boleh dipersoalkan; kebajikan dan perlindungan harta kanak-kanak adalah sangat terancam. Oleh yang demikian, beberapa langkah perlu ditetapkan sebagai garis panduan yang boleh diambil oleh kanak-kanak atau ahli keluarga terdekat, bagi membela harta kanak-kanak daripada sebarang salah laku oleh pemegang amanah.

## **KAEDAH PERLINDUNGAN HARTA KANAK-KANAK**

Sungguhpun Peraturan 16 (2) Peraturan KWSP 2001 hanyalah berstatus peringatan dan bukannya kewajipan di sisi undang-undang, tidak bererti tiada langsung tindakan undang-undang yang boleh diambil terhadap pelanggaran etika pemegang amanah berkenaan. Terdapat beberapa tindakan yang boleh diambil sebagai langkah berwaspada sekiranya didapati pemegang amanah mula berkelakuan tidak jujur dengan amanah yang dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun, faktor usia perlu diterangkan kerana secara amnya kanak-kanak ialah mereka yang tidak layak untuk bertindak dari segi perundangan.

Berdasarkan peruntukan seksyen 11 Akta Kontrak 1950, setiap orang bebas berkontrak, dengan syarat dia telah mencapai umur dewasa, berakal, waras, dan tidak hilang kelayakan disebabkan apa-apa faktor yang dihalang oleh undang-undang. Seksyen 2, Akta Umur Dewasa 1971 menyatakan setiap individu yang telah mencapai usia 18 tahun 'ialah berumur dewasa di Malaysia'. Secara amnya kontrak kanak-kanak adalah terbatal,<sup>9</sup> tetapi beberapa situasi membolehkan sesuatu kontrak kanak-kanak adalah sah iaitu kontrak perkahwinan, kontrak keperluan hidup, kontrak insurans, dan kontrak biasiswa.<sup>10</sup> Dengan kata lain, sebarang tindakan kanak-kanak bagi melindungi hartanya (sama ada peninggalan ibu bapanya atau mana-mana ahli keluarganya dari penyelewengan pemegang amanah demi keperluan hidup), maka tindakan tersebut diperakui oleh undang-undang.

## **MEKANISME SAHABAT WAKIL 'NEXT FRIEND'**

Secara amnya, sahabat wakil (*next friend*) bermaksud seseorang yang bertindak bagi pihak mereka yang kurang kelayakan dari sudut per-

undangan,<sup>11</sup> khasnya dari aspek memulakan sesuatu litigasi berbanding dengan Penjaga 'Ad Litem' yang berperanan lebih dari sudut pembelaan kepada kanak-kanak. Aplikasi sahabat wakil terdapat dalam Peraturan-peraturan Mahkamah Tinggi Malaya,<sup>12</sup> tetapi dalam Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 secara jelas menyatakan bahawa pihak Amanah Raya Berhad (ARB) boleh bertindak mewakili kanak-kanak dalam prosiding perundangan, sama ada melalui permohonan ARB sendiri atau pihak lain dilantik oleh mahkamah sebagai sahabat wakil dalam menguruskan harta amanah demi kebajikan mereka.<sup>13</sup>

Dalam situasi penyelewengan pemegang amanah, individu yang boleh berperanan sebagai sahabat wakil ialah jiran, rakan sekerja atau majikan kepada ibu bapa kanak-kanak tersebut. Permasalahan yang mungkin terjadi ialah siapakah yang perlu berinisiatif untuk memulakan sahabat wakil ini? Jika diperhatikan aspek kematangan kanak-kanak dalam menilai sesuatu penyelewengan, semestinya kita dapat mengandaikan keupayaan kanak-kanak agak terhad dan sangat berhajat bantuan orang dewasa bagi memulakan sebarang perlindungan terhadap harta peninggalan ibu bapa mereka. Ini termasuklah tindakan mendaftarkan kaveat, melaporkan kepada polis, dan aktiviti lain seperti mengumpul bahan bukti terhadap pengkhianatan pemegang amanah.

## **MEKANISME SURAT KUASA MENTADBIR 'LETTER OF ADMINISTRATION'**

Berikutan lantikan ARB selaku sahabat wakil oleh Mahkamah, mekanisme Surat Kuasa Mentadbir (lantikan wakil peribadi) juga boleh memberi jaminan kebajikan kanak-kanak. Seksyen 4, Akta Probet dan Pentadbiran 1959 yang menyatakan bahawa pelantikan Pentadbir atau Pemegang Amanah mestilah diberikan sama ada kepada syarikat amanah (dengan atau tanpa individu) atau tidak kurang daripada dua orang melainkan dibuktikan sebaliknya kepada mahkamah.<sup>14</sup> Prosedur pelantikan selaku Pentadbir atau Pemegang Amanah perlu menandatangani perakuan aku janji agar tindakan undang-undang boleh dikenakan sekiranya didapati sebarang penyelewengan dilakukan oleh pemegang amanah.<sup>15</sup> Aplikasi prosedur ini diperkukuh dengan seksyen 10(2) Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955 yang memperuntukkan bahawa sebarang pelantikan perlu

berdasarkan kriteria undang-undang diri (peraturan agama) terhadap mana-mana individu yang dilantik.

## **TINDAKAN KAVEAT PENDAFTAR**

Bagi kes harta tak alih seperti rumah, bangunan, premis perniagaan, dan tanah, pembelaan harta kanak-kanak dapat dilakukan melalui Kaveat Pendaftaran. Seksyen 320 Kanun Tanah Negara memperuntukkan, 'Sesiapa yang mempunyai kepentingan yang boleh didaftarkan, bolehlah memasuki suatu kaveat persendirian untuk melindungi kepentingan mereka'. Kaedah ini adalah melalui pembikinan Surat Permohonan oleh mana-mana individu berkenaan (jiran, rakan sekerja atau majikan kepada ibu bapa kanak-kanak) dan dimasukkan oleh Pendaftar Pejabat Tanah.<sup>16</sup> Mekanisme kaveat agak penting kerana ia ialah satu pendaftaran halangan untuk sebarang urusan niaga atas sesuatu hartanah. Ini bermaksud pendaftaran kaveat akan menyebabkan pemilik berdaftar tidak boleh membuat sebarang urusan niaga terhadap tanah berkenaan semasa tempoh kaveat masih berkuat kuasa.<sup>17</sup>

## **JENAYAH PECAH AMANAH**

Mekanisme terakhir yang boleh digunakan oleh kanak-kanak dalam melindungi harta amanah, melalui bukti keterangan yang menunjukkan pengkhianatan pemegang amanah terhadap harta kanak-kanak. Kaedah ini mungkin tidak relevan bagi kes jumlah harta yang kecil, sebaliknya bagi peninggalan harta korporat yang berkaitan dengan saham syarikat dan kebajikan pekerja yang ramai, sabitan jenayah pecah amanah ialah mekanisme yang tepat. Seksyen 405 Kanun Keseksaan<sup>18</sup> dengan jelas memperuntukkan sebarang penyelewengan oleh individu yang diamanahkan, secara salah menggunakan harta amanah itu untuk kepentingan peribadinya, maka dianggap dia melakukan jenayah pecah amanah. Bagi senario ini, kanak-kanak yang merupakan waris harta amanah tersebut hanyalah bertindak sebagai saksi. Segala siasatan dan pengumpulan bahan bukti penyelewengan pemegang amanah, adalah di bawah tanggungan Pendakwa Raya yang perlu mengemukakan keterangan kepada mahkamah sehingga mengatasi keraguan yang munasabah.<sup>19</sup>



## **REALITI PERMASALAHAN**

Setakat pengamatan penulis, realiti permasalahan dalam menghadapi senario salah laku pemegang amanah ialah kredibiliti kanak-kanak dalam memberikan bukti keterangan terhadap penyelewengan pemegang amanah. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, tahap keupayaan berkontrak, daya analisis dalam menilai sesuatu penyelewengan, reaksi penerimaan golongan dewasa tentang berita yang disampaikan oleh kanak-kanak, sering dipersoalkan dalam segenap sudut. Kesemua ini menggambarkan seolah-olah kanak-kanak perlu bergantung pada sokongan orang dewasa bagi setiap tindakan mereka.<sup>20</sup>

Sekalipun mekanisme sahabat wakil boleh dijadikan asas tindakan kanak-kanak dalam memulakan tindakan perundangan, aduan pertama mestilah melalui maklum balas pemegang amanah terlebih dahulu. Secara logiknya, individu seperti jiran, rakan sekerja atau majikan kepada ibu bapa kanak-kanak, sudah tentu mereka akan bertanya secara peribadi kepada pemegang amanah sekiranya terdapat aduan daripada kanak-kanak. Kemudian, pemegang amanah mungkin mengambil langkah awal dengan membuat ugutan, tawaran atau salah nyataan agar penyelewengannya sukar dikesan oleh kanak-kanak.

Situasi ini menyebabkan kanak-kanak perlu memerhatikan (sesuatu penyelewengan itu berlaku) untuk tempoh yang agak lama bagi mengukuhkan bukti 'prima facie'. Lebih malang sekiranya kanak-kanak yang berusia bawah 12 tahun yang mungkin tiada langsung kemampuan untuk menilai salah laku pemegang amanah. Ini bermakna, usaha kanak-kanak dalam mengumpulkan bukti 'prima facie' sepanjang tempoh tersebut, bagaikan satu penganiayaan secara total pemegang amanah terhadap harta kanak-kanak dan tiada apa yang boleh dilakukan bagi melindungi harta mereka.

## **ISU-ISU PERUNDANGAN**

Penyelewengan pemegang amanah terhadap harta kanak-kanak ialah isu global yang boleh berkait dengan konflik bidang kuasa antara Mahkamah Tinggi Sivil dengan Mahkamah Syariah. Misalnya jika berlaku situasi pemegang amanah murtad atau sekiranya ARB dilantik sebagai pemegang amanah,<sup>21</sup> kerana pelantikan ARB adalah tertakluk di bawah

Akta Pemegang Amanah 1949.<sup>22</sup> Semestinya apabila undang-undang sivil yang dirujuk, pasti beberapa peruntukan yang tidak bertepatan dengan prinsip Islam akan terserlah seperti isu harta wakaf.<sup>23</sup> Memang tidak dinafikan dalam perbicaraan jenayah, keputusan Mahkamah Syariah kerap menjadi sasaran kritikan terutamanya isu pertukaran agama yang terdapat banyak rentetan daripadanya seperti hak hadanah, pencen suami, nafkah isteri, pengkebumian jenazah, pembahagian harta sepencarian dan perkara-perkara lain yang sehingga kini masih tiada kaedah penyelesaian terakhir.<sup>24</sup> Begitu juga kes-kes syariah (*mal*) sivil yang melibatkan harta orang Islam seperti pusaka, wakaf, hibah, harta sepencarian dan pertindihan bidang kuasa oleh Mahkamah Tinggi Sivil, Pejabat Tanah dan ARB ialah dilema utama dalam mengupas permasalahan ini.<sup>25</sup> Walau bagaimanapun, isu penyelewengan pemegang amanah terhadap harta kanak-kanak perlu lebih merujuk kepada undang-undang sivil memandangkan tidak banyak peruntukan khas dalam akta atau enakmen undang-undang Islam.

Secara amnya seksyen 72 sehingga seksyen 102 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 mengupas hak jagaan, kebajikan dan perlindungan kanak-kanak Islam. Tetapi segala peruntukan tersebut tidak jauh berbeza dengan skop perlindungan yang ditekankan dalam Akta Probet & Pentadbiran 1959, Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955, dan Akta Pemegang Amanah 1949. Peruntukan undang-undang Islam berhubung dengan harta amanah tidak begitu relevan dengan perlindungan harta kanak-kanak kerana Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999, Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005, dan Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 lebih membahaskan harta amanah wakaf dan ia di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri.<sup>26</sup> Adapun Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999, lebih memfokuskan tatacara pembikinan, pembatalan, penerimaan, dan penolakan wasiat serta penarikan balik wasiat. Ringkasnya, aspek mekanisme secara langsung yang boleh dipraktikkan dalam memelihara harta kanak-kanak adalah perlu merujuk kepada undang-undang sivil.

Namun begitu, perkara yang perlu diambil perhatian ialah sudut kelayakan seseorang pemegang amanah mestilah memenuhi hukum syarak sebelum sesuatu amanah diwujudkan. Mungkin dapat dinyatakan kriterianya perlu menepati prasyarat prinsip 'hadanah' agar akhlak dan

komitmen pemegang amanah sangat serius dalam memelihara kebajikan kanak-kanak. Contohnya, seksyen 81 (3) dan (4),<sup>27</sup> dengan jelas menyatakan hak penjagaan adalah dengan merujuk kepada individu yang mahram dengan kanak-kanak tersebut dan mempunyai sifat-sifat paling mulia yang menunjukkan perasaan kasih sayang kepada kanak-kanak itu. Ciri-ciri lain menjelaskan sekiranya seseorang Muslim yang mampu menjamin keperluan jasmani kanak-kanak seperti tempat tinggal, pakaian, pendidikan, kos sara hidup, rawatan, perbelanjaan harian, dan keperluan rohani iaitu layanan, belaian serta kasih sayang berhak menuntut hak hadanah.<sup>28</sup> Walau bagaimanapun, hak hadanah akan hilang jika seseorang itu berkahwin dengan individu yang tidak mempunyai pertalian dengan kanak-kanak itu, atau berkelakuan buruk secara keterlaluan dan terbuka, menukar pemastautinannya, murtad, cuai atau menganiaya kanak-kanak itu.<sup>29</sup>

Adapun Akta Pemegang Amanah 1949 ialah sebuah akta yang terlalu umum dan tidak menyediakan peraturan-peraturan yang mencukupi untuk membicarakan harta amanah bagi orang Islam. Begitu juga dengan Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 yang memberi kuasa kepada ARB untuk mentadbir harta amanah termasuklah menjalankan aktiviti pelaburan harta tersebut.<sup>30</sup> Sepatutnya pihak ARB meletakkan beberapa garis panduan bagi harta amanah orang Islam, misalnya, gaya pelaburan yang patuh syariah, peruntukan pembayaran zakat, penglibatan saham wakaf,<sup>31</sup> dan aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat (Corporate Social Responsibility' (CSR)) lain. Sebagai badan yang diberi kuasa untuk melabur dan membentuk Kumpulan Wang Bersama,<sup>32</sup> pihak ARB seharusnya memenuhi kriteria Penyata Perakaunan Kewangan (Statement of Financial Accounting) yang telah digariskan oleh 'Accounting Auditing and Governance Standards for Islamic Financial Institutions'(AAOIFI) bagi tujuan proses saringan dan pemeriksaan audit. Ini kerana antara dasar pendedahan operasi syarikat (disclosure policy), selain laporan kewangan tahunan, anggaran aliran tunai, penilaian risiko yang sukar dielakkan, kadar defisit dan surplus (lebihan), AAOIFI juga mensyaratkan pengasingan operasi akaun daripada sumber yang tidak halal dan kewajipan menentukan agihan dana zakat.<sup>33</sup>

Pada asasnya harta amanah tidak boleh dilupuskan sebelum kanak-kanak menjadi dewasa, namun pemegang amanah boleh men-

dapatkan pengecualian undang-undang dengan memperoleh perintah pelupusan daripada Mahkamah Tinggi Sivil.<sup>34</sup> Hakim pada kelazimannya mempunyai pertimbangan yang adil dalam mengeluarkan keputusan. Namun kelonggaran peruntukan ini telah disalahgunakan oleh sesetengah pemegang amanah sehingga kepentingan kanak-kanak turut hilang. Keistimewaan undang-undang ini harus diikuti dengan kawalan yang lebih ketat terhadap hak kanak-kanak agar kepentingan mereka terpelihara.<sup>35</sup> Walau bagaimanapun menurut seksyen 93, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 mungkin boleh dijadikan asas untuk membolehkan Mahkamah Syariah campur tangan dalam perkara melibatkan penjagaan dan kebajikan kanak-kanak. Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa: Pada melantik seseorang penjaga bagi harta seseorang kanak-kanak, Mahkamah boleh, dengan perintah, menentukan, menyekat, atau memperluas kuasa penjaga berhubung dengannya, setakat mana yang perlu bagi kebajikan kanak-kanak itu. Ia diperkukuhkan dalam satu peruntukan lain yang membolehkan Mahkamah Syariah membuat perintah tentang penjagaan dengan meletakkan kanak-kanak itu dalam jagaan mana-mana orang lain atau mana-mana persatuan demi jaminan kebajikan kanak-kanak terbabit.<sup>36</sup> Bahkan jika perlu, Mahkamah Syariah boleh membuat perintah *interim* untuk menempatkan kanak-kanak itu dalam penjagaan mana-mana orang atau institusi atau persatuan dan perintah itu hendaklah sertamerta dikuatkuasakan dan terus dikuatkuasakan sehingga Mahkamah Syariah membuat perintah bagi penjagaan itu.<sup>37</sup>

Di sini sahabat wakil boleh meminta bantuan daripada Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) dalam memastikan tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah Mahkamah Syariah berjalan dengan efisien. Mekanisme BSK adalah berikutan langkah pelaksanaan pihak berkuasa Australia, iaitu 'Child Support Authority' (CSA) di mana matlamat penubuhannya adalah bagi menyediakan perkhidmatan untuk mendapatkan hak saraan dan nafkah kepada kanak-kanak. Selain bertujuan untuk menambah baik sistem pengurusan kes di Mahkamah Syariah Negeri-negeri, BSK turut berfungsi untuk memberi khidmat nasihat perundangan kepada orang Islam tentang hak dan tuntutan di Mahkamah Syariah terutama tentang isu nafkah, menyalurkan bantuan sara hidup sementara kepada isteri atau kepada isteri dan anak-anak yang menghadapi masalah mendapatkan nafkah daripada pihak yang

wajib membayar nafkah, menjadi ejen mengutip daripada pihak yang diperintahkan membayar nafkah, menyalurkan nafkah kepada pihak yang berhak mendapat nafkah, dan mencari dan mengumpul dana bagi keperluan pembayaran nafkah yang tidak mencukupi.<sup>38</sup>

## **PENUTUP**

Peruntukan undang-undang berhubung dengan harta amanah orang Islam, khasnya yang melibatkan kanak-kanak masih tidak jelas pembelaannya dalam sistem yang sedia ada. Oleh itu disyorkan agar draf undang-undang tentang amanah menurut hukum syarak perlu digubal agar pelaksanaan yang patuh syariah mampu direalisasikan. Kajian perbandingan terhadap peruntukan dalam undang-undang sivil dan syariah perlu digiatkan agar proses pengubahsuaian prosedur dapat dijalankan dengan lebih mudah tanpa perlu meminda peruntukan sedia ada yang memakan masa bertahun-tahun untuk dilaksanakan.<sup>39</sup> Tambahan pula, tumpuan untuk menjadikan undang-undang Islam semakin mendapat tempat di hati masyarakat majmuk dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh tanpa banyak tentangan. Mungkin boleh dikatakan bahawa, antara penyelesaian terbaik adalah dengan membuat pindaan atas Akta Probet & Pentadbiran 1959, iaitu mengecualikan orang Islam daripada tertakluk di bawahnya seperti yang telah dibuat terhadap Akta Wasiat 1959 (Akta 346). Sebagai alternatif, satu undang-undang probet dan pentadbiran untuk orang Islam perlulah disediakan di peringkat negeri dengan memperuntukkan bidang kuasa yang jelas kepada Mahkamah Syariah. Haruslah diingat juga bahawa meskipun bidang kuasa Mahkamah Syariah yang jelas telah diperuntukkan, ia tidak akan membawa apa-apa kesan jika pihak Mahkamah Syariah sendiri tidak memainkan peranan yang proaktif dalam memperkasakan bidang kuasanya.<sup>40</sup>

## NOTA HUJUNG

### *(Endnotes)*

- 1 Mohd Zamro Muda, Mohd Ridzuan Awang, Abdul Basir Mohamad & Md. Yazid Ahmad, *Undang-Undang dan Pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM, 2008, hlm. 71 – 89.
- 2 Naziree Bin Md Yusof, Mekanisme Dokumen Wasiat Amanah Raya Berhad (ARB) dan Aplikasi Hibah *Ruqba*: Satu Analisis, *Jurnal KANUN*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Ed. September, Jil. 21 KANUN (3), 2009, hlm. 8.
- 3 Zuraida Saad, Pentadbiran Harta Penama di Institusi-Institusi Kewangan di Malaysia: Satu Kajian Mengikut Perspektif Undang-undang Islam, Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002, hlm. 1–155.
- 4 P.U.(A) 409/2001.
- 5 Narizan Abdul Rahman, Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam: Tinjauan kepada Harta Penama, Dlm. Siti Mashitoh Mahamood, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm. 217–219.
- 6 *Ibid*, hlm. 218.
- 7 P.U.(A) 313/2002.
- 8 Abdul Aziz Hassan, Kenapa Mesti Tulis Surat Wasiat?, *Majalah Anis*, 2004, Edisi Mei, hlm. 62.
- 9 *Kes Tan Hee Juan vs Teh Boon Keat*, [1934], 1 MLJ 96.
- 10 <http://www.scribd.com/doc/20188765/KEUPAYAAN-UNTUK-BERKONTRAK>. 20.07.2011.
- 11 Leslie Rutherford & Sheila Bone, 2003, *Osborn's Concise Law Dictionary*, New Delhi: Universal Law Publishing Co. Pvt. Ltd, Ed. 8, hlm. 228.
- 12 Order 76, Rule 3, Rules of High Court 1980 (P.U.(A)50/1980).
- 13 Seksyen 21, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532).
- 14 Probate & Administration Act 1959 (Revised - 1972).
- 15 *Ibid*, seksyen 66.

- 16 Section 320 (1) (b) (ii), National Land Code (Act 56 of 1965) and Regulations.
- 17 Peruntukan lain juga boleh digunakan seperti seksyen 13 (2) Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955.
- 18 (Akta 574).
- 19 Noor Aziah Binti Mohd Awal, 2004, *Pengenalan kepada Sistem Perundangan di Malaysia*, Petaling Jaya: International Law Book Services, hlm. 13.
- 20 <http://www.scribd.com/doc/20188765/KEUPAYAAN-UNTUK-BERKONTRAK>. 20.07.2011.
- 21 Seksyen 12, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532).
- 22 Seksyen 43, Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208).
- 23 *Ibid*, seksyen 2.
- 24 Farid Sufian Shuaib, Constitutional Restatement of Parallel Jurisdiction Between Civil Courts and Syariah Courts in Malaysia: Twenty Years on (1988-2008), *Malayan Law Journal Articles*, 2008, 5 MLJ xxxiii.
- 25 Abdul Hamid bin Haji Mohamad, Administration of Property in Malaysia: A Civil Law and Syariah Law Perspective, *Malayan Law Journal Articles*, 2002, 3 MLJ I dan Civil and Syariah Courts in Malaysia: Conflict of Jurisdictions, *Malayan Law Journal Articles*, 1 MLJ cxxx.
- 26 Mohd Zamro Muda, Mohd Ridzuan Awang, Abdul Basir Mohamad & Md. Yazid Ahmad, *Undang-Undang dan Pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, 2008, hlm. 12–18.
- 27 Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 [Akta A902].
- 28 *Ibid*, seksyen 82.
- 29 *Ibid*, seksyen 83.
- 30 Abdullah Muhamad, Pengamanahan Harta Orang Islam di Malaysia, Dlm. Siti Mashitoh Mahamood, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm. 129.
- 31 Naziree Bin Md Yusof, Saham Wakaf Selangor: Hala Tuju dan Potensi dalam Pembangunan Masyarakat, *Jurnal KANUN*, Kuala Lumpur: Dewan

- Bahasa dan Pustaka, Ed. Disember, Jil. 22, KANUN (4), 2010, hlm. 29–46.
- 32 Seksyen 24–25, Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532).
- 33 Roszaini Haniffa, Mohammad Hudaib & Malik Mirza, Accounting Policy Choice within the Shariah Islamiyyah Framework, dlm. Mohd Daud Bakar & Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, *Essential Readings in Islamic Finance*, Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd., 2008, hlm. 330 – 337.
- 34 Seksyen 16(1), Akta Pemegang Amanah 1949 (Akta 208).
- 35 Abdullah Muhamad, 2006, *op.cit*, hlm. 130.
- 36 Seksyen 86 (1), Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984.
- 37 *Ibid*, seksyen 86 (5).
- 38 [http://www.jksm.gov.my/jksmv2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=61&Itemid=131&lang=en](http://www.jksm.gov.my/jksmv2/index.php?option=com_content&view=article&id=61&Itemid=131&lang=en). 20.07.2011.
- 39 Abdul Hamid Haji Mohamad, Bidang Kuasa Mahkamah Sivil dalam Pentadbiran Harta Amanah di Malaysia, Dlm. Siti Mashitoh Mahamood, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm. 105.
- 40 Tajul Aris Ahmad Bustami, Bidang Kuasa Mahkamah Syariah dalam Kes Pewarisan; Satu Analisis Kritikal ke Atas Kes *Juamaaton Iwn Raja Hizaruddin*, *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 53.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim el-Muhammady. 2001. *Undang-Undang Muamalat dan Aplikasi kepada Produk-Produk Perbankan Islam*. Selangor: Fakulti Undang-undang. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 (Akta 532).
- Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Akta 97).
- Akta Undang-Undang keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta A828 dan Akta A902).
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) No. 7. 1999.



Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) No. 4. 1999

H. Sulaiman Rasjid. 1976. *Fiqh Islam*. Ed. ke-18. Jakarta: Penerbit Attahiriyah.

Mohd Daud Bakar & Engku Rabiah Adawiah. 2008. *Essential Readings in Islamic Finance*, Kuala Lumpur: CERT Publications Sdn. Bhd.

Mohd Zamro Muda, Mohd Ridzuan Awang, Abdul Basir Mohamad & Md. Yazid Ahmad. 2008, *Undang-Undang dan Pentadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf Orang Islam di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah. Fakulti Pengajian Islam UKM.

Naziree Bin Md Yusof. 2009. Mekanisma Dokumen Wasiat Amanah Raya Berhad (ARB) dan Aplikasi Hibah *Ruqba*: Satu Analisis. *Jurnal KANUN*. Ed. September. Jld. 21 KANUN (3). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Noor Aziah Binti Mohd Awal. 2004. *Pengenalan kepada Sistem Perundangan di Malaysia*. Petaling Jaya: International Law Book Services.

Siti Mashitoh Mahmood. 2006. *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd. Hisham Mohd. Kamal & Farid Sufian Shuaib. 2005. *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zuraida Saad. 2002. *Pentadbiran Harta Penama di Institusi-institusi Kewangan di Malaysia: Satu Kajian Mengikut Perspektif Undang-undang Islam*. Disertasi Sarjana. Jabatan Syariah dan Undang-undang. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.



## **Etika Dan Moral Dalam Ekonomi Dari Perspektif Islam**

**AMINI AMIR ABDULLAH**

### **Abstrak**

Etika perniagaan global sudah mula dipersoalkan terutamanya tentang standard yang harus digunakan apabila berlakunya konflik antara dua sempadan; antara Barat dan Islam. Michaelson (2010) telah menyarankan agar disemak semula norma-norma dan autoriti etika perniagaan global agar ia tidak menampilkan ideologi-ideologi dominan aktor-aktor pasaran yang paling berkuasa dalam sektor ekonomi iaitu institusi-institusi ekonomi Barat. Tiada siapa yang dapat menafikan hakikat bahawa pola dan corak ekonomi global lebih memberikan faedah dan kelebihan kepada negara Barat yang telah pun maju berbanding dengan negara-negara Dunia Ketiga yang mundur dan miskin. Philip Gorski telah mengemukakan satu teori berkaitan dengan etika perniagaan iaitu teori tahun (2000) 'kanopi suci' di mana materialisme sedang mempengaruhi kebanyakan masyarakat moden dan telah membebaskan nilai agama daripada kebanyakan aspek kehidupan manusia. Aliran falsafah materialisme berkembang di Barat sebagai satu cara hidup. Aliran falsafah materialisme yang terpenting ialah hedonisme, iaitu satu fahaman yang mementingkan kesukaan keterlaluan dan kemewahan dalam kehidupan. Sungguhpun fahaman ini telah berkembang semenjak zaman Greek lagi, namun di Barat, Sigmund Freud (1856-1939) telah menguatkan falsafah hedonisme dengan

mengemukakan teori libido seksualis, yaitu semua tingkah laku manusia berdasarkan kecenderungan yang tidak disadari dan kemuncaknya ialah kecenderungan untuk mencapai kepuasan semata-mata. Dalam kekalutan dua isu di atas, Barat telah pun memperkenalkan Business Ethics Index (BEI) di mana ia digunakan untuk mengukur persepsi pengguna terhadap tingkah laku dan etika perniagaan di India, Jepun, Poland, Romania, Rusia, Sepanyol, Jerman, Britain, dan Amerika Syarikat. Terdapat juga saranan agar ia digunakan di negara-negara Islam. Namun demikian, apakah etika perniagaan dari perspektif Islam. Apakah set moral dan etika (ataupun lebih tepat lagi akhlak) yang telah ditentukan oleh Islam dalam beraktiviti ekonomi? Artikel ini akan menjawab persoalan ini dan merungkaikan permasalahan yang wujud.

### ***Abstract***

*Global business ethics has come into question, particularly about the standards that should be applied when there are conflicts between the West and Islam. Michaelson (2010) has suggested that norms and authority of global business ethics should be revised so that it does not manifest the ideologies of dominant actors of the most powerful markets in the economy. Simply and solely, the West are the super power that dominates the world economy and dominate the market today. International Monetary Fund, World Bank, World Trade Organization, and the G8 Group (The United States, United Kingdom, Germany, Russia, France, Canada, Italy, and Japan) are examples of western domination in economy and politics. No one can deny the fact that the global economic patterns give more benefit and advantage to the Western countries. Philip Gorski (year 2000) presented a theory of business ethics of 'sacred canopy' where materialism is affecting most of modern society and has loosen up the religious values of most aspects of human life. Philosophical materialism of the West develops as a way of life. The most important philosophical schools of materialism is hedonism, which is a mindful understanding*

*of extreme joy and luxury in life. Although this notion has evolved since the days of Greece civilization, but in the West, Sigmund Freud (1856-1939) has strengthened the hedonism philosophy with his sexualis libido theory, namely that all human behaviors are based on unconscious tendencies and ultimately is a tendency for sexual satisfaction. Human behavior solely is to achieve satisfaction and tend to have ultimate power. When people have authority, they may easily get what they requested. In the confusion of these two issues, the West has introduced the Business Ethics Index (BEI) where it is used to measure consumer perception of the behavior and business ethics in India, Japan, Poland, Romania, Russia, Spain, Germany, Britain, and the United States. There are suggestions that it should also be used in Islamic countries. Moreover, what are the business ethics of Islam? What is the set of morals and ethics that has been determined by Muslim scholars and economists? This article will answer these questions, and try to solve the existing problems.*

## **PENDAHULUAN**

Etika perniagaan global sudah mula dipersoalkan terutamanya tentang 'standard' yang harus digunakan apabila berlakunya konflik antara dua sempadan; Barat dan Islam. Michaelson (2010) telah menyarankan agar norma-norma dan autoriti etika perniagaan global disemak semula agar ia tidak menampilkan ideologi-ideologi dominan aktor-aktor pasaran yang paling berkuasa dalam sektor ekonomi. Tidak lain dan tidak bukan, Baratlah yang sedang mendominasi dan menguasai pasaran ekonomi dunia sekarang ini. International Monetary Fund, World Bank, World Trade Organisation, dan G8 Group (iaitu Amerika Syarikat, United Kingdom, Jerman, Rusia, Perancis, Kanada, Itali, dan Jepun) ialah contoh pendorinasian yang sedang berlaku. Tiada siapa yang dapat menafikan hakikat bahawa pola dan corak ekonomi global lebih memberikan faedah dan kelebihan kepada negara Barat yang telah pun maju berbanding dengan negara-negara dunia ketiga yang mundur dan miskin.

Philip Gorski (2000) telah mengemukakan satu teori berkaitan etika perniagaan iaitu teori 'kanopi suci' di mana materialisme sedang mempengaruhi kebanyakan masyarakat moden dan telah membebaskan nilai agama daripada kebanyakan aspek kehidupan manusia. Aliran falsafah materialisme berkembang di Barat sebagai satu cara hidup. Aliran falsafah materialisme yang terpenting ialah hedonisme, iaitu satu fahaman yang mementingkan hiburan keterlaluan dan kemewahan dalam kehidupan. Sungguhpun fahaman ini telah berkembang semenjak zaman Greek lagi, namun di Barat, Sigmund Freud (1856-1939) telah menguatkan falsafah hedonisme dengan mengemukakan teori 'libido seksualis', iaitu semua tingkah laku manusia berdasarkan kecenderungan yang tidak disedari dan kemuncaknya ialah kecenderungan untuk mencapai kepuasan semata-mata. Tingkah laku manusia berkecenderungan untuk mencapai kepuasan dengan memiliki satu 'senjata' iaitu kekuasaan. Apabila memiliki kekuasaan, manusia mudah memperoleh apa yang dia hajati. Gaya hidup Barat yang banyak berteraskan hedonisme telah tersebar luas melalui filem, muzik, nyanyian, kartun, dan komik. Rancangan-rancangan televisyen seperti American Idol ditiru oleh orang Timur dan banyak lagi budaya negatif yang terus divedok dari Barat. Harus diingat, pelanggan utama kepada industri hiburan Barat ialah orang Timur sendiri.

Dalam kekalutan dua isu di atas, Barat telahpun memperkenalkan Business Ethics Index (BEI) di mana ia digunakan untuk mengukur persepsi pengguna terhadap tingkah laku dan etika perniagaan di India, Jepun, Poland, Romania, Rusia, Sepanyol, Jerman, Britain, dan Amerika Syarikat. Terdapat juga saranan agar ia digunakan di negara-negara Islam (J. Tsalikis dan Walfried Lassar, 2009). Namun demikian, apakah etika perniagaan dari perspektif Islam? Apakah set moral dan etika (ataupun lebih tepat lagi akhlak) yang telah ditentukan oleh Islam dalam aktiviti ekonomi?

## **PENGETIAN ETIKA, MORAL DAN AKHLAK**

Akhlak secara umum ialah satu sistem tingkah laku manusia yang bersumberkan asas wahyu atau syarak. Moral pula didefinisikan sebagai:

- a. ajaran atau pegangan tentang buruk baik sesuatu perbuatan (ke-lakuan, kewajiban, dll), sikap atau cara berkelakuan yang berasaskan atau yang diukur dari segi baik atau buruk sesuatu akhlak ...

- b. berkaitan dengan apa yang betul atau adil' (Kamus Dewan Edisi Ketiga, 2002: 1043). Menurut Warnock (1973), moral secara umumnya dapat dikatakan sebagai satu cara atau pelbagai cara untuk melihat dan mempersoalkan pelbagai isu berhubung dengan perbuatan ataupun tingkah laku. Moral itu dikatakan subjektif sifatnya kerana ia berbeza dalam sesuatu budaya ataupun tamadun.

Maksud etika pula ialah sistem tingkah laku manusia yang bersumberkan sesuatu yang berautoriti. Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002:345) mendefinisikan etika sebagai 'Ilmu berkenaan prinsip-prinsip akhlak atau moral. Prinsip moral (atau akhlak) atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan (persatuan, pekerjaan, dan lain-lain)'.

Dengan erti kata lain, etika ialah kaedah atau cara bertingkah laku dalam kehidupan seharian sama ada dalam hubungan manusia sesama manusia atau manusia dengan Tuhan atau manusia dengan alam sekitar. Moral pula mempunyai kaitan dengan teori dan pendekatan tentang bagaimana manusia melakukan sesuatu perbuatan atau apa yang seharusnya manusia lakukan. Menurut Sheehy (2006), moral juga mempunyai kaitan dengan perbuatan baik atau perbuatan buruk. Maksud moral tidak terkeluar dari dua sempadan ini iaitu baik atau buruk. Pernyataan moral kita mungkin boleh menjadi benar atau palsu bergantung kepada pengetahuan tentang moral yang ada pada kita. Dalam konteks ini, menipu untuk membuat keuntungan dalam perniagaan adalah tidak baik walau apa pun justifikasi yang diberikan.

Moral biasanya disamaertikan dengan etika walaupun dalam falsafah ia tidak dibeza-bezakan (Ferm, 1953). J.L. Mackie (1971:9) juga tidak membezakan antara moral dengan etika seperti tulisannya di dalam buku 'Ethics and Investing Right and Wrong', iaitu:

Pernyataan moral dan etika akan dapat menerangkan sesuatu itu betul atau salah atau perbuatan yang sejenis dengannya betul atau salah dan ia mampu menyediakan garis perbezaan antara kebaikan dengan keburukan mengenai perbuatan kecenderungan seseorang atau sekurang-kurangnya ia dapat memajukan garis panduan yang dengannya boleh dibuat berbagai-bagai pertimbangan moral.

Ringkasnya moral dan etika mempunyai pengertian yang serupa dan juga mempunyai bidang dan pendekatan kajian yang hampir sama. Sekiranya kedua-dua perkataan ini digabungkan, maka moral dapatlah diertikan sebagai satu disiplin ilmu yang akan membuatkan kita mengetahui apakah sistem moral yang dihayati oleh sesuatu kelompok manusia tertentu, sementara etika pula mengkaji dan menganalisis dan mengkritik sistem moral tersebut.

Etika dan moral sama maknanya dengan akhlak dalam konteks penggunaan bahasa Arab sebab tiada istilah lain yang menyamai maksud akhlak. Jika kita mahu menterjemahkan istilah akhlak ke dalam bahasa Inggeris, maka istilah 'ethics' dan 'morality' adalah paling sesuai. Tetapi konsep, gagasan, idea atau teori yang dikemukakan oleh Barat tentang etika dan Barat tidaklah sama dengan konsep akhlak Islam sama ada dari segi teori atau praktis. Ibn. Maskawaih (1961) mendefinisikan akhlak sebagai keadaan jiwa yang mendorong seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa pertimbangan fikiran terlebih dahulu. Maksud Maskawaih (1961), akhlak itu bukanlah sesuatu yang dibuat-buat secara spontan tetapi ia ialah sesuatu yang sehati dalam jiwa seseorang dan menjadi budaya dalam kehidupan. Oleh sebab tiada perkataan yang dapat diterjemahkan sebagai akhlak, maka penggunaan kalimah 'ethic' dan 'morality' digunakan.

## **KEPENTINGAN AL-DIN DAN AKHLAK DALAM KEHIDUPAN MANUSIA**

Konsep ekonomi Islam menengahkan Allah sebagai penguasa (*al-rab*) yang mencipta, memiliki, dan menentukan segala sesuatu. Firman Allah SWT dalam Surah al-Zumar, ayat 62:

اللَّهُ خَلِقُ كُلِّ شَيْءٍ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ﴿٦٢﴾

Terjemahan:

Allah yang telah menciptakan tiap-tiap sesuatu, dan Dialah yang mentadbirkan serta menguasai segala-galanya.<sup>1</sup>

Allah SWT memperuntukkan undang-undang untuk mengawal dan menjaga keselamatan, kesejahteraan, dan kebahagiaan manusia



kerana Allah SWT lebih mengerti dan arif apa yang terbaik untuk manusia. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 282:

وَاتَّقُوا اللَّهَ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ

Terjemahan:

Oleh itu hendaklah kamu bertaqwa kepada Allah; dan (ingatlah), Allah (dengan keterangan ini) mengajar kamu; dan Allah sentiasa mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Konsep pelaburan jangka panjang dalam sistem ekonomi Islam menekankan imbuhan atau ganjaran terbaik hasil pembabitan dalam aktiviti ekonomi Islam. Ia adalah untuk manfaat manusia dan alam di dunia dan yang lebih penting ialah balasan kebaikan di akhirat kelak. Harta yang diperoleh ialah hak milik mutlak Allah SWT. Ia ialah ujian dan amanah Allah SWT. Harta dan kaedah yang diperoleh akan dipersoal di akhirat nanti. Semua manusia bertanggungjawab kepada Allah SWT dan semua perbuatan dan amalan manusia di dunia sama ada akan menerima ganjaran atau hukuman Allah pada hari akhirat kelak. Setiap Muslim mesti mengikut semua titah perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya kerana ia ialah kewajipan dan tugas hakiki manusia sebagai hamba, makhluk, dan khalifah Allah SWT. Syariat Islam memperuntukkan manusia satu set ajaran yang menampilkan cara bertingkah laku dan menjalani kehidupan agar sejahtera dan bahagia di dunia ini. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 120:

قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهُدَىٰ

Terjemahan:

Katakanlah (kepada mereka): “Sesungguhnya petunjuk Allah (agama Islam itulah petunjuk yang benar.)

Dengan erti kata lain, Islam mempunyai jawapan kepada semua persoalan etika dan moral. Islam juga telah menggariskan etika dan moral dalam ekonomi termasuklah dalam aspek perusahaan, perdagangan, keusahawanan, dan perniagaan. Islam juga telah menyediakan dasar-dasar penting dalam muamalat dan ekonomi seperti tauhid, konsep

kesatuan, amanah, dan keadilan. Tunggak asas dalam aktiviti kehidupan dan ekonomi insan ialah sifat takwa dan tingkah laku yang baik. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab, ayat 70-71:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ وَقُولُوْا قَوْلًا سَدِيْدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ اَعْمَالَكُمْ  
وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوْبَكُمْ ۗ وَمَنْ يُطِيعِ اللّٰهَ وَرَسُوْلَهُۥ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيْمًا ﴿٧١﴾

Terjemahan:

Wahai orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara), supaya ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan.)

Islam amat menggalakkan aktiviti perniagaan dan perekonomian hingga dikatakan sembilan persepuluh rezeki itu terdapat dalam ekonomi. Islam amat menggalakkan siapa berusaha sendiri dan tidak terlalu bergantung kepada orang lain. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: 'Tidak ada makanan yang lebih baik bagi seseorang itu (memakannya) kecuali yang diusahakan sendiri oleh tangannya' (al-Qazwini, 1952:723). Nabi Muhammad SAW juga menegah manusia daripada meminta-minta daripada orang lain. Dalam Islam, orang yang memberi itu lebih baik daripada orang yang menerima (al-Sijistani, 1962:382).

Konsep amanah memanifestasikan manusia sebagai aktor ekonomi yang mempunyai tanggungjawab terhadap dirinya sendiri, keluarga, masyarakat, negara, dan agama. Konsep amanah juga membawa manusia kepada mengelakkan diri daripada pembaziran dan bermewah-mewah serta menjauhkan diri daripada akhlak *mazmumah*. Manakala konsep keadilan pula membawa manusia kepada menjauhkan diri daripada mengamalkan riba, penipuan, dan mungkir janji. Apa yang penting Islam mengajarkan penganutnya menunaikan janji dalam sebarang perjanjian atau kontrak perniagaan. Konsep kesatuan pula memanifestasikan kesamaan dan semangat ukhuwah Islamiah di kalangan manusia Muslim dan semangat kerjasama berpasukan 'esprit de corp'; serta persefahaman

dan keharmonian dengan orang bukan Islam. Keuntungan perniagaan dan aktiviti ekonomi dikongsi bersama, manakala keuntungan individu semata-mata ditolak dalam pensyarikatan. Semangat kebertanggungjawaban juga amat ditekankan dalam ekonomi Islam malah semangat individualistik ditolak. Justeru, Islam menolak perbuatan mementingkan diri sendiri, kedekut, tamak, haloba, monopoli, dan aktiviti menyorok serta memanipulasi keuntungan dan harga. Dengan perkataan lain, akhlak menguasai ekonomi dan perniagaan dan bukan sebaliknya. Aktiviti ekonomi dan perniagaan mestilah menepati kehendak syariat dan timbang tara akhlak. Semua umat Islam wajib mematuhi ajaran al-Quran dalam menjalankan aktiviti ekonomi.

Secara asasnya al-Quran menerangkan prinsip-prinsip asas ekonomi dan menjadi tanggungjawab umat Islam untuk menunaikannya dan secara praktikal dalam semua bidang. Falsafah sosio-ekonomi Islam menghasilkan penyelesaian kepada semua masalah sosio-ekonomi demi kebaikan umat manusia dan kesejahteraan kehidupan sejagat. Menurut Khurshid Ahmad (1979), keutamaan yang diletakkan oleh Islam dalam sistem ekonomi adalah dengan menggalakkan pembangunan ekonomi bersekali dengan tuntutan menunaikan keadilan sosial yang tidak terpisah daripada penumpuan kepada kebajikan rakyat.

Oleh yang demikian, Islam tidak boleh sama sekali disamakan dengan sosialisme atau kapitalisme. Menurut Umar Chapra (1979), sungguhpun sosialisme dan kapitalisme mengiktiraf pengagihan sama rata pendapatan, akan tetapi dalam kapitalisme, pengiktirafan ini ialah hasil daripada tekanan kelompok tertentu manakala dalam sosialisme pula, pengiktirafan itu disertai dengan penafian kebebasan individu. Islam menyasarkan pengagihan pendapatan sama rata melalui kerangka kebebasan individu dalam sempadan spiritual dan undang-undang untuk memelihara kepentingan awam, kemantapan akhlak, dan tanggungjawab sosial. Semuanya ini adalah untuk memastikan pengagihan pendapatan dan kekayaan yang adil kepada rakyat jelata.

Akhlak memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan manusia. Akhlak ialah sumber tindak-tanduk manusia yang membawa ke arah kesejahteraan di dunia dan akhirat dan menuju keredaan Allah SWT. Untuk mencapai hakikat ini, ilmu akhlak perlu dipelajari dan dipraktikkan. Menurut Abdul Jalil Hasan (1973:34), dengan mempelajari

ilmu tersebut, ia membuka mata setiap insan tentang perbezaan yang besar antara baik dengan buruk. Ia tidak akan memberi faedah jika kita tidak berkemahuan untuk melaksanakan ajaran dan menjauhi tegahan-Nya. Akhlak dan pengaruhnya sangat besar dalam membentuk perbuatan manusia dan apa sahaja daripada manusia itu sendiri, sesuai dengan pembawaan dan sifat yang ada dalam jiwanya. Tepatlah apa yang dikatakan oleh Imam Al-Ghazali (1978: 96-97) dalam bukunya *Ihya' 'Ulumuddin*: “Sesungguhnya semua sifat yang ada dalam hati akan lahir pengaruhnya (tandanya) pada anggota sehingga tidak ada sesuatu melainkan sesuai dengan sifat itu”. Islam merupakan ajaran yang suci dan benar untuk memperbaiki dan membentuk akhlak manusia untuk mencapai kehidupan yang baik dan sempurna. Islam meletakkan akhlak di tempat yang tinggi sesuai dengan kepentingannya.

Rasulullah SAW sentiasa berdoa kepada Allah SWT supaya memperbaiki akhlaknya sungguhpun baginda ialah insan yang terbaik akhlaknya di kalangan manusia. Allah SWT telah memuji Rasul-Nya Muhammad SAW kerana akhlaknya yang baik. Firman Allah SWT yang bermaksud: Sesungguhnya engkau berbudi pekerti yang agung (Surah al-Qalam:4). Tujuan risalah (misi) Islam itu sendiri untuk menyempurnakan dan menyebarkan akhlak yang mulia, seperti yang disabdakan oleh Rasulullah SAW yang bermaksud: Sesungguhnya aku dibangkitkan (diutus) untuk menyempurnakan akhlak yang mulia (Imam Malik, 1951:8). Islam telah mentakrifkan al-Din dengan akhlak yang baik. Dalam sebuah hadis telah dinyatakan bahawa seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah SAW yang bermaksud: Apakah al-Din itu? Sabda Rasulullah SAW, akhlak yang baik (Al-'Iraqi, 1976:48). Daripada hadis ini, dapatlah ditanggapi signifikan akhlak dalam Islam sebagai salah satu daripada komponen 'Din' yang diutuskan kepada umat manusia seluruhnya. Akhlak merupakan roh atau jiwa yang melengkapkan seluruh penghidupan manusia itu sendiri bersekali dengan akidah dan syariah. Ketiga-tiganya bergabung dalam penghayatan keimanan dan kehidupan seseorang Muslim. Tidak ada nilai bagi iman yang tidak disertai dengan akhlak. Islam menganggap bahawa akhlak yang baik merupakan amalan yang utama yang dapat memberatkan neraca amalan kebaikan di akhirat kelak.

Orang beriman selalu mengutamakan akhlak yang baik. Rasulullah telah diiktiraf oleh Allah SWT mempunyai akhlak yang paling baik. Firman Allah SWT dalam Surah al-Qalam, ayat 4:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿١١﴾

Terjemahan:

Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.

Rasulullah juga menegaskan bahawa orang mukmin yang paling baik dan utama ialah orang yang akhlaknya paling baik. Baginda sendiri ialah contoh teladan kepada seluruh umat manusia. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahzab, ayat 31:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ  
وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿١١﴾

Terjemahan:

Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).

Dalam Islam, akhlak merupakan intipati segala ibadat. Tanpa akhlak, ibadat hanyalah adat resam dan gerak laku yang tidak mempunyai nilai dan faedah. Orang mukmin yang kurang beribadat tetapi berakhlak baik akan mendapat kemuliaan pada hari akhirat kelak. Dengan ini, dapatlah dibuktikan bahawa akhlak Islam tidak setakat dinyatakan prinsip dan garis panduannya melalui al-Quran, tetapi penghayatannya ditunjukkan secara praktikal melalui kehidupan dan peribadi Rasulullah SAW. Saidatina Aishah r.a. sewaktu ditanya tentang peribadi Rasulullah SAW, lalu dijawabnya yang bermaksud: Adalah Rasulullah SAW akhlaknya ialah al-Quran (Al-Qusairi, 1981: 512-513).

Banyak terdapat ayat al-Quran yang menyentuh persoalan akhlak, sama ada diperintahkan manusia supaya berakhlak baik atau menegah daripada akhlak yang buruk atau keji. Di dalam al-Quran terdapat sebanyak 1054 ayat yang berkaitan dengan akhlak. Jumlah yang sebanyak ini meliputi hampir seperempat daripada al-Quran keseluruhannya.

Oleh itu tidak dapat diragukan lagi dengan banyaknya ayat al-Quran yang menyentuh persoalan akhlak menunjukkan betapa pentingnya akhlak dalam Islam. Hal ini dapat dibuktikan kerana ayat al-Quran yang berkaitan dengan akhlak bukan sahaja diturunkan di Mekah tetapi turut juga diturunkan di Madinah al-Munawwarah.

Oleh itu jelaslah bahawa akhlak merupakan sesuatu yang penting pada pandangan Islam. Akhlak Islam menjiwai Tauhid dan pelaksanaan *'ubudiyyah* terhadap Allah SWT dengan secara yang sewajarnya. Ia juga terkandung dalam peruntukan undang-undang khusus dan terperinci; mengatasi gagasan etika agama yang lain. Sebagai kesimpulan, akhlak dalam Islam tidak dapat dipisahkan daripada akidah dan syarak. Bahkan akhlak itu sendiri menjadi penentu pada tahap mana keimanan seseorang itu. Oleh itu amat wajarlah Islam meletakkan akhlak pada kedudukan yang istimewa dan tinggi.

## **NILAI INTEGRITI DAN AKAUNTABILITI<sup>2</sup>**

Selain akhlak, satu lagi konsep penting dalam Islam ialah amanah atau lebih dikenali sekarang ini sebagai integriti. Integriti berasal daripada istilah bahasa Inggeris *'integrity'* yang bermaksud kejujuran, ketulusan, dan kesempurnaan (Khalid, 1990:643). Kalimah *'integrity'* pula berasal daripada perkataan Latin *'integer'* yang bermaksud kesempurnaan dan keseluruhan (<http://www.thefreedictionary.com/integer>). Namun demikian, perkataan *'integer'* kebiasaannya digunakan dalam bidang matematik yang merujuk kepada unit atau entiti yang lengkap. Dari segi istilah, integriti ialah nilai pegangan, maruah, etika baik dalam melaksanakan sesuatu yang sah dan benar. Ia juga berkait rapat dengan kejujuran, kebolehpercayaan, keadilan, kawalan diri, nilai dan moral positif, kekuatan akidah, dan spiritual.

Akauntabiliti mempunyai kaitan dengan integriti. Ia ialah satu konsep dalam etika yang mempunyai beberapa maksud. Ia selalunya digunakan sinonim dengan konsep kebertanggungjawaban, tanggungjawab, kebolehpersalahan, lialibiliti, dan terma-terma lain. Ia boleh dikaitkan dengan ekspektasi seperti penyerahan tugas tertentu yang diamanahkan yang mesti ditunaikan. Ia juga berkait rapat dengan tanggungjawab individu atau organisasi dalam pelaksanaan fungsi-fungsi tertentu.

Pelan Integriti Nasional (PIN) telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia pada 23 April 2004. Ia bertujuan melahirkan masyarakat berintegriti tinggi, amanah, dan beretika. Komitmen Islam pada urus tadbir terbaik yang adil dan berakauntabiliti ialah bukti kepada contoh-contoh itu. Kita perlu mengambil berat dan komited kepada agenda memantapkan integriti dan memerangi rasuah pada semua peringkat. Kuasa politik boleh digunakan untuk memerangi peluang-peluang rasuah dan penerapan etika dan integriti dalam masyarakat. Penguatkuasaan undang-undang antikorupsi, menutup peluang-peluang rasuah dan membudayakan etika dan integriti dalam masyarakat mestilah dijalankan bersekali dengan etika perniagaan jika kita ingin melihat masyarakat dan negara yang bebas rasuah.

Kerajaan telah menekankan amalan etika yang baik dan integriti. Antaranya Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam Dalam Pentadbiran (1983), Pendekatan Islam Hadhari (2002), Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010), Kempen Nilai-Nilai Murni dan Budi Bahasa (2008), Pelan Integriti Nasional (PIN) (2008), Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan (2010), penubuhan Institut Integriti Malaysia, Ikrar Aku Janji, Ikrar Integriti Perkhidmatan Awam, Wawasan 2020, Ikrar Perkhidmatan Awam, Ikrar Kualiti, Piagam Pelanggan Perkhidmatan Awam, dan amalan-amalan lain lagi.

Usaha memperkasakan integriti di kalangan penjawat awam amatlah konsisten di Malaysia seperti yang telah dilakukan oleh kerajaan. Dalam 'TEKAD 2008' misalnya, kerajaan telah menyasarkan usaha-usaha berikut dalam peningkatan integriti kakitangan awam iaitu:

mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan, dan salah guna kuasa secara berkesan, meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi kerenah birokrasi, meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan, memantapkan institusi keluarga, meningkatkan kualiti hidup, dan kesejahteraan masyarakat (Mohd Sidek Hassan, 2007:3).

Rancangan Malaysia Ke-9 yang diumumkan oleh kerajaan mempunyai berbagai-bagai matlamat dan sasaran. Antara tumpuan yang diberikan adalah kepada pembangunan dan kemantapan modal insan.

Kerajaan dijangka akan terus menumpukan perhatian kepada kemajuan modal insan dan keutamaan kepada rakyat dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Modal insan merupakan satu elemen penting dalam sesebuah tamadun dan pembangunan negara. Kekuatan pengetahuan, ekonomi, dan kemahiran merupakan salah satu asas penting dalam kecemerlangan negara. Modal insan merupakan penggerak kepada kemajuan masyarakat dan agama.

Pengukuhan akauntabiliti boleh dilakukan melalui usaha untuk mengawal hawa dan nafsu serakah materialistik dan eksplisit, meminggirkan budaya hedonisme, menyucikan hati agar menjadi bersih daripada sebarang noda dan daki, bertakwa kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa yang sejati, mempunyai sifat ihsan dan jati diri, serta memantapkan akidah Ilahi dan akhlak terpuji, sayangkan negara, tinggi semangat patriotisme dan menyumbang kepada kemajuan dan pembangunan negara agar lebih cemerlang dan gemilang.

### **KEPENTINGAN ETIKA DALAM PERNIAGAAN: PENDEKATAN BARAT<sup>3</sup> DAN TAMADUN CINA**

Di Barat, sekolah-sekolah pengurusan sudah mula mengajar kursus-kursus seperti etika perniagaan. Syarikat-syarikat korporat telah menerapkan program tanggungjawab korporat. Etika ialah satu keperluan sekarang dan bukannya berdiri sebagai satu ilmu semata-mata. Pendekatan perniagaan dalam konteks etika bagi sesebuah entiti perniagaan bergantung pada kepemimpinan organisasi. Teras nilai etika murni dalam perniagaan bermula pada peringkat awalan perniagaan termasuklah interaksi dan hubungan entiti perniagaan dengan pihak lain. Menurut Webley (2003), pemimpin mestilah menjadi contoh teladan kepada orang bawahan. Mereka mestilah mengamalkan semua etika yang telah ditentukan. Jika pemimpin korup, maka orang bawahan akan terikut-ikut perlakuan negatif itu.

Webley (2003) telah mencadangkan agar ditulis kod etika perniagaan seperti prinsip-prinsip perniagaan dan pernyataan tentang bagaimana melakukan perniagaan yang beretika untuk amalan organisasi. Para pekerja mestilah diberikan kaedah atau cara untuk meningkatkan sikap prihatin mereka terhadap tingkah laku entiti perniagaan dan



membetulkan sebarang kesalahan. Webley (2003) berpendapat etika membina budaya niaga dan perniagaan. Urus tadbir terbaik dan amalan etika juga mampu memperkuat organisasi.

Menurut Boye Lafayette De Mente (2006) pula, etika perniagaan orang Cina berasaskan kepentingan pengguna (ideologi kepenggunaan) yang menarik perhatian dan minat pelabur-pelabur ke China. Dengan peningkatan 14 juta penduduk setahun dengan jumlah penduduk melebihi 1.2 billion, China mampu menjadi gergasi ekonomi. Pemikiran etika tamadun Cina dalam perniagaan berakar umbi daripada dinasti-dinasti dalam maharaja China, masyarakat, asal-usul, kelompok intelektual, dan ahli falsafah yang membentuk kerangka konseptual dan sumber-sumbernya.

## **ETIKA DAN MORAL DALAM EKONOMI MENURUT ISLAM**

Ilmu ialah teras dalam etika ekonomi Islam yang menjamin kesejahteraan dan kebahagiaan umat manusia. Daripada ilmu, berkembang dan mantapnya segala aktiviti yang berkaitan perekonomian dan kehidupan. Setiap aktiviti membuat keuntungan memerlukan akhlak. Tanggungjawab sosial korporat perlu dilihat dengan lebih luas sungguhpun korporat lebih berorientasikan keuntungan. Para pedagang juga diharapkan agar mengamalkan etika terhadap alam sekitar dan persekitaran yang kondusif.

Islam memberi tumpuan kepada persoalan sikap dan tingkah laku serta nafsu syahwat manusia kerana manusia sayangkan kekayaan material, tamak haloba, dan pentingkan diri sendiri. Hal ini dijelaskan oleh Allah SWT dalam Surah al-Muddassir, ayat 12-15:

وَجَعَلْتُ لَهُ مَالًا مَمْدُودًا ﴿١٢﴾ وَبَيْنَ شُهُودًا ﴿١٣﴾ وَمَهَّدْتُ لَهُ تَمْهِيدًا ﴿١٤﴾  
ثُمَّ يَطْمَعُ أَنْ أَزِيدَ ﴿١٥﴾

Terjemahan:

Dan Aku jadikan baginya harta kekayaan yang banyak, serta anak-pinak (yang ramai), yang sentiasa ada di sisinya. Dan Aku mudahkan baginya (mendapat kekayaan dan kekuasaan) dengan semudah-mudahnya. Kemudian ia ingin sangat, supaya Aku tambah lagi:

Islam telah memperuntukkan syariat dan kod etika dalam amalan perniagaan dengan kebertanggungjawaban kepada Allah SWT dan menunaikan tanggungjawab sosial. Sebab itu kejayaan dalam perniagaan tidak hanya diukur dari sudut material atau duniawi semata-mata tetapi dinilai juga dari sudut kebolehan merealisasikan matlamat *maqasid al-syariah* dan prinsip tauhid. Di samping itu manusia sebagai hamba Allah SWT mesti bekerjasama untuk menunaikan titah perintah Allah SWT. Dalam perniagaan, kejujuran, amanah, dan hubungan antara majikan-pekerja menampilkan hubungan persaudaraan dan persamaan di sisi Allah sungguhpun mereka tidak mempunyai status yang setara dari segi material di dunia.

Penghayatan nilai etika dan akhlak dalam segala aspek kehidupan ekonomi amatlah penting. Sikap keadilan (*adl*) dan *al-Ihsan* perlu menjadi amalan secara *istiqamah*. Aktiviti ekonomi perlu dijalankan seolah-olah para peniaga melihat Allah SWT, sekiranya para pedagang tidak dapat melihat Allah SWT, Allah SWT sentiasa melihat mereka. Persoalan hukum perlu diberikan perhatian serius dalam ekonomi. Dalam etika ekonomi dan muamalah Islam serta fiqh Islam kaedah asal tentang sesuatu perkara adalah harus. Contoh persoalan hukum dalam ekonomi adalah seperti berikut: (a) Jualan najis haiwan adalah makruh. (b) Bayaran hutang (orang bukan Islam) daripada jualan benda haram seperti arak adalah makruh. (c) Menjual senjata kepada pemberontak adalah haram. (d) Hutang tidak boleh diambil daripada pendapatan yang haram seperti mencuri, rasuah, riba dan sebagainya. (e) Haram mengambil upah memerah anggur untuk dibuat arak. (f) Haram menyorok barang-barang keperluan untuk mendapat keuntungan berlipat kali ganda. dan (g) Haram menggunakan dan mempercayai azimat, tangkal, dan pelaris boleh memajukan perniagaan.

Berhutang sebenarnya tidaklah digalakkan dalam Islam. Namun demikian, dalam keadaan-keadaan tertentu, berhutang masih dibenarkan. Dalam perniagaan, berhutang kelihatan seperti satu kemestian. Kita selalu berhutang dalam pembelian aset-aset besar seperti rumah, tanah, kereta dan aset-aset lain. Ada juga yang berhutang dalam membeli saham dan bon. Walau bagaimanapun, orang yang memberi pinjaman atau hutang boleh memberi kelonggaran dalam kaedah membayar hutang terutamanya jika sipemiutang dalam keadaan terdesak. Firman Allah SWT dalam Surah al- Baqarah, ayat 280:

... وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ

إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٧﴾

Terjemahan:

Dan jika orang yang berhutang itu sedang mengalami kesempitan hidup, maka berilah tempoh sehingga ia lapang hidupnya dan (sebaliknya) bahawa kamu sedekahkan hutang itu (kepadanya) adalah lebih baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui (pahalanya yang besar yang kamu akan dapati kelak).

Ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa jika pemiutang mengalami kepayahan hidup, dia boleh diberi tempoh masa yang munasabah untuk menjelaskan hutangnya. Dalam Islam, yang paling afdal adalah dengan menyedekahkan hutang itu sekiranya sipemiutang mengalami kesempitan hidup kerana ganjaran di sisi Allah SWT lebih besar. Terdapat perbezaan besar antara ketidakmampuan membayar hutang dengan ketidakbolehan membayar hutang kerana masalah-masalah tertentu di luar daripada kemampuan si pemiutang. Ketidakmampuan membayar hutang adalah berdosa manakala orang yang tidak mampu membayar hutang kerana masalah-masalah tertentu boleh memaklukkannya kepada yang memberi hutang dan meminta ditangguhkan pembayaran untuk beberapa ketika.

Dalam Islam, iman ialah pemangkin kepada umat Islam. Keputusan-keputusan dalam perniagaan diterajui oleh iman dan selari dengan syariat; iaitu beroperasi dengan apa yang halal dan diperbolehkan serta mengelakkan daripada perkara haram dan yang ditegah. Semua manusia mempunyai kebebasan untuk melakukan apa sahaja dalam perniagaan, akan tetapi ajaran agama menyediakan kerangka tindakan yang jelas ruang lingkup pergerakan dan tingkah laku manusia dalam perniagaan. Jihad dalam ekonomi memmanifestasikan daya usaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kehendak Allah SWT dan kecemerlangan dalam perniagaan (Muhammad Ali Hashim, 2009).

Usaha menerapkan nilai-nilai murni dalam ekonomi runcit dan borong perlu diteruskan dengan agenda untuk melindungi hak dan

kepentingan pengguna. Kerajaan pula mempunyai tanggungjawab mengawal harga dan melihat kebajikan rakyat yang juga merupakan pengguna. Maxime Robinson (1977) berhujah bahawa kapitalisme bercanggah dengan Islam dan apa yang penting ialah syarikat-syarikat multinasional akan berjaya dalam dunia Islam seandainya mereka mengambil berat kepercayaan pelanggan-pelanggan Muslim mereka, pembekal, dan orang bawahan. Saranan Maxime Robinson membuktikan bahawa masyarakat Barat sudah mula mengiktiraf dan menerima sistem ekonomi dan kewangan Islam sebagai asas perkembangan ekonomi dan kewangan dalam dunia Islam dan tidak mustahil dalam konteks global.

Manusia sebagai khalifah Allah SWT mempunyai peranan untuk mengurus, mengendali, memelihara, memakmurkan, dan mengambil manfaat daripada alam untuk tujuan ibadah kepada Allah SWT. Aktiviti berekonomi dalam Islam adalah untuk menjalin hubungan baik dan silaturahim dan bukannya perseteruan. Janganlah menjadi seperti Milton Friedman yang menyatakan tanggungjawab sosial peniaga atau pedagang adalah untuk memaksimumkan keuntungan. Dalam etika ekonomi Islam, keuntungan mestilah difikirkan bersekali dengan persoalan etika. Bukannya terpisah-pisah daripada realiti kehidupan sehingga matlamat menghalalkan cara. Peniaga pula tidak boleh hanya memikirkan dan mementingkan soal keuntungan. Peniaga perlu wujud secara sah dan jujur dalam perniagaan dalam apa jua keadaan. Janganlah menjadi seperti lanun cetak rompak. Sebarang aktiviti ke arah pemerolehan dan pemilikan harta mestilah dengan cara yang diredai oleh Allah SWT. Sebarang aktiviti yang menyanggah perintah Allah SWT adalah tidak sah dari segi syarak.

Perniagaan dalam Islam mestilah berasaskan semangat reda-meredai dan penekanan kepada kepastian apa yang dijual belikan untuk mengelakkan *gharar*. Islam juga menganjurkan sistem kewangan berdasarkan sistem bebas riba dalam proses pengumpulan modal. Riba sangat-sangat ditegah kerana ia ialah dosa besar. Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 278:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ وَذَرُوْا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَاۤ اِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِيْنَ

Terjemahan:

Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah SWT dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki-baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang yang beriman.

Dalam Surah al-Baqarah, ayat 275, Allah SWT telah berfirman:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Terjemahan:

Orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian mereka mengatakan: Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba padahal Allah SWT telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah SWT. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Antara bentuk riba yang diharamkan adalah yang berurusan di bank atau syarikat konvensional yang mengamalkan riba, membeli saham-saham riba, mengambil bunga simpanan, meminjam dengan kadar bunga dan faedah tertentu dan membayar kredit dengan kadar faedah tertentu (Muhammad Kamal Azhari, 1993). Alasan darurat sudah tidak absah lagi, apatah lagi di negara kita hampir semua bank menawarkan sistem perbankan Islam atau sistem kewangan Islam.

Satu konsep penting dalam perniagaan Islam ialah *shirkah* iaitu konsep pensyarikatan dan kerjasama melangkaui kepentingan perniagaan dan keuntungan semata-mata, akan tetapi lebih menjurus kepada mendapatkan keredaan Allah SWT dan pahala ibadah. Konsep pensyarikatan dan perkongsian dalam sistem ekonomi Islam ialah *shirkah mal*, *shirkah amal*, dan *shirkah wujuh*. *Shirkah mal* ialah perkongsian harta dan kewangan; *shirkah amal* ialah perkongsian tenaga dan keupayaan kerja; dan *shirkah wujuh* iaitu perkongsian kredit. Apa yang penting ialah keuntungan dan kerugian ditanggung bersama berdasarkan asas perjanjian dan persetujuan. Masing-masing bertanggungjawab atas apa yang dipersestujui (Subhi Saleh, t.t.).

Dalam sistem ekonomi Islam, keuntungan yang dilakukan mestilah berdasarkan kadar kos dan usaha. Misalnya peniaga kereta yang membeli sebuah kereta dengan harga RM100,000; dia boleh membuat keuntungan dengan jumlah RM50,000. Walaupun kelihatannya jumlah ini besar, ia hanyalah separuh (50%) daripada harga kos. Itu pun belum ditolak daripada kos-kos yang lain seperti harga sewa kedai, upah pekerja, bil utiliti, cukai jualan, cukai pendapatan, promosi dan publisiti, latihan, dan seumpamanya. Begitu juga seseorang yang menjual burger dengan harga RM3.50 sebiji. Dia boleh mendapat untung seratus peratus ataupun mungkin lebih besar daripada itu. Modalnya mungkin RM1.80 sahaja.

Peniaga perlu menjauhi mengenakan bayaran keterlaluan, menipu atau berbohong tentang kualiti barangan. Sekatan dan hukuman keras perlu dikenakan kepada peniaga yang tidak amanah agar ia tidak menjadi barah dalam sistem ekonomi kita. Dunia pula ialah tempat untuk menguji manusia; siapakah yang terbaik amalannya. Justeru, manusia perlu jujur, amanah dan bertanggungjawab. Segala aktiviti ekonomi haruslah selari dengan Islam kerana ia dipersoalkan di akhirat. Beraktiviti ekonomi dengan cara tidak melanggar perintah Allah SWT atau ibadah-ibadah fardu ialah sebahagian daripada ajaran Islam.

Peniaga perlu mengamalkan konsep amanah dan ihsan sentiasa. Kerajaan boleh campur tangan dalam sistem ekonomi untuk mewujudkan keseimbangan antara melindungi pengguna dengan membenarkan peniaga membuat keuntungan. 'Standard' moral dalam masyarakat adalah sama dengan 'standard' moral dalam ekonomi. Konsep pem-

bersihan (*tathir*) iaitu pembersihan ‘daki’ dan kekotoran harta dan sumber pencarian dengan cara mengeluarkan zakat adalah antara perkara penting dalam etika ekonomi Islam. Konsep penyucian jiwa (*tazkiyyah*) dan pengikisan sifat buruk dan keji (*mazmumah*) manusia iaitu dengan mengeluarkan zakat, bersedekah, dan berwakaf ialah contoh paling signifikan betapa jiwa manusia perlukan pengisian, penyucian, dan pembersihan sentiasa.

Para penggiat perniagaan dan aktiviti ekonomi seboleh-bolehnya mestilah mengelakkan sebarang pembabitan yang melibatkan perkara meragukan (*shubhab*). Adalah makruh melibatkan diri dengan orang yang orientasi perniagaannya mempunyai kombinasi halal dan haram. Ini termasuklah membeli, menjual, dan mengadakan kerjasama. Sekiranya diketahui bahawa produk dalam perniagaan itu adalah haram atau perniagaan itu sendiri adalah haram, maka tidaklah dibenarkan oleh syarak untuk seseorang terlibat dalam sebarang aktiviti kerjasama atau melakukan perniagaan dengan orang itu. Berkongsi perniagaan dengan bukan Islam dibenarkan dan menjadi makruh seandainya perkongsian itu melibatkan mereka yang terlibat dengan riba ataupun kebanyakan kekayaannya adalah daripada sumber yang haram (Al-Munajjid, 2009:2) Walau bagaimanapun, sebelum menceburi perkongsian dengan orang itu (jika ia Muslim), orang itu mestilah dinasihati dan digalakkan meninggalkan yang haram dan disuruh bertaubat (Ibid:3).

Peniaga juga mestilah ikhlas dalam beraktiviti ekonomi. Amalan-amalan negatif perlu dihindari daripada merosakkan agama dan bangsa sendiri. DYTM Raja Nazrin Shah (2009) Ibnu Sultan Azlan Muhibbudin Shah, Raja Muda Perak telah bertitah:

Elemen amalan-amalan negatif turut diberikan perhatian oleh Kongres. Kongres menyuarakan bahawa terdapat Bumiputera yang membenarkan diri dipergunakan oleh bukan Bumiputera; ada yang menjual ekuiti di bawah Dasar Penswastaaan kepada bukan Bumiputera, bahawa berlakunya kebocoran dalam pemberian kontrak dan pentingnya untuk Bumiputera mengikis sikap dari sekadar mengharap *‘handout’* atau pemberian dengan menggunakan pengaruh politik untuk cepat kaya; bahawa terdapat Bumiputera yang bersifat boros, enggan membayar hutang, tidak tekun, dan tidak berdaya tahan.

Mebiarkan elemen perniagaan dimanipulasikan oleh pedagang yang tidak beretika adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Ketidajujuran begitu merugikan kelompok Bumiputera dan melambatkan proses pertumbuhan ekonomi Bumiputera. Lebih malang lagi, peluang ekonomi tertutup menyebabkan Bumiputera gagal bersaing. Akhirnya kita akan gagal menyeimbangkan kedudukan ekonomi Bumiputera dengan bukan Bumiputera.

Aktiviti ekonomi adalah sebagai medium mengabdikan diri kepada Allah SWT, bukannya untuk kepentingan diri sendiri yang tidak ketentuan. Semua aktiviti ekonomi mestilah selari dengan tuntutan Allah SWT dan tidak melanggar larangan Allah SWT. Penggunaan sumber-sumber mestilah secara bijaksana, secepat mungkin, tidak membazir, dan memikirkan implikasi jangka pendek dan jangka panjang.

#### **KRISIS EKONOMI GLOBAL: SIGNIFIKAN ETIKA<sup>4</sup>**

Kerajaan telah menambah sejumlah RM60 billion untuk merangsang ekonomi negara bagi menghadapi krisis kewangan global. Perkara ini amatlah kita alu-alukan. Ramai orang berhujah bahawa krisis kewangan global berpunca daripada kelemahan sistem ekonomi kapitalis. Sistem ekonomi kapitalis yang mementingkan material semata-mata boleh membawa padah kepada umat manusia. Negara-negara di dunia terlalu bergantung kepada sistem ini hinggakan sebarang malapetaka cepat merebak dan terkesan kerana kesalingbergantungan yang telah terbina dalam sistem itu sendiri.

Joseph Stiglitz (2009) sendiri telah menyatakan bahawa sebarang respons kepada penyelesaian masalah dan krisis kewangan global mestilah berdasarkan keadilan sosial dan solidariti yang melangkaui sempadan nasional. Beliau juga menegaskan keperluan untuk meneliti semula peranan pasaran kewangan ekonomi yang sebenarnya merupakan satu wasilah untuk pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran untuk semua masyarakat dunia termasuklah masyarakat awam dan orang miskin. Di sinilah juga terletaknya prinsip etika dalam ekonomi Islam yang telah diletakkan asasnya oleh Islam sejak 1430 tahun yang lalu.<sup>5</sup>

Islam tidak sahaja memberi kebebasan dalam bidang-bidang ekonomi tetapi ia juga memberi perlindungan terhadap apa yang telah



diperoleh. Nilai-nilai akhlak dan sifat-sifat terpuji menjadi asas pengisian prinsip kebebasan. Segala amalan ekonomi yang bertentangan dengan syariah Islamiah dianggap menyalahgunakan pengertian kebebasan. Oleh itu, amalan ekonomi tidak boleh menyalahi peraturan syariah Islam. Cara dan kaedah memperoleh harta dan aktiviti dalam sistem ekonomi haruslah dengan jalan halal (bukan dengan melakukan amalan riba, pelanggaran integriti, penipuan, penindasan, rasuah, penyalahgunaan kuasa, eksploitasi, dan cara-cara lain yang bertentangan dengan Islam).

Sama ada syarikat swasta ataupun persendirian, maka hendaklah dikeluarkan zakat atau cukainya untuk sumbangan ke jalan Allah SWT (seperti sedekah untuk pembinaan sekolah dan sebagainya). Begitu juga dalam agihan milik swasta hendaklah dielakkan hal-hal yang boleh mengakibatkan peluasan jurang pendapatan dan yang membahayakan orang lain atau alam sekitar. Firman Allah SWT dalam Surah al-Nisa', ayat 29:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ  
تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Terjemahan:

Wahai orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi, dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa mengasihani kamu.

Krisis ekonomi global ialah satu ujian bagi umat Islam daripada Allah SWT. Umat Islam harus berusaha demi untuk kesejahteraan hidup keduniaan agar tidak ketinggalan dalam era mengejar kemajuan di dunia. Adakah kita pasrah kepada takdir ataupun berusaha untuk keluar daripada krisis ekonomi global ini? Dalam al-Quran dijelaskan oleh Allah SWT dalam Surah al-Ankabut, ayat 2-3:

أَحْسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتْرَكُوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿٢﴾ وَلَقَدْ فَتَنَّا  
الَّذِينَ مِن قَبْلِهِمْ ۖ فَلْيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلْيَعْلَمَنَّ الْكٰذِبِينَ ﴿٣﴾

Terjemahan:

Patutkah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata: 'Kami beriman' sedangkan mereka tidak diuji (dengan sesuatu cubaan). Demi sesungguhnya kami telah menguji orang yang terdahulu daripada mereka, maka (dengan ujian yang demikian), nyata apa yang diketahui Allah SWT tentang orang yang sebenar-benarnya beriman, dan nyata pula apa yang diketahuinya tentang orang yang berdusta.

Ayat ini menjelaskan bahawa keimanan manusia itu akan diuji dengan dugaan yang ditentukan oleh Allah SWT sama seperti diuji umat-umat yang terdahulu dengan tujuan untuk membezakan orang yang sebenar-benarnya beriman dengan yang tidak beriman.

## **CAMPUR TANGAN KERAJAAN DALAM KRISIS EKONOMI<sup>6</sup>**

Pemerintah berhak menetapkan harga barang-barang dan menghalang kenaikan harga yang melampau. Kita perlu memikirkan bagaimana untuk menyelamatkan diri daripada krisis ekonomi global. Impak krisis ekonomi global pada penghujung tahun 2008 melibatkan penyingkiran pekerja-pekerja dari tempat kerja. Kerajaan berjaya menanganinya dengan baik. Alhamdulillah kenaikan harga minyak ditangani dengan baik oleh kerajaan sungguhpun ramai yang tidak berterima kasih dengan tujuh kali penurunan harga minyak ke paras minimum. Penumpuan mesti diberikan kepada pelaburan tabungan bernilai tinggi dan tabungan ekuiti berjangka masa panjang. Penjana pendapatan daripada eksport dan pelancongan boleh memberikan impak positif kepada ekonomi negara. Perbelanjaan berhempah dalam semua sektor dan di kalangan rakyat akan dapat membantu kerajaan memperkukuh ekonomi negara. Pelaburan segera kepada projek-projek berpotensi membawa pulangan yang tinggi akan membantu membawa pulangan yang tinggi. Namun demikian kawalan terhadap inflasi mestilah selalu dipantau.

Krisis ekonomi yang berpusat di Amerika Syarikat diharap tidak menjejaskan perancangan-perancangan pembangunan yang memberi manfaat besar kepada rakyat dan kemakmuran negara. Tahun 2009 memerlukan kita melipatgandakan usaha-usaha penggalakan pelaburan yang lebih ekstensif dan berkesan di kalangan negara-negara maju sebab

perdagangan dunia dijangka naik tidak melebihi enam peratus. Isu-isu berkaitan perdagangan dan pelaburan perlu dinilai semula untuk lebih memberikan impak yang tinggi kepada ekonomi negara. Kita juga mesti memastikan bahawa pendapatan per kapita dan *gross domestic product* (GDP) sentiasa meningkat. Kerajaan juga telah melakukan banyak usaha menstimulasi ekonomi negara.

Syariah Islamiah mengharuskan konsep campur tangan pihak pemerintah dalam kegiatan-kegiatan ekonomi, sama ada berbentuk pengurusan, penyusunan, agihan, dan perancangan (Chapra 1992, 1993, 2000 dan Wilson 1997). Apa yang dilakukan oleh kerajaan sekarang adalah penting, iaitu campur tangan kerajaan dalam ekonomi negara untuk melindungi rakyat keseluruhannya akan menjamin kestabilan dan keadilan sosial. Pihak kerajaan yang diberi kepercayaan oleh rakyat bertanggungjawab memantapkan ekonomi negara dan rakyat pula memberi kerjasama.

Kita mengalu-alukan pengumuman 'Kabinet Rakyat' yang diumumkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Haji Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia ke-6. Kita percaya prinsip keadilan sosial dan kebajikan rakyat merupakan antara agenda kerajaan untuk merealisasikan konsep 1Malaysia. Kita percaya akan kebijaksanaan kerajaan untuk meletakkan asas yang dinamik dalam menyelesaikan masalah-masalah sosioekonomi, mengatur strategi menghadapi krisis ekonomi global, dan melaksanakan urusan ekonomi yang cemerlang dalam sesebuah masyarakat. Kecemerlangan sistem ekonomi memerlukan sistem penyusunan kegiatan ekonomi yang berteraskan semangat keadilan dan kesaksamaan. Semangat ini memberi ruang kepada semua individu untuk berfungsi secara positif dan optimis. Pengendalian ekonomi dan mekanisme kegiatan ekonomi mestilah merealisasikan prinsip keadilan ekonomi Islam yang berfalsafahkan tauhid dan bukannya material ataupun manusiawi.

## **PERKEMBANGAN TERKINI DALAM EKONOMI NEGARA ISLAM**

Profesor Wilson (2006) memuji Malaysia yang lebih berjaya menghadapi kemaraan globalisasi dengan membenarkan syarikat-syarikat multi-

nasional beroperasi dengan lebih proaktif dan mentransformasi ekonomi negara daripada bergantung kepada getah dan kelapa sawit kepada negara industri moden yang mengeksport barangan berteknologi tinggi. Proses dan sistem perniagaan juga telah beralih daripada orientasi perdagangan berasaskan riba kepada sekuriti sukuk korporat. Untuk mengelakkan keuntungan tanpa melibatkan faedah, sekuriti sukuk korporat telah diperkenalkan terutamanya bagi orang Islam yang berminat dengan pelaburan pendapatan tetap 'fixed income investment' (Adam dan Thomas, 2004, hlm. 81–146).

Walau bagaimanapun, hanya lima syarikat korporat negara Islam disenaraikan dalam kalangan 500 syarikat di FT Global 500. Sistem kewangan Islam telah menjadi industri antarabangsa di seluruh dunia dengan aset melebihi USD270 billion (Wilson, 2006). Ramai pelabur luar negara yang ingin melabur di negara-negara Islam akan mengikut syarat-syarat patuh syariah (syariah-compliant) kebelakangan ini terutamanya di Malaysia dan negara-negara Teluk. Antaranya ialah pematuhan kepada peraturan yang tidak membenarkan orientasi perniagaan berasaskan alkohol, khinzir, perjudian, dan syarikat yang terlalu bergantung kepada keuntungan perniagaan yang berasaskan penanggungan hutang. Dow Jones pula telah memperkenalkan indeks Islam yang menyediakan perkhidmatan pakar luar (*outsourced*) untuk proses tapisan mengikut kepatuhan syariah kepada pelabur-pelabur Islam untuk melabur dalam pasaran saham di seluruh dunia (Wilson, 2006).

## **PENUTUP**

Penghayatan akhlak dalam sistem ekonomi berorientasi Islam amatlah penting dan mestilah disertakan dengan sikap keadilan (*adl*) dan Al-Ihsan serta kebajikan sosial dan rakyat. Apa yang penting ialah sistem ekonomi Islam itu dilihat sebagai ibadah dan wahana kemajuan negara. Apa yang kita lakukan dalam aktiviti ekonomi akan dibalas oleh Allah SWT. Justeru, pastikan semua aktiviti ekonomi kita mendapat keberkatan dan keredaan Allah SWT. Etika perniagaan global sudah mula dipersoalkan terutamanya tentang piawaian yang harus digunakan. Maka pihak Barat perlu menyemak semula etika perniagaan global yang menyebabkan berbagai-bagai kekalutan. Apa yang penting dalam semua aktiviti

ekonomi adalah dengan menanam, menyemai, dan membudayakan nilai agama dalam segenap aspek kehidupan manusia. Kita perlu menolak aliran falsafah materialisme dan hedonisme kerana keduanya menyukarkan kita untuk menerapkan set etika dan moral yang betul dalam aktiviti ekonomi. Umat Islam perlu menghasilkan 'Business Ethics Index' mereka sendiri untuk mengukur persepsi pengguna terhadap tingkah laku dan etika perniagaan. Ini dapat memastikan sejauh mana etika perniagaan dari perspektif Islam dipraktikkan dan mengukur keberkesanan set moral dan etika yang telah ditentukan oleh Islam dalam beraktiviti ekonomi.

## **NOTA HUJUNG**

### ***(Endnotes)***

- 1 Semua terjemahan ayat Al-Quran dan maksud ayat al-Quran dalam artikel ini adalah berdasarkan *software Quran for Word* yang diintegrasikan ke dalam Microsoft Word 2007 melalui menu *Add-Ins*. Maksud ayat Quran dalam *software Quran for Word* adalah berdasarkan kepada *Tafsir pimpinan al-Quran kepada pengertian al-Quran*, Ed. Ke-8, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987.
- 2 Bahagian ini ialah sebahagian daripada ceramah penulis bertajuk Integriti dan Akauntabiliti, *Kursus Pembangunan Modal Insan*, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Valley Resort, Tanjung Keling, Melaka, 13 Februari 2008, 9.00-11.00 malam.
- 3 Kebanyakan isi dalam bahagian ini diambil daripada idea Wesley. Untuk penjelasan lanjut lihat Simon Webley (2003), *Developing a Code of Business Ethics*, Institute of Business Ethics, London.
- 4 Perbincangan ini telah diperjelaskan sejak bulan April 2009. Amini Amir Abdullah, Krisis Ekonomi Global: Apa Peranan Kita?, *Suara Pusat Islam Universiti*, Universiti Putra Malaysia, 17 April 2009.
- 5 Amini Amir Bin Abdullah, Ekonomi Islam dlm. A. F. Morad dan A. T. Talib (1996) (eds.), *Tamadun Islam*, Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia, pp. 64-86.
- 6 Isu ini telah diulas penulis dalam Amini Amir Bin Abdullah, Menghadapi Krisis Ekonomi Global, *Suara Pusat Islam Universiti*, Universiti Putra Malaysia, 6 Februari 2009.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Jalil Hassan. 1973. *Falsafah dan Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka dan Bahasa, Kuala Lumpur.

Abdullah Basmeih. 1988. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.

Ahmad, Khurshid .1979. Economic Development in An Islamic Framework. Dlm. Khurshid Ahmad dan Zafar Ishaq Ansari (eds.), *Islamic Perspectives: Studies in Honour of Sayyid Abul A'la Mawdudi*. Leicester: Islamic Foundation 223-240.

Amini Amir Bin Abdullah, Ekonomi Islam. Dlm. A. F. Morad dan A. T. Talib (eds.). *Tamadun Islam*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia 64-86.

Amini Amir Bin Abdullah. Krisis Ekonomi Global: Apa Peranan Kita? *Suara Pusat Islam Universiti*. Universiti Putra Malaysia. 17 April 2009.

Amini Amir Bin Abdullah. Menghadapi Krisis Ekonomi Global. *Suara Pusat Islam Universiti*. Universiti Putra Malaysia. 6 Februari 2009.

Amini Amir Bin Abdullah. Nota edaran ceramah bertajuk: Integriti dan Akauntabiliti. Kursus Pembangunan Modal Insan. Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Valley Resort: Tanjung Keling, Melaka. 13 Februari 2008, 9.00-11.00 malam.

Anas, Imam Malik. 1951. *al-Muwatta'*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Bab al-Halabi.

Chapra, M. U. 1979. The Islamic Welfare State and its Role in the Economy. Dlm. Khurshid Ahmad dan Zafar Ishaq Ansari (eds.), *Islamic Perspectives: Studies in Honour of Sayyid Abul A'la Mawdudi*. Leicester: Islamic Foundation. 195-222.

Chapra, M. U. 1992. *Islam and The Economic Challenge*. Leicester. UK: Islamic Foundation.

Chapra, M. U. 1993. *Islam and Economic Development*. Islamabad: International Institute of Islamic Thought.

Chapra, M. U. 2000. *The Future of Economics: An Islamic Perspective*. Leicester, UK: Islamic Foundation.

De Mente, Boye Lafayette. 2003. *Chinese Etiquette & Ethics in Business*. New York: McGraw-Hill.

- Ferm, Vergilius. 1953. Ed. *A History of Philosophical Systems*. London: Rider and Company.
- Gorski, Philip. 2000. Historicizing the Secularization Debate: Church, State, and Society in Late Medieval and Early Modern Europe, Circa 1300–1700. *American Sociological Review*. 65, 138-167.
- [Http://www.islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/TAJUK\\_1\\_\\_TAN\\_SRI\\_MUHAMMAD\\_ALI\\_HASHIM\\_0.pdf](http://www.islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/TAJUK_1__TAN_SRI_MUHAMMAD_ALI_HASHIM_0.pdf). 26 Julai 2011, 1436.
- Ibn Maskawaih, Ahmad. 1961. *Tahzib al-Akhlak*. Beirut: Maktabah al-Hayat.
- Imam al-Ghazali, Abu Hamid. 1978. *Ihya' 'Ulumuddin*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi. Jld. 3.
- Al-'Iraqi, Zainuddin. 1976. *al-Mughni 'an Haml al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ihya' min al-Akhbar*. Jld.3. Kaherah: Dar Mustafa al-Babi al-Halaqi. Mesir.
- Khalid M. Hussain. 1990. *Kamus Dwibahasa: Bahasa Inggeris-Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Munajjid, Muhammed Salih .2009. *al-Dukhul fi Syarkah man yata'ammala bi al-rishwah wa al-Riba*. Rabwah. Riyadh: Islamic Propagation Office.
- Mackie, J.L. 1971. *Ethics: Investing Right And Wrong*. London: Cox And Wynam Ltd.
- Michaelson, Christopher. 2010. Revisiting the Global Business Ethics Question. *Business Ethics Quarterly*, 20:2. April 2010, 237-251.
- Mohd Sidek Hassan. 2007. Merealisasikan TEKAD 2008 Dalam Pelan Integriti Nasional: Cabaran dan Harapan. *Konvensyen Integriti Nasional 2007*. Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Putrajaya. 6 September 2007.
- Muhammad Ali Hashim. 2009. *Jihad Bisnes: Satu Pendekatan Strategik Ke Arah Pemeriksaan Ekonomi Ummah*.
- Muhammad Kamal Azhari. 1993. *Bank Islam: Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Al-Qardawi, Yusuf. 1999. *Fiqh Az-Zakat: A Comparative Study*. London: Dar al-Taqwa Publishing.
- Al-Qazwini, Muhammad Ibn Yazid Ibn Majah. 1952. *Sunan Ibn Majah*. Kaherah: Maktabah Isa al-Bab al-Halabi. Jld.2.
- Al-Qusyairi, Abi al-Hussin Muslim bin al-Hajjaj (1981), *Sahih Muslim*, Jld.1. Istanbul: Darul Dakwah.

- Rodinson, Maxime .1977. *Islam and Capitalism*. Harmondsworth, Middlesex: Penguin Books.
- Al-Sijistani, Abu Dawud. 1962. *Sunan Abu Dawud*. Kaherah: Maktabah Isa al-Babi al-Halabi. Jld.1.
- Saleh, Subhi. t.t.. *Sistem Ekonomi dan Kewangan Dalam Islam*. Bangi: al-Rahmaniah (Badan dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia).
- Sheehy, Paul. 2006. Moral Facts, *Richmond Journal of Philosophy*. 12 (Spring).1-12.
- Stiglitz, Joseph E. 2009. Explaining the Financial Crisis and What it Means for the Future of Global Development. United Nations University Emerging Thinking Lecture Series.
- Teks Titah DYT M Raja Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridzuan, Majlis Perasmian Penutupan Kongres Ekonomi Islam Ketiga. 15 Januari 2009. Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putera. Kuala Lumpur. 3.00 petang.
- Tsalikis, J. dan Lassar, Walfried. 2009. Measuring Consumer Perceptions of Business Ethical Behavior in Two Muslim Countries. *Journal of Business Ethics* 89. 91–98.
- Warnock, G.J. 1973. *The Object of Morality*. London: Methuen Co. LTD.
- Webley, Simon. 2003. *Developing a Code of Business Ethics*. London: Institute of Business Ethics.
- Wilson, Rodney. 1997. *Economics, Ethics and Religion: Jewish, Christian and Muslim Economic Thought*. London: Macmillan.
- Wilson, Rodney. 2006. Islam and Business. *Thunderbird International Business Review*. Vol. 48 (1). January–February.109–123.



## **Agihan Zakat Serta Pelaksanaannya Dalam Pembangunan Ekonomi Islam: Tinjauan di Tabung Baitulmal Sarawak**

**MOHD DAUD BIN AWANG  
MOHD HAFIZ BIN ABDUL WAHAB  
AMIRULDIN BIN MD. SHAM  
SHAHIDA BINTI SHAHIMI  
ASJAD BIN MOHAMED**

### **Abstrak**

Zakat merupakan instrumen penting bagi pembangunan ekonomi Islam secara amnya kerana pensyariatan zakat telah dijelaskan melalui dalil-dalil al-Quran dan Sunnah. Kajian yang bakal dijalankan ini menjurus kepada sumbangan instrumen ketiga rukun Islam ini dari sudut agihan semula pendapatan dalam membangunkan ekonomi Islam khususnya dalam pembasmian kemiskinan, meningkatkan kuasa beli golongan bawahan, dan peranannya dalam bidang keusahawanan masyarakat. Kajian ini meninjau kepada bentuk agihan zakat yang dijalankan oleh pihak Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) dan sejauh mana ia berjaya dalam membangunkan ekonomi umat Islam. Pengkaji juga telah membandingkan maklumat-maklumat tersebut dengan hasil kajian-kajian lepas yang menunjukkan bahawa pendekatan agihan zakat TBS masih memerlukan strategi dan usaha yang lebih mantap. Justeru, pendekatan 'top-down' mampu memaksimumkan agihan zakat; seterusnya mencapai kesejahteraan hidup.

### **Abstract**

*Generally, zakat is the most important instrument in Islamic economic development. It is in accordance with al-Quran and sunnah proclamation of zakat. Therefore, this research will discuss the third pillar of Islam regarding its contributions in the improvement of Muslim economy especially in eradicating poverty, strengthening purchasing power of the lower income group and its role in Muslim entrepreneurship. Thus, the research is focussed on the form of zakat distribution done by Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) in developing the Sarawakian Muslim economy and its impact towards society. Comparasion was made using the new research data with past researches. The result shows that zakat distribution by TBS needs improvement in their strategies as well as in their approaches. Therefore, top-down approach, as a suggestion, is the appropriate way to maximize zakat distribution.*

## **PENDAHULUAN**

Zakat dari sudut bahasa bermaksud berkat, menyuburkan, mensucikan dan memperbaiki (Yusof Qardawi, 1985:37). Kekayaan yang dianugerahi oleh Allah SWT bukanlah semata-mata milik tunggal pemiliknya. Di dalamnya terkandung hak orang lain yang sepatutnya dipulangkan kepada yang berhak memperolehnya. Justeru, sesuai dengan pengertiannya, zakat berperanan membersihkan dan menyuburkan harta kerana ia merujuk kepada pembersihan diri yang diperoleh selepas melaksanakan tanggungjawab menunaikan zakat (Afzal-ur Rahman, 1991: 173).

Agihan semula pendapatan dalam sesebuah ekonomi bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan dan keadilan dalam pengagihan sumber-sumber semula jadi dan harta kekayaan di kalangan masyarakat. Hal ini terjadi kerana kedudukan zakat dalam Islam tidak terhenti sebagai satu kewajipan dan ibadah semata-mata bahkan peranan penting dari aspek politik, ekonomi, sosial, moral, dan spiritual. Zakat merupakan instrumen agihan semula pendapatan dalam membangunkan ekonomi umat Islam khususnya dengan keunikan tersendiri yang tidak terdapat dalam sistem ekonomi konvensional.

Agihan diperoleh oleh individu yang terlibat dalam kegiatan pengeluaran secara langsung dalam aktiviti ekonomi dan ia dikenali sebagai faktor pendapatan. Ia terdiri daripada sewa, upah, faedah, dan untung; manakala agihan yang diperoleh oleh individu tanpa terlibat secara langsung dalam aktiviti ekonomi melalui instrumen-instrumen tertentu yang telah ditetapkan oleh Islam seperti zakat, sedekah, faraid, *ghanimah*, *fai*, dan sebagainya. Dalam usaha mengurangkan ketidakseimbangan agihan pendapatan dan kekayaan serta untuk memastikan keadilan pengagihan ini, instrumen zakat digunakan bagi menyelaraskan kekayaan setiap individu muslim secara tahunan, apabila harta kekayaannya telah mencukupi *nisab dan haul*. Ini membolehkan golongan miskin turut berkongsi hak kekayaan tersebut dan seterusnya memperbaiki taraf hidup.

Artikel ini merupakan satu usaha untuk meninjau peranan yang dimainkan oleh Tabung Baitulmal Majlis Islam Sarawak (TBS) sebagai instrumen dalam agihan semula pendapatan dan kekayaan dalam Islam serta kesannya akibat daripada pensyarian zakat.

## **ISU DAN PERMASALAHAN KAJIAN**

Peranan zakat dalam pembangunan ekonomi telah banyak dibincangkan oleh para ilmuan ekonomi Islam atau para ulama. Malahan ulama-ulama terdahulu juga turut membincangkan isu-isu zakat pada masa itu dari perspektif fiqh di dalam kitab-kitab mereka. Justeru, pemahaman yang luas terhadap konsep zakat dapat menghasilkan pemahaman yang lebih baik terhadap teori zakat. Oleh itu, kajian-kajian zakat seperti teori, konsep, dan perundangan banyak dibincangkan berbanding dengan isu keberkesanan pelaksanaannya.

Apa yang menjadi persoalan di sini adalah sejauh mana pelaksanaan agihan zakat mampu meningkatkan pembangunan ekonomi umat Islam khususnya di Sarawak. Jika kita melihat beberapa kajian zakat di Sarawak sebelum ini, ia menunjukkan pelaksanaannya sangat membezakan, khususnya dari aspek kutipan. Justeru, pasti ia dapat memberikan impak kepada peningkatan bantuan yang lebih baik serta pembangunan ekonomi umat Islam di Sarawak. Namun demikian,

hasil daripada pemantauan pengkaji, terdapat masih ramai umat Islam di Sarawak yang memerlukan bantuan. Jadi, persoalannya adakah pihak berwajib iaitu TBS telah membuat kajian tentang perkara ini. Persoalan kedua adakah TBS telah mengkaji had kifayah asnaf zakat masyarakat Sarawak serta mengkaji strategi terbaik dalam pengagihan zakat. Justeru, melihat bahawa persoalan-persoalan ini masih belum dikaji maka pengkaji akan menjalankan kajian terhadap pelaksanaan agihan zakat di Sarawak seterusnya mencadangkan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan oleh TBS. Secara umumnya keperluan kepada kajian terhadap pengurusan zakat dan memfokuskan persoalan keberkesanan pelaksanaan sesebuah institusi zakat dalam pembangunan ekonomi umat Islam ialah kajian berterusan. Kajian seumpamanya adalah penting bagi mengubah situasi asnaf zakat sebagai kesan terhadap pensyariatan zakat itu sendiri.

Bertepatan dengan masalah kajian ini, maka artikel ini cuba merungkai bentuk-bentuk agihan yang dibuat oleh TBS bagi membangunkan umat Islam dengan membandingkan hasil perolehan yang diperolehi oleh TBS. Dan turut dimuatkan juga di dalam artikel ini ialah persoalan bagaimanakah kesan zakat terhadap sektor ekonomi dan penjelasan yang dibuat pada teori ekonomi tersebut untuk menyakinkan betapa pentingnya zakat dalam pembangunan ekonomi Islam.

## **PENSYARIATAN ZAKAT**

Kalimah zakat telah disebut sebanyak 58 kali di dalam al-Quran, 32 kali disebut bersendirian dan 26 kali disebut beriringan dengan kalimah solat (Ahmad 'Afiyat Allah, 1970, Vol. 3: 670). Ini jelas menggambarkan kedudukan zakat yang sangat penting dan antara perkara yang paling asas dalam ibadat seseorang muslim. Pensyariatan zakat boleh dilihat dari dalil-dalil al-Quran dan as-Sunnah sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nur, ayat 56 yang menjelaskan bahawa:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٥٦﴾

Terjemahan:

Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Rasul Allah; supaya kamu beroleh rahmat.

Selain itu juga, turut dijelaskan di dalam al-Quran dengan sejas-jelasnya berkaitan dengan golongan yang layak menerima zakat dan mereka dikenali sebagai asnaf sebagaimana yang telah ditetapkan oleh al-Quran. Firman Allah SWT di dalam surah al-Taubah ayat 60:<sup>1</sup>

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ فُلُوقِهِمْ  
وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ  
وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Terjemahan:

Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu adalah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Dalam pada itu juga, kebanyakan hadis telah menyatakan dengan lebih terperinci bagi menentukan kadar nisbah harta yang dikenakan zakat serta turut menentukan jumlah zakat yang perlu dikeluarkan. Hal ini sesuai dengan fungsi Hadis sebagai penjelas kepada ayat-ayat al-Quran yang disebut secara umum.

Antara hadis zakat ialah hadis Ibn ‘Umar yang diriwayatkan oleh Jama’ah, kecuali Muslim bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : فِيمَا سَقَتْ السَّمَاءُ  
وَالْعُيُونُ ، أَوْ كَانَ عَثَرِيَا الْعُشْرُ ، وَمَا سَقِيَ بِالنَّضْحِ نِصْفُ الْعُشْرِ  
(al-Shaukani : t.th, Jld. 4: 139-140)

Terjemahan:

Tanaman yang telah diairi langsung oleh air hujan dan mata air maka dikeluarkan zakatnya 10% sedangkan apabila diairi dengan peralatan maka dikeluarkan separuh daripadanya (5%)

Ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW di atas jelas menunjukkan bahawa zakat ialah satu kewajipan kepada umat Islam sebagai ibadah. Hikmah pensyariatan zakat juga dilihat sebagai asas penting menunjukkan Islam sangat mengutamakan keadilan ekonomi dalam pemilikan harta kekayaan. Konsep keadilan ekonomi dalam Islam hakikatnya ialah suatu amanah yang perlu difahami sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Hasyr ayat 7, yang bermaksud:

... Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar antara orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhilah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksa-Nya (bagi orang yang melanggar perintah-Nya.

Ayat di atas menjelaskan kekuatan teori Islam dalam menentukan hala tuju pelaksanaan ekonomi Islam sebagai suatu amanah. Teori tersebut menekankan bahawa dalam menguruskan kekayaan perlu ada unsur kebajikan. Justeru, pensyariatan zakat membuktikan kepentingan unsur kebajikan dalam ekonomi Islam. Tanggungjawab ini menuntut pelaksanaan zakat yang mencakupi kutipan zakat dan pengagihannya mencapai kedilan ekonomi. Hal ini, menjelaskan kedudukan zakat dalam Islam tidak terhenti sebagai satu kewajipan ibadah semata-mata, bahkan peranannya dalam pembangunan ekonomi.

Secara kesimpulannya, setelah diteliti ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW di atas jelas menunjukkan bahawa zakat ialah satu kewajipan kepada umat Islam. Maka, tidak sempurna Islam seseorang itu jika dia tidak menunaikan zakat. Kenyataan ini turut dibuktikan melalui sejarah di mana para sahabat Rasulullah SAW telah sepakat untuk memerangi mereka yang enggan mengeluarkan zakat.<sup>2</sup> Di samping itu, pensyariatan zakat juga memperlihatkan betapa pentingnya sifat amanah dan tanggungjawab pemerintah dalam menguruskannya sebagai mekanisme ekonomi yang adil.

## **PERANAN ZAKAT SEBAGAI INSTRUMEN AGIHAN SEMULA PENDAPATAN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM**

Ketetapan syarak berkenaan kewajipan menunaikan zakat ialah perkara ketiga daripada rukun Islam. Hal ini boleh dilihat dengan ketetapan solat sebagai satu bentuk hubungan manusia dengan tuhanNya dan merupakan hak Allah SWT terhadap-Nya. Menerusi zakat pula, ia melambangkan hubungan antara manusia sesama manusia dan sebagai hak manusia terhadap manusia (Ibn Taimiyah, t.th.:50).

Islam telah menekankan prinsip persaudaraan, kasih dan sayang serta bantu-membantu antara satu sama lain. Zakat merupakan salah satu medium untuk merealisasikan prinsip ini. Sifat perhubungan sesama insan yang dicorakkan oleh zakat melambangkan kesempurnaan dan kesyumulan Islam sebagai agama unggul yang diredai oleh Allah SWT. Zakat yang dikeluarkan oleh golongan kaya kepada golongan miskin bukan sahaja sebagai menunaikan tuntutan ibadah malah turut memberi kesan yang amat positif terhadap ekonomi. Selanjutnya kajian ini akan meninjau kesan zakat dalam mewujudkan sistem ekonomi yang berteraskan keadilan dan ihsan.

## **KESAN ZAKAT TERHADAP EKONOMI**

Sebelum ditinjau dengan lebih jelas lagi, dapatlah dijelaskan bahawa kesan zakat terhadap ekonomi boleh dibahagikan kepada empat. Antara

kesannya adalah dari sudut pengagihan, pelaburan, tabungan, dan pengeluaran.

### **Pengagihan**

Aspek pengagihan kekayaan dan pendapatan serta merapatkan jurang antara golongan kaya dan miskin amat penting dibicarakan sama ada dari sudut ekonomi Islam mahupun konvensional bagi mencapai tingkat kesejahteraan kebajikan ekonomi. Di peringkat individu, zakat mampu mendidik dan membina peribadi melalui penyucian hati manusia daripada sikap tamak dan rakus pada harta (Nik Mustapha Nik Hassan, 200:33) Pembinaan peribadi yang luhur dan tidak terikat dengan kecintaan kepada pengumpulan harta kekayaan sebagai matlamat hidup adalah sangat penting dalam membangun sebuah masyarakat yang stabil dan harmoni. Harta kekayaan bagi Islam ialah alat 'means' untuk menengak keadilan dan kesejahteraan manusia dalam bermasyarakat (ibid).

Dalam jangka panjang, zakat memberi kesan kesaksamaan atas agihan pendapatan dan harta, pada tingkat mikro. Perniagaan tertakluk pada untung dan rugi. Oleh sebab zakat dikenakan atas harta bersih yang melebihi tingkat minimum yang dikendalikan, dengan demikian kerugian dalam perniagaan tidak dikenakan zakat (Khaf, 1978: 82). Kesan positif agihan pendapatan dan harta adalah lebih penting. Ini adalah jelas sekiranya kita mengingatkan dua ciri zakat (ibid: 83).

Dana zakat diperuntukkan kepada mereka yang berhak menerimanya iaitu tidak disimpan dalam bentuk dana dan ia diagihkan sama ada dalam bentuk wang tunai, barangan pengguna atau barangan pengeluaran.


Agihan zakat tidak terhad oleh nisab<sup>3</sup> iaitu penerimaan zakat boleh diberikan kuantiti bagi memenuhi keperluan hidupnya mengikut taraf hidup masyarakat semasa. Ini bertujuan untuk membaiki keupayaan pendapatan penerima zakat supaya dapat dikeluarkan daripada golongan mereka yang menerima zakat.

### **Pelaburan**

Secara teorinya, akibat daripada pelaksanaan zakat, permintaan untuk pelaburan dengan kadar jangkaan untung pelaburan akan sentiasa menjadi tinggi dalam ekonomi Islam berbanding dengan ekonomi



konvensional yang mengamalkan ekonomi pasaran bebas. Hubungan antara permintaan atas pelaburan dalam ekonomi Islam dan zakat ditunjukkan dalam Rajah 1 (ibid:66).



**Rajah 1:** *Permintaan terhadap pelaburan baharu dalam undang-undang ekonomi mengikut kaedah ekonomi Islam*

Rajah1 menunjukkan bahawa pelaburan dalam ekonomi Islam boleh mengambil tempat yang sama jika kadar untung yang dijangka ialah sifar. Tetapi jika kadar untung yang dijangka jatuh kepada nilai negatif: (ibid:67).

$$\text{Formula: } r = e'/(e-1)$$

di mana  $e'$  ialah kadar zakat yang dikenakan atas aset beku dan  $e$  merupakan kadar zakat terhadap pulangan daripada pelaburan, di mana pelaburan akan berhenti mengambil tempat (ibid).

## **Tabungan**

Pengeluaran zakat adalah atas semua harta disebabkan oleh daya pengeluarannya, sama ada ia digunakan secara produktif atau dibiarkan sebagai simpanan beku (Afzal-ur Rahman, 1991: 230). Ini bermakna zakat tetap dikenakan sungguhpun harta itu disembunyikan dalam bentuk apa sekalipun. Harta-harta yang produktif contohnya emas, perak,<sup>4</sup> dan wang tunai yang pada matlamat asalnya boleh dijadikan modal untuk tujuan perdagangan tetap dikenakan zakat sungguhpun ia disimpan beku.

Sehubungan itu, para pemilik harta yang mencapai kadar hisab akan lebih cenderung melaburkan harta mereka daripada dibiarkan beku tanpa penghasilan produktif. Oleh demikian, objektif sistem zakat ialah lebih daripada harta-harta tersebut digunakan untuk membantu golongan miskin dalam meringankan bebanan mereka, membantu membebaskan diri mereka dan menjadikan mereka orang yang berguna di dalam masyarakat (F.R. Faridi, 1997: 179). Oleh itu Rasulullah SAW telah menyarankan kepada umatnya supaya melaburkan harta-harta anak yatim dari terus dibekukan sebagaimana sabdanya:

ألا من ولي يتيما له مال فليتجر فيه , ولا يتركه حتى تأكله الصدقة<sup>5</sup>

Maksudnya:

Tidakkah mereka yang diamanahkan untuk mengurus harta anak yatim supaya diperdagangkan harta tersebut agar tidak dibekukan atau dibiarkan sehingga habis zakat tersebut.

(al-Tirmizi, t.th. Jld. 3: 32)

Ini bererti bagi mereka yang tidak menggunakan harta-harta yang dibekukan untuk pengeluaran dan hanya menyimpannya, akan kehilangan satu perempat dari harta tersebut dalam jangka masa kurang daripada dua belas tahun (Khaf, 1978: 76).

Jadual 1: Pengurangan harta yang dibekukan mengikut tahun

<b>Nisbah Pengurangan</b>	<b>Tahun</b>
1/10	kurang daripada 5 tahun
1/4	kurang daripada 12 tahun
1/2	kurang daripada 28 tahun
3/4	kurang daripada 55 tahun
90%	kurang daripada 100 tahun


Secara ringkasnya, peningkatan yang berterusan terhadap jumlah pelaburan akan meningkatkan pengeluaran seterusnya menambahkan hasil pendapatan. Akhirnya apabila hasil pendapatan bertambah, ia turut meningkatkan pendapatan sesebuah negara secara tidak langsung akan memantapkan lagi ekonomi sesebuah negara tersebut.

### **Pengeluaran**

Agihan dana zakat kepada golongan fakir dan miskin sebenarnya turut memberi kesan terhadap tingkat pengeluaran sektor ekonomi. Apabila sejumlah dana diagihkan kepada mereka yang berpendapatan rendah, hal ini akan menyebabkan peningkatan di dalam jumlah permintaan. Pendapat ini berdasarkan andaian bahawa golongan yang berpendapatan rendah mengguna sut<sup>6</sup> yang tinggi berbanding dengan golongan sederhana dan golongan yang berpendapatan tinggi (Ataul Huq Pramanik, 1998:13). Kebanyakan daripada barang dan perkhidmatan yang diminta oleh golongan miskin terdiri daripada barang-barang perkhidmatan yang menggunakan intensif buruh dalam proses pengeluarannya. Justeru, dengan peningkatan terhadap permintaan maka seterusnya akan mempengaruhi jumlah pengeluaran. Lebih ramai tenaga buruh sama ada yang mahir atau tidak mahir akan diambil dan kesannya, guna tenaga turut meningkat.

Seiring dengan situasi berkenaan akan berlaku perubahan dalam kaedah pengeluaran bagi memberikan peluang kepada golongan miskin menceburi bidang perusahaan secara kecil-kecilan. Secara ringkasnya,

melalui interaksi pengganda dan dipercepat di samping kecenderungan mengguna sut yang tinggi, jumlah dana zakat yang diperuntukkan kepada golongan miskin dapat memenuhi dua peranan sekali gus iaitu: (a), menambah jumlah permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan dan (b) mengelakkan perkembangan industri barang upah dan sebagainya (ibid).



**Rajah 2: Pengeluaran**

Nota-Petunjuk:

C-Penggunaan persendirian

I-Pelaburan persendirian

G-Belanjawan kerajaan

Z-Semua jenis cukai zakat termasuk sedekah dan cukai lain

Y0-Pendapatan sebelum zakat

Y1-Kesan zakat digabungkan kepada Y0

Y2-Kesan pelaburan digabungkan kepada Y1

Y3-Kesan perbelanjaan kerajaan dan kesan penggunaan digabungkan kepada Y2

Rajah 2 menunjukkan bagaimana aktiviti pengeluaran terus mencapai tahap keseimbangan pendapatan dan guna tenaga penuh dalam konteks model ekonomi tiga sektor. Ia merupakan contoh bagaimana dalam dasar ekonomi tiga sektor tertutup menerima kesan cukai selain zakat. Penggunaan zakat termasuk semua sumbangan sukarela dan cukai-cukai berkadar lain terhadap golongan kaya untuk diagihkan kepada golongan miskin menggerakkan keluk penggunaan (C: sebelum zakat) ke atas (C1: selepas pengagihan semula zakat). Oleh sebab struktur berkadar semua jenis cukai zakat, keluk C1 tidak berpindah tetapi beredar. Keluk C1 didapati berada di atas keluk C kerana dana zakat diandaikan telah diagihkan semula kepada golongan yang berhak menerimanya. Keluk C juga boleh bergerak ke atas daripada kedudukan C yang asal disebabkan pelaburan autonomi, berkemungkinan bertambah hasil sedikit daripada pengagihan semula dana zakat (ibid :16).

Selain itu, dari sudut tanaman, kadar zakat yang dikenakan atas hasil tanaman yang berbeza juga sedikit sebanyak mempengaruhi pengeluaran. Hasil tanaman yang diairi oleh saliran semula jadi dikenakan zakat sebanyak 10% sedangkan kadar zakat tanaman yang diairi oleh sistem pengairan sendiri adalah pada kadar 5% sahaja. Seperti mana yang diketahui hasil keluaran tanaman yang menggunakan sistem pengairan adalah lebih tinggi tahap pengeluarannya berbanding dengan saliran semula jadi. Perbezaan kadar ini menunjukkan bagaimana zakat menggalakkan petani untuk menghasilkan lebih pengeluaran.

## **HASIL KUTIPAN ZAKAT TABUNG BAITULMAL SARAWAK**

Zakat merupakan satu instrumen terpenting dalam pembangunan ekonomi umat Islam. Hal ini telah banyak dibicarakan oleh para ahli ekonomi Islam tentang kelebihan yang wujud dalam sistem ekonomi zakat, bahkan para ahli ekonomi barat juga turut mengakui sistem tersebut.

Secara tidak langsung apa yang boleh dinyatakan di sini, negeri Sarawak juga tidak terkecuali dalam membangunkan ekonomi zakat serta menjana hasil kutipan zakat yang diperoleh demi untuk kepentingan umat Islam. Tinjauan yang dibuat dalam artikel ini atas jumlah hasil kutipan zakat yang diperoleh oleh Tabung Baitulmal Sarawak adalah dari tahun 2005 sehingga Mac 2008 sahaja berdasarkan Jadual 2.

**Jadual 2:** Jumlah Kutipan Zakat

<b>Jenis Zakat/ Pendapatan</b>	<b>2005 (RM)</b>	<b>2006 (RM)</b>	<b>2007 (RM)</b>	<b>Mac 2008 (RM)</b>
Zakat Fitrah	2,812,861.74	2,799,217.20	3,007,331.20	-
Zakat Wang Simpanan	2,163,498.29	2,572,399.25	2,085,116.79	632,673.35
Zakat Pendapatan	6,322,466.01	8,189,272.13	12,991,327.72	3,198,601.82
Zakat Emas	17,676.23	44,482.61	32,461.63	4,403.50
Zakat Saham	437,548.06	495,260.90	491,516.19	245,471.93
Zakat Ternakan	300.00	1,255.00	3,850.00	200.00
Zakat Perniagaan	3,496,695.21	6,442,847.47	4,370,124.94	3,291,291.37
Zakat Tanaman	3,404.70	3,588.25	3,135.00	213.13
Fidyah	44,849.80	-	65,537.45	10,488.90
KWSP	-	-	81,848.44	10,373.84
<b>JUMLAH</b>	<b>15,299,300.04</b>	<b>20,600,095.18</b>	<b>23,132,249.36</b>	<b>7,393,717.84</b>

Sumber: Unit Pentadbiran Akaun Tabung Baitulmal Sarawak

Berdasarkan Jadual 2, jelas menunjukkan bahawa hasil kutipan zakat meningkat dari tahun ke tahun. Pada tahun 2005, jumlah kutipan zakat adalah sebanyak RM15,299,300.04 di mana jumlah kutipan zakat fitrah adalah sebanyak RM2,812,861.74, zakat wang simpanan adalah sebanyak RM2,163,498.29, zakat pendapatan sebanyak RM6,322,466.01 zakat emas sebanyak RM17,676.23, zakat saham RM437,548.06, zakat ternakan sebanyak RM300, zakat perniagaan sebanyak RM3,496,695.21, zakat tanaman sebanyak RM3,404.70 dan jumlah hasil kutipan fidyah adalah sebanyak RM44,849.80.

Manakala pada tahun 2006, jumlah hasil kutipan zakat meningkat sebanyak RM5,300,795.14 di mana jumlah hasil kutipan zakat pada tahun 2006 adalah sebanyak RM20,600,095.18. Hasil perolehan kutipan zakat yang diperoleh mengikut pecahan-pecahan pada jadual di atas iaitu

hasil zakat fitrah adalah sebanyak RM2,799,217.20, zakat pendapatan sebanyak RM8,189,272.13, zakat perniagaan sebanyak RM6,442,847.47, zakat wang simpanan sebanyak RM2,572,399.25, zakat saham sebanyak RM495,260.90, zakat emas sebanyak RM44,482.61, zakat tanaman sebanyak RM3,588.25, dan yang terakhir bagi zakat ternakan RM1,255. Pada tahun 2006, hasil jumlah kutipan zakat KWSP dan fidyah tidak dinyatakan.

Seterusnya pada tahun 2007, jumlah hasil kutipan zakat terus meningkat dengan mendadak di mana perbezaan hasil jumlah kutipan zakat jika dibandingkan dengan kutipan pada tahun 2005 adalah sebanyak RM7,832,793.32 dan perbezaan jumlah hasil kutipan zakat pada tahun 2006 adalah sebanyak RM2,531,998.18 di mana hasil perolehan pada tahun 2007 adalah sebanyak RM23,132,093.36. Pecahan hasil perolehan yang ditunjukkan di dalam Jadual 2 menunjukkan sebanyak RM12,991,327.72 bagi zakat pendapatan, zakat perniagaan RM4,370,124.94 zakat wang simpanan sebanyak RM2,085,116.79, zakat saham sebanyak RM491,516.19, zakat KWSP sebanyak RM81,848.44, zakat emas sebanyak RM32,461.63, zakat tanaman sebanyak RM3,135.00, zakat ternakan sebanyak RM3,850.00, zakat fitrah sebanyak RM3,007,175.20, dan fidyah pula adalah sebanyak RM65,537.45.

Manakala bagi suku tahun pertama untuk tahun 2008<sup>7</sup> sebanyak RM7,393,717.84 berjaya dikutip oleh pihak TBS. Pecahan dari hasil perolehan kutipan zakat sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 2 adalah sebanyak RM3,198,601.82 telah dikutip bagi zakat pendapatan, zakat perniagaan sebanyak RM3,291,291.37, zakat wang simpanan sebanyak RM632,673.35, zakat saham sebanyak RM245,471.93, zakat KWSP sebanyak RM10,373.84, zakat emas sebanyak RM4,403.50, zakat tanaman sebanyak RM213.13, zakat ternakan sebanyak RM200.00, dan yang terakhir ialah jumlah kutipan fidyah adalah sebanyak RM10,488.90.

Secara kesimpulannya apa yang boleh dilihat di sini ialah, hasil jumlah kutipan zakat yang berjaya dikutip oleh pihak TBS boleh dibanggakan kerana jumlah hasil kutipan yang diperolehi meningkat dari tahun ke tahun. Peningkatan ini menunjukkan bahawa usaha pihak TBS dalam menyebarkan kefahaman terhadap kepentingan berzakat boleh dibanggakan. Namun untuk membuktikan bahawa kejayaan TBS secara kajian empirikal adalah masih awal. Apa pun peranan agama

dalam meletakkan zakat sebagai suatu ibadah daripada rukun Islam telah memberikan impak yang sangat besar bagi pemabangunan ekonomi umat Islam.

## **JUMLAH AGIHAN ZAKAT MENGIKUT ASNAF**

Di dalam surah al-Taubah, ayat 60 telah menjelaskan golongan yang berhak menerima zakat. Justeru, pihak TBS telah menggariskan segala kutipan zakat dan sadaqatul jariah<sup>8</sup> diagihkan mengikut kehendak hukum dan dasar institusi ini melalui program utamanya iaitu program mengukuh tradisi keilmuan, program memantap kebajikan ummah, program membangunkan insitusi Islam dan program memudahcarakan pengurusan zakat<sup>9</sup>.

Berdasarkan akaun yang telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara, keempat-empat program itu telah diklasifikasikan mengikut kehendak asnaf seperti yang dikehendaki oleh hukum syarak (ibid). Dalam pada itu juga, jumlah agihan zakat mengikut asnaf yang diperoleh dan dijelaskan di dalam artikel ini adalah dari sekitar tahun 2007 sehingga Mac 2008 berdasarkan Jadual 3.

**Jadual 3:** Jumlah Agihan Zakat Mengikut Asnaf

<b>ASNAF</b>	<b>2007 Jumlah (RM)</b>	<b>Mac 2008 Jumlah (RM)</b>
Asnaf Fakir	3,571,474.00	811,799.50
Asnaf Miskin	2,012,249.00	255,844.00
Asnaf Amil	3,021,743.54	761,678.87
Asnaf Mualaf	75,058.96	70,472.54
Asnaf al-Gharimin	7,928.00	6,289
Asnaf Ibnu Sabil	1,598.00	7,685.04
Asnaf Fisabilillah	2,883,967.06	914,454.11
<b>JUMLAH</b>	<b>11,574018.56</b>	<b>2,828223.06</b>

Sumber: Unit Pentadbiran Akaun Tabung Baitulmal Sarawak



Berdasarkan jadual di atas, dapat dijelaskan bahawa agihan zakat dibuat adalah dengan mengikut ketetapan yang telah dijelaskan di dalam surah at-Taubah, ayat 60. Walau bagaimanapun, setiap golongan asnaf yang dinyatakan di atas telah dibahagikan mengikut kategori-kategori yang telah ditetapkan oleh TBS. Bagi golongan asnaf fakir dan miskin, ia telah dibahagikan kepada 13 kategori iaitu:

- a. bantuan kemasukan ke IPT (yuran, tambang dan wang saku),
- b. bantuan pengajian sekolah rendah/menengah,
- c. bantuan pengajian ke Timur Tengah,
- d. bantuan pengajian ke sekolah agama/Arab,
- e. bantuan pengajian tahfiz al-Quran,
- f. bantuan untuk rawatan dan perubatan,
- g. bantuan fardu kifayah,
- h. bantuan sara hidup,
- i. bantuan bencana alam/kecemasan,
- j. bantuan kerja tesis,
- k. bantuan pengajian dalam bidang agama,
- l. bantuan Aidilfitri, dan
- m. bantuan am.

Bagi golongan asnaf amil pula, kategori yang ditetapkan oleh pihak TBS adalah untuk program operasi pengurusan zakat. Seterusnya bagi golongan asnaf mualaf, asnaf al-gharimin, dan asnaf ibnu sabil; kategori bagi agihan yang dibuat adalah di bawah bantuan am. Bagi golongan asnaf *fi sabilillah* pula, kategori yang ditetapkan oleh pihak TBS adalah seperti berikut:

- a. bantuan kemasukan ke IPT (yuran, tambang dan wang saku),
- b. bantuan pengajian ke Timur Tengah,
- c. bantuan pengajian ke sekolah agama/Arab,
- d. bantuan kemasukan ke tahfiz al-Quran,
- e. bantuan kertas tesis;
- f. bantuan kepada persatuan pelajar,
- g. bantuan untuk masjid dan surau,
- h. bantuan kepada badan kebajikan dan kemasyarakatan,
- i. bantuan untuk sekolah agama Islam,
- j. bantuan kepada institusi dan badan dakwah,

- k. bayaran gaji dan elaun guru agama/al-Quran/Pegawai Majlis Islam Sarawak,
- l. Penerbitan buku agama/risalah Majlis Islam Sarawak,
- m. bayaran kelas agama dewasa,
- n. bayaran untuk kursus pengurusan zakat,
- o. bantuan fardu kifayah,
- p. bayaran untuk aktiviti Majlis Islam Sarawak,
- q. bantuan untuk pengajian bidang agama,
- r. bayaran untuk perkhidmatan pendidikan, dan
- s. bantuan am.

Berdasarkan Jadual 3, jumlah agihan yang dibuat adalah berbeza dengan perolehan hasil kutipan zakat yang diperolehi. Sebagai contoh dalam Jadual 2, jumlah perolehan hasil kutipan zakat yang diperolehi pada tahun 2007 adalah sebanyak RM23,132,249.36. Manakala jumlah agihan yang dibuat adalah sebanyak RM11,574,018.56 dan bentuk agihan yang dibuat adalah berdasarkan klasifikasi yang telah ditetapkan oleh TBS mengikut asnaf. Bagi asnaf fakir sebanyak RM3,571,474, asnaf miskin sebanyak RM2,012,249, asnaf amil sebanyak RM3,021,743.54, asnaf mualaf sebanyak RM75,058.96, asnaf al-gharimin sebanyak RM7,928, asnaf Ibnu Sabil sebanyak RM7,685.04 dan yang terakhir ialah asnaf *fi sabilillah* iaitu sebanyak RM914,454.11.

Bagi suku tahun pertama 2008, jumlah agihan yang dibuat adalah sebanyak RM2,828,223.06 di mana hasil kutipan zakat yang diperolehi pada suku tahun pertama 2008 adalah sebanyak RM7,393,717.84. Jumlah agihan mengikut asnaf adalah seperti yang telah dinyatakan di dalam Jadual 3 iaitu, asnaf fakir sebanyak RM811,799.50, asnaf miskin sebanyak RM255,844, asnaf amil sebanyak RM761,678.87, asnaf mualaf sebanyak RM70,472.54, asnaf al-gharimin sebanyak RM6,289, asnaf *Ibnu Sabil* sebanyak RM7,685.04, dan yang terakhir iaitu asnaf *fi sabilillah* sebanyak RM914,454.11.

Persoalannya di manakah lebih zakat TBS disalurkan, kerana zakat ialah dana yang wajib diagihkan pada tahun tersebut (Zainal Abidin Jaafar, 2006: 372). Selagi mana terdapat golongan asnaf tertentu yang memerlukannya pada tahun tersebut. Penanggguhan pemberian dana zakat kepada golongan yang layak, hukumnya adalah dilarang

sama sekali.<sup>10</sup> Pengkaji juga berpandangan bahawa kadar had kifayah asnaf zakat semasa juga sepatutnya perlu dikaji semula memandangkan terdapat peningkatan keperluan sara hidup di Malaysia. Oleh itu, jika lebih kutipan di atas telah disalurkan dalam program pembangunan asnaf bertepatan dengan syarak, maka TBS perlu menyebarkan maklumat tersebut kepada umat Islam agar ia mempengaruhi gelagat umat Islam yang mempunyai lebih harta agar sentiasa menyalurkan harta mereka dalam pembangunan ekonomi.

## **PERANAN ZAKAT DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI ISLAM DAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN AGIHAN ZAKAT DI TBS**

Zakat sering dikaitkan oleh ahli ekonomi Islam dalam membicarakan aspek perekonomian Islam. Hal ini boleh digambarkan bahawa institusi zakat memainkan peranan penting sama ada dari sudut pembangunan ekonomi mahupun dalam pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam khususnya.

Fungsi zakat dari aspek ekonomi tidak boleh diperkecilkan peranannya dan ia sering menjadi perbincangan utama para ilmuwan Islam dari zaman dahulu hingga ke zaman sekarang. Justeru, terdapat beberapa cadangan yang boleh digunakan oleh pihak TBS dalam usaha penambahbaikan bagi menjana pendapatan ekonomi umat Islam khususnya di negeri Sarawak.

### **Peningkatan Hasil Kutipan Zakat**

Peningkatan pengagihan ditunjukkan oleh pengurangan dalam jurang ketidakseimbangan pendapatan antara individu dan keluarga dalam kebanyakan masyarakat dan pengurangan jurang turun naik pendapatan dalam tempoh tertentu, terutamanya di kalangan golongan miskin. Dalam konteks masyarakat Islam, sebagaimana yang telah diterangkan sebelum ini, zakat dapat memperbaiki corak penggunaan, pengeluaran, dan pengagihan. Ia merupakan musuh ketat kepada penimbunan harta dan pembunuh kapitalisme kerana tujuannya adalah untuk menghapuskan ketidakseimbangan pendapatan dan mengembalikan kuasa beli kepada

golongan miskin. Al-Quran tidak melarang pengumpulan harta tetapi, menjadi kewajiban negara Islam untuk menjamin bahawa tidak seorang pun rakyat ditahan daripada mendapatkan barangan keperluan asas kehidupan (M.A.Mannan, 1992.Jld.2:228).

Apabila zakat berfungsi dengan betul, maka berlakulah agihan harta di kalangan masyarakat di mana golongan miskin akan mendapat manfaat dengan kewujudan golongan kaya. Pelaksanaan zakat menghapuskan ketidakseimbangan harta yang begitu ketara dan membawa pengagihan semula harta secara beransur-ansur (ibid: 191-192). Sebagaimana yang kita tahu bahawa pegawai kerajaan Islam di Malaysia boleh membuat pilihan sama ada membayar cukai pendapatan atau membayar zakat yang boleh direbetkan kepada cukai atau kedua-duanya sekali. Oleh itu, apa yang boleh dicadangkan kepada pihak TBS ialah, pihak TBS perlu menjalinkan hubungan yang baik dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi meningkatkan kefahaman umat Islam Sarawak tentang kebaikan mereka memilih untuk membayar zakat terlebih dahulu.

Di samping itu, usaha-usaha untuk mewajibkan zakat secara langsung perlu dilaksanakan secara sistematik. Hal ini, penting kerana jalinan tersebut mampu meningkatkan bilangan kesedaran umat Islam dalam keutamaan membayar zakat. Usaha ini merupakan satu jihad untuk mendidik dan menyedarkan umat Islam tentang kewajiban berzakat. Oleh yang demikian, dengan menerima pakai syarat tersebut dan secara tidak langsung harta yang diwajibkan zakat dapat dikeluarkan oleh orang yang berhak mengeluarkan zakat. Oleh itu, hasil zakat yang diperoleh dapat diagihkan kepada yang berhak dan seterusnya dapat merangsang ekonomi orang Islam terutamanya golongan asnaf fakir dan miskin.

### **Mengurangkan Kadar Kemiskinan dengan Pemberian Modal Perniagaan**

Peranan utama zakat dalam ekonomi adalah untuk membasmi kemiskinan atau mengurangkannya kepada paras yang rendah. Masalah kemiskinan ialah penghalang utama kepada kemakmuran ekonomi dan salah satu daripada rangkaian penghancur iaitu kejahilan, kemiskinan, dan penyakit. Zakat ialah suatu sumber kewangan bagi mengatasi masalah kemiskinan iaitu dengan menyediakan saraan hidup dan modal

yang mencukupi bagi yang memerlukan di kalangan orang fakir dan miskin. Bantuan saraan hidup mutlak diberikan kepada golongan fakir dan miskin yang tidak mampu bekerja seperti orang cacat, tua, dan sebagainya.

Cadangan yang hendak diutarakan adalah yang berbentuk modal diberikan kepada golongan miskin yang mempunyai keupayaan bekerja. Modal tersebut adalah sebahagian daripada zakat untuk fakir miskin yang mampu bekerja dijadikan sumber dan penggalak kepada pekerjaan. Menurut kajian Nik Mustpha Nik Hassan (2001:49) katanya, kalau difikirkan jika diberi sekali gus RM10,000 untuk satu keluarga ia akan menolong ketua keluarga dan isterinya membuat perniagaan kecil yang akan memberi pendapatan setiap bulan dari perniagaannya, dan mengeluarkannya dari senarai bantuan baitulmal; maka lebih wajar kaedah ini digunakan.<sup>11</sup> Justeru, bagi memperkasakan cadangan ini maka satu kajian perlu dibuat bagi mendapatkan jumlah modal yang paling wajar dalam perniagaan tertentu yang bersaiz munasabah kepada dana zakat. Ini penting supaya pemberian modal perniagaan daripada zakat dapat membantu dalam mengurangkan kadar kemiskinan umat Islam khususnya.

Dengan ini jelas bahawa pembasmian kemiskinan dan penghasilan harta ialah kewajipan sosial yang paling asas kepada orang Islam. Keperluan ke arah meningkatkan pengeluaran, keadilan dalam pengagihan serta peluang-peluang untuk membangunkan keupayaan manusia hari ini antara lain bergantung kepada kepesatan peningkatan penduduk dan jangkauan peningkatan taraf hidup.

### **Menggalakkan Pelaburan untuk Aktiviti Ekonomi yang produktif.**

Secara logiknya, amalan pelaburan dalam aktiviti ekonomi yang produktif akan membawa keuntungan kepada pihak pelabur. Hakikatnya pemberian zakat itu sendiri akan mencairkan sistem kewangan dan merangsang pelaburan khususnya dalam memenuhi keperluan pengguna di mana asnaf zakat juga adalah sebahagian daripada pengguna.

Di sini apa yang ingin dicadangkan oleh pengkaji ialah bagaimana pula pengurusan zakat dapat membantu asnaf supaya menjadi sebahagian daripada golongan pelabur dalam aktiviti ekonomi yang produktif dan

menguntungkan. Dengan cara ini kita dapat memahami bahawa teori ekonomi Islam itu sendiri tidak mengalakkan amalan pembekuan harta yang hanya akan menyebabkannya semakin berkurangan harta dan kerugian seseorang. Oleh itu teori zakat mengajar kita menguruskan kekayaan yang disimpan beku ini dapat digunakan untuk faedah masyarakat secara keseluruhan dengan menggerakkan aktiviti pengeluaran barangan keperluan masyarakat serta melibatkan golongan asnaf sebagai pelabur dan juga pengguna. Sebagai contoh menjadikan asnaf terlibat dengan koperasi-koperasi tertentu dalam komuniti tertentu. Pandangan ini sangat signifikan dengan pandangan Profesor Dr. Yusuf al-Qaradawi yang berpendapat bahawa dana zakat harus dilaburkan menjadi modal aset tetap. Beliau berkata, “Negara Islam harus menggunakan dana zakat untuk membiayai pembelian atau pembinaan kilang-kilang, tanah, kedai-kedai perniagaan dan aset-aset lain yang sahamnya dimiliki asnaf fakir miskin, sama ada keseluruhan atau sebahagian untuk menjamin pendapatan mereka dengan syarat hak atau saham tidak sah dipindah milik seperti status harta wakaf (Mujaini Tarimin, 2005: 178). Maka dengan itu, pelaburan atas harta-harta zakat boleh dilihat sebagai salah satu alternatif dalam menjana sumber pendapatan yang banyak, lantas jurang kemiskinan dapat diatasi dan sumber kewangan zakat juga turut meningkat bagi membangunkan umat Islam khususnya.

## **PENUTUP**

TBS merupakan sebuah institusi penting dalam membangunkan umat Islam bagi mencapai taraf hidup yang lebih sempurna serta mengeluarkan masyarakat Islam daripada kepompong kemiskinan. Jadual 2 telah menjelaskan hasil kutipan zakat yang telah berjaya dikutip oleh pihak TBS dari tahun 2005 sehingga Mac 2008. Apa yang boleh diringkaskan daripada jadual tersebut ialah hasil kutipan zakat yang diperoleh meningkat dari tahun ke tahun dan ini boleh menggambarkan kesungguhan TBS dalam menjalankan tanggungjawab untuk mempertingkatkan hasil kutipan zakat iaitu dengan memperbanyak kaunter zakat serta banyak membuat penerangan tentang kepentingan zakat. Dalam pada itu, apa yang boleh dibanggakan juga daripada Jadual 2 ialah tanggungjawab dan kesedaran orang ramai dalam melaksanakan zakat sebagai satu kewajipan bagi setiap orang Islam yang cukup *haul* dan *nisab*.

Jadual 3 pula, menjelaskan di dalam artikel ini ialah jumlah agihan zakat yang telah dibuat oleh TBS dalam membantu serta memperbaiki taraf hidup orang fakir dan miskin serta untuk perkembangan agama Islam. Tetapi apa yang boleh dijelaskan, agihan zakat yang dibuat oleh TBS tidak sampai ke tahap untuk menjana ekonomi umat Islam dan sebaliknya ia hanya pada tahap untuk memenuhi keperluan hidup orang yang memerlukan sahaja iaitu sekadar memenuhi barang keperluan dan perkara-perkara umum sahaja.

Daripada hasil kutipan zakat yang diperoleh, apa yang boleh dinyatakan di sini terlalu banyak lebihan hasil zakat kalau hendak dibezakan antara agihan dengan perolehan. Hasil zakat bukanlah sebagai satu instrumen tabungan, tetapi ia berperanan dalam menjana ekonomi umat Islam dari pelbagai sudut dan bukanlah hanya sekadar memenuhi keperluan hidup semata-mata. Oleh yang demikian, apa yang boleh dijelaskan di sini ialah instrumen zakat bukan sekadar untuk memenuhi keperluan hidup golongan asnaf-asnaf, tetapi ia juga mencakupi aspek pembangunan ekonomi umat Islam dan bermatlamat untuk mengeluarkan golongan yang menerima zakat kepada golongan yang mengeluarkan zakat.

## NOTA HUJUNG

### *(Endnotes)*

- 1 Yang berhak menerima zakat ialah: (a) orang fakir: orang yang amat sengsara hidupnya, tidak mempunyai harta dan tenaga untuk memenuhi penghidupannya. (b) orang miskin: orang yang tidak cukup penghidupannya dan dalam keadaan kekurangan. (c) pengurus zakat: orang yang diberi tugas untuk mengumpulkan dan membahagikan zakat. (d) muallaf: orang kafir yang ada harapan masuk Islam dan orang yang baru masuk Islam yang imannya masih lemah. (e) memerdekakan budak: mencakup juga untuk melepaskan muslim yang ditawan oleh orang-orang kafir. (f) orang berhutang: orang yang berhutang kerana untuk kepentingan yang bukan maksiat dan tidak sanggup membayarnya. adapun orang yang berhutang untuk memelihara persatuan umat Islam dibayar hutangnya itu dengan zakat, walaupun ia mampu membayarnya. (g) pada jalan Allah (sabilillah): iaitu untuk keperluan pertahanan Islam dan kaum muslimin. di antara mufasirin ada yang berpendapat bahawa fisabilillah itu mencakup juga kepentingan-kepentingan umum seperti mendirikan sekolah, rumah sakit dan lain-lain. (h) orang yang sedang dalam perjalanan yang bukan maksiat mengalami kesengsaraan dalam perjalanannya.
- 2 Peristiwa penentangan zakat berlaku sebagaimana yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim daripada Abu Hurairah ra berkata, ketika mana Rasulullah SAW wafat dan kemudiannya bermula pimpinan Abu Bakr ra, maka berlaku kekufuran atau Riddah di kalangan Arab. Maka berkata ‘Umar ra: Bagaimana kita hendak memerangi manusia, sedangkan Rasulullah SAW bersabda: Diperintahkan aku memerangi manusia sehingga mereka mengucapkan ‘لا اله الا الله’. Justeru, berkata Abu Bakr ra, demi Allah aku akan memerangi barang siapa yang membezakan di antara solat dan zakat, bahawasanya zakat ialah hak kehartaan, demi Allah SWT sekiranya mereka menentangku akan zakat dan ( hakikatnya) mereka menunaikan zakat hanya kerana Rasulullah SAW, maka aku memerangi mereka atas keingkaran mereka terhadap zakat. Berkata ‘Umar ra, demi Allah tiada lah yang demikian itu melainkan bahawasanya Allah SWT telah menjelaskannya melalui pengetahuan Abu Bakr ra, maka aku yakin demikian itu ialah hak. Mustafa al-Bugha (Dr) et al. 1989, *Kitab Fiqh al-Manhaji*, Jld. 2, Dimasq: Dar al-Qalam, hlm.15-16; Yusof Qardawi, 1985, *Fiqh Al-Zakah Dirasah Muqaranah li Ahkamika wa Filsafatiha fi Dau’ al-Quran wa as-Sunnah*, Jld. 1, Beirut: Muassasah al-Risalah, hlm.80.



- 3 Istilah nisab di sini menurut pemahaman pengkaji ialah suatu kadar tetap yang biasa digunakan dalam persoalan zakat seperti nisab aktiviti kewangan dengan nilai 200 dirham yang jumlah ini adalah tetap.
- 4 Emas dan perak dalam konteks ini tidak merujuk kepada persoalan zakat Ma'daniyyah tetapi merupakan persoalan zakat dalam aktiviti kewangan. Persoalan ini ada dibahaskan juga oleh Solih Bin Ghanim al-Sadlan dalam bukunya bertajuk Zakat al-Asham wa Sanadat Wa Waraqh al-Naqdi.
- 5 Hadis tersebut diriwayatkan oleh 'Amru Bin Syu'aib daripada bapanya dan daripada datuknya. Nama penuhnya 'Amru Bin Syu'aib Bin Muhammad Bin 'Abdullah Bin 'Amru Bin al-'As.
- 6 Istilah 'Sut' bermaksud hasil yang diperoleh daripada jualan (keluaran) tambahan. Lihat <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sut>. Pemahaman daripada kenyataan tersebut menunjukkan bahawa istilah 'Sut' dalam bahasa yang lebih mudah menggambarkan hasil daripada permintaan keperluan asas.
- 7 Maklumat kutipan bagi tahun 2008 hanya sehingga suku tahun pertama sahaja kerana merujuk kepada data ketika itu. Artikel ini telah dibentangkan dalam seminar Islam di Borneo pada Februari 2009 di Sabah.
- 8 Tabung Baitulmal Sarawak, Majlis Islam Sarawak juga ada melaksanakan satu kutipan selain zakat secara potongan gaji yang namanya sadaqatul jariah dengan satu jumlah tertentu. Ia bukanlah zakat atau wakaf tetapi ialah suatu bentuk sedekah yang bersistematik.
- 9 Maklumat ini bertepatan dengan hasil tulisan Abg. Mohd. Shibli bin Abg. Mohd. Naillie bahawa amalan pengagihan dana zakat dan dana Baitulmal difokuskan kepada tiga jenis bantuan iaitu bantuan pendidikan, bantuan kebajikan dan kos pengurusan zakat. Abg. Mohd. Shibli bin Abg. Mohd. Naillie, 2001, Cara pengagihan zakat: Pengalaman Negeri Sarawak. Dlm. Nik Mustafa Nik Hassan (pnyt). *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: IKIM.
- 10 Dr. Yusof Qardawi 1985, Jld.2: 821-823 telah menegaskan hukum perintah pengagihan zakat secara segera dan dilarang melewatkan agihan zakat kepada fakir atau mana-mana asnaf zakat. Perintah wajib menyegerakan agihan zakat tersebut bertujuan menyempurnakan hajat asnaf kerana jika tidak maka tidak tercapai maksud kewajipan tersebut secara sempurna. Pandangan tersebut diambil daripada pendapat al-Karkhi al-Hanafiah, Ibn Humam, Ibn Qudamah serta bertepatan dengan Imam Malik, al-Shafie,

Ahmad, dan Jumhur 'ulama. Pendapat yang sama juga dikuatkan oleh Mustafa Bugha dalam Kitab Fiqh al-Manhaji, 1989, Jld.2: 53-55.

- 11 Dalam hal ini Nik Mustpha Nik Hassan mengandaikan bahawa jika terdapat RM60 juta setahun wang zakat diperuntukkan untuk program bantuan perniagaan untuk maksud mengeluarkan keluarga dari kemiskinan, maka atas kadar RM10,000 satu keluarga satu tahun, 6,000 keluarga boleh dikeluarkan dari senarai Baitulmal setiap tahun.

## **RUJUKAN**

Al-Quran

Afzal-ur Rahman. 1991. *Doktrin Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad 'Afiyat Allah. 1970. *al-Qamus Islami al-Nahdah*. Vol. 3. Mesir.

Ataul Huq Pramanik. 1998. *Pembangunan dan Pengagihan Dalam Islam*. Amar Said (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

F.R. Faridi. 1997. *Essays in Islamic Economic Analysis*. Kuala Lumpur: S.Abdul Majeed & Co.

<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sut>

Ibn Taimiyyah. 1992. *Fiqh al-Zakah wa al-Siyam*. Beirut: Darul Fikr.

Ibn Taimiyyah. t.th. *Kitab al-Tawassul wal Wasilah*. Egypt: al-Manar.

Khaf, Monzer. 1978. *The General Theory Of Islamic Economy*. Indiana U.S.A: Muslim Student Association of U.S and Canada.

M.A.Mannan. 1992. *Ekonomi Islam : Teori dan Praktis*. Rudiah Abd. Kader(terj.) Jilid Kedua. Bahagian Ketiga. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur : A. S. Noordeen.

Metawally, M.M. 1983. Fiscal Policy In Islamic Economy. Dlm. Ziauddin Ahmad, Munawar Iqbal and M.Fahim Khan (pnyt). *Fiscal Policy and Resource Allocation in Islam*. hlm. 60-97. Islamabad: Institute Of Policy Studies.

Mujaini Tarimin. 1990. *Zakat Pertanian Sistem dan Perlaksanaannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mujaini Tarimin. 2005. *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

- Mustafa al-Bugha (Dr), et al. 1989. *Kitab Fiqh al-Manhaji*. Dimasqh: Dar al-Qalam.
- Nik Mustapha Nik Hassan. 2001. *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Al-Shaukani. t.th. Nil al-Autar, Jld. 4. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Al-Tirmizi. t.th. *al-Jami' al-Sahih Wahuwa Sunan al-Tirmizi*. Jld. 3. Beirut: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.
- Yusof Qardawi. 1985. *Fiqh al-Zakah Dirasah Muqaranah li Ahkamika wa Filsafatiha fi Dau' al-Quran wa al-Sunnah*. Jld. 1. Beirut: Muasasah al-Risalah.
- Yusof Qardawi. 1999. *Hukum Zakat Studi Komporatif Mengenai Status & Filsafat Zakat Berdasarkan al-Quran dan Hadis*. Salman Harun (terj). Jakarta: Penerbit Litera Antara Nusa & Penerbit Mizan.
- Zainal Abidin Jaafar. 2006. *Pengurusan Agihan Zakat: Pengalaman baitul mal Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Dlm. Abdul Ghafar Ismail & Hailani Muji Tahir (pnyt.) *Zakat Pensiariatan Perekonomian dan Perundangan*. hlm. 371-376. Bangi : Penerbitan UKM.



## **Parameter Berasaskan Syariah Dalam Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (*Multi-Level Marketing*)**

**SYAHNAZ BINTI SULAIMAN**

### **Abstrak**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-72 yang bersidang pada 23 Januari 2006 telah memutuskan bahawa perniagaan 'Multi-Level Marketing' (MLM) yang diluluskan oleh Kerajaan adalah harus dan tidak bercanggah dengan konsep perniagaan Islam. Walau bagaimanapun, timbul persoalan di kalangan masyarakat awam berkenaan ciri-ciri perniagaan jualan langsung yang selaras dengan prinsip syariah memandangkan perniagaan MLM sering dikaitkan dengan elemen negatif ekoran sikap tidak beretika segelintir pengamal bisnes tersebut. Artikel ini akan menjelaskan ciri-ciri perniagaan MLM yang diharuskan oleh hukum syarak selaras dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Perbincangan merujuk kepada parameter yang telah ditetapkan oleh Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi-Level Marketing/MLM) Menurut Syariah yang telah dibangunkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). Kaedah pengumpulan data dan maklumat dibuat menerusi kajian perpustakaan dan temu bual. Penghasilan Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi-Level Marketing/MLM) Menurut Syariah diharap dapat memberi input kepada

masyarakat berkenaan perniagaan jualan langsung secara MLM yang selaras dengan prinsip-prinsip Islam.

### ***Abstract***

*The 72nd Muzakarah (Conference) of the Fatwa Committee of the National Council for Islamic Religious Affairs Malaysia held on 23rd January 2006 discussed the ruling on multi level marketing in Islam. The Committee decided that the concept, structure, and regulations of Multi-Level Marketing (MLM) approved by the Government are permissible and not in contradiction to the Islamic business concept. However, questions arise over what are the characteristics of direct selling business that are in line with shariah principles. This is due to nature of MLM business as it is often associated with the negative elements arising from the unethical attitude of some practitioners in the business. This article, explain the the characteristics of MLM business according to Islamic law in conjunction with the decision held by the National Fatwa Committee. The discussion will highlight the parameters set by the Guidelines on Direct Selling Business of Multi-LevelMarketing (Multi-Level Marketing /MLM) From Shariah Perspective which had been developed by the Department of Islamic Development Malaysia (Jakim). Data collection is done through library research and interviews. Essentially, with the introduction of the guideline, it is expected that it would be able to shed some light on the shariah compliant version of MLM business for the benefit of the public at large.*

## **PENDAHULUAN**

Perniagaan jualan langsung secara pemasaran berbilang tingkat atau 'Multi-Level Marketing' (MLM) merupakan satu bentuk perniagaan yang agak kontroversi dalam dunia bisnes moden pada hari ini. Terdapat di kalangan orang awam khususnya para pengguna yang memberikan

persepsi negatif terhadap syarikat jualan langsung terutamanya MLM (Kustin, R.A. & Jones, R.J, 1995:66) dengan menjauhkan diri apabila disapa oleh wakil atau pengedar MLM. Bahkan terdapat juga kritikan yang menyatakan bahawa di sebalik keriuhan bahawa MLM berupaya menjana pendapatan lumayan, ada antara peserta yang kehilangan wang kerana tidak mendapat pulangan sebagaimana yang dijanjikan dan seterusnya mereka mengambil langkah meninggalkan perniagaan tersebut.

## **PERNIAGAAN JUALAN LANGSUNG**

Perniagaan jualan langsung ialah satu bentuk perniagaan yang melibatkan aktiviti pemasaran barang atau perkhidmatan menerusi hubungan secara langsung dengan pelanggan tanpa perlu mempunyai premis perniagaan yang tetap (Direct Selling Association Malaysia, 2010). Berdasarkan kaedah jualan jenis ini, penjual melalui inisiatif peribadi akan bersemuka dan mendekati pelanggan untuk menjual sesuatu produk tanpa perlu menunggu pelanggan datang mencari atau mendapatkan produk tersebut.

Seksyen 2, Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (Akta 500) mendefinisikan 'jualan langsung' sebagai 'jualan pintu ke pintu, pesanan pos atau jualan melalui transaksi elektronik'. Definisi ini merupakan pindaan terkini terhadap takrif jualan langsung yang sebelum ini hanya meliputi jualan barangan dan perkhidmatan dari pintu ke pintu dan jualan melalui pos. Selaras dengan perkembangan pesat perkhidmatan jalur lebar, pindaan terhadap Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 yang berkuat kuasa pada tahun 2010 telah memasukkan kategori jualan melalui transaksi elektronik dalam takrif tersebut. Pindaan ini telah meluaskan lagi peranan dan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) untuk mengawal semua jenis perniagaan jualan langsung termasuk yang dibangunkan secara maya atau dalam talian internet bertujuan untuk memelihara kepentingan pengguna.

## **JENIS-JENIS PELAN PEMASARAN PERNIAGAAN JUALAN LANGSUNG**

Terdapat tiga kategori pelan pemasaran dalam perniagaan jualan langsung iaitu satu tingkat, berbilang tingkat dan pesanan pos (KPDNKK (a), 2011). Kaedah pelan pemasaran satu tingkat atau 'Single-Level Marketing' (SLM) merujuk kepada perniagaan jualan langsung di mana syarikat melantik wakil jualan atau ejen untuk menjual barang atau perkhidmatan secara bersemuka dengan pelanggan. Kategori pemasaran seperti ini menjadi pilihan syarikat telekomunikasi seperti DiGI, Maxis, dan Celcom serta syarikat penyiaran berbayar seperti Astro untuk memasarkan perkhidmatan mereka. Komisen yang dibayar oleh syarikat kepada wakil adalah berasaskan jualan barang atau perkhidmatan yang berjaya direalisasikan.

Manakala dalam 'Multi-Level Marketing' (MLM), seseorang itu lazimnya perlu menjadi ahli bagi membolehkannya menikmati keistimewaan-keistimewaan yang ditawarkan oleh syarikat seperti diskaun dari segi harga ketika membeli produk. Pada masa yang sama, peserta turut menjadi pengedar untuk menjual produk di samping perlu mencari wakil syarikat yang baharu bagi mengembangkan lagi usaha memasarkan produk. Pengambilan ahli baharu di setiap peringkat pemasaran menjadikan sistem perniagaan ini suatu rangkaian pemasaran yang bersifat berbilang tingkat.

Satu lagi kategori jualan langsung ialah kaedah pesanan melalui pos iaitu penjualan barang atau perkhidmatan yang dijalankan oleh seseorang sama ada secara sendiri atau mana-mana orang yang diberi kuasa melaksanakan jualan melalui pos (Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993).

## **MULTI-LEVEL MARKETING (MLM)**

Berbanding dengan pelan pemasaran satu tingkat dan pesanan pos, pelan pemasaran MLM merupakan sistem pemasaran jualan langsung yang paling berkembang dan begitu popular di kalangan masyarakat (Peterson, R.A & Albaum, G., 2007:318). Malah 80 peratus perniagaan jualan langsung sebenarnya adalah berteraskan MLM (Salciuviene, L., Reardon, J. & Auruskeviciene, V., 2011:89).



MLM atau 'network marketing' merujuk kepada praktis menjual, mengedar atau membekalkan barang atau perkhidmatan melalui ejen yang berbilang tingkat. Ciri-ciri utama bisnes MLM melibatkan penajaan, pendaftaran keahlian, penjualan (pengedaran) produk dan pembinaan rangkaian (Muhamad Hassan Zaid Ramli, 2007: 23). Pengedar atau wakil atau ejen jualan akan dibayar upah dalam bentuk komisen, bonus atau diskaun terhadap penjualan yang berjaya direalisasikan (Koehn, D., 2001:153). Setiap peserta atau pengedar bukan sahaja akan mendapat komisen terhadap jualan peribadi bahkan turut mendapat komisen daripada jualan ahli yang ditaja serta ahli di bawah ahli yang ditaja di peringkat awal tadi (Msweli, P. & Sargeant, A., 2001:507).

Pihak yang menaja atau mencari ahli baharu dikenali sebagai 'upline' manakala pihak yang ditaja ialah 'downline'. Dalam MLM, 'upline' dibayar komisen atau bonus terhadap jualan yang dibuat oleh 'downline' termasuk juga 'downline' yang berada di bawah 'downline'. Ini merupakan ciri utama MLM yang membezakannya dengan sistem pemasaran yang lain (Bloch, B., 1996:18). Peserta atau pengedar MLM bukan sahaja berperanan untuk membuat pemasaran dan menjual barang atau perkhidmatan bahkan perlu berusaha untuk menarik minat orang awam untuk menyertai MLM dengan membawa masuk seramai mungkin ahli ke dalam sistem. Dengan cara ini, peserta sebagai 'upline' dapat menikmati ganjaran berupa komisen dan bonus menerusi penjualan yang dibuat oleh ahli yang ditajanya (downline).

Sistem MLM juga berteraskan pencapaian peserta atau pengedar (*achievement oriented*) dengan menetapkan ganjaran meliputi komisen dan bonus terhadap produk atau perkhidmatan yang berjaya dijual. Lebih banyak jualan yang dibuat oleh 'upline' bersama-sama peserta di bawah rangkaiannya, lebih tinggi komisen dan bonus yang bakal diterima oleh mereka. Menjadi lumrah dalam bisnes MLM peserta atau pengedar menggalakkan sahabat handai dan ahli keluarga untuk menyertai MLM supaya mereka bersama-sama dapat menikmati ganjaran hasil daripada jumlah jualan yang konsisten dalam rangkaian tersebut (Nga & Mun, 2011:52).

Dari segi operasi, perniagaan MLM melibatkan kombinasi transaksi jual beli dan pemasaran. Pengedar atau stokis terlebih dahulu perlu

membeli barangan daripada syarikat jualan langsung dan seterusnya membuat jualan kepada pengedar yang lain atau pengguna. Pengusaha atau pengedar bisnes MLM turut dikenali sebagai 'independent business owner' memandangkan mereka memasarkan barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan oleh syarikat berdasarkan usaha dan kreativiti masing-masing. Di samping menawarkan ganjaran kepada ahli dan pengedar yang setia, syarikat jualan langsung turut memberi sokongan dari segi program latihan yang berterusan, kursus motivasi dan juga insentif lain (Msweli, P. & Sargeant, A., 2001:507) seperti hadiah kereta atau pakej percutian atau pakej umrah.

Syarikat MLM boleh menjadi syarikat yang sah beroperasi di sisi undang-undang bahkan boleh juga menjadi sebaliknya bergantung kepada modus operandi yang mendasari syarikat tersebut. Syarikat yang sah atau 'genuine MLM company' menjana pendapatan menerusi penjualan produk dengan menetapkan syarat beli balik sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang, tidak mewajibkan ahli membayar yuran latihan yang mahal atau memaksa mereka membeli bahan-bahan bagi tujuan latihan tersebut (Koehn, D., 2001:154). Sesebuah syarikat MLM yang meletakkan sasaran terhadap pencarian ahli baharu semata-mata boleh merubah modus operandi syarikat tersebut daripada kekal sebagai syarikat MLM yang tulen kepada skim piramid atau skim cepat kaya.

## **FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA PERKEMBANGAN MLM**

Sungguhpun berdepan dengan pelbagai konotasi negatif, perniagaan jualan langsung dilihat terus berkembang pesat serta dikenal pasti sebagai salah satu bentuk perniagaan yang berupaya menjana pendapatan ke arah meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat. Di Malaysia, perniagaan jualan langsung dianggarkan bernilai RM6.79 bilion pada tahun 2009. Nilai ini dijangka akan terus meningkat kepada RM10 bilion menjelang tahun 2017 (Berita Harian Online, 2010). Menurut sumber daripada 'World Federation of Direct Selling Association' pada tahun 2010, Malaysia menduduki tangga yang ketujuh dalam rantau Asia Pasifik selepas Jepun, China, Korea, Taiwan, Thailand, dan Australia dari segi

anggaran nilai perniagaan jualan langsung (World Federation of Direct Selling Association (WFDSA), 2010).

KPDNKK melaporkan bahawa sehingga 31 Mei 2011, sebanyak 596 lesen telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat jualan langsung untuk beroperasi di Malaysia. Daripada jumlah tersebut 435 ialah syarikat MLM, 118 meliputi syarikat jualan langsung satu tingkat, 26 syarikat jualan langsung yang mengendalikan pesanan melalui pos dan 17 syarikat yang menjalankan perniagaan satu tingkat bersama-sama pesanan pos. Manakala ahli yang berdaftar dengan syarikat jualan langsung dianggarkan berjumlah 4.7 juta orang di seluruh Malaysia manakala 2.26 juta orang merupakan pengedar yang aktif.<sup>1</sup>

Dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu, kebanyakan syarikat telah mengambil pendekatan untuk meningkatkan prestasi dan kecekapan bisnes dengan mengurangkan kos dalam rantaian penawaran memandangkan kos tersebut dianggarkan boleh mencapai sehingga 80 peratus daripada kos sesuatu produk sebelum ia sampai ke tangan pelanggan. Boleh dikatakan bahawa produk yang dipasarkan secara MLM tidak melibatkan sebarang kos atau kosnya begitu minimal semasa produk tersebut berada dalam rantaian penawaran kerana kebergantungannya kepada inisiatif individu untuk menjual, menghantar, dan menyimpan produk (Salciuviene, L., Reardon, J. & Auruskeviciene, V., 2011:90). Kaedah pemasaran secara MLM juga menguntungkan syarikat kerana syarikat dapat mengurangkan kos dalam rantaian penawaran menerusi penjimatan dari segi penstoran dan logistik. Ini disebabkan wakil atau pengedar sendiri akan mengambil dan mengedarkan produk tersebut dan kos tersebut ditanggung oleh wakil atau pengedar tanpa melalui pihak yang lain.

Perniagaan MLM dilihat semakin berkembang di Malaysia dan seluruh dunia ekoran daripada peningkatan kos sara hidup serta ketiadaan jaminan untuk bergantung kepada satu sumber pendapatan bagi menyara kehidupan. Lebih-lebih lagi dalam suasana dan persekitaran ekonomi global akhir-akhir ini yang dilihat berada pada tahap yang tidak dapat dijangka berikutan individu yang mempunyai pendapatan yang tetap sekalipun, berkemungkinan akan kehilangan sumber mata pencarian. (Nga & Mun, 2011:50). Rentetan itu, terdapat keperluan kepada isi

rumah untuk mencari sumber pendapatan tambahan atau sampingan bertujuan untuk menikmati taraf hidup yang lebih selesa dan berkualiti serta dapat pula menjamin kehidupan ketika usia emas.

Pengedar MLM juga menikmati masa yang lebih fleksibel untuk memasarkan produk kerana berupaya menentukan sendiri masa yang dirasakan sesuai untuk berjual beli. Selain itu, pengedar turut dapat menjangka jumlah keuntungan yang bakal diperolehi sekiranya mempunyai rangkaian pelanggan yang tetap dan setia terhadap produk yang dijual. Strategi pemasaran menerusi MLM juga menjadi wadah kepada peniaga-peniaga kecil yang masih bertatih dalam bidang perniagaan untuk mencipta jenama serta memecah monopoli pasaran terhadap produk-produk tertentu.

## **ISU DAN PERMASALAHAN**

Perniagaan jualan langsung dirudung pelbagai isu dan polemik lantaran mempunyai perkaitan rapat dengan sikap dan etika pihak yang menjalankan bisnes tersebut. Menurut Bloch (1996:18), MLM diselubungi beberapa isu atau gejala tidak sihat (*nasty issues*) yang melibatkan soal hubungan sesama manusia yang seterusnya menjejaskan imej bisnes tersebut. Kaedah pemasaran sebegini begitu mudah terdedah kepada elemen negatif berpunca daripada struktur sistem itu sendiri serta kemerosotan nilai dalam diri manusia.

Umumnya aktiviti pencarian ahli untuk menyertai MLM tidak begitu disenangi oleh sebahagian besar individu dalam masyarakat dari aspek sosial dan psikologi (Bloch, 1996:18). MLM berdepan dengan skeptisme sebagai bisnes berorientasikan pengambilan keuntungan menerusi penajaan ahli dan usaha orang lain. Sistem MLM dikatakan boleh dimanipulasi oleh individu yang tidak bertanggungjawab dengan merubah struktur sedia ada menjadi skim piramid dengan menjadikan pencarian ahli atau perekrutan sebagai objektif utama perniagaan. 'Upline' turut mengambil kesempatan dengan mengaut keuntungan melalui hasil usaha 'downline' yang bertungkus lumus melakukan jualan. Bahananya, terdapat 'downline' yang tidak mendapat hak yang setimpal dengan usaha yang telah dibuat. Mereka sering menjadi golongan yang

tertindas kesan daripada eksploitasi sistem MLM yang memberi komisen berdasarkan kedudukan hierarki dalam sistem.

Dalam senario yang lebih buruk, terdapat skim cepat kaya yang bertopengkan syarikat MLM menipu dan memperdaya orang ramai dengan menjanjikan keuntungan yang tetap sedangkan syarikat tersebut langsung tidak mempunyai barang atau perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna. Dalam kes sebegini, komisen atau bonus yang dibayar kepada ahli dalam rangkaian sebenarnya dijana daripada yuran penyertaan ahli baharu Terdapat juga syarikat yang mempromosi produk secara MLM namun perniagaan tersebut pada hakikatnya ialah satu pelan berantai atau skim piramid di mana barang yang dijual hanya sekadar alat atau helah untuk mengaburi pihak berkuasa dan orang ramai.

Meskipun terdapat undang-undang yang berkuat kuasa dalam mengawal perniagaan jualan langsung, adakalanya pihak berkuasa sendiri berdepan dengan cabaran untuk menilai sesuatu syarikat yang berada dalam kategori 'grey area'. Syarikat MLM yang telah disahkan pelannya dari sudut perundangan tidak bermakna semua amalan dalam syarikat tersebut sah dari sudut etika (Muncy, 2004:47). Ini disebabkan terdapat syarikat MLM yang telah dilesenkan oleh KPDNKK akhirnya dilabel sebagai tidak beretika dalam konteks etika perniagaan MLM akibat sikap segelintir ahli atau kumpulan dalam syarikat berkenaan yang menggunakan taktik yang memanipulasi pengguna dengan pujukan dan adakalanya berbaur paksaan untuk menarik lebih banyak penyertaan.

Golongan yang sering menjadi sasaran syarikat MLM kebanyakannya terdiri daripada kakitangan kerajaan yang berpendapatan tetap yang mudah untuk mendapat kelulusan pinjaman peribadi. Kesannya terdapat di kalangan mereka yang membuat pinjaman dengan pihak bank semata-mata untuk menyertai bisnes MLM dan akhirnya terpaksa membayar balik wang pinjaman tersebut sedangkan pada hakikatnya mereka langsung tidak mempunyai kemahiran dan latar belakang untuk menjalankan bisnes jualan langsung.

Bisnes MLM juga menjadi medan yang bergelumang dengan pelbagai unsur tidak bermoral seperti hasad dengki dan tipu muslihat. Lantaran terlalu leka berlumba-lumba mengejar kebendaan yang disogok oleh syarikat, ada antara peserta MLM yang sanggup mengabaikan soal integriti malah yang lebih *awla* soal hukum halal dan haram yang

telah digariskan oleh ajaran Islam. Pada ketika ini kepincangan dalam MLM dikhuatiri boleh mengundang kemudaratatan dan bencana kepada institusi masyarakat.

## **UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN JUALAN LANGSUNG**

Di sebalik kritikan terhadap perniagaan MLM, masih ada yang berpandangan bahawa sistem pemasaran secara rangkaian merupakan sistem pemasaran yang diminati dalam abad ke-21 yang wajar diberikan perhatian (Kiw & Run, 2007:37). Melihat potensi MLM, Malaysia merupakan antara negara yang mengiktiraf bisnis jualan langsung menerusi penguatkuasaan undang-undang yang ketat.

KPDNKK merupakan agensi yang bertanggungjawab melesenkan syarikat-syarikat jualan langsung yang beroperasi di Malaysia. Seksyen 4, Akta 500 secara jelas memperuntukkan bahawa “ tiada seorang pun bolen menjalankan apa-apa perniagaan jualan langsung melainkan jika ia suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dan memegang lesen yang sah ...”. Oleh itu, pihak yang menjalankan aktiviti jualan langsung tanpa mempunyai lesen adalah salah di sisi undang-undang.

Bagi menangani isu dan permasalahan dalam perniagaan jualan langsung, KPDNKK telah mengambil tindakan menyemak kembali peruntukan-peruntukan dalam Akta Jualan Langsung 1993 bertujuan memperkemas peraturan sedia ada dengan mewujudkan peraturan yang lebih ketat bagi mengawal selia industri jualan langsung di Malaysia. Pada tahun 2010, Akta Jualan Langsung 1993 telah dipinda menerusi Akta Jualan Langung (Pindaan) 2010 (Akta A1379) kepada Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (Akta 500). Pindaan tersebut turut mengambil kira perkembangan terkini dalam bisnis jualan langsung dengan memasukkan peruntukan meliputi transaksi berasaskan elektronik. Turut diperkemas ialah aspek penguatkuasaan dengan memberi kuasa kepada pihak berwajib untuk mengheret pihak-pihak yang melanggar peraturan ke muka pengadilan dengan kadar hukuman yang lebih berat.

## **SKIM PIRAMID**

Skim piramid ialah satu pelan atau rangkaian yang menjanjikan keuntungan yang tinggi yang dijana melalui perekrutan ahli berbanding dengan pendapatan sebenar melalui penjualan barang atau perkhidmatan (Muncy, 2004:48). Skim piramid adalah salah daripada sudut kaca mata perundangan kerana mengandungi unsur penipuan (fraud) dan elemen perekrutan ahli sebagai fokus utama bisnes berbanding dengan penjualan produk. Skim piramid dianggap sebagai satu bentuk penipuan kerana menjanjikan keuntungan yang tinggi menerusi pelaburan yang rendah. Golongan yang menyertai skim piramid pada peringkat awal biasanya akan mendapat keuntungan yang besar berbanding dengan mereka yang menyertai skim tersebut pada kemudian hari kerana tiada lagi individu yang berupaya direkrut untuk menyertai skim tersebut (Koehn, 2001:153). Memandangkan perniagaan MLM dan skim piramid mempunyai ciri-ciri yang hampir serupa, terdapat kepentingan bagi masyarakat awam untuk membezakan antara skim piramid dengan bisnes MLM bagi mengelakkan mereka terjebak ke dalam kancah kemudaratan.

Akta 500 yang telah dipinda pada tahun 2010 telah menggariskan peruntukan yang spesifik berkenaan skim piramid. Akta tersebut turut menggariskan 10 ciri skim piramid sebagai lanjutan terhadap definisi skim piramid yang dinyatakan dalam S27A Akta 500 sebagai "... apa-apa skim, perkiraan, pelan, pengendalian atau proses berantai yang mempunyai ciri-ciri sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual". Umumnya ciri-ciri skim piramid yang diperuntukkan dalam undang-undang adalah seperti yang berikut:

Promosi memfokuskan perekrutan atau pengenalan peserta ke dalam skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid semata-mata atau terutamanya berbanding dengan jualan barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara.

Pembayaran bonus berdasarkan perekrutan atau pengenalan orang lain ke dalam skim berbanding dengan jualan barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara oleh peserta atau orang lain.

Suatu kontrak bertulis atau pernyataan yang memperihalkan terma material perjanjian tidak disediakan oleh pihak syarikat.

Pembelian wajib barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara atau bayaran minimum atau kehendak jualan dikenakan sebagai syarat untuk memenuhi kehendak kelayakan atau kehendak permulaan bagi penyertaan atau pembayaran bonus atau faedah lain.

Peserta dikehendaki untuk membeli barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara dalam amaun yang tidak munasabah yang melebihi jangkauan untuk dijual semula atau dibeli dalam suatu tempoh masa yang munasabah. Peserta tidak diberi kebebasan sepenuhnya dalam pembelian tetapi mereka didesak untuk membeli pakej barang-barang terpilih untuk memenuhi kehendak jualan untuk melayakkan mereka mendapat kedudukan atau bonus dalam skim.

Dasar bayar balik bagi barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara yang dibeli oleh peserta atau pengguna tidak disediakan.

Dasar beli balik barang-barang, perkhidmatan atau harta tidak ketara yang boleh dipasarkan pada masa ini atas permintaan peserta dalam terma atau perjanjian yang munasabah tidak dibenarkan atau disediakan.

Kehendak struktur skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid yang ketat atau tidak munasabah bagi kelayakan peserta untuk dibayar bonus atau faedah lain.

### **Pengunduran diri oleh peserta daripada skim tidak dibenarkan**

Peserta dibenarkan atau digalakkan untuk membeli lebih daripada satu kedudukan atau hak untuk menyertai skim, pelan, pengendalian atau proses berantai piramid.

Pengekoden ciri-ciri skim piramid dalam lunas perundangan negara membolehkan tindakan tegas diambil terhadap mereka yang mempromosi skim piramid. Seksyen 27A menetapkan bahawa "...tiada seorang pun boleh mempromosi atau menyebabkan supaya dipromosi skim piramid". Seksyen 27B juga memperuntukkan sesiapa yang melanggar perkara di atas telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan sekiranya ia ialah syarikat, boleh dikenakan denda tidak kurang daripada RM1 juta dan tidak lebih daripada RM10 juta, manakala bagi kesalahan kali kedua atau yang berikutnya, boleh didenda tidak kurang



daripada RM10 juta dan tidak lebih daripada RM50 juta. Bagi individu, jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda RM500,000.00 hingga RM5 juta dan lima tahun penjara untuk kesalahan pertama, dan RM1 juta hingga RM10 juta dan 10 tahun penjara untuk kesalahan kedua. Hukuman yang ditetapkan adalah lebih berat berbanding dengan peruntukan sebelum ini yang hanya mengenakan denda RM250,000.00 terhadap peniaga perseorangan dan RM500,000.00 terhadap syarikat. Perkara ini merupakan manifestasi terhadap keseriusan pihak berwajib untuk melindungi kepentingan pengguna dan orang awam daripada sebarang bentuk penipuan dalam perniagaan jualan langsung atau skim piramid yang bertopengkan jualan langsung.

## **SKIM CEPAT KAYA**

Terdapat satu lagi skim yang begitu digemari oleh segelintir lapisan masyarakat lantaran ia menyajikan keuntungan segera yang lumayan dengan jalan mudah. Ia dikenali sebagai skim cepat kaya atau skim Ponzi<sup>2</sup> iaitu suatu pelan yang lazimnya menawarkan kadar pulangan yang tinggi atau tidak realistik tanpa disandarkan kepada sebarang aktiviti perniagaan, sebaliknya hanya memanipulasi wang yang dilaburkan oleh para peserta sebagai pulangan terhadap pelaburan tersebut (Bank Negara Malaysia (BNM), 2007).

Slogan yang sinonim dengan skim cepat kaya juga ialah mudah dan bebas daripada sebarang risiko. Menerusi skim ini, peserta dijanjikan pulangan yang tinggi yang diambil daripada wang pelaburan peserta. Skim cepat kaya akan runtuh apabila sampai ke peringkat di mana peserta gagal merekrut atau mencari peserta yang baharu untuk menampung pulangan pelaburan yang dijanjikan kepada peserta sedia ada. Tawaran untuk menyertai skim seumpama ini begitu berleluasa terutama sekali di internet. Lebih buruk lagi, apabila skim sebegini turut mendapat sambutan di kalangan masyarakat akibat sikap tamak dan kerakusan untuk mencari keuntungan melalui jalan singkat. Antara skim cepat kaya yang berorientasikan pelaburan dengan jaminan keuntungan tetap yang amat popular suatu ketika dahulu ialah skim Pak Man Telo dan Swiss Cash (Muhammad Yamin, 2008:10).

Penglibatan dalam skim cepat kaya adalah salah di sisi undang-undang negara dan perkara ini terletak di bawah bidang kuasa BNM. Seksyen 25 (1) Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 menetapkan bahawa aktiviti pengambilan deposit secara haram ialah suatu perbuatan menerima, mengambil, atau menyetujui terima deposit (wang, logam berharga, batu berharga, apa-apa artikel lain, dan sebagainya) daripada orang awam atau pelabur, yang menjanjikan pembayaran semula deposit tersebut biasanya dengan faedah atau pulangan atau dengan sebarang balasan yang berupa wang atau nilai wang, tanpa mempunyai satu lesen yang sah.

Mereka yang sabit dengan kesalahan tersebut boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10 juta atau dipenjara sepuluh tahun atau kedua-duanya sekali. Oleh itu, pelbagai langkah dan pendekatan telah diambil oleh BNM bertujuan untuk membanteras skim cepat kaya dengan menyedarkan masyarakat agar menjauhkan diri daripada terlibat dengan skim tersebut. Sebarang urusan pengambilan deposit daripada orang awam hanya boleh dibuat oleh bank dan institusi kewangan yang diberikan lesen oleh BNM.

## **PERNIAGAAN MLM MENURUT PERSPEKTIF SYARIAH**

Hukum asal bagi semua aktiviti muamalat adalah harus selaras dengan kaedah fiqh, al-aslu fi al-ashya'a al-ibahah الأصل في الأشياء الإباحة. PERNIAGAAN merupakan salah satu aktiviti yang digalakkan dalam Islam sebagai satu wadah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah. Bahkan Nabi Muhammad SAW sendiri merupakan seorang peniaga yang cemerlang. Selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nisa', ayat 29 yang secara jelas telah menggariskan prinsip asas iaitu aktiviti muamalat hendaklah dilaksanakan dengan disokong oleh nilai-nilai murni dan dijauhi segala elemen yang batil seperti tipu muslihat, judi dan riba. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Nisa' ayat 29:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَن تَرَاضٍ مِّنكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Terjemahan:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa mengasihani kamu (Abdullah Basmeih, 2001:190).

## **FATWA BERKAITAN MLM**

Perniagaan MLM begitu mendapat perhatian masyarakat terutama sekali berhubung dengan status bermuamalah dengannya menurut perspektif hukum syarak berikutan perniagaan dalam kategori ini sering mencetuskan polemik yang berkait rapat dengan soal etika seperti paksaan dan manipulasi.

Terdapat beberapa lajnah fatwa di negara-negara Arab seperti Arab Saudi, Jordan dan Sudan yang telah mengharamkan bisnes MLM kerana menyamakannya dengan modus operandi skim piramid. Al-Lajnah al-Daimah li al-Buhuth al-'Alamiyyah wa al-Ifta' yang berpangkalan di Arab Saudi telah mengeluarkan fatwa bahawa haram berurus niaga dengan perniagaan PT Biznaz dan berhujah bahawa pelan pemasaran syarikat tersebut mengandungi elemen *riba al-fadl* dan *riba al-nasi'ah* kerana peserta yang menyertai skim tersebut meletakkan sejumlah wang yang sedikit dengan tujuan untuk mendapatkan sejumlah wang yang lebih besar yang melibatkan transaksi pertukaran wang dengan wang, dengan lebih dilaksanakan secara bertangguh (Al-Lajnah al-Daimah li al-Buhuth al-'Alamiyyah wa al-Ifta', 2004). Lajnah tersebut turut mengemukakan hujah bahawa pelan perniagaan sedemikian mengandungi unsur *gharar* kerana peserta berada dalam kancah ketidakpastian sama ada berupaya untuk mencari ahli baharu (downline) atau sebaliknya.

Da'irah al-Ifta' al'-Am al-Urduniyyah (2010) ketika mengeluarkan fatwa bernombor 644 tentang MLM menegaskan bahawa kaedah pemasaran secara 'networking' atau MLM dengan mengambil komisen hasil daripada usaha seseorang tidak tertakluk di bawah konsep akad

pembrokeran (*simsarah*) yang diharuskan di sisi syarak kerana penglibatan individu dalam pelan tersebut sebenarnya bertujuan untuk mendapatkan ganjaran melalui pencarian 'downline'. Pelan sebegini adalah haram kerana mengandungi elemen perjudian (*maysir*), pertaruhan (*qimar*) dan keraguan (*gharar*), di mana peserta yang meletakkan wang dalam pelan tersebut berdepan dengan kemungkinan akan kehilangan wang sekiranya tidak dapat mencari ahli di samping terlibat dengan usaha memperdaya dan menipu orang lain. Perkara ini secara jelas tergolong dalam kategori amalan batil yang membawa kerosakan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Nisa', ayat 29. Fatwa berkenaan turut menegaskan bahawa sekalipun pelan tersebut merangkumi aktiviti jual beli barangan, ia tidak mengubah statusnya kepada halal kerana niat untuk menyertai pelan berkenaan sebenarnya adalah untuk mendapatkan pulangan dengan jalan mudah dan bukan untuk mendapatkan barang jualan.

Jika diteliti, kebanyakan fatwa di negara Arab menyamakan pelan bisnes MLM (*al-taswiq al-shabakiy*) dengan skim piramid (*al-taswiq al-haramiy*) tanpa menggariskan parameter membezakan kedua-duanya. Malah turut diuar-uarkan sentimen bahawa pelan sedemikian sebenarnya telah dirangka oleh orang Barat bagi tujuan mendominasi aset umat Islam sebagai salah satu strategi untuk meluaskan empayar kekuasaan ekonomi mereka.

Terdapat juga pandangan yang menyatakan bahawa fatwa pengharaman MLM sebenarnya adalah berpaksikan kepada elemen *shubbah* yang berleluasa dalam bisnes tersebut terutama sekali apabila melibatkan pengambilan wang dan harta milik individu lain secara batil dan faktor tipu daya dengan melabel sesuatu transaksi sebagai suatu perniagaan sedangkan pada hakikatnya ialah 'money game' dan bukan atas alasan elemen riba yang dikatakan wujud dalam perniagaan MLM (Engku Ahmad Fadzil Engku Ali & Azizi Che Seman, 2010: 41).

Dar al-Ifta' al-Misriyyah dalam fatwa bernombor 523 telah mengemukakan pandangan dengan berbeza daripada fatwa negara-negara Arab yang lain dengan memutuskan bahawa perniagaan yang berteraskan pelan pemasaran secara MLM adalah harus. Lajnah fatwa berkenaan telah menggariskan perbezaan antara MLM dengan skim piramid dan seterusnya berpendapat bahawa pendekatan menyamakan MLM dengan modus operandi skim piramid adalah tidak tepat (Dar

al-Ifta' al-Misriyyah, 2007). Dalam skim piramid, 'upline' mendapat komisen hasil daripada perekrutan atau pencarian ahli sedangkan dalam MLM pengedar mendapat komisen hasil daripada jualan 'downline' selaras dengan usaha yang dibuat olehnya untuk membawa masuk 'downline' sebagai ahli dan pembeli barang yang dikeluarkan oleh syarikat. Lajnah fatwa tersebut menegaskan bahawa *sababiyyah* atau penyebab yang melayakkan 'upline' untuk mendapat komisen atau bonus tersebut masih wujud. Malah tiada dalam kaedah-kaedah dalam syariat yang menghalang syarikat untuk memberi bonus kepada 'upline' (Dar al-Ifta' al-Misriyyah, 2007).

Dar al-Ifta' turut berhujah pandangan yang mengatakan bahawa keterlibatan dalam bisnes MLM mendedahkan *riba al-fadl* dan *riba al-nasi'ah* seseorang itu adalah tidak selaras dengan konsep *riba al-fadl* dan *riba al-nasi'ah* yang hanya berlaku akibat daripada penambahan atau lebih terhadap pertukaran dalam barangan ribawi seperti emas, perak, dan bahan makanan serta penambahan disebabkan penanguhan masa menurut fuqaha' Malikiyyah dan Shafi'iyah. Sedangkan dalam bisnes MLM, produk yang dijual bukanlah daripada kategori tersebut. Lajnah berkenaan seterusnya membuat keputusan harus bermuamalah dengan bisnes MLM selagi mana tiada peruntukan undang-undang yang melarangnya.

Fatwa Dar al-Ifta' yang dilihat lebih terbuka selagi mana bisnes tersebut bebas daripada unsur pengambilan harta secara batil, tipu daya, *gharar*, judi, dan riba telah memberi ruang kepada umat Islam di seluruh dunia untuk berkecimpung dalam bisnes yang melibatkan pemasaran secara MLM khususnya kepada peniaga-peniaga berskala sederhana dan kecil untuk memasarkan produk mereka memandangkan agak sukar untuk mereka memecah monopoli syarikat-syarikat besar dalam aspek pemasaran untuk membolehkan produk keluaran mereka sampai kepada pengguna.

Majelis Ulama Indonesia DKI Jakarta juga telah mengharuskan bisnes MLM. Sebagai langkah untuk mendidik masyarakat umum, Majelis tersebut, menerusi fatwanya, telah mengambil inisiatif menasihati orang ramai agar berhati-hati ketika membuat pilihan untuk menyertai syarikat MLM dengan memastikan syarikat tersebut bebas daripada elemen paksaan, harga barangan yang terlalu mahal serta unsur

perekrutan peserta yang bermatlamat untuk menjamin keuntungan tetap yang boleh mencetuskan riba (Majelis Ulama Indonesia DKI Jakarta, t.t).

Di Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-72 yang bersidang pada 25 hingga 26 Februari 2006 telah memutuskan bahawa perniagaan MLM yang diluluskan oleh Kerajaan adalah harus dan tidak bercanggah dengan konsep perniagaan Islam. Keputusan yang dibuat adalah selaras dengan lunas perundangan negara yang mempunyai peruntukan akta yang khusus dalam mengawal selia perniagaan jualan langsung di negara ini. Masyarakat juga akan lebih berhati-hati dalam membuat pertimbangan sebelum menyertai sesebuah syarikat MLM bagi mengelakkan mereka terjebak dalam skim piramid dan skim cepat kaya. KPDNKK selaku agensi berwajib juga telah memudahkan capaian orang ramai yang ingin mengetahui status syarikat MLM yang berlesen atau sebaliknya menerusi portal rasmi agensi tersebut (KPDNKK (b), 2011).

Walau bagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang dan jalinan kerjasama antara agensi berkaitan ke arah mendidik dan menyebarkan maklumat melalui media cetak dan elektronik tentang syarikat MLM yang selaras dengan peraturan dan hukum syarak, dilihat masih belum mencukupi dan memberi impak ke arah meningkatkan keprihatinan serta kefahaman masyarakat tentang syarikat jualan langsung yang sah. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh KPDNKK, semenjak tahun 2006 hingga 2010, jumlah kes yang telah dikenakan tindakan di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (Akta 500) ialah sebanyak 478 kes yang melibatkan rampasan bernilai RM10 juta.<sup>3</sup>

JAKIM sebagai agensi agama di peringkat persekutuan juga telah menerima banyak pertanyaan dan aduan daripada orang awam tentang kesahan sesuatu bisnes MLM menurut perspektif syarak. Fatwa atau ketetapan hukum yang berbeza tentang MLM juga menimbulkan kekeliruan dan kesangsian dalam masyarakat. Lantaran itu, Jakim telah mengambil inisiatif menerbitkan Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi-Level Marketing) Menurut Syariah yang melibatkan hasil garapan idea dan kerjasama dengan KPDNKK serta pakar-pakar syariah sebagai panduan umum kepada orang awam tentang bisnes MLM yang selaras dengan syariat Islam.

## **GARIS PANDUAN PERNIAGAAN JUALAN LANGSUNG SECARA PEMASARAN BERBILANG TINGKAT (MULTI-LEVEL MARKETING) MENURUT SYARIAH**

Garis panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat MLM Menurut Syariah dihasilkan dengan objektif untuk memperincikan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan tentang ciri-ciri perniagaan jualan langsung secara MLM yang selaras dengan ketetapan hukum syarak di samping berperanan sebagai rujukan dan panduan berhubung dengan perniagaan MLM patuh syariah bagi menjamin keadilan dan ketelusan kepada semua pihak yang terlibat dalam perniagaan tersebut. Penghasilan garis panduan ini juga adalah bertepatan dengan kehendak industri jualan langsung ke arah melahirkan perniagaan jualan langsung MLM yang patuh syariah serta dapat menangkis stigma di kalangan masyarakat tentang perniagaan MLM.

Garis panduan MLM yang dikeluarkan oleh Jakim ini terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu takrif, kriteria perniagaan MLM patuh syariah, dan penyenaian ciri-ciri yang tidak diharuskan dalam perniagaan jualan langsung secara MLM. Terma-terma yang biasa digunakan dalam perniagaan jualan langsung diperjelaskan dalam bahagian takrif. Definisi serta perkara-perkara yang terkandung dalam garis panduan ini adalah selaras dengan Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993 (Akta 500). Sekiranya terdapat apa-apa perkara yang tidak dinyatakan dalam garis panduan berkenaan, perkara tersebut hendaklah kembali dirujuk kepada Akta 500 (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), 2011:24).

### **CIRI-CIRI YANG DIHARUSKAN DALAM PERNIAGAAN MLM**

Garis panduan MLM yang diterbitkan oleh Jakim telah menggariskan 15 ciri perniagaan jualan langsung secara pemasaran berbilang tingkat atau MLM yang patuh syariah dengan mengambil kira masalah pihak-pihak yang bertransaksi, keadilan bersama dan peruntukan undang-undang. Ciri pertama yang telah digariskan walaupun bukan merupakan suatu tuntutan syariah secara khusus ialah syarikat hendaklah berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 dan mempunyai lesen yang sah untuk

menjalankan perniagaan jualan langsung di bawah Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993. Syarikat juga hendaklah menyediakan satu kontrak bertulis yang mengandungi terma dan syarat yang jelas perihal perjanjian antara syarikat dengan peserta.

Ramai mungkin tidak mengetahui ataupun menyedari bahawa kontrak jualan langsung mempunyai klausa khas yang berbeza dengan kontrak perniagaan lain iaitu klausa berkaitan dengan tempoh bertenang (*cooling off period*). Tempoh bertenang merupakan satu tempoh tidak kurang daripada sepuluh hari bekerja dari tarikh penyertaan yang membenarkan seseorang peserta membatalkan atau menarik balik penyertaan dalam perniagaan jualan langsung. Sekiranya berlaku pembatalan keahlian, syarikat hendaklah memulangkan keseluruhan yuran keahlian yang telah dibayar oleh peserta. Daripada perspektif syarak, tempoh bertenang berdasarkan prinsip khiyar al-syarat iaitu pilihan untuk membatalkan sesuatu akad selepas tempoh beberapa hari sebagaimana yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi:

حَدَّثَنَا كَثِيرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ عَوْفِ الْمُرَيْبِيِّ عَنْ أَبِيهِ حَدَّثَنَا كَثِيرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ عَوْفِ الْمُرَيْبِيِّ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الصُّلْحُ جَائِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلَّا صُلْحًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا الْمُسْلِمُونَ عَلَى شُرُوطِهِمْ إِلَّا شَرْطًا حَرَّمَ حَلَالًا أَوْ أَحَلَّ حَرَامًا قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ

Terjemahan:

Telah diceritakan kepada kami Kathir bin Abdullah bin ‘Amru bin ‘Awf al-Muzanniy daripada bapanya daripada datuknya bahawa Rasulullah SAW bersabda bahawa perdamaian diharuskan di kalangan orang Islam kecuali perdamaian yang mengharamkan yang halal atau yang menghalalkan yang haram dan orang Islam terikat dengan syarat-syarat sesama mereka kecuali syarat yang mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram. Berkata Abu Isa hadis ini ialah Hasan Sahih.



Bagi menjamin hak pengguna dan peserta agar tidak tertindas, Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi-Level Marketing) Menurut Syariah menetapkan bahawa syarikat boleh mengenakan yuran keahlian bagi menikmati potongan harga dan seterusnya menjadi wakil jualan syarikat. Namun kadar yuran tersebut hendaklah pada kadar yang minimum malah digalakkan untuk membuka keahlian kepada sesiapa sahaja secara percuma. Yuran keahlian hendaklah bukan pada kadar yang tidak munasabah dan begitu tinggi sehingga tidak lagi kekal sesuai dengan sifatnya untuk menampung kos 'starter kit' atau 'business tools' yang disediakan oleh syarikat ketika pendaftaran. Peserta juga diingatkan agar membetulkan niat dan tujuan untuk menyertai syarikat jualan langsung iaitu hendaklah berlandaskan tujuan untuk menggunakan produk atau menjalankan perniagaan dalam erti kata yang sebenar dan bukan dengan niat untuk memanipulasi sistem menjadi skim piramid atau skim cepat kaya.

Garis panduan yang dibangunkan oleh Jakim turut menggariskan akad-akad yang berkait rapat dengan jualan langsung. Bagi jualan langsung menerusi kaedah pemasaran MLM, akad yang sesuai dengan model tersebut ialah akad *ju'alah*<sup>5</sup> yang menekankan aspek natijah atau hasil daripada usaha yang dilakukan oleh wakil jualan (*achievement oriented*). Dalam hal ini syarikat bertindak sebagai pihak yang menjanjikan upah terhadap natijah atau hasil yang berjaya dicapai oleh pelaksana berdasarkan pelan insentif yang telah ditetapkan oleh syarikat. Manakala akad hibah terpakai dalam konteks syarikat berhasrat untuk memberi hadiah atau insentif tambahan kepada wakil jualan yang cemerlang dan mencapai sasaran tertentu. Antara perkara lain yang turut ditekankan ialah prinsip saling reda-meredai antara pihak-pihak yang berkontrak semasa memeterai akad. Ini bagi membendung berlakunya gejala paksaan, manipulasi atau eksploitasi terhadap peserta atau ahli yang menyertai sesuatu syarikat jualan langsung.

Peserta yang menyertai sesuatu syarikat jualan langsung biasanya layak untuk menikmati beberapa keistimewaan yang telah ditawarkan oleh syarikat. Selain diskaun dari segi harga terhadap produk yang dibeli yang berasaskan janji untuk memberikan hibah (*al-wa'd bi al-hibah*), syarikat turut memberikan ganjaran dalam bentuk komisen atau bonus atau faedah

ekonomi lain seperti kupon, pakej percutian atau hadiah yang lain yang dapat memberikan motivasi kepada peserta dalam meningkatkan prestasi jualan berdasarkan prinsip *al-ju'alah*. Peserta juga secara automatik menjadi pengedar barang atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat sebagai *independent business owner* iaitu entiti perniagaan yang berasingan untuk menjual dan memasarkan produk syarikat.

Ke arah menjamin hak semua pihak, Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi-Level Marketing) Menurut Syariah turut menetapkan kriteria khusus sesuatu produk dalam bisnes MLM. Produk yang dikeluarkan oleh syarikat hendaklah terdiri daripada barang dan perkhidmatan yang halal dan bermanfaat menurut perspektif syarak. Produk juga hendaklah berkualiti dan selamat digunakan serta mestilah dijangka secara wajar, munasabah, dan adil bahawa produk yang ditawarkan masih diminati untuk dibeli oleh pengguna sasaran tanpa mengambil kira pelan pemasaran MLM yang disediakan. Produk bukanlah sebagai 'topeng' atau helah dalam urus niaga bagi mengaburi ciri-ciri skim piramid atau skim cepat kaya. Kekuatan syarikat jualan langsung terletak kepada produk yang bermutu dan bukan terhadap objektif jangka pendek bagi tujuan mengaut keuntungan segera semata-mata. Ringkasnya, produk yang dijual oleh syarikat mestilah berupaya untuk dipasarkan serta digunakan oleh pengguna akhir yang sebenar (Engku Ahmad Fadzil Engku Ali & Azizi Che Seman, 2010: 91).

Produk makanan, minuman, dan barangan gunaan yang dijual oleh syarikat pula hendaklah mendapat pengiktirafan halal daripada Jakim atau badan-badan persijilan halal yang diiktiraf oleh Jakim. Bagi menjamin sistem pengurusan syarikat adalah mengikut prinsip-prinsip Islam, disarankan agar syarikat jualan langsung memohon piawaian MS2400:2010 *Standards on Halal Logistics*, MS1500:2009 Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan Pengendalian, dan Penyimpanan, MS2200 Bahagian 1:2008 Barang Gunaan Islam-Bahagian 1: Kosmetik dan Dandanan Diri, Garis Panduan Umum dan MS1900:2005 'Standards on Quality Management System from Islamic Perspective' bagi memberi nilai tambah terhadap pengiktirafan halal bagi produk-produk syarikat terbabit.

Garis panduan tersebut turut menjelaskan bahawa produk bukanlah terdiri daripada barang ribawi seperti emas dan perak yang dijual beli secara tangguh kerana boleh membawa kepada riba. Dari sudut penguatkuasaan, pihak KPDNKK tidak membenarkan syarikat jualan langsung menjual barang berupa emas dan perak. Selaras dengan peranan KPDNKK dalam melindungi hak pengguna, kebimbangan yang dilahirkan oleh pihak KPDNKK adalah dari sudut ketulenan emas atau perak yang dijual memandangkan tiada agensi berautoriti yang dapat menentukan ketulenan emas yang terlibat dalam transaksi tersebut (Mohd Talal, 2011).

Perniagaan jualan langsung sering dikaitkan dengan pengambilan keuntungan yang melampau dengan mengenakan harga terlalu tinggi terhadap produk yang dijual. Bagi menangkis amalan penetapan harga yang tidak berkadar dengan kualiti produk, garis panduan patuh syariah telah menetapkan bahawa harga bagi produk yang ditawarkan oleh syarikat hendaklah munasabah, berpatutan, tidak melampau, dan berkadar dengan jenis dan kualiti barang dan perkhidmatan. Di samping itu, perlu wujud suatu jangkaan yang munasabah bahawa produk yang ditawarkan masih diminati untuk dibeli oleh pengguna pada harga yang ditawarkan tanpa mengambil kira pelan pemasaran MLM yang disediakan. Dari segi penguatkuasaan, meskipun tiada peruntukan undang-undang mengenai harga siling bagi produk yang dijual secara MLM, KPDNKK secara pentadbiran telah mengenakan peraturan bahawa harga sesuatu produk yang dipasarkan secara MLM hendaklah tidak melebihi empat kali ganda harga barang seumpamanya yang terdapat di pasaran (Mohd Talal, 2011).

Salah satu ciri perniagaan MLM yang menarik minat para pengguna untuk menyertainya ialah pemberian insentif oleh syarikat kepada peserta yang terdiri daripada komisen atau bonus atau faedah ekonomi lain terhadap usaha yang direalisasikan oleh seseorang wakil atau peserta MLM. Manakala penetapan pembayaran komisen, bonus atau faedah ekonomi lain dalam MLM adalah dengan berdasarkan prinsip *al-ju'alah* atau hibah. Pemberian komisen, bonus atau faedah ekonomi lain hendaklah berasaskan jualan kuantiti barang atau perkhidmatan dan bukan berasaskan perekrutan atau pengambilan peserta baharu semata-

mata. Ini adalah bagi mengelakkan sesuatu pelan pemasaran berubah menjadi skim piramid yang menyasarkan perekrutan ahli semata-mata.

Pelan pemasaran syarikat MLM dan pelan pemberian insentif yang bermatlamat perekrutan atau pengambilan peserta baharu semata-mata atau terutamanya sebagai kelayakan untuk mendapat komisen, bonus atau faedah ekonomi lain mengandungi elemen *money game* atau perjudian yang tidak diharuskan oleh hukum syarak. 'Upline' berhak menerima komisen, bonus atau faedah ekonomi lain daripada pembelian atau jualan 'downline' berdasarkan akad *ju'alah* iaitu pihak-pihak yang bersepakat dalam melaksanakan sesuatu kerja (*al-mushtarikun fi al-a`mal*) dan syarikat sebagai pihak yang menjanjikan upah (*al-jawil*) sebagaimana yang diperincikan pembahagiannya dalam pelan pemasaran syarikat. Turut dinyatakan dalam garis panduan bahawa komisen, bonus atau faedah ekonomi lain hendaklah diambil daripada keuntungan jualan produk dan/atau atas sumbangan syarikat. Syarikat juga hendaklah menetapkan dengan jelas kerja dan natijah atau hasil yang perlu dicapai oleh peserta bagi melayakkannya mendapat komisen, bonus atau faedah ekonomi lain dan mengisytiharkan syarat-syarat tersebut. Syarikat juga digalakkan untuk mempelbagaikan produk sebagai langkah membuka peluang kepada peserta memperbanyak jualan bagi tujuan mendapatkan komisen, bonus atau faedah ekonomi lain. Pendekatan ini bertujuan untuk mengelakkan berlakunya eksploitasi sistem atau rangkaian menjadi 'money game'.

Ke arah pematuhan syariah dalam konteks urus tadbir dan operasi MLM, garis panduan jualan langsung yang dikeluarkan oleh Jakim turut menetapkan bahawa syarikat MLM hendaklah melantik penasihat syariah yang terdiri daripada sekurang-kurangnya dua orang Islam yang sekurang-kurangnya mempunyai ijazah sarjana muda dalam bidang syariah termasuk pengajian dalam *usul fiqh* dan *fiqh muamalat*. Bahkan syarikat turut digalakkan untuk melantik Penasihat Syariah yang mempunyai pengalaman yang bersesuaian dalam bidang muamalat. Bagi memelihara integriti dan akauntabiliti dalam bisnes MLM, penasihat syariah yang dilantik tidak boleh mempunyai sebarang hubungan yang boleh mempengaruhi pendiriannya dalam membuat keputusan yang bebas dengan mempunyai hubungan kekeluargaan terdekat seperti

pasangan, anak atau adik-beradik dengan Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat atau ahli Lembaga Pengarah; dan tidak mempunyai kepentingan saham dalam syarikat jualan langsung atau anak-anak syarikatnya. Bagi syarikat yang telah melantik penasihat syariah, penasihat syariah hendaklah diberi ruang yang sewajarnya untuk memainkan peranan dalam memberi latihan, bimbingan, dan kefahaman tentang teori dan amali kepatuhan syariah dalam perniagaan jualan langsung secara MLM kepada para peserta supaya dapat diamalkan dan dihayati oleh mereka.

Pelantikan penasihat syariah merupakan suatu langkah bagi memastikan kepatuhan syariah bukan sahaja dinilai dan disahkan secara 'one-off' bahkan juga dipelihara dan dikekalkan melalui pengamalan dan penghayatan. Syarikat juga hendaklah menganjurkan program latihan bagi tujuan seperti yang berikut untuk memperkenalkan produk kepada peserta khususnya bagi produk yang mempunyai ciri-ciri khusus yang bersifat teknikal dan ciri-ciri khusus yang mematuhi hukum syarak; dan untuk memberikan pendedahan kepada peserta berhubung dengan kaedah pemasaran bagi meningkatkan prestasi jualan syarikat secara beretika dan mematuhi undang-undang. Syarikat boleh menganjurkan program latihan sama ada secara percuma atau berbayar dengan kadar yuran penyertaan yang munasabah. Pengendalian program latihan hendaklah bertepatan dengan prinsip-prinsip syarak termasuklah memelihara adab dan pergaulan antara lelaki dengan wanita.

Selaras dengan peraturan dalam industri jualan langsung, garis panduan MLM yang dikeluarkan oleh Jakim turut menyatakan bahawa syarikat hendaklah menyediakan suatu kontrak bertulis yang mengandungi terma tentang polisi beli balik atau bayar balik. Dalam hal ini, syarikat hendaklah membeli balik barang yang boleh dipasarkan yang telah dijual kepada peserta dalam tempoh enam bulan dari tarikh pembelian yang dibuat oleh peserta dengan membuat pembayaran tidak kurang daripada 90% daripada amaun yang dibayar. Peraturan ini dilihat dapat menjamin dan memelihara kebajikan peserta atau wakil jualan yang gagal untuk memasarkan produk atau berasa tidak berkeupayaan untuk berbuat demikian di samping dapat mengelakkan mereka menanggung kerugian. Selain itu, polisi beli balik atau bayar balik turut mensyaratkan bahawa barang yang dibeli balik hendaklah

terdiri daripada barang yang boleh dijual semula iaitu tidak luput tarikh penggunaan dan barang tersebut tidak rosak.

Peserta yang menyertai syarikat MLM sebenarnya boleh menarik diri daripada menyertai syarikat tersebut pada bila-bila masa sahaja tanpa memaklumkan kepada syarikat memandangkan wakil jualan langsung dalam bisnes pemasaran secara MLM adalah bersifat sebagai entiti perniagaan berasingan daripada syarikat. Namun, bagi memelihara kepentingan syarikat dan peserta, terdapat juga syarikat yang menetapkan bahawa peserta atau wakil jualan hendaklah memaklumkan kepada syarikat berkenaan penarikan diri yang dibuat.

Dalam membuat pertimbangan untuk menyertai perniagaan MLM, masyarakat awam seharusnya menjauhkan diri daripada sebarang pelan bertopengkan MLM yang bersifat tidak realistik yang terlalu bagus untuk dipercayai (*too good to be true*). Sindiket skim cepat kaya atau skim piramid lazimnya menawarkan wang atau pulangan yang lumayan bagi mengaburi mata orang ramai. Pulangan yang dijanjikan biasanya adalah lebih tinggi daripada pulangan yang dijanjikan oleh institusi kewangan berlesen. Penganjur skim piramid atau skim cepat kaya juga cenderung untuk mengemukakan testimoni-tesmoni daripada individu-individu tertentu bagi menggambarkan kejayaan yang telah dikecapi menerusi skim atau pelan yang disertai.

## **CIRI-CIRI MLM TIDAK PATUH SYARIAH**

Ramai di kalangan anggota masyarakat sebenarnya masih kabur berhubung dengan parameter yang membezakan antara skim piramid atau skim cepat kaya dengan bisnes MLM. Bagi tujuan mengelakkan orang ramai terjebak dalam skim piramid atau skim cepat kaya, garis panduan ini turut berperanan dalam mendidik masyarakat agar dapat membuat penilaian dan membezakan antara skim piramid dengan perniagaan jualan langsung secara MLM. Oleh itu, ciri-ciri skim piramid turut disenaraikan dalam Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi-Level Marketing) Menurut Syariah yang merupakan adaptasi daripada jadual yang terkandung dalam Akta Jualan Langsung dan Skim Anti-Piramid 1993.

Dari perspektif hukum syarak, skim piramid atau skim cepat kaya tidak mematuhi prinsip-prinsip syariah kerana berteraskan unsur perjudian atau pertaruhan (*qimar*) melalui permainan wang (*money game*) iaitu 'downline' yang ditaja oleh 'upline' akan kehilangan wang penyertaan jika tidak berjaya mendapatkan ahli baharu di bawahnya (downline). Sebarang bentuk penjanaan wang atau keuntungan tanpa melibatkan aktiviti komersial atau kegiatan ekonomi yang sebenar juga ditegah kerana boleh menjurus kepada elemen riba yang berpunca daripada aktiviti penjualan atau pertukaran wang dengan meletakkan sejumlah wang dengan tujuan untuk mendapatkan sejumlah wang yang lebih besar.

Antara ciri skim piramid yang mudah untuk dikenal pasti ialah memfokuskan kepada pencarian ahli baharu atau 'downline', kontrak bertulis kepada ahli tidak disediakan, pembelian wajib barang atau perkhidmatan dilaksanakan sebagai syarat permulaan mendapat bonus, dikehendaki membeli produk dengan harga yang tidak munasabah atau pembelian pakej produk diberikan bonus, polisi bayar balik (refund) atau polisi beli balik (*buy back*) tidak disediakan, penarikan diri sebagai ahli tidak dibenarkan dan peserta dibenarkan membeli lebih daripada satu keahlian.

Garis panduan tersebut antara lain juga menetapkan bahawa syarikat MLM hendaklah memastikan pelan pemasaran dan pelan insentif yang dikeluarkan oleh syarikat telus serta bebas daripada sebarang bentuk penipuan, penindasan, manipulasi, atau eksploitasi. "Manipulasi" didefinisikan sebagai segala tindakan dan selok-belok untuk memperdaya orang atau mempengaruhi pendirian orang lain tanpa disedari oleh orang itu. Manakala "eksploitasi" ialah perbuatan (tindakan) mengambil kesempatan untuk mempergunakan seseorang atau sesuatu keadaan dan secara tidak adil demi kepentingan atau keuntungan diri sendiri. Garis panduan tersebut turut menggariskan bahawa sesuatu perniagaan MLM hendaklah bebas daripada unsur paksaan yang menindas peserta dan juga elemen pembaziran yang boleh merugikan peserta.

Klausa terakhir Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi-Level Marketing) Menurut Syariah menetapkan bahawa semua syarikat MLM bertanggungjawab untuk

memastikan bahawa semua aspek perniagaan MLM bebas daripada sebarang unsur *shubbah* yang bercanggah dengan ketetapan hukum syarak.

## **PENUTUP**

Islam menganjurkan umatnya mengoptimumkan pengembelangan kekayaan dengan mencari keberkatan hidup di dunia dan di akhirat menerusi pendapatan yang dijana melalui sumber dan jalan yang halal. Usaha pengembangan harta bagi tujuan meningkatkan taraf kehidupan sewajarnya direalisasikan menerusi kegiatan ekonomi yang sebenar dan bukan melalui tipu muslihat, helah, dan penindasan terhadap golongan yang naif. Fenomena mengeskpolitasi orang ramai dengan sogokan keuntungan dan kekayaan secara jalan pintas wajar dibanteras bukan sahaja melalui penguatkuasaan undang-undang bahkan juga menerusi penghayatan norma dan nilai Islam yang luhur agar kebajikan dan kemaslahatan umat terus terpelihara. Masyarakat juga harus peka dan membuka mata agar tidak terperangkap dalam skim piramid atau skim cepat kaya yang bukan sahaja salah dari sudut perundangan negara malah turut ditegah di sisi ajaran Islam. Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (MLM) Menurut Syariah telah dibangunkan oleh Jakim yang bertujuan untuk memberikan kefahaman di samping mendidik masyarakat berhubung dengan parameter perniagaan MLM berasaskan syariah yang bebas daripada unsur-unsur batil. Garis panduan ini diharap berupaya memberi impak positif sebagai dokumen rujukan kepada masyarakat dalam menilai dan membuat pertimbangan sebelum mengambil langkah menyertai syarikat MLM.



## NOTA HUJUNG

### *(Endnotes)*

- 1 Jumlah tersebut membentuk 8.37% daripada 27 milion rakyat Malaysia. Mohd Talal bin Abu Bakar, 2011, Peranan KPDNKK dalam mengawal selia perniagaan jualan langsung dan isu-isu semasa, pembentangan dalam Mesyuarat Panel Kajian Syariah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), 25 Mei 2011, Hotel Pan Pacific KLIA.
- 2 Berasal dari nama pengasas skim ini, seorang lelaki berbangsa Itali bernama Charles Ponzi. Ponzi telah menjalankan skim ini bermula tahun 1919. Beliau telah mengambil kesempatan melalui satu sistem kupon yang diamalkan selepas Perang Dunia Kedua dengan membeli kupon tersebut daripada mereka yang berada di negara yang mundur dan menjualnya kepada mereka yang berada di negara yang makmur dengan harga yang lebih tinggi. Beliau akhirnya berjaya meyakinkan lebih banyak pelabur untuk melabur dalam skim tersebut dengan mengambil wang pelaburan daripada peserta yang baharu untuk membayar peserta yang membeli 'sekuriti' lebih awal. Skim Ponzi telah didedahkan di dada-dada akhbar pada tahun 1920, dan pihak audit Persekutuan di Amerika Syarikat telah mengisytiharkan bahawa operasi skim Ponzi akhirnya runtuh setelah menipu wang para pelabur melebihi US\$4 juta (Wells, 2010:9).
- 3 Statistik tersebut mencatatkan penurunan kes pada tahun 2010 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya iaitu sebanyak 30 kes telah dihadapkan ke mahkamah di bawah Akta Jualan Langsung 1993 (KPDNKK) (c), 2011).
- 4 Menurut al-Tirmizi hadis ini bertaraf *hasan sahih*. Al-Tirmizi, Sunan al-Tirmizi, 1992, dlm. *Mawsu'ah al-Sunnah al-Kutub al-Sittah wa Shuruhaha*, cet.2, jld.13, Istanbul: Dar al-Da'wah, hlm. 634-635, no. hadis 1352, *Kitab al-Ahkam, bab ma dhukira 'an Rasulullah SAW fi al-sulhi baina al-nas*.
- 5 Al-ju'alah dari segi syarak bermaksud komitmen atau janji untuk memberikan ganjaran tertentu terhadap kerja yang tertentu. (Al-Zuhayli, 1985(4): 783). Seseorang itu akan mendapat ganjaran sekiranya menyempurnakan tugas tersebut dan tidak mendapat sebarang ganjaran sekiranya tidak menyempurnakannya. (Wizarah al-Awqaf wa shu'un al-Islamiyyah al-Kuwaitiyyah, 1993 (15): 127).

## **RUJUKAN**

- Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Qur'an*. Cet. 12. Kuala Lumpur. Dar al-Kitab.
- Akta Jualan Langsung dan Skim Anti Piramid 1993.
- Bank Negara Malaysia (BNM). 2007. *Soalan-soalan lazim mengenai skim cepat kaya*. <http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=104&cp=457&ac=551&lang=bnm>. 8 Jun 2011.
- Berita Harian Online. 2010. *Industri jualan langsung mampu jana RM10 bilion*. <http://www.bharian.com.my/articles/IndustrijualanlangsungmampujanaRM10bilion/Article/>. 5 Julai 2011.
- Bloch, B. 1996. Multilevel marketing what's the catch? *Journal of Consumer Marketing* 13(4):18-26.
- Dairah al-Ifta' al-'Am al-Urduniyyah. 2010. *Hukmu al-taswiq al-shabaky*. <http://www.aliftaa.jo/index.php/ar/fatwa/show/id/644> . 22 Mei 2011.
- Dar al-Ifta' al-Misriyyah. 2007. *Fatwa multi-level marketing*.
- Direct Selling Association Malaysia. 2010. *What is direct selling?*<http://www.dsam.org.my/industry/what-is-direct-selling>. 1 Julai 2011.
- Engku Ahmad Fadzil dan Azizi Che Seman. 2010. Laporan bertulis penilaian kepatuhan syariah produk dan pelan pemasaran berbilang tingkat (MLM) syarikat Kenshido International Sdn. Bhd. <http://www.kenshido.com/distributor/download/forms/LAPORAN.pdf>. 21 Setember 2011. [http://www.dar-alifta.org/ViewFatwa.aspx?ID=523&tHome=1&Lang\\_ID=1](http://www.dar-alifta.org/ViewFatwa.aspx?ID=523&tHome=1&Lang_ID=1). 19 Mei 2011.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). 2011. *Garis Panduan Perniagaan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi-Level Marketing/MLM) Menurut Syariah*. [http://www.islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/garis\\_panduan/2011/09/garis\\_panduan\\_mlm\\_2011.pdf](http://www.islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/garis_panduan/2011/09/garis_panduan_mlm_2011.pdf)
- Kiaw, C.O.S. dan de Run, E.C. 2007. Why Malaysians join and stay on in a multi-level marketing company. *The ICFAI Journal of Service Marketing* 5(4):38-52.
- Koehn, D. 2001. Ethical issues connected with multi-level marketing scheme. *Journal of Business Ethics* 2 (1-2):153-160.

- KPDNKK (a). 2011. *Garis panduan permohonan lesen jualan langsung*. [http://www.kpdnkk.gov.my/c/document\\_library/get\\_file?uuid=cb0eac36-ad71-483a-806c-7c66ecd82536&groupId=10137](http://www.kpdnkk.gov.my/c/document_library/get_file?uuid=cb0eac36-ad71-483a-806c-7c66ecd82536&groupId=10137)
- KPDNKK (b). 2011. *Senarai syarikat yang pernah memohon lesen di bawah Akta Jualan Langsung 1993*. <http://www.kpdnkk.gov.my/web/guest/peniaga/pembangunan-jualan-langsung/sykt-jualan-langsung>
- KPDNKK (c). 2011. *Statistik kes Akta Jualan Langsung 1993 bagi tahun 2006 hingga 2010*. <http://www.kpdnkk.gov.my/web/guest/maklumat-jualan-langsung>. 25 Julai 2011.
- Kustin, R.A. dan Jones, R.J.1995. Research note: a study of direct selling perceptions in Australia. *International Network Marketing* 12(6):60-67.
- Al-Lajnah Al-Daimah Li al-Buhuth al-'Alamiyyah wa al-Ifta'. 2004. Al-Islam Sual wa al-Jawab. *Fatwa al-lajna al-daimah fi shirkah Biznas wahbah al-jazirah wa shirkat al-taswiq al-haramiy*. <http://www.islam-qa.com/ar/ref/islamqa/42579/print>. 22 Mei 2011.
- Majelis Ulama Indonesia DKI Jakarta. t.th. *Hukum bisnes multi level marketing*. [http://www.e-infad.my/ifms/index.php?option=com\\_fatwa&task=viewlink&link\\_id=1450&Itemid=48](http://www.e-infad.my/ifms/index.php?option=com_fatwa&task=viewlink&link_id=1450&Itemid=48). 21 September 2011.
- Mohd Talal bin Abu Bakar. 2011. *Perniagaan jualan langsung*. Putrajaya. Temubual, 25 Mei.
- Msweli, P. dan Sargeant, A. 2001. Modeling distribution retention in network marketing organizations. *Marketing Intelligence & Plananning* 34 (7):507-514.
- Muhamad Hassan Zaid bin Ramli. 2002. *Sistem syarikat jualan langsung di Malaysia dari perspektif muamalat Islam*. Tesis Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Yamin bin Ismail. 2008. Hukum Pelaburan Ke Atas Syarikat Swisscash Mutual Fund. *Jurnal Muamalat* 1:9-26.
- Muncy, J.A. 2004. Ethical issues in multilevel marketing: is it a legitimate business or just another pyramid scheme? *Marketing Education Review* 14 (3):47-53.
- Nga, J.K.H. dan Mun, S.W.M. (Nadia Soo). 2011. The Influence of MLM Companies and agent attributes on the willingness to undertake multilevel marketing as a career option among youth. *Journal of Research in Interactive Marketing* 5(1):50-69.

- Peterson, R.A. dan Albaum, G. 2007. On the ethicality of internal consumption in multilevel marketing. *Journal of Personal Selling & Sales Management* 27(4):317-323.
- Salciuviene, L., Reardon, J. dan Auruskeviciene, V. 2011. Antecedents of performance of multi-level channels in transitional economies. *Baltic Journal of Management* 6(1):89-104.
- Al-Shatibi, Abu Ishak. 2001. *al-Muwafaqat*. Jld. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Tirmizi, *Sunan al-Tirmizi*. 1992. *Mawsu’ah al-Sunnah al-Kutub al-Sittah wa Shuruhaha*. Cet.2. Jld.13. Istanbul: Dar al-Da’wah.
- Wells, J. T. (2010). Ponzis and pyramids: What CPA’s need to know. *The CPA Journal*, February: 6-10.
- Wizarah al-Awqaf wa shu’un al-Islamiyyah al-Kuwaitiyyah. 1993. *Mawsu’ah al-fiqhiyyah al-kuwaitiyyah*. Jld.15.
- World Federation of Direct Selling Association (WFDSA). 2010. *International Statistics, WFDSA Global Direct Selling Statistics 2010 (Based on 2009 Data)*. [http://www.wfdsa.org/statistics/index.cfm?fa=display\\_stats&number=1](http://www.wfdsa.org/statistics/index.cfm?fa=display_stats&number=1). 4 Juli 2011.
- Al-Zuhayli, Wahbah. *Fiqh al-Islamiy wa adillatuhu*. 1985. Cet. 2. Jld. 4. Dar al-Fikr: Damsyik.

## **Majlis Penasihat Syariah: Nasihat Yang Mesti Dipatuhi**

**MOHAMED HADI ABD HAMID**

### **Abstrak**

Kedudukan Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia sering menjadi tajuk perbincangan sejak penubuhannya pada tahun 1997. Fungsi dan keberkesannya dalam menentukan hala tuju perbankan Islam di Malaysia juga tidak pernah sunyi daripada komen-komen membina di kalangan penggiat industri perbankan Islam dan ahli akademik. Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701) telah digubal untuk memperkasakan peranan Majlis Penasihat Syariah sebagai sumber rujukan utama dalam hal ehwal perbankan dan kewangan Islam. Artikel ini bertujuan untuk menganalisis kedudukan terkini Majlis Penasihat Syariah yang telah diiktiraf perannya oleh mahkamah sivil sebagai autoriti tertinggi dalam memastikan undang-undang Islam yang terpakai untuk hal ehwal perniagaan kewangan Islam.

### ***Abstract***

*The position of Syariah Advisory Council, Central Bank of Malaysia has always been the subject of discussion since its establishment in 1997. Its functions and effectiveness in determining the path of Islamic banking in Malaysia also attract constructive comments from the industry players and*

*academicians. The Central Bank of Malaysia Act 2009 (Act 701) has been passed to strengthen the role of Syariah Advisory Council as the ultimate source of reference in Islamic banking and finance. This article attempts to analyse the latest position of Syariah Advisory Council which has been recognised by the civil court as the highest authority in ascertaining the Islamic law for the purposes of Islamic financial business.*

## **PENGENALAN**

Majlis Penasihat Syariah (MPS), Bank Negara Malaysia (BNM) berperanan sebagai majlis yang mempunyai autoriti untuk memastikan undang-undang Islam yang terpakai dalam hal ehwal perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Pada awal penubuhannya, MPS tidak didokong oleh sebarang peruntukan undang-undang. Namun begitu, seksyen 124(4), Akta Perbankan dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (Akta 372) ada menyebut secara sepintas lalu tentang MPS. Seksyen 124(4) Akta 372 menyatakan bahawa institusi-institusi perniagaan perbankan Islam dan perniagaan kewangan Islam hendaklah mematuhi sebarang arahan bertulis daripada BNM berkenaan perniagaan perbankan Islam dan perniagaan kewangan Islam dan arahan BNM itu dikeluarkan setelah berunding dengan MPS. Untuk memberi kesahan kepada penubuhan dan kedudukan MPS, parlimen telah meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958 (Akta 519) pada tahun 2003 (Pindaan 2003) dengan memasukkan Seksyen 16B yang juga memperincikan fungsi-fungsi dan skop MPS.

Pindaan 2003 yang disangkakan dapat memperkasakan peranan MPS mengundang konflik yang tersendiri apabila peranan MPS dikesampingkan oleh mahkamah sivil melalui satu penghakiman Mahkamah Tinggi pada tahun 2008. Penghakiman tersebut telah memutuskan bahawa produk *Bai' Bithaman Ajil* (BBA) yang ditawarkan oleh perbankan Islam berasaskan konsep jual beli tidak sah dan bertentangan dengan undang-undang Islam, sungguhpun MPS telah lebih awal mengeluarkan

resolusi bahawa produk BBA adalah sah di sisi undang-undang Islam. Pindaan 2003 tidak dapat menjamin kepatuhan mahkamah sivil terhadap keputusan MPS dan konflik ini mengundang ketidakpastian terhadap masa depan perbankan Islam. Sungguhpun Mahkamah Rayuan telah mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi tersebut, konflik itu menuntut perubahan yang lebih drastik daripada pihak penggubal undang-undang untuk memastikan keputusan MPS dipatuhi oleh setiap pihak.

Untuk memastikan kelangsungan dan kestabilan perbankan Islam di Malaysia, kerajaan telah antara lain memansuhkan Akta 519 dan menggantikannya dengan Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701). Di bawah Akta 701, kedudukan MPS telah diperkukuh dengan peruntukan jelas yang menetapkan bahawa keputusan MPS mengikat mahkamah dan perlu dipatuhi.

## **PELANTIKAN AHLI-AHLI MPS**

Secara umumnya, ahli-ahli MPS terdiri daripada pakar yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman luas dalam bidang Syariah, perbankan, kewangan, undang-undang, dan disiplin-disiplin lain yang berkaitan. Ini terkandung di dalam seksyen 16B(2) Akta 519 yang memperuntukkan bahawa ahli-ahli MPS dilantik oleh Menteri Kewangan atas perakuan BNM.

Terdapat sedikit perbezaan tentang kaedah pelantikan ahli-ahli MPS di bawah Akta 701. Seksyen 53(1) Akta 701 memperuntukkan bahawa ahli-ahli MPS kini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri Kewangan setelah berunding dengan BNM.

Dapat disimpulkan bahawa perbezaan kaedah pelantikan ini secara tidak langsung menaik taraf kedudukan MPS kerana ahli-ahlinya kini dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Ini juga membuktikan pengiktirafan kerajaan terhadap kepakaran dan kepentingan ahli-ahli MPS yang berperanan untuk menentukan hala tuju perbankan Islam di Malaysia.

## **KEDUDUKAN MPS PRAAKTA 701**

Melalui Pindaan 2003, seksyen 16B(9)(a) Akta 519 memperuntukkan bahawa jika mahkamah merujuk kepada MPS untuk satu-satu isu, maka mahkamah boleh mempertimbangkan 'be taken into consideration' sahaja keputusan MPS tersebut. Ini bermaksud mahkamah tidak terikat untuk mematuhi sebarang keputusan MPS. Ini berbeza dengan situasi penimbang tara kerana seksyen 16B(9)(b) Akta 519 menetapkan bahawa jika penimbang tara merujuk kepada MPS untuk satu-satu isu, keputusan MPS itu mengikat penimbang tara tersebut.

Peruntukan undang-undang yang longgar tentang autoriti keputusan MPS telah mendapat reaksi yang pelbagai daripada hakim-hakim mahkamah sivil apabila kes-kes berkaitan perbankan Islam dibawa di hadapan mereka. Antara kes yang terawal menyentuh soal rujukan kepada MPS ialah kes *Affin Bank Bhd. lawan Zulkifli Abdullah* [2006] 1 CLJ 438. Di dalam kes tersebut, persoalan timbul tentang keperluan mahkamah untuk merujuk kepada MPS tentang isu pengiraan jumlah yang perlu dibayar oleh pelanggan bank yang mengingkari kontrak BBA. Yang Arif (YA) Hakim Abdul Wahab Patail memutuskan bahawa isu yang timbul bukanlah persoalan tentang undang-undang Syariah (It is not a question of Syariah law), tetapi persoalan tentang tafsiran dan pemakaian terma-terma dokumen kontrak antara pihak-pihak berkait (the interpretation and application of the terms of the contractual documents between the parties).

Malah rujukan kepada MPS dianggap sebagai pelepasan tanggungjawab yang tidak dapat dipertahankan (indefensible abdication) oleh pihak mahkamah terhadap fungsi-fungsi mahkamah itu sendiri. Seolah-olah jika mahkamah membuat rujukan kepada MPS, mahkamah dianggap lepas tangan dalam menjalankan tanggungjawabnya untuk menyelesaikan pertikaian undang-undang. Oleh itu, mahkamah dalam kes tersebut memutuskan bahawa persoalan di atas tidak perlu dirujuk kepada MPS.

Seterusnya, dalam kes *Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd. lawan Silver Concept Sdn. Bhd.* [2008] 9 CLJ 522, hakim yang sama menyentuh soal rujukan kepada MPS tentang isu kesahan produk BBA sama ada



ia mematuhi kehendak Syariah ataupun tidak. Walau bagaimanapun, YA Hakim memutuskan berdasarkan peruntukan seksyen 16B(9)(a) Akta 519, rujukan kepada MPS oleh mahkamah tertakluk kepada budi bicara hakim itu sendiri dan rujukan itu tidak mandatori. Bukan sahaja rujukan kepada MPS tidak mandatori, malah jika rujukan tersebut dilakukan sekalipun, keputusan MPS berikutan daripada rujukan tersebut tidak mengikat mahkamah. Untuk itu, YA Hakim sekali lagi menolak sebarang rujukan kepada MPS.

Peranan MPS sekali lagi diketepikan dalam kes *Arab-Malaysian Finance Bhd. lawan Taman Ihsan Jaya Sdn. Bhd. & Lain-Lain dan Kes-Kes Lain* [2009] 1 CLJ 419. Kes ini merupakan kes kemuncak di mana mahkamah mengisytiharkan bahawa produk BBA yang ditawarkan oleh perbankan Islam di Malaysia bertentangan dengan undang-undang Islam. Walau bagaimanapun, terdapat persoalan-persoalan penting yang boleh ditimbulkan berdasarkan penghakiman YA Hakim Abdul Wahab Patail ini, terutama sekali jika kita cuba memahami respon YA Hakim terhadap keperluan mahkamah untuk merujuk kepada MPS tentang isu kesahan produk BBA di sisi undang-undang Islam.

Pada mulanya, YA Hakim mengakui bahawa konsep-konsep BBA, *al-istisna'*, *bai' al-'inah*, *murabahah* dan sebagainya mematuhi hukum Islam kerana tiada unsur *riba'* yang terlibat di dalamnya. Ini bertepatan dengan ketetapan MPS tentang konsep-konsep tersebut dalam resolusi MPS yang terdahulu. Disebabkan itu, tiada isu tentang elemen-elemen yang tidak bertentangan dengan agama Islam dalam produk-produk tersebut, sebagaimana yang dikehendaki oleh Akta Perbankan Islam 1983 (Akta 276). Oleh sebab itu, YA Hakim tidak melihat keperluan untuk merujuk isu ini kepada MPS dan jika rujukan dibuat sekalipun, keputusan MPS tetap tidak mengikat mahkamah.

Seterusnya, YA menegaskan bahawa fungsi mahkamah adalah untuk memeriksa aplikasi konsep-konsep berasaskan Islam di atas dan memastikan bahawa transaksi-transaksi tersebut tidak mempunyai elemen-elemen yang tidak bertentangan dengan agama Islam. Selanjutnya, Yang Arif Hakim menekankan bahawa persoalan-persoalan ini bergantung kepada fakta-fakta kes itu sendiri.

Tetapi pada bahagian akhir penghakiman tersebut, Yang Arif Hakim telah memutuskan bahawa produk BBA yang disebutkan adalah bertentangan dengan agama Islam. Ini kerana sungguhpun konsep BBA diterima dalam mazhab Syafii (pernyataan ini juga boleh dipertikaikan jika kajian yang lebih mendalam dibuat tentangnya), tetapi mazhab Syafi'i sahaja tidak boleh mewakili agama Islam. Pernyataan ini timbul kerana mazhab-mazhab fiqah lain menolak konsep BBA yang berdasarkan *bai' al-'inah*. Mereka menganggap kontrak jual beli dalam BBA sebagai rekaan 'fictitious' semata-mata dan diamalkan hanya untuk melepaskan diri daripada amalan riba yang nyata tetapi riba tetap diamalkan melalui jalan belakang (back door riba.) Disebabkan hanya mazhab Syafi'i sahaja yang mengiktiraf konsep BBA, maka YA Hakim memutuskan bahawa produk BBA tidak menepati kehendak agama Islam kerana agama Islam tidak boleh diwakili oleh mazhab Syafi'i sahaja.

Penghakiman ini mengundang kekeliruan kerana jika YA Hakim pada awalnya telah bersetuju bahawa konsep BBA adalah menurut Islam kerana tiada unsur riba, mengapakah secara tiba-tiba konsep BBA tersebut bercanggah pula dengan agama Islam. Adakah hakim mahkamah sivil merupakan autoriti yang tepat untuk memutuskan bahawa mazhab Syafii sahaja tidak boleh mewakili agama Islam? Apakah pula pandangan MPS tentang pernyataan mazhab Syafii sahaja tidak boleh mewakili agama Islam? MPS merupakan forum yang selayaknya untuk menentukan isu ini tetapi malang sekali MPS tidak dijemput pun untuk mengemukakan pandangannya. Kita boleh menelaah bahawa sedari awal lagi Yang YA tidak berminat untuk merujuk kepada MPS mengenai kesahihan pandangan beliau dan mengambil sikap bersendirinya di dalam memutuskan kesahan produk BBA.

Penghakiman YA Hakim Abdul Wahab Patail telah mencetuskan kontroversi kerana jika penghakiman ini diterima, maka industri perbankan Islam akan lumpuh kerana majoriti produk pembiayaan perbankan Islam menerima pakai konsep BBA dalam produk mereka. Pelanggan-pelanggan bank yang telah mengambil pembiayaan berdasarkan konsep BBA pula dengan mudah dapat melepaskan diri daripada tanggungjawab membayar ansuran bulanan kepada bank kerana kontrak BBA telah diputuskan tidak sah oleh mahkamah.

Walau bagaimanapun, Mahkamah Rayuan di peringkat rayuan telah sebulat suara membuat keputusan bahawa hakim Mahkamah Tinggi telah terkhalaf dalam keputusan beliau (*Bank Islam Malaysia Bhd. lawan Lim Kok Hoe & Satu Lagi dan Rayuan-Rayuan Lain* [2009] 6 CLJ 22). YA Hakim Raus Sharif berpendapat bahawa YA Hakim Mahkamah Tinggi tidak sepatutnya bertindak sendiri untuk memutuskan bahawa kontrak BBA adalah bertentangan dengan agama Islam tanpa mempedulikan ketetapan-ketetapan MPS tentang isu ini. Mahkamah hendaklah mengambil ketetapan bahawa MPS telah pun menjalankan tanggungjawabnya dalam memastikan bahawa operasi perbankan Islam dan produk-produknya adalah selaras dengan tuntutan agama Islam. Mahkamah Rayuan juga berpandangan bahawa hakim mahkamah sivil tidak sepatutnya bertindak sendiri untuk memutuskan sama ada sesuatu transaksi itu menepati tuntutan agama Islam atau tidak. Atas alasan-alasan ini dan juga alasan-alasan perundangan yang lain, Mahkamah Rayuan memutuskan bahawa kontrak BBA sah di sisi undang-undang Islam.

Terdapat juga hakim-hakim mahkamah sivil yang merujuk kepada isu kesahan kontrak BBA kepada MPS. Misalnya, di dalam kes *Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim lawan Bank Islam Malaysia Bhd. & Kes Satu Lagi* [2010] 4 CLJ 388, YA Hakim Rohana Yusuf telah merujuk kepada MPS tentang status kontrak BBA. Sekretariat MPS telah mengemukakan keputusan bertulis MPS dan MPS memutuskan bahawa secara asasnya, kontrak BBA diterima dan sah di sisi undang-undang Islam. Berasaskan keputusan ini, YA Hakim tidak teragak-agak untuk menerima pandangan bahawa kontrak BBA adalah sah di sisi undang-undang Islam. Dari satu sudut, YA Hakim menyedari bahawa hakim mahkamah sivil bukanlah individu yang paling layak untuk menentukan sama ada satu-satu produk berkenaan perbankan Islam mematuhi undang-undang Islam ataupun tidak. YA Hakim juga menekankan betapa pentingnya MPS diwujudkan untuk memastikan keseragaman keputusan-keputusan berkaitan perniagaan kewangan Islam. Ini kerana keseragaman perlu untuk memastikan keberkesanan dan kelangsungan perniagaan dan transaksi yang dijalankan oleh perbankan Islam.

## **KEDUDUKAN MPS PASCAAKTA 701**

Melihat kerapuhan autoriti MPS dari sudut pematuhannya oleh pihak mahkamah, Akta 701 telah digubal dengan tujuan, antara lain, untuk memperkasakan institusi MPS dan memastikan bahawa ketetapan-ketetapan MPS dipatuhi oleh semua pihak terutama sekali pihak mahkamah. Akta 701 yang mula berkuat kuasa pada 25 November 2009 telah memperuntukkan bab khas untuk MPS (Bahagian VII, Bab 1), mulai seksyen 51 hingga 58.

Justeru, seksyen 57 Akta 701 dengan jelas memperuntukkan bahawa sebarang ketetapan oleh MPS berikutan rujukan yang dibuat kepada MPS juga mengikat institusi-institusi kewangan, mahkamah dan juga penimbang tara, yang mana berkenaan.

### **Akta 701 Teruji**

Kesahan peruntukan-peruntukan berkaitan MPS dalam Akta 701, secara spesifiknya seksyen 56 dan 57 telah diuji dalam kes *Mohd Alias Ibrahim lawan RHB Bank Bhd. & Satu Lagi* [2011] 4 CLJ 654. Dalam kes tersebut, plaintif telah memohon Mahkamah Tinggi supaya memutuskan bahawa seksyen 56 dan 57 Akta 701 tidak sah kerana bercanggah dengan Perkara 121(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa kuasa kehakiman (judicial power) terletak pada bidang kehakiman. Secara ringkasnya, plaintif berhujah bahawa disebabkan seksyen 56 dan 57 Akta 701 mengikat mahkamah dengan keputusan MPS, MPS telah mengambil alih bidang kuasa mahkamah. Plaintif juga memohon kepastian sama ada dengan ketiadaan peruntukan khusus yang membenarkan mahkamah mewakili kuasanya kepada pihak lain (dalam kes ini, MPS), terdapat kemungkinan bahawa mahkamah telah diwakili oleh MPS untuk menentukan hal ehwal perniagaan kewangan Islam atau secara alternatifnya mahkamah telah melepaskan bidang kuasanya untuk membuat keputusan kepada MPS.

Dalam kes ini, BNM telah dijemput oleh pihak mahkamah sebagai pihak berkait yang berkepentingan secara tidak langsung (*amicus curiae*) untuk mengemukakan hujahan tentang isu-isu yang dibangkitkan oleh plaintif. BNM telah menekankan latar belakang seksyen 56 dan

57 Akta 701 yang digubal dengan tujuan menangani ketidakpastian perkembangan undang-undang yang timbul disebabkan oleh keputusan-keputusan mahkamah yang pelbagai tentang isu-isu berkaitan dengan perbankan Islam. Penggubalan ini juga berpunca daripada gesaan Mahkamah Rayuan dalam kes *Bank Islam Malaysia Bhd. lawan Lim Kok Hoe & Satu Lagi dan Rayuan-Rayuan Lain* yang menekankan perlunya keseragaman dalam isu-isu berkaitan dengan kewangan Islam. Sebagai rujukan, seksyen 56 dan 57 Akta 701 diperturunkan di sini:

Rujukan kepada Majlis Penasihat Syariah bagi keputusan daripada mahkamah atau penimbang tara

56. 1. Jika dalam mana-mana prosiding yang berhubungan dengan perniagaan kewangan Islam di hadapan mana-mana mahkamah atau penimbang tara apa-apa persoalan berbangkit tentang suatu perkara Syariah, mahkamah atau penimbang tara itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah -

- a. mengambil kira mana-mana keputusan Majlis Penasihat Syariah yang telah disiarkan; atau
- b. merujukkan persoalan itu kepada Majlis Penasihat Syariah untuk keputusannya.

2. Apa-apa permintaan untuk nasihat atau suatu keputusan Majlis Penasihat Syariah di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain hendaklah dikemukakan kepada urus setia.

## **Kesan Keputusan Syariah**

57. Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah menurut suatu rujukan yang dibuat di bawah Bahagian ini hendaklah mengikat institusi-institusi kewangan Islam di bawah seksyen 55 dan mahkamah atau penimbang tara yang membuat rujukan di bawah seksyen 56.

Dalam penghakimannya, YA Hakim Zawawi Salleh telah membezakan istilah pemastian (*ascertainment*) dan penentuan (*determination*) sewaktu menganalisis fungsi-fungsi MPS. Menurut beliau, seksyen 52(1) (a) Akta 701 telah menggariskan bahawa antara fungsi MPS adalah

untuk memastikan undang-undang Islam pada hal-hal kewangan dan mengeluarkan keputusan setelah rujukan dibuat kepadanya. Beliau juga memetik seksyen 52(2) Akta 701 yang menjelaskan bahawa “keputusan” MPS di sini bermaksud pemastian undang-undang Islam untuk tujuan-tujuan perniagaan kewangan Islam. Ini juga selaras dengan tujuan penubuhan MPS menurut seksyen 51(1) Akta 701 iaitu sebagai autoriti untuk memastikan undang-undang Islam untuk tujuan-tujuan perniagaan kewangan Islam.

Pemastian di sini berbeza dengan penentuan yang dihujahkan oleh plaintif. Menurut mahkamah, plaintif cuba untuk berhujah bahawa MPS berfungsi bagi menentukan undang-undang Islam untuk tujuan-tujuan perniagaan kewangan Islam. YA Hakim menekankan terdapat perbezaan antara pemastian (*ascertainment*) dengan penentuan (*determination*).

YA Hakim menjelaskan bahawa tugas MPS bukanlah untuk menentukan hukum Syara’ sebaliknya mengenal pasti hukum-hukum mana yang terbaik untuk diaplikasikan di Malaysia. Beliau memberi contoh jika terdapat perbezaan pendapat tentang kesahan satu-satu kemudahan pembiayaan menurut Islam, MPS boleh dirujuk untuk memastikan pendapat fuqaha’ mana yang terpakai di Malaysia. Pemastian undang-undang oleh MPS itu mengikat mahkamah sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 56 dan 57 Akta 701. Seterusnya pemastian undang-undang itu akan diaplikasikan oleh mahkamah berdasarkan fakta kes dan penghakiman akan ditentukan oleh mahkamah sendiri.

YA Hakim juga menegaskan bahawa MPS tidak menjalankan fungsi-fungsi kehakiman seperti yang didakwa oleh plaintif kerana fungsi MPS hanya terhad untuk membuat pemastian tentang undang-undang Islam yang terpakai. Tidak ada pihak yang bertikai yang berhujah di hadapan MPS dan MPS juga tidak menuntut agar saksi-saksi dipanggil atau bukti-bukti dikemukakan untuk membantu MPS membuat pemastian undang-undang Islam yang berkenaan.

Sekiranya MPS tidak dibenarkan untuk menjalankan fungsi-fungsinya, YA Hakim melahirkan kegusarannya terhadap kemungkinan pihak-pihak yang bertikai akan memanggil pakar-pakar perbankan Islam dari seluruh dunia semata-mata untuk menyokong kes mereka yang mungkin tidak bersesuaian dengan keadaan di Malaysia. Tambahan pula, kehadiran

pakar-pakar perbankan Islam ini akan meningkatkan kos litigasi dan melengah-lengahkan lagi prosiding mahkamah, sedangkan ia menjadi kepentingan umum bahawa setiap pertikaian mesti ada pengakhirannya (*interest reipublicate ut sit finis litium*). Oleh itu, pematuhan terhadap keputusan MPS perlu bagi memastikan keseragaman yang dapat menjamin kestabilan industri perbankan Islam di Malaysia.

Atas alasan-alasan berikut dan alasan-alasan perundangan yang lain, YA Hakim memutuskan bahawa seksyen 56 dan 57 Akta 701 adalah sah dan mahkamah mesti mematuhi sebarang keputusan yang telah ditetapkan oleh MPS.

## **PENUTUP**

Pelbagai perkembangan positif telah berlaku sepanjang 14 tahun penubuhan MPS terutama dari segi keberkesannya sebagai sumber rujukan untuk pemastian undang-undang bagi hal ehwal berkaitan perniagaan kewangan Islam. Keengganan pihak mahkamah untuk merujuk kepada MPS dalam soal-soal berkaitan perniagaan kewangan Islam telah mewujudkan ketidaktentuan buat seketika dalam industri perbankan Islam. Sungguhpun begitu, sebagai sebuah negara yang komited untuk menjadi hab perbankan Islam dunia, kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan proaktif untuk memperkasakan dan memartabatkan peranan MPS sebagai pemacu perkembangan perbankan Islam di Malaysia.

Dalam kes *Mohd Alias Ibrahim* di atas, YA Hakim Zawawi Salleh telah menyentuh tentang seksyen 51(2) Akta 701 yang menyatakan bahawa MPS boleh menentukan prosedur-prosedurnya sendiri dalam menjalankan fungsi-fungsinya untuk memastikan undang-undang Islam untuk tujuan-tujuan perniagaan kewangan Islam. Buat masa ini, MPS tidak memaklumkan kepada umum apakah prosedur-prosedur tersebut dan tidak dapat dipastikan secara tepat bagaimanakah proses pemastian undang-undang Islam itu dilakukan. Untuk itu, adalah wajar bagi MPS untuk menggariskan prosedur-prosedur yang digunakan untuk menjamin ketelusan dalam proses pemastian undang-undang Islam dan mengelakkan sebarang tanggapan negatif terhadap kredibiliti MPS.

Dengan itu, kedudukan MPS akan lebih dihormati dan diakui oleh penggiat-penggiat perbankan Islam bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia.

## **RUJUKAN**

Akta Bank Negara Malaysia 1958 (Akta 519)

Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Akta 701)

Akta Perbankan dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 (Akta 372)

Akta Perbankan Islam 1983 (Akta 276)

*Affin Bank Bhd lawan Zulkifli Abdullah* [2006] 1 CLJ 438.

*Arab-Malaysian Finance Bhd. lawan Taman Ihsan Jaya Sdn. Bhd. & Lain-lain dan Kes-Kes Lain* [2009] 1 CLJ 419.

*Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd. lawan Silver Concept Sdn. Bhd.* [2008] 9 CLJ 522.

*Bank Islam Malaysia Bhd. Lawan Lim Kok Hoe & Satu Lagi dan Rayuan-Rayuan Lain* [2009] 6 CLJ 22.

*Mohd Alias Ibrahim lawan RHB Bank Bhd. & Satu Lagi.* [2011] 4 CLJ 654.

*Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim lawan Bank Islam Malaysia Bhd. & Kes Satu Lagi* [2010] 4 CLJ 388.



## **Dana Masjid Menjana Ekonomi Ummah**

**MOHD YAHYA MOHD HUSSIN  
FIDLIZAN MUHAMMAD  
MOHD YAZID ISA**

### **Abstrak**

Peranan masjid kepada umat Islam amat luas ruang lingkupnya kerana ia ialah institusi yang boleh menghimpunkan seluruh umat Islam. Antara peranan masjid yang dilakukan untuk tujuan pengimarahan ini adalah dengan mengembangkan ekonomi Masjid. Oleh itu, institusi masjid seharusnya menjana ekonominya bagi memastikan kelangsungan aktiviti masjid dapat diteruskan dan seterusnya memacu pembangunan ekonomi ummah melalui pengembangan dana masjid. Antara aktiviti penjanaan ekonomi masjid yang boleh dilakukan adalah dengan membentuk sebuah institusi berpusat (bank dan koperasi), mewujudkan saham wakaf, skim potongan gaji, pembinaan masjid di lokasi strategik, dan juga penglibatan dalam kegiatan ekonomi yang produktif. Oleh itu, penjanaan aktiviti-aktiviti ekonomi ini seharusnya mampu memberi limpahan positif kepada institusi masjid dan juga masyarakat setempat.

### ***Abstract***

*The role of mosques to Muslims is very broad in scope as it is an institution that can bring Muslims together. Among the possible role of a mosque, for the purpose of prosperity, is to expand the*

*economy of mosque. As such, the mosque should generate its economy to ensure continuity of mosque activities and to be able to accelerate the economic development of the nation through the growth of mosque funds. Among the economic activities that can be done is to establish centralized institutions (banks and cooperations), create endowment stock and automated salary deduction scheme, construction of mosques in strategic locations and also engagement in productive economic activities. Thus, by generating economic activities it should be able to shower positive spillover to the mosque institution and the local community.*

## **PENGENALAN**

Masjid merupakan institusi penyatuan umat Islam dalam pelbagai bidang. Umumnya, ketika saat kegemilangan pemerintahan kerajaan Islam, masjid dijadikan sebagai pusat rujukan utama melibatkan soal pentadbiran kerajaan, kewangan dan ekonomi, keagamaan, perundangan, institusi sosial, dan sebagainya. Fungsi yang komprehensif ini, menjadikan masjid sebagai pusat tumpuan masyarakat (Lokman, 2007). Kini, peranan yang dimainkan oleh institusi ini semakin berkurangan. Tanggapan masyarakat terhadap peranan yang dapat dimainkan oleh institusi masjid juga semakin mengecil. Peranan utamanya kini adalah sebagai institusi beribadat sahaja, manakala peranan-peranan lain seperti pusat ekonomi, sosial, dan kehakiman telah dikhususkan dengan penubuhan jabatan atau agensi tertentu.

Walaupun fungsi yang dimainkan oleh masjid semakin kecil, namun taraf penghormatan masyarakat terhadapnya masih tinggi. Masjid merupakan mihrab dan tempat berjemaah umat Islam dalam menunaikan ibadat utama iaitu sembahyang berjemaah. Selain menjadikan masjid sebagai pusat peribadatan, masjid juga menghubungkan masyarakat melalui sifat dan amalan derma, dan sedekah. Derma dan sedekah ini berkaitan dengan masjid disebabkan ia dianggap sebagai institusi yang menguruskan kepentingan umat Islam semasa hidup dan mati.

## **PENGURUSAN MASJID**

Pengurusan merupakan aspek yang tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia. Secara umum, pengurusan boleh ditakrifkan sebagai satu proses memperoleh dan menggembelngkan sumber input organisasi daripada sumber kewangan, manusia dan sumber-sumber lain dengan cara yang cekap dan berkesan untuk mencapai objektif sesebuah organisasi (Ab. Mumin, 2006). Di Malaysia, pengurusan sesebuah masjid dikendalikan melalui integrasi dua pasukan. Integrasi pasukan yang menguruskan masjid ini dapat dijelaskan melalui Jadual 1.

*Jadual 1: Kumpulan Pengurusan Masjid*


<b>Pasukan</b>	<b>Nama</b>	<b>Fungsi</b>	<b>Bilangan Anggota</b>	<b>Kaedah Pelantikan</b>
Pertama	Ahli Jawatan kuasa Masjid	Merancang dan menguruskan semua aktiviti Masjid	10-15 orang	a. Penamaan melalui mesyuarat agung kariah, dan senarai diserahkan untuk pengesahan oleh pihak Majlis Agama b. Melalui lantikan oleh pihak Majlis
Kedua	Pegawai-Pegawai Masjid	Menjalankan tugas yang ditetapkan dan tidak terlibat dalam pelaksanaan dan perancangan aktiviti Masjid	Imam, Khatib Bilal dan Siak	Dilantik oleh pihak Majlis Agama dan menerima elaun

Nota: Diubah suai dari Jaafar Ahmad et al., (2001)

Kaedah pelantikan ahli jawatankuasa masjid agak berbeza antara negeri di Malaysia (Hairunnizam et al., 2009); Kaedah pertama adalah melalui pemilihan dalam mesyuarat agung ahli kariah, di mana mesyuarat memilih calon untuk semua jawatan dan senarai calon itu

diserahkan kepada Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri untuk disahkan. Kaedah kedua ialah Majlis melantik individu-individu tertentu untuk mengisi jawatan-jawatan penting seperti pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha dan sebilangan ahli jawatankuasa; manakala mesyuarat agung ahli kariah hanya melantik beberapa orang lagi ahli jawatankuasa yang diperuntukkan. Kaedah ketiga ialah Majlis Agama Islam Negeri melantik semua ahli jawatankuasa daripada jawatan pengerusi hingga ke jawatan ahli biasa. Dalam perkembangan terkini, semakin banyak negeri yang cenderung beralih daripada kaedah pertama kepada kaedah ketiga dalam pelantikan jawatankuasa masjid masing-masing. Kebanyakan masjid tidak memberi elaun kepada ahli jawatankuasa ini.

Manakala, dari sudut pentadbiran masjid pula dapat digambarkan melalui Rajah 1 (hlm. 196) di mana tiga jawatan yang penting dalam senarai ahli jawatankuasa masjid ialah pengerusi masjid, setiausaha dan bendahari. Segala urusan, harta, dan dana masjid adalah di bawah pengurusan mereka. Jawatankuasa ini juga diberi kuasa oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) untuk mengadakan kutipan wang khairat, menyelenggara masjid, menguruskan tanah wakaf, perkuburan dan harta milik khas masjid dengan kebenaran MAIN. Pemberian kuasa ini jelas dinyatakan dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam atau Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak yang diwartakan oleh setiap negeri.



*Rajah 1: Carta - Struktur dan Pentadbiran Masjid Wilayah Persekutuan  
Nota: Sumber - Hairunnizam Wahid et al., (2009)*

Perolehan dana masjid untuk tujuan pembangunan masjid tidak terhad dengan kuasa yang diberikan sahaja. Sebagai contoh, dalam Enakmen Pentadbiran Perundangan Negeri Selangor 1989, seksyen 58 (1), terdapat jaminan peruntukan dan pembiayaan oleh pihak MAIN bagi menjamin keberlangsungan pengurusan dan fungsi masjid sebagai pusat ibadat umat Islam. Selain itu, terdapat sebilangan masjid yang memperoleh dana melalui sumbangan dan wang zakat dari badan-badan korporat. Keadaan ini menjadikan institusi masjid mempunyai jumlah dana yang banyak terutama masjid-masjid yang terletak di kawasan Bandar.

## **SUMBER DAN PERBELANJAAN SEMASA DANA MASJID-MASJID DI MALAYSIA**

Umumnya, perbelanjaan pengurusan masjid di Malaysia dibiayai oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Namun beban ini dapat dikurangkan dengan derma dan sedekah orang ramai, ahli korporat, dan juga syarikat-syarikat perniagaan atas tujuan mendapatkan keredaan Allah SWT. Namun begitu, sumbangan derma dan sedekah ini kebanyakannya diperoleh pada hari Jumaat iaitu ketika menunaikan solat Jumaat. Di samping itu, masjid juga turut menerima wakaf-wakaf yang dilakukan oleh umat Islam dalam bentuk aset tak alih seperti tanah dan juga bangunan. Ini semua merupakan sumber dana kepada masjid untuk kelangsungan aktiviti-aktiviti institusi masjid itu sendiri.

Menurut Jaafar et al., (2001) berdasarkan kajian yang dilakukan mendapati jumlah pendapatan terkumpul pada tahun 1999 adalah sebanyak RM5.5 juta untuk 73 buah masjid. Secara puratanya, didapati dana pendapatan tahunan masjid yang dikaji adalah sebanyak RM75 ribu. Selepas ditolak dengan perbelanjaan agregat semua masjid, didapati terdapat lebihan dana yang tidak dibelanjakan sebanyak RM4.3 juta. Perbelanjaan agregat semua masjid terdiri daripada perbelanjaan mengurus seperti bil utiliti, pembersihan masjid dan kawasan perkuburan serta program-program kerohanian. Perbelanjaan agregat ini juga termasuk perbelanjaan pembangunan yang dilakukan oleh institusi masjid seperti pengubahsuaian struktur masjid, penyediaan tempat parkir, tandas, membina bilik pengurusan jenazah, dan sebagainya. Kesemua wang ini kebanyakannya disimpan oleh pihak masjid di bank-bank secara beku

dan secara puratanya setiap masjid mempunyai simpanan RM60 ribu. Sekiranya bilangan masjid di Malaysia ialah 6,000 buah, maka secara kasar boleh dianggarkan bahawa simpanan dana masjid di bank dan institusi kewangan adalah berjumlah RM360 juta setahun. Di samping itu, kebanyakan masjid di Malaysia hanya menyimpan beku pendapatan yang diperoleh tanpa digunakan secara efisien serta tidak menghasilkan pulangan yang tinggi melainkan keuntungan hasil daripada simpanan di institusi kewangan semata-mata.

Oleh yang demikian, sewajarnya ahli jawatankuasa masjid perlu dianggotai oleh individu yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam bidang tertentu seperti ahli perniagaan, usahawan, akauntan, dan juga golongan ustaz (Zainuddin, 2009). Ini bertujuan untuk memastikan dana masjid dapat dikembangkan dan seterusnya memberi limpahan positif kepada masyarakat setempat.

## **STRATEGI PENGEMBANGAN DANA MASJID KE ARAH PEMBANGUNAN EKONOMI UMMAH**

Menurut Salawati, (2009) salah satu kaedah untuk mengimarahkan masjid adalah dengan mengaktifkan aktiviti ekonomi. Namun begitu, untuk mengembangkan ekonomi masjid, memerlukan pembiayaan besar dan institusi masjid itu perlu mendapatkan wang yang banyak dengan cara menjana ekonominya sendiri. Oleh yang demikian, ahli jawatankuasa masjid perlu proaktif mencari sumber pendapatan yang boleh dilaksanakan oleh masjid bagi menjana pendapatan sebagai pusat penggerak ekonomi.

### **Menubuhkan Sebuah Institusi Berpusat (Koperasi/Bank)**

Negara-negara maju mempunyai kelebihan dalam bidang perniagaan disebabkan mereka mempunyai keupayaan besar dalam membina usaha perniagaan dan menjana harta kekayaan berbanding dengan negara Islam. Kenyataan ini disokong oleh pandangan yang dikemukakan oleh Muhammad Ali Hashim (2003):

Kejayaan ekonomi pacuan bisnes atau 'business driven' di negara maju adalah berteraskan sistem institusi yang menggalakkan

himpunan harta kekayaan yang dapat menjamin kesinambungan pertambahan antara generasi. Sebaliknya, sistem institusi penggalak bisnes seperti ini rata-rata tidak terdapat, atau sekiranya ada pun, sangat lemah dan tidak dijadikan nadi ekonomi di kalangan bangsa Melayu dan negara-negara Islam ...


Menyokong pandangan Mahmood Zuhdi, (2007) keperluan kepada sesebuah institusi khususnya masjid ini dapat diproksikan kepada keperluan penubuhan institusi zakat berpusat, kat any;

... agama-agama langit terdahulu hanya bersifat agama sahaja, kerana itu sumbangan yang diperlukan lebih bersifat keagamaan semata-mata, iaitu Ihsan, atau boleh diterjemahkan sebagai derma simpati. Sedangkan zakat mengandungi dua sifat sekali gus, iaitu kewajipan keagamaan dan pada waktu yang sama kewajipan kenegaraan... Kerana itulah institusi zakat tidaklah merupakan institusi agama atau masyarakat semata-mata, tetapi lebih daripada itu merupakan institusi pentadbiran dan pemerintahan negara.

Mengambil kira pandangan dan keperluan sesebuah institusi sebagai jaminan kesinambungan masa hadapan, para penulis berkeyakinan bahawa masjid juga memerlukan usaha reformasi ini. Dengan jumlah masjid dan dana yang banyak, para penulis mencadangkan satu model pengembangan dana masjid. Model ini diolah dan akan mengambil kira cadangan yang dikemukakan dalam kajian oleh Joni & Che Zarrina (2002) dan juga Jaafar Ahmad et al 2001. Model pengembangan dana masjid ini dapat dilihat dalam Rajah 2 di bawah.

Melalui Rajah 2, diandaikan setiap masjid yang didirikan dalam setiap kariah mempunyai kutipan derma sama ada derma pada hari Jumaat, derma korporat dan sebagainya yang berlandaskan konsep *tabarru'*. Hasil daripada kutipan setiap masjid ini, ditentukan jumlah peratusan yang tetap dan akan diberikan kepada sebuah koperasi dalam bentuk *wadi'ah* dan *amanah*. Manakala, selebihnya akan diuruskan sendiri oleh pihak jawatankuasa masjid untuk pengurusan, majlis ilmu dan pembangunan masjid.

Koperasi yang didirikan ini merupakan sebuah koperasi yang mengandungi sejumlah bilangan masjid sama ada meliputi satu daerah/ jajahan atau lebih. Alternatif lain kepada koperasi ialah, wang yang



Rajah 2: Carta Model Pengembangan Dana Masjid

disumbangkan akan diuruskan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri sebagai wakil dan pemegang amanah. Kemudiannya, sejumlah peratusan jumlah dana yang dikumpulkan oleh pihak koperasi, akan dimasukkan ke dalam bank masjid berdasarkan pertimbangan ahli koperasi yang dilantik. Jumlah dana yang diberikan kepada bank masjid boleh dimodelkan berdasarkan konsep *wadiyah yad dhamanah* dan *mudharabah*.

Bank Masjid pula berperanan sebagai sebuah institusi masjid yang akan cuba memaksimumkan keuntungan dan membuat limpahan positif kepada masyarakat Islam di seluruh negara. Bank masjid akan melantik sebuah panel pelaburan dan jawatankuasa pembangunan strategik untuk memastikan setiap pelaburan yang dilakukan oleh bank masjid betul-betul boleh membawa keuntungan kepadanya sama ada dalam bentuk perkongsian untung rugi, sewaan, pelaburan, dan sebagainya.

Usahawan-usahawan muslim pula boleh memulakan bisnes atau mengembangkan perniagaan sedia ada melalui penyertaan dana dari tabung masjid (*mudarabah*) ataupun menyewa bangunan yang dimiliki



oleh bank masjid (*ijarah dan ijarah thumma al-bai'*) dengan kadar yang kompetatif dengan syarat bisnes ini mampu memberi limpahan positif kepada masyarakat muslim setempat.

Menggunakan model ini, dana yang didermakan oleh penduduk kariah setempat pada peringkat awalnya bukan sahaja digunakan untuk tujuan pembangunan setempat sebagaimana yang berlaku kini, bahkan wang tersebut setelah dikumpulkan boleh digunakan untuk tujuan pembangunan yang lebih luas meliputi jajahan dan antara negeri di dalam negara. Dengan itu, boleh dikatakan bahawa model ini memberi satu gambaran bahawa wang yang didermakan pada satu tempat yang kecil, boleh memberikan kemudahan yang lebih meluas kepada masyarakat dalam ruang kawasan yang lebih luas.

Terjemahan kepada model yang dicadangkan ini menyerupai sistem kewangan yang diamalkan. Masjid-masjid dimisalkan sebagai pendeposit, manakala koperasi sebagai bank utama dan cawangan. Manakala, bank pusat masjid dianggap sebagai Bank Negara. Langkah meletakkan wang oleh pihak masjid kepada koperasi disamakan dengan konsep simpanan, manakala koperasi kepada bank masjid disamakan sebagai wang rizab.

Walaupun menyerupai konsep sistem kewangan, namun terdapat perbezaan ketara yang pasti tidak akan wujud dalam sistem kewangan. Wang yang dikumpulkan ialah hasil daripada dana umum, dan penyumbang/penderma tidak mengharapkan wang mereka dikembalikan pada masa hadapan. Ia ialah sumbangan ikhlas daripada pihak penderma semata-mata. Namun begitu, dengan mengambil kira wang tersebut menjadi milikan setiap masjid, tidaklah bermakna wang yang dimasukkan ke bank masjid boleh digunakan tanpa tujuan yang tidak mendatangkan pulangan atau limpahan. Sebaik mungkin, dana yang dikumpulkan dan dibelanjakan boleh mendatangkan kesan ekonomi sama ada di peringkat kariah, daerah, negeri, dan juga negara. Falsafah zakat boleh diterapkan dalam menggunakan dana masjid ini iaitu 'penerima bantuan dana masjid pada hari ini akan menjadi penyumbang dana masjid pada masa hadapan'.

Model yang dicadangkan di atas perlu dianggotai oleh pakar-pakar yang berkelayakan untuk menguruskan dana ini. Jumlah dana yang

terkumpul dengan banyak di bawah satu badan, akan memudahkan urusan kawal selia dan sebagainya. Berbantuan persepsi masyarakat Islam dan Melayu berkaitan pihak yang menyalahgunakan dana awam dan masjid khususnya, diibaratkan sebagai sejahat-jahat makhluk, maka diyakini bahawa model pengembangan dana masjid ini jika mampu direalisasikan akan membawa keuntungan kepada masyarakat Islam.

Pelaksanaan model ini sekurang-kurangnya dapat membantu membangunkan ekonomi masyarakat Islam. Paling utama, dana yang diperoleh secara percuma ini dapat membebaskan masyarakat dan usahawan muslim daripada belunggu riba. Konsep perniagaan yang akan diamalkan adalah lebih bersifat *genuine*, dan tidak sebagaimana model kewangan dan perniagaan kini yang bersifat jaminan keuntungan sebelah pihak.

Dalam mengimplementasikan model pengembangan di atas, perkara yang agak penting adalah dengan meneliti konsep muamalah yang digunakan. Ini kerana, dalam dunia perbankan, walaupun dikatakan wujudnya sistem perbankan Islam, namun wujud tafsiran yang mengatakan ia sebagai kosmetik semata-mata. Atau dengan kata lain, ia merupakan jalan penyelesaian sementara kepada pengelakan amalan riba. Bagi melaksanakan model di atas, beberapa konsep muamalah dikenal pasti, dan ia akan dibincangkan mengikut peringkat sebagaimana dijelaskan dalam Jadual 2 (hlm.10).

### **Mengadakan Saham Wakaf (Sumbangan Kolektif)**

Mewujudkan sumbangan wakaf yang jelas maksudnya adalah dengan menyatakan pendapatan yang disasarkan dan untuk tujuan apa, merupakan salah satu sumber kewangan masjid masa kini. Contohnya pihak masjid menyasarkan hasil sewa dari satu lot kedai di Tanjong Malim adalah sebanyak RM3,000.00 sebulan dan memerlukan dana sebanyak RM50,000.00. Oleh itu, pihak masjid boleh melancarkan dana saham wakaf kepada orang ramai dengan tujuan supaya lot kedai dapat disewakan dan menjana pendapatan masjid secara berterusan. Orang ramai boleh menyumbang mengikut kemampuan masing-masing

Sumbangan saham wakaf ini juga penting bagi menggerakkan atau membangunkan harta wakaf yang diterima oleh masjid. Andai

kata pihak masjid menerima tanah wakaf di tempat strategik, maka pembangunan boleh dilakukan di tanah tersebut melalui wang yang dikumpul daripada sumbangan saham wakaf seperti bangunan lot kedai, hotel, dewan mesyuarat dan serba guna ataupun membina rumah-rumah untuk disewa asalkan ia tidak bercanggah dengan syariat Islam (Shahnaz, 2008). Ia adalah lebih produktif dan baik berbanding dengan jika harta wakaf tersebut dibiarkan tanpa sebarang usaha pembangunan dilakukan di mana ia tidak mendatangkan sebarang hasil pendapatan.

*Jadual 2: Konsep Muamalah Yang Diaplikasikan Dalam Pengembangan Dana Masjid*

<b>Peringkat</b>	<b>Konsep Muamalah</b>	<b>Justifikasi</b>
Derma orang ramai	<i>Tabarru'</i>	Sumbangan ikhlas daripada orang ramai dan badan korporat dalam bentuk derma dan hadiah. Perolehan dana dari sumber yang halal.
Masjid	<i>Amanah dan Wadi'ah Yad Damanah</i>	Masjid berperanan sebagai pemegang amanah dan menyimpan dana dalam koperasi yang diwujudkan dalam bentuk <i>wadi'ah yad damanah</i> (simpanan dalam bentuk jaminan)
Koperasi	<i>Amanah, Wadi'ah dan Mudarabah.</i>	Pemegang amanah dana untuk ditadbir demi kepentingan masjid, membiayai aktiviti-aktiviti sosial dan untuk dilaburkan dalam bank masjid bagi memperoleh keuntungan yang lebih besar.
Bank Pusat Masjid	<i>Amanah, Ijarah, Ijarah thumma al-Bai' dan Mudarabah</i>	Bank boleh mengembangkan dana dengan cara membeli bangunan dan seterusnya menyewakan kepada usahawan Industri Kecil dan Sederhana ( <i>ijarah</i> ).

		Perkongasian untung rugi dengan usahawan IKS yang mana bank masjid sebagai pemodal manakala usahawan IKS sebagai usahawan menggunakan konsep <i>mudarabah</i> .
Panel/AJK Pelaksana	<i>Amanah, al-Wakalah, al-Ujr.</i>	Sebagai wakil pengurus dana dalam mengenalpasti peluang pelaburan yang boleh menguntungkan dan mengurangkan risiko kerugian. Panel ini akan diberi upah/gaji.
Usahawan/ Projek	<i>Ijarah, Ijarah thumma al-Bai', Mudarabah</i> dan lain-lain lagi.	Akad-akad yang bersesuaian dengan penggunaan dana dan aset bank masjid sebagai modal dalam industri IKS khususnya dalam membantu usahawan muslim.

### **Skim Potongan Gaji**

Mewujudkan skim potongan gaji terus kepada institusi masjid sebagai sedekah merupakan sumbangan berterusan yang boleh melancarkan pembangunan ekonomi Masjid. Ia telah dilaksanakan oleh Kerajaan Singapura (Mohamad Ali, t.t). Melalui skim potongan gaji ini, pihak masjid sebenarnya telah berjaya memupuk semangat bersedekah di kalangan masyarakat dan seterusnya mampu menjana ekonomi Masjid. Sebagai contoh sedekah jariah orang ramai terhadap YaPEIM melalui Skim Potongan Gaji (SPG).

### **Pembinaan Masjid di Kawasan Strategik di Perbandaran Baharu**

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seharusnya berkerjasama dengan pihak MAIN dalam membina masjid-masjid di kawasan penempatan baharu. Ini kerana melalui lokasi masjid yang strategik, ia akan menjadikan masjid sebagai pusat ekonomi setempat dalam memenuhi keperluan masyarakat. Ia boleh direalisasikan dengan membina *kiosk*, pusat cuci kereta, dan sebagainya jika lokasi masjid yang dibina berada di kawasan strategik dan mempunyai keluasan tanah yang sesuai. Dengan

kedudukan masjid yang strategik ini, maka masyarakat setempat dapat membeli barang keperluan harian di samping mengimarahkan masjid itu sendiri.

### **Menceburi Kegiatan Ekonomi yang Produktif**

Pihak pengurusan masjid seharusnya memikirkan kegiatan-kegiatan ekonomi yang boleh diceburi bagi memastikan dana masjid yang diperoleh digunakan sebaik mungkin. Antara kegiatan ekonomi yang boleh diceburi ialah:

- a. Pelaburan dalam hartanah: ia berkait rapat dengan pembelian hartanah untuk tujuan di
- b. sewakan atau dijual kembali kepada orang ramai/usahawan/peniaga dan sebagainya.
- c. Perkhidmatan: ia berkaitan dengan perniagaan berbentuk perkhidmatan yang boleh diceburi oleh pihak institusi masjid seperti perkhidmatan perhotelan, katering, memotong rumput, memotong rambut, takaful, perkhidmatan membasuh kereta di kawasan masjid, kedai dobi, dan sebagainya. Di sini pihak masjid akan menggaji pekerja untuk menjalankan perniagaan berasaskan perkhidmatan.
- d. Pertanian: ia merujuk kepada konsep *muzara'ah* dan *musaqah* di mana institusi masjid boleh menceburi bidang pertanian dengan cara usaha sama dengan pemilik tanah atau pengusaha terutamanya dalam tanaman kelapa sawit, getah ataupun padi. Ia juga boleh dilakukan atas tanah wakaf masjid mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.
- e. Keusahawanan/perniagaan: pihak masjid boleh menjalankan perniagaan-perniagaan yang lebih merupakan keperluan kepada masyarakat setempat. Antaranya pihak masjid boleh menjalankan perniagaan runcit di kawasan masjid/tempat strategik ataupun melakukan usaha sama dengan usahawan lain yang bertujuan memberi limpahan positif kepada masyarakat dan seterusnya memberi keuntungan. Ia boleh dilakukan berdasarkan konsep *mudarabah* atau *musyarakah*.

Pasaran modal Islam: pihak masjid juga boleh menjana kewangan masjid dengan menceburi bidang pasaran modal Islam seperti melabur dalam Amanah Hartanah Bumiputera (AHB), Sukuk, dan sebagainya. Ini kerana pelaburan dalam pasaran modal Islam adalah lebih menguntungkan berbanding dengan menyimpan beku wang di institusi perbankan. Namun begitu, pelaburan dalam bidang ini perlu dipantau oleh golongan pakar yang berkredibiliti bagi memastikan pelaburan yang diceburi menguntungkan dan ia mestilah patuh syariah.

## **PENUTUP**

Jumlah dana masjid adalah banyak iaitu hasil daripada sifat dermawan dan murah hati masyarakat Islam. Dana yang banyak ini sebaiknya digunakan untuk kepentingan pembangunan masyarakat Islam, tidak terhad dalam bidang keagamaan semata-mata bahkan ia mencakupi bidang perekonomian ummah. Oleh itu, seharusnya pihak pengurusan masjid perlu lebih bersifat terbuka terutamanya dalam usaha menjana sumber kewangan masjid bagi kelangsungan aktiviti-aktiviti masjid dapat diteruskan tanpa menunggu bantuan daripada MAIN. Penjanaan dana masjid yang efektif ini secara tidak langsung mampu melahirkan usahawan-usahawan muslim dan seterusnya menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Di samping itu, segala pelaburan dana masjid untuk pengembangan ekonomi setempat juga haruslah dipantau oleh golongan pakar yang berkredibiliti dalam bidang berkaitan agar pelaburan yang diceburi oleh pihak masjid mampu memberi limpahan positif kepada masyarakat setempat. Di samping itu, pakar-pakar ekonomi yang dilantik oleh pihak masjid perlulah mempunyai sifat akauntabiliti yang tinggi bagi memastikan pengurusan dana masjid dapat diuruskan dengan baik tanpa ada sebarang ketirisan dan ketidaktelusan. Ini penting bagi memastikan pengurusan dan pengembangan dana Masjid ini tidak mendapat bantahan/bangkangan bahkan memperoleh sokongan daripada ahli kariah dan masyarakat umum. Oleh itu, model pengembangan dana masjid ini bolehlah dianggap sebagai perintis kepada pengurusan dana orang ramai ke arah yang lebih baik dan dirasai oleh seluruh masyarakat

## **RUJUKAN**

- Ab. Mumin Ab. Ghani. 2006. Sistem Pengurusan Islam: Tinjauan Menyeluruh Dari Aspek Konsep, dalam Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor (pnyt.), *Dimensi Pengurusan Islam: Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hairunnizam Wahid, Nor Ghani Md Nor, Jaafar Ahmad dan Sanep Ahmad. 2009. Masjid dan Pembentukan Modal Sosial: Apakah Faktor Penentu Aktivism Masjid? dalam Sanep et.al (pnyt.) *Prosiding Bengkel Penyelidikan Gunaan dalam Ekonomi Islam*. hlm. 1-9.
- Jaafar Ahmad, Sanep Ahmad, Mariani Abd Majid dan Hairunnizam Wahid. 2001. Dana dan Harta Masjid di Malaysia: Ke Arah Pengurusan Strategik. National Workshop on Capacity Building Towards Excellance in Econ. Research & Policy Formulation di UUM. 23-24 April 2001.
- Joni Tamkin Borhan dan Che Zarrina Sa'ari. 2003. Pembangunan Ekonomi Masjid dalam Norrodzoh Hj. Siren & Yusmini Md Yusoff (pnyt.) *Membangun Institusi Masjid*, Kuala Lumpur: Intel Multimedia and Publication.
- Lokman Ismail. 2007. Masjid pusat komuniti masyarakat pelbagai bidang. *Berita Harian* (Agama). 5 November.
- Mahmood Zuhdi Abd. Majid. 2007. Pemantapan Sistem Zakat dan Cukai Ke Arah Kemajuan Ekonomi Ummah. Kertas Kerja Ucaptama dibentangkan dalam Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007 di PWTC Kuala Lumpur. 22-24 Mei 2007.
- Mohamed Ali Haji Atan. t.th. Pengurusan Masjid: Pengalaman Republik Singapura. <http://www.static.scribd.com/docs/2ot21r5rphyxf.pdf>. 25 Mac 2011.
- Muhammad Ali Hashim. 2003. *Bisnes Satu Cabang Jihad : Pembudayaan Bisnes Untuk Survival*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Salawati Haris. 2009. 6 Strategi Masjid Boleh Buat Duit. *Milenia Muslim*, September 2009.
- Syahnaz Sulaiman. 2008. Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak, *Jurnal Muamalat*. Bil. 1. hlm. 45-64.
- Zainuddin Ayip. 2009. Golongan Profesional Perlu Bantu Urus Masjid, *Milenia Muslim*, September 2009.





## **Isu-Isu Syariah Dalam Kewajipan Menunaikan Zakat Ke Atas Entiti Korporat**

**AZNAN HASAN**

### **Abstrak**

Artikel ini membincangkan beberapa isu utama berkaitan dengan kewajipan mengeluarkan zakat atas entiti korporat. Perbincangan awal menyentuh tentang konsep entiti undang-undang dalam konteks perundangan Islam dan hubung kaitnya dengan pengeluaran zakat. Ia turut membincangkan konsep pemilikan sempurna, penentuan aktiviti syarikat dalam pengeluaran zakat dan juga cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh sesebuah syarikat korporat. Metodologi yang diguna berbentuk kajian perpustakaan di mana pelbagai sumber primer dan sekunder dianalisis secara kritis untuk mendapat maklumat keputusan sebenar mengenai isu-isu yang dibincangkan. Antara kesimpulan yang didapati daripada kajian ini ialah kewajipan mengeluarkan zakat adalah diwajibkan ke atas syarikat korporat seperti mana yang diwajibkan ke atas individu. Dalam hal ini, kewajipan zakat dikenakan ke atas pemilik syarikat tersebut. Namun pemilikan bukan Islam dan pemilikan tidak sempurna tidak dikenakan zakat. Begitu juga dalam pengeluaran zakat, suatu metodologi hendaklah ditetapkan untuk menentukan sama ada syarikat tersebut halal atau haram, sebelum zakat dikeluarkan. Kajian ini juga membicarakan tentang cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi dalam pengeluaran zakat.

### **Abstrak**

*This article discusses some key issues related to the duty of zakat on corporate entities. The initial discussion touched on the concept of legal entities in the context of Islamic law and the correlation with the production of charity. It also discusses the concept of perfect, the determination of the production activities of charity, and also the challenges to be faced by a corporate company. The methodology used in the form of research libraries in the various primary and secondary sources critically analyzed to obtain information is the actual decision on the issues discussed. Among the conclusions of this study is the duty of zakat is compulsory for the same corporations as it is compulsory for individuals. In this case, the obligation of zakat is imposed on the company owner. But non-Muslim ownership and imperfect ownership is not subject to zakat. Similarly, in the production of Charity, a methodology must be set to determine whether a company was lawful or unlawful, before the charity issued. This article also speaks about the challenges faced in the production of charity.*

### **PENDAHULUAN**

Kewajipan menunaikan zakat adalah antara perkara yang menjadi *ma'lum min al-deen bi al-darurah*.<sup>1</sup> Oleh itu, keengganan menunaikan zakat boleh membawa kepada kekufuran bagi orang yang mengingkari kewajipan tersebut. Persoalan mengenai kewajipan mengeluarkan zakat adalah secara relatifnya agak mudah ditangani menurut perspektif syarak apabila ia berkait secara langsung dengan entiti individu 'natural person' atau *shakhsyiyah 'adiyah*. Namun begitu, ia menjadi sedikit rumit apabila dikaitkan dengan zakat korporat. Ini kerana sesebuah institusi korporat tidak mempunyai sifat individu sepenuhnya seperti yang dimiliki oleh entiti individu, bahkan sifat individu tersebut hanya diberikan melalui pengiktirafan sebagai sebuah entiti undang-undang 'juristic person, legal entity' atau disebut juga sebagai *shakhsyiyah i'tibariyyah*.<sup>2</sup>

Oleh itu, timbul persoalan dalam isu kewajipan mengeluarkan zakat bagi entiti undang-undang seperti ini. Beberapa persoalan utama yang memerlukan penelitian ialah:

- a. Adakah Islam mengiktiraf konsep entiti secara undang-undang seperti mana yang terdapat dalam perundangan moden masa kini?
- b. Jika sekiranya jawapan terhadap persoalan pertama adalah secara 'afirmatif', bagaimanakah syarikat-syarikat korporat ini mengeluarkan zakat yang diwajibkan terhadap mereka?
- c. Bagaimana keadaannya jika syarikat-syarikat korporat tersebut mempunyai elemen-elemen yang bercampur? Sebagai contoh, pemilikan saham syarikat tidak sepenuhnya dimiliki oleh orang Islam, atau pemilikan tersebut tidak sepenuhnya pemilikan yang dikenakan zakat atasnya. Bagaimanakah cara untuk menyelesaikan masalah tersebut?
- d. Jika kita dapat menentukan bahawa sesebuah syarikat itu dimiliki oleh orang Islam atau bukan Islam. Adakah kewajipan menunaikan zakat diwajibkan atas syarikat atau individu dalam syarikat? Apakah cara yang sesuai bagi menentukan zakat yang dikenakan atas syarikat tersebut?
- e. Bagaimanakah untuk menentukan status halal dan haram sesebuah syarikat korporat? Ini adalah kerana sesebuah syarikat itu sama ada beroperasi secara seratus peratus Islam, seratus peratus tidak Islam, atau merupakan syarikat bercampur. Jika syarikat tersebut seratus peratus beroperasi secara Islam, sudah tentulah tiada sebarang keraguan berkenaan dengan status halal syarikat tersebut. Begitu juga, jika sekiranya syarikat tersebut beroperasi secara seratus peratus secara tidak Islam, sudah tentulah tiada keraguan tentang status haramnya. Namun, jika sekiranya sesebuah syarikat tersebut merupakan syarikat bercampur di mana terdapat operasi yang halal dan dalam masa yang sama mempunyai operasi yang haram, bagaimanakah untuk menentukan status syarikat tersebut, sama ada halal atau haram.

Artikel ini bertujuan mengupas secara ringkas persoalan-persoalan ini:

## **ADAKAH ISLAM MENGIKTIRAF KEWUJUDAN KONSEP ENTITI UNDANG-UNDANG?**

Pada dasarnya, ciri-ciri penubuhan sesebuah syarikat korporat seperti yang terdapat pada masa ini ialah suatu perkara yang baharu dan tidak wujud dalam penulisan syariah klasik.<sup>3</sup> Namun begitu, ciri-ciri asasi yang perlu ada dalam penubuhan sesebuah syarikat korporat telah dibincangkan oleh ulama-ulama terdahulu.

Sebelum perbincangan ini dibawa lebih jauh, amat penting untuk ditekankan di sini bahawa terdapat beberapa nas yang jelas daripada al-Quran dan hadis yang mempunyai lafaz *syarikah* atau seumpamanya. Walau bagaimanapun, perincian dan penelitian yang dilakukan oleh para fuqaha silam berkenaan ciri, jenis, dan bentuk sesebuah syarikat adalah dengan berdasarkan kepada syarikat-syarikat yang wujud pada zaman mereka. Oleh itu, apabila mereka tidak menyebut sesuatu jenis syarikat secara spesifik, ini tidak bermakna bahawa syarikat tersebut tidak dibenarkan oleh syarak.

Isu tentang sesebuah syarikat diterima atau tidak menurut perspektif Islam mestilah dinilai berdasarkan ciri-cirinya, dan sejauh manakah ia tidak bertentangan dengan nas-nas dan prinsip-prinsip syariah. Sungguhpun terdapat beberapa prinsip yang dapat digarap daripada penulisan ulama terdahulu tentang penubuhan sesebuah syarikat, pengamatan baru perlu dilakukan dalam memberikan pandangan mengikut syarak berkaitan dengan penubuhan syarikat korporat pada zaman ini.<sup>4</sup> Tujuan perbincangan ringkas ini tidak menjurus kepada sejarah penubuhan syarikat dalam bentuknya yang moden atau tentang ciri-ciri asasinya; tetapi perbincangan ini lebih menyentuh konsep entiti undang-undang seperti yang diberikan kepada syarikat masa kini supaya diterima pakai dalam perundangan Islam.

Istilah 'legal' atau 'juristic person' diguna untuk membezakan kedudukan entiti undang-undang yang diberi kepada sesebuah organisasi daripada entiti individu 'natural person' atau 'individual entity'.<sup>5</sup> Sebagai contoh; seseorang individu mempunyai sifat entiti individu sebagai 'natural person', dia mempunyai semua hak yang diberikan kepada seorang individu biasa, sama ada hak kemanusiaan, dan hak undang-undang. 'Legal person' terbentuk apabila beberapa individu

yang mempunyai sifat entiti individu membentuk sebuah entiti baharu (dengan suatu matlamat tertentu) seolah-olah mereka ialah entiti yang bergabung menjadi satu dan sifat-sifat individu tersebut dicernakan dalam entiti yang telah terbentuk.

Sungguhpun entiti yang terbentuk tersebut tidak mempunyai semua sifat entiti yang dimiliki oleh individu biasa, namun secara teknikalnya undang-undang telah memberikan beberapa hak kepada entiti tersebut seperti yang diberikan kepada entiti individu. Hak-hak tersebut ialah tindakan undang-undang 'right to sue or being sued', hak pemilikan 'ownership right', hak untuk berkontrak 'contractual right', dan sebagainya.<sup>6</sup> Jika ciri-ciri yang telah disebutkan dapat dilihat daripada perspektif syariah, jelas menunjukkan bahawa penubuhan entiti korporat masa kini bukanlah suatu perkara yang baharu dalam syariah Islam. Konsep entiti undang-undang ini dapat dilihat melalui praktis pada zaman silam, seperti penubuhan institusi wakaf.

Antara prinsip asas wakafi adalah apabila seseorang meletakkan harta atau sesuatu yang menjadi miliknya sebagai wakaf, maka harta wakaf tersebut tidak lagi menjadi miliknya. Namun begitu, perlu diingatkan bahawa harta tersebut tidak berpindah milik kepada sesiapa, termasuklah benefisiari kepada individu yang mewakafkan harta tersebut.<sup>7</sup> Oleh itu, harta ini tidak boleh dijual, dihibah, dan sebagainya kerana ia tidak menjadi milik individu tertentu.

Sungguhpun, pentadbir wakaf dibenar melakukan transaksi bagi harta wakaf, termasuk dalam hal berhutang dan sebagainya, seolah-olah wakaf tersebut ialah suatu entiti. Sebarang tanggungjawab kewangan adalah berkait rapat dengan harta wakaf, bukannya pentadbir wakaf. Ini menunjukkan bahawa harta wakaf telah diberikan suatu sifat entiti undang-undang sepertimana yang diamalkan dalam penubuhan syarikat masa kini.

Selain itu, keadaan yang sama dapat diaplikasikan dalam hal yang melibatkan baitulmal. Terdapat unsur-unsur entiti undang-undang yang diberikan kepada pengurusan baitulmal. Ini kerana baitulmal diberi kuasa untuk menuntut sebarang hak yang berkaitan dan terpaksa menanggung tanggungjawab kewangan seperti disaman atau sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa baitulmal telah diberikan ciri-ciri entiti undang-

undang seperti yang diamalkan dalam penubuhan syarikat korporat moden. Kedua-dua contoh di atas dikemukakan bagi menunjukkan idea entiti undang-undang seperti yang diberikan kepada syarikat masa kini bukanlah suatu perkara yang asing daripada perbincangan perundangan Islam klasik. Sungguhpun syarikat korporat seperti ini tidak pernah wujud pada masa dahulu, namun prinsip-prinsip entiti undang-undang ini amat ketara dalam dua contoh yang telah diberikan.

Pandangan di atas merupakan pandangan kebanyakan ulama-ulama Islam masa kini. Mereka berpendapat pemberian sifat entiti undang-undang atas penubuhan syarikat ialah sesuatu yang tidak bertentangan dengan Islam. Justeru, ia tidak menjadi suatu halangan untuk dipraktiskan dan diterima oleh syariat Islam.<sup>8</sup>

## **BAGAIMANAKAH SYARIKAT-SYARIKAT KORPORAT INI MENGELUARKAN ZAKAT YANG DIWAJIBKAN ATAS MEREKA?**

Sungguhpun Islam mengiktiraf kewujudan personaliti undang-undang terhadap syarikat, persoalan sama ada syarikat tersebut wajib mengeluarkan zakat sebagai seorang individu atau tidak memerlukan sedikit penghujahan. Ini kerana antara syarat utama kewajipan zakat ialah individu tersebut mestilah beragama Islam. Persoalannya ialah bagaimana untuk menentukan keislaman atau tidaknya sesebuah syarikat. Adakah dengan melihat kepada aktiviti syarikat tersebut?

Pada pandangan penulis, sungguhpun konsep entiti undang-undang ini diterima dalam penubuhan sesebuah syarikat korporat, namun daripada sudut kewajipan mengeluarkan zakat, konsep ini tidak diterima secara menyeluruh. Sungguhpun entiti tersebut menjalankan perniagaan berlandaskan syariah, kewajipan mengeluarkan zakat hanya diwajibkan atas pemilik yang beragama Islam sahaja. Ini bermakna, daripada perspektif zakat, sistem perundangan melihat entiti undang-undang ini sebagai seorang individu. Oleh itu, apabila ia mengeluarkan zakat yang diwajibkan, *hawl* dan nisab yang dikenakan adalah seperti seorang individu biasa.

Bagi memudahkan perbincangan adalah lebih baik untuk kita membincangkan pandangan ulama masa kini berkenaan dengan cara mengeluarkan zakat yang diwajibkan atas sebuah entiti undang-undang:<sup>9</sup>

Kewajipan mengeluarkan zakat tetap kekal kepada setiap individu. Oleh itu, pihak syarikat tidak mempunyai sebarang tanggungjawab mengeluarkan zakat bagi pihak pemiliknya. Hakikatnya, pandangan ini tidak menerima konsep *shakhsiyyah itibariyyah* dalam kewajipan mengeluarkan zakat. Ini kerana, setiap individu hanya diwajibkan mengeluarkan zakat apabila telah cukup *hawl* dan nisab peribadinya.

Jika syarikat mengambil kira sifat *shakhsiyyah itibariyyah*, ia akan mengeluarkan zakat sama seperti individu biasa. Walau bagaimanapun, kewajipan mengeluarkan zakat atas syarikat tersebut bergantung kepada wujudnya salah satu daripada elemen-elemen berikut:

- i. terdapat undang-undang yang mewajibkan syarikat untuk mengeluarkan zakat,
- ii. undang-undang penubuhan syarikat menetapkan sedemikian,
- iii. mesyuarat Agung syarikat telah memutuskan sedemikian, dan
- iv. persetujuan 'authorization' daripada para pemilik syarikat mengenai perkara tersebut.

Demikian adalah pandangan yang telah dikemukakan oleh *Mu'tamar Zakah al-Awwal di Kuwait*.<sup>10</sup> Hujah-hujahnya ialah kewajipan mengeluarkan zakat ke atas *sharikah musahamah* adalah berdasarkan sifat entiti undang-undang (*shakhsiyyah itibariyyah*) yang dimiliki dalam situasi-situasi berikut:

- i. terdapat undang-undang yang mewajibkan syarikat untuk mengeluarkan zakat,
- ii. undang-undang penubuhan syarikat menyatakan perkara tersebut,
- iii. mesyuarat Agung syarikat telah mengeluarkan resolusi berkenaan, dan
- iv. persetujuan setiap pemilik saham syarikat.

Pandangan yang telah dikemukakan oleh *Mu'tamar Zakah al-Awwal* ini telah merujuk kepada konsep *khultah* yang terdapat dalam hadis berkenaan dengan zakat haiwan ternakan. Sebahagian mazhab fiqh berpendapat bahawa konsep ini seharusnya dikembangkan supaya ia dapat merangkumi pelbagai situasi yang lain. Justeru, jalan terbaik untuk keluar daripada khilaf (*khurujan min al-khilaf*) adalah disyorkan agar syarikat mengeluarkan zakat.

Sekiranya sesebuah syarikat tidak mengeluarkan zakat seperti yang telah diwajibkan atasnya, resolusi *mu'tamar* mencadangkan agar syarikat tersebut menghitung zakat harta yang wajib dikeluarkan dan mengumumkannya dalam penyata kewangan syarikat. Di samping itu, syarikat juga perlu menyebut jumlah zakat yang wajib dikeluarkan bagi setiap saham yang dimiliki.

Keputusan yang hampir sama juga telah diputuskan oleh resolusi *Majma' al-Fiqh al-Islami* 'Organization Of Islamic Conference' (OIC).<sup>11</sup> Setelah berlaku perbincangan atas kertas-kertas kerja yang dibentangkan berkenaan dengan zakat saham syarikat, *Majma' al-Fiqh al-Islami* telah mengeluarkan resolusi seperti berikut:

- a. Zakat saham sesebuah syarikat diwajibkan kepada pemiliknya, dan syarikat berhak untuk mengeluarkan zakat tersebut bagi pihak pemiliknya: (a) jika undang-undang penubuhan syarikat menetapkan sedemikian, atau (b) dipersetujui dalam mesyuarat agung syarikat, atau (c) jika sekiranya terdapat undang-undang terpakai yang mewajibkan syarikat mengeluarkan zakat, atau (d) terdapat pelantikan daripada para pemilik saham untuk syarikat mengeluarkan zakat bagi pihak mereka.
- b. Syarikat hendaklah mengeluarkan zakat sama seperti seorang individu biasa mengeluarkan zakat. Ini bermakna, syarikat hendaklah menganggap saham-saham syarikat seolah-olah dimiliki oleh seorang pemilik sahaja. Oleh itu, zakat diwajibkan atasnya berdasarkan pemahaman ini, tidak kira sama ada melihat kepada jenis harta, nisab dan juga kadar zakat yang diwajibkan. Perkara-perkara lain yang berkaitan dengan kewajipan seorang individu mengeluarkan zakat juga perlu diambil kira. Bersandarkan kepada konsep *khultah* yang sepatutnya diaplikasikan juga ke atas perkara



lain (bukan hanya zakat ternakan) mengikut pandangan sebahagian fuqaha. Bagi tujuan pengiraan zakat tersebut, pemilikan yang tidak dikenakan zakat hendaklah ditolak. Antaranya ialah pemilikan kerajaan, *waqaf khairiyy*, pemilikan badan-badan kebajikan dan saham yang dimiliki oleh orang bukan Islam.

- c. Sekiranya syarikat tidak mengeluarkan zakat atas sebab-sebab tertentu, maka menjadi kewajipan pemilik saham untuk mengeluarkan zakat bagi setiap saham yang dimiliki. Jika pemilik saham tersebut mengetahui jumlah zakat yang perlu dikeluarkan dan cara syarikat mengeluarkan zakat melalui akaun kira-kira syarikat, maka mereka hendaklah menggunakan metodologi yang sama kerana inilah cara yang sepatutnya digunakan dalam pengeluaran zakat.

Sekiranya mereka tidak mengetahui perkara tersebut, maka mereka hendaklah mengeluarkan zakat berpandukan kepada *zakat mustaghallat*. Ini kerana terdapat pemilik saham yang memiliki saham untuk jangka masa panjang di mana matlamat mereka memiliki saham-saham syarikat hanyalah untuk mendapatkan dividen, tetapi bukan untuk tujuan jual beli saham dan mendapat keuntungan daripada perbezaan harga saham 'capital gain'. Ini bertepatan dengan resolusi yang telah diputuskan oleh *Majma' al-Fiqh al-Islami* dalam *mu'tamar* kedua bagi kewajipan zakat yang dikenakan atas pemilikan hartanah dan tanah yang disewakan untuk tujuan selain daripada pertanian.

Zakat tidak dikenakan atas pemilikan saham dengan tujuan untuk mendapatkan dividen, sebaliknya ia hanya akan dikenakan atas hasil yang diperoleh daripada saham tersebut (termasuk dividen). Kadar yang dikenakan adalah sebanyak  $1/10$  setelah sempurna *hawl* dan ia dihitung daripada hari pertama hasil tersebut diperoleh. Perlu diingatkan bahawa syarat-syarat wajib zakat mestilah dipenuhi dan tidak wujud sebarang halangan untuk menunaikan kewajipan zakat tersebut.

Walau bagaimanapun, jika saham yang dimiliki bertujuan untuk menjalankan perniagaan dan mendapatkan keuntungan dengan menjual dan membeli saham 'capital gain', maka zakat yang dikenakan adalah zakat perniagaan, dan diwajibkan atas syarikat untuk mengeluarkan zakat apabila tiba *hawl*nya. Pengeluaran zakat tersebut hendaklah dikira berdasarkan nilai semasa saham tersebut. Jika harga semasa saham

tidak diketahui, penilaian hendaklah dilakukan oleh mereka yang berkelayakan. Kadar zakat yang dikenakan ialah 2.5% daripada harga saham dan keuntungan (jika terdapat keuntungan daripada penjualan saham tersebut).

Jika pemilik saham menjual sahamnya dalam waktu *hawl*, harga jualan saham hendaklah digabungkan dengan hartanya dan zakat dikeluarkan apabila sampai *hawlnya*. Bagi pembeli saham tersebut, ia hendaklah mengeluarkan zakat mengikut prosedur yang telah ditetapkan sebelumnya.

Kedua-dua resolusi ini memberi kesan yang hampir sama, namun terdapat beberapa perbezaan yang perlu dihalusi antara keduanya.

- a. Sungguhpun resolusi *Mu'tamar Zakah al-Awwal* menganggap bahawa syarikat korporat perlu mengeluarkan zakat sebagai suatu entiti undang-undang, serta mengambil hukum umpama individu biasa, ia tidak pula menyentuh tentang hak milik yang dimiliki oleh mereka yang tidak perlu mengeluarkan zakat seperti hak milik orang bukan Islam, mahupun hak milik awam. Persoalan yang timbul, adakah pemilikan orang bukan Islam juga dikenakan zakat. Jika kita menganggap bahawa syarikat tersebut telah menjadi sebuah entiti tersendiri, apakah soal "anutan" entiti tersebut tidak lagi relevan. Jika isu ini masih relevan, mengapakah resolusi tersebut tidak mengecualikan hak milik mereka. Jika soal anutan turut menjadi perhitungan, maka untuk menentukan agama sesuatu entiti adalah amat sukar.
- b. Bagaimana pula dengan harta yang menjadi hak milik orang awam, adakah ianya dikenakan zakat. Sekali lagi, resolusi ini tidak memberikan sebarang cadangan. Adakah resolusi ini berpandangan bahawa harta awam apabila disalurkan ke dalam syarikat korporat, mestilah dikenakan zakat, sepertimana fatwa yang dikeluarkan oleh Nadwah Zakat ke-13 yang berlangsung di Khourtum, Sudan? Perkara ini akan kita bincangkan dengan lebih mendalam di dalam zakat syarikat-syarikat milik kerajaan.
- c. Merujuk kepada resolusi *Majma' al-Fiqh al-Islami*, penulis mengambil jalan tengah. Walaupun menganggap bahawa apabila syarikat mengeluarkan zakat sebagai sebuah entiti undang-undang,<sup>12</sup> dan ia

memiliki beberapa sifat asas seperti sebuah entiti undang-undang,<sup>13</sup> namun ia tidak meleburkan secara keseluruhan faktor individu-individu yang mempunyai pemilikan atas syarikat. Oleh itu, resolusi tersebut menyebut dengan jelas bahawa pada hakikatnya, syarikat mengeluarkan zakat bagi pihak para pemilik saham. Ini dinyatakan dengan jelas dalam resolusi:

... تجب زكاة الأسهم على أصحابها, وتخرجها نيابة عنهم ...

Terjemahan:

... zakat adalah diwajibkan ke atas pemiliknya dan pihak syarikat akan mengeluarkannya bagi pihak mereka ...

Oleh itu, resolusi tersebut menyebut secara jelas bahawa sebarang pemilikan yang tidak diwajibkan zakat mestilah dikeluarkan daripada jumlah yang dikenakan zakat. Teks resolusi dalam hal ini menyebut:

ويطرح نصيب الأسهم التي لا تجب فيها الزكاة, ومنها أسهم الخزانة العامة, وأسهم الوقف الخيري, وأسهم الجهات الخيرية, وكذلك أسهم غير المسلمين

Terjemahan:

Dikeluarkan daripada bahagian saham pemilikan yang dikenakan zakat, segala saham yang (secara penentuan *syara'*) tidak termasuk dalam harta yang diwajibkan zakat, seperti harta hak milik perbendaharaan (kerajaan), pemilikan *waqaf*, pemilikan badan-badan kebajikan, begitu juga pemilikan bukan Islam.

Ini menunjukkan bahawa sungguhpun sesebuah syarikat akan mengeluarkan zakat sebagai suatu entiti, namun ia tidak sepenuhnya menjadi suatu entiti, tanpa lagi mengambil kira entiti pemiliknya. Oleh sebab itu, pemilikan mereka yang tidak dikenakan zakat adalah tidak dikira. Lantaran itu, *Bayt al-Zakah*, Kuwait telah membuat sedikit penambahan kepada fatwa yang dikumpulkan di mana ia memberi kesan yang sama seperti resolusi yang disebutkan dalam *Majma' al-Fiqh al-Islami*. Di dalam *Abkam wa Fatawa al-Zakah wa al-Sadaqat wa al-Nuzur wa al-Kafarat*, setelah menaqalkan resolusi yang diputuskan di dalam *Mu'tamar Zakah al-Awwal*, ia menyebut bahawa<sup>14</sup>:

هذا ولا زكاة في الأسهم التي تخص مال الدولة (الخزينة العامة)، أو الأوقاف الخيرية، أو مؤسسات الزكاة، أو الجمعية الخيرية

Terjemahan:

Tidak dikenakan zakat ke atas saham yang dimiliki oleh Negara (Perbendaharaan) atau *waqaf khayriyy*, atau institusi zakat atau badan-badan kebajikan.

Pada pandangan penulis, pandangan ini ialah pandangan yang paling kuat dan sepatutnya dipakai dalam mengaplikasikan kewajipan mengeluarkan zakat kepada syarikat-syarikat korporat di Malaysia. Namun begitu, pandangan ini berbeza dengan fatwa yang dikeluarkan oleh *Fatawa al-Zakah al-Mu'asirah* kali ke-13 di Khourtum, Sudan. Fatwa tersebut menyebut bahawa jika harta milik kerajaan digabungkan dengan harta persendirian dan digunakan untuk menjana keuntungan, maka zakat akan dikenakan atas harta milik kerajaan tersebut. Perkara ini akan penulis sentuh lebih mendalam lagi dalam perbincangan zakat syarikat milik kerajaan.

## **SYARIKAT KORPORAT TIDAK DIWAJIBKAN MENGELUARKAN ZAKAT BAGI PEMILIKAN YANG TIDAK SEMPURNA**

Antara perkara yang timbul dalam perbincangan yang lepas adalah berkaitan dengan sebahagian pemilikan yang dikecualikan zakat kerana tidak cukup syarat-syarat wajib zakat. Antaranya ialah pemilikan orang bukan Islam (disyaratkan Islam) dan juga harta hak milik perbendaharaan (kerajaan), pemilikan wakaf, pemilikan badan-badan kebajikan dan sebagainya. Penulis tidak akan membincangkan pemilikan orang bukan Islam kerana ia agak mudah ditentukan dan perbincangan akan lebih ditumpukan kepada pemilikan yang lainnya.

Secara umumnya, pemilikan dalam Islam terbahagi kepada dua: (a) iaitu pemilikan peribadi (*milkiyyah khasah*), dan (b) pemilikan umum (*milkiyyah 'ammah*). Pemilikan umum ialah suatu jenis pemilikan di mana manfaatnya adalah untuk kegunaan umum atau kebajikan negara

secara umum dan ia bukanlah hak milik perseorangan. Kaedah yang digunakan adalah tiada individu yang berhak mendakwa pemilikan atas harta tersebut. Ini bertepatan dengan penafsiran yang dibuat oleh Imam al-Sharqawi terhadap harta umum sebagai harta yang *mubham*.<sup>15</sup> Contohnya, Undang-Undang Transaksi Sivil untuk 'United Arab Emirates' mentafsirkan harta umum sebagai<sup>16</sup>:

وهو كل شيء تملكه الدولة أو أي شخص اعتباري آخر، ويكون  
مخصصا للنفع العام بالفعل أو بمقتضى القانون، فلا يجوز التعامل فيه، ولا  
يجوز الحجز أو وضع يد الغير عليه

Terjemahan:

Iaitu segala pemilikan kerajaan atau entiti undang-undang yang lain, dan ia dikhususkan kepada manfaat umum samada secara realitinya ataupun melalui peruntukan undang-undang. Harta ini tidak boleh ditransaksikan. Ia juga tidak boleh dimiliki atau dikuasai.

Secara umumnya, tiada sebarang zakat dikenakan atas pemilikan umum dan badan-badan kebajikan. *Mathalib 'uli al-nuha*<sup>17</sup> menyebut bahawa:

ولا تجب زكاة في مال فيء، ولا في خمس غنيمه، لأنه يرجع إلي الصرف  
في مصالح المسلمين، ولا في نقد موصي به في وجوه البر، أو موصي ليشترى  
به وقف؛ لعدم تعيين مالكه

Terjemahan:

Tidak diwajibkan zakat atas harta *fai*, begitu juga *khums ghanimah* kerana ia digunakan untuk kepentingan umat Islam secara keseluruhan. Begitu juga tidak diwajibkan zakat atas duit yang diwasiatkan untuk badan-badan kebajikan, atau untuk membeli harta wakaf, kerana ianya bukanlah pemilikan individu-individu tertentu.

Jelas daripada hujah tersebut menunjukkan bahawa alasan utama mengapa zakat tidak diwajibkan atas harta-harta tersebut adalah kerana tiada hak milik tertentu yang sempurna (*al-milk al-tam li al-mu'ayyan*). Syarat ini merupakan syarat utama atas sesuatu harta yang dikenakan

zakat. Namun begitu, perlu diingatkan bahawa harta yang berbentuk umum bukanlah suatu yang statik, bahkan ia suatu yang dinamik dan akan berubah mengikut peredaran masa, suasana dan pengamalan. Menjadi tanggungjawab ulama untuk mengkaji jenis-jenis harta yang termasuk di dalam kategori harta umum yang tidak perlu dikenakan zakat. Antara harta masa kini yang dibincangkan sama ada termasuk di dalam kategori harta awam atau tidak ialah:

- a. Harta milik perbendaharaan dan kerajaan. Secara umumnya, segala harta yang menjadi hak milik kerajaan atau intitusinya adalah tidak diwajibkan zakat. Ini adalah kerana tiada sebarang pemilikan individu terhadap harta-harta tersebut. Perkara ini disebut secara jelas oleh Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli<sup>18</sup>:

وذلك مثل موارد الدولة من أراضيها وعقاراتها الاستثمارية وشركاتها الصناعية، والزراعية والتجارية، والضرائب علي القطاع الخاص، ورسوم الجمارك وغيرها من الرسوم التي تفرض علي الخدمات وضرائب الدخل والمهن الحرة

Terjemahan:

Sebagai contoh adalah sumber-sumber (kewangan) negara seperti hartanah yang memberikan pulangan, syarikat-syarikat perkilangan, pertanian dan perniagaan. Begitu juga cukai yang dikutip daripada badan-badan swasta, cukai-cukai kastam dan cukai-cukai lain yang diwajibkan ke atas perkhidmatan, termasuklah cukai pendapatan dan persendirian.

- b. Syarikat-Syarikat Milik Kerajaan. Isu yang berkaitan di sini adalah terdapatnya pertembungan dua syarat diwajibkan zakat. Dari satu aspek, zakat tidak sepatutnya dikenakan ke atas syarikat sebegini kerana ia bukanlah hak milik persendirian, sedangkan antara syarat asas mengeluarkan zakat ialah mempunyai hak milik yang sempurna. Dari suatu segi yang lain pula, ianya tergolong ke dalam harta yang dikenakan zakat kerana terdapat sifat *nama'* terhadapnya. Dalam hal ini, apakah pandangan *syara'* terhadap kewajipan mengeluarkan zakat ke atas syarikat korporat sebegini. Adakah syarikat tersebut dianggap sebagai hak milik awam dan kerajaan, maka tidak dikenakan zakat, atau ianya dianggap sebagai pemilikan yang dikenakan zakat. Dengan cara ini, tabungan untuk zakat dapat

diperbesarkan demi masalah umat Islam. Atau adakah perlu satu ijtihad yang melihat syarikat ini sebagai pertengahan antara syarikat milik awam dan juga syarikat korporat yang sepenuhnya dikenakan zakat. Terdapat dua pandangan tentang dengan perkara ini:

Pandangan pertama menyatakan bahawa selagi mana syarikat-syarikat milik kerajaan ini berasaskan keuntungan yang diserahkan kepada negara sama ada secara langsung atau tidak langsung, maka zakat tidak akan dikenakan atas syarikat tersebut. Namun begitu, jika kerajaan dan swasta bergabung dalam sesebuah perniagaan, bahagian yang menjadi hak milik kerajaan hendaklah dikeluarkan zakat atasnya. Keadaan syarikat tersebut berasaskan keuntungan tetap tidak mengubah kedudukannya sebagai hak milik kerajaan. Ini adalah kerana keuntungan tersebut dikira sebagai hasil daripada harta kerajaan, maka tidak dikenakan zakat atasnya, berdasarkan kaedah fiqah: «التابع تابع».<sup>19</sup> Pandangan ini merupakan pandangan yang diterima oleh Imam Abu Hanifah, Imam Abu Yusuf, Malikiyyah, Shafi'ieyyah dan Hanbaliyyah secara umum.<sup>20</sup> Ini juga merupakan pandangan kebanyakan ulama masa kini. Berkenaan dengan syarikat-syarikat milik kerajaan, Prof. Dr. Wahbah al-Zuhayli berkata<sup>21</sup>:

Oleh sebab syarikat-syarikat ini menjadi hak milik sektor awam atau negara, maka ia termasuk dalam kategori harta awam. Oleh itu, zakat tidak diwajibkan atasnya, walaupun ia ditubuhkan berasaskan keuntungan. Ini adalah kerana walaupun *nama* merupakan syarat zakat yang telah dipenuhi oleh syarikat tersebut, namun ia tidak menepati syarat pemilikan yang tertentu.

Pandangan kedua pula berpendapat bahawa zakat tetap dikenakan atas harta awam yang digunakan untuk mendapat keuntungan. Ini merupakan pandangan yang dikemukakan oleh Muhammad Ibn al-Hasan al-Shaybani.<sup>22</sup> Pendapat ini juga disokong oleh Dr. Muhammad Nu'aim Yasin,<sup>23</sup> Dr. Rafiq Yunus al-Misriy,<sup>24</sup> Dr. 'Abdul Hamid al-Ba'li,<sup>25</sup> Dr. Hasan al-Bily,<sup>26</sup> Dr. Muhammad Sirr al-Khatm,<sup>27</sup> Dr. Muhammad bin 'Aqil.<sup>28</sup> Perkara 37, Qanun Zakat Sudan tahun 2001 juga menetapkan bahawa harta awam hanya dikecualikan daripada zakat apabila ianya tidak digunakan bagi tujuan mendapatkan keuntungan. Antara hujah menarik

yang dikemukakan adalah dengan mewajibkan zakat ke atas harta tersebut, maka akan bertambah jumlah yang akan diberikan secara langsung kepada mereka yang lebih berhajat, sedangkan harta awam secara umumnya akan digunakan kepada semua golongan. Kita juga dapat memperbanyak lagi dana zakat untuk membantu golongan ini dengan cara yang spesifik.<sup>29</sup> Di samping itu juga dapat diujahkan bahawa apabila kerajaan telah menubuhkan syarikat tersebut dan syarikat tersebut telah mempunyai entiti undang-undang tersendiri, maka ia telah menjadi sebuah syarikat yang tersendiri. Kedudukannya adalah sama dengan syarikat korporat biasa. Tidak adil untuk kita mewajibkan zakat kepada syarikat korporat milik swasta sedangkan syarikat seumpamanya yang juga melakukan perniagaan seperti itu dikecualikan zakat.<sup>30</sup>

*Nadwah Zakah al-Mu'asirah* Kali Ketiga Belas telah merumuskan fatwanya bahawa terdapat beberapa kategori harta umum, iaitu:<sup>31</sup>

- i. Harta umum yang digunakan untuk memberikan khidmat dan manfaat yang diperlukan oleh masyarakat awam tanpa sebarang matlamat penggunaan harta tersebut untuk menjana keuntungan. Harta sebegini tidak dikenakan sebarang zakat atasnya.
- ii. Harta awam yang dilaburkan untuk mendapat keuntungan melalui subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan. Subsidiari ini adalah bermatlamatkan perniagaan dan menjana keuntungan. Pendapat majoriti menganggap bahawa harta sebegini tidak dikenakan zakat. Namun begitu, terdapat pendapat bahawa harta sebegini dikenakan zakat. Ini merupakan pendapat Imam Muhammad bin al-Hasan al-Shaybani, pengikut Imam Abu Hanifah.
- iii. Apabila harta awam digabungkan bersama harta persendirian ke dalam syarikat yang bermatlamatkan keuntungan, maka harta awam tersebut akan dikenakan zakat seperti harta persendirian. Namun begitu, terdapat pendapat bahawa harta tersebut tetap tidak dikenakan sebarang zakat walaupun dalam suasana percampuran tersebut.

Walau bagaimanapun, timbul beberapa persoalan berkenaan dengan fatwa ini:



- i. Merujuk kepada fatwa yang telah diberikan, ini menunjukkan bahawa zakat tidak dikenakan atas harta awam yang disalurkan dalam subsidiari yang dimiliki oleh kerajaan secara keseluruhan.
- ii. Namun begitu, harta awam yang telah disalurkan untuk matlamat perniagaan dan pelaburan dalam syarikat korporat yang tidak dimiliki oleh kerajaan secara keseluruhannya tetap dikenakan zakat kerana syarikat tersebut pada hakikatnya telah mempunyai entiti undang-undangnya yang tersendiri. Oleh itu, ia dikenakan zakat. Namun, fatwa ini menyebabkan berlakunya konflik dengan resolusi yang telah diputuskan oleh *Majma' al-Fiqh al-Islami*.

Persoalan yang perlu ditanya di sini adalah atas dasar apakah zakat tidak dikenakan atas harta awam jika syarikat yang ditubuhkan adalah sepenuhnya hak milik kerajaan, tetapi zakat dikenakan apabila harta yang sama digabungkan dengan harta persendirian di dalam syarikat korporat yang tidak sepenuhnya dimiliki oleh kerajaan. Adakah kerana terdapatnya ciri entiti undang-undang di dalam syarikat korporat yang bercampur, tetapi tidak dalam syarikat korporat yang sepenuhnya dimiliki kerajaan? Benarkah begitu? Bukankah apabila sesuatu syarikat itu didaftarkan, ia telah mempunyai suatu entiti undang-undang walaupun sepenuhnya dimiliki oleh sesuatu entiti yang lain, dan dalam hal ini contohnya adalah syarikat milik kerajaan?

Persoalan lain, jika sekiranya percampuran tersebut telah menyebabkan terbentuknya suatu entiti undang-undang yang baru, bagaimana pula dengan percampuran antara modal yang dikeluarkan oleh orang Islam dengan modal orang bukan Islam di dalam sesebuah syarikat korporat? Adakah sifat Islam ini tidak lagi diambil kira kerana suatu entiti baru yang terasing langsung daripada entiti perseorangan (*natural person*) telah terbentuk dengan terbentuknya syarikat tersebut. Jika jawapannya adalah afirmatif, apakah anutan entiti baru ini, agar kita boleh tentukan sama ada ia wajib mengeluarkan zakat atau tidak? Persoalan-persoalan ini sebenarnya timbul hasil daripada pandangan yang nampaknya menimbulkan konflik.

Pada pandangan penulis, tidak dapat dinafikan bahawa secara umumnya hujah dan dalil mereka yang tidak mewajibkan zakat atas

harta awam dan kerajaan walaupun ia digunakan untuk mendapatkan keuntungan sama ada melalui syarikat milik kerajaan sepenuhnya, atau melalui pemilikan bersama antara kerajaan dengan swasta adalah lebih kuat. Pandangan ini, pada hakikatnya selari dengan resolusi *Majma' al-Fiqh al-Islami*. Namun begitu, penulis berpendapat bahawa hujah yang dikemukakan oleh mereka yang menyarankan agar dikenakan zakat atas harta sebegini, tanpa mengambil kira sama ada ianya dilaburkan melalui syarikat milik kerajaan sepenuhnya, atau melalui pemilikan bersama antara kerajaan dengan swasta juga mempunyai logiknya.<sup>32</sup> Bahkan ia mempunyai masalah yang amat besar terutamanya dalam negara seperti Malaysia. Tanpa berhujah lebih mendalam dalam hal ini, penulis berpendapat walaupun dari segi hukum keseluruhan (*hukm kulliy*) harta sebegini sepatutnya tidak dikenakan zakat, namun dalam situasi di Malaysia secara khususnya, penulis berpendapat secara istihsannya, adalah lebih bersesuaian untuk dikenakan zakat ke atas syarikat-syarikat milik kerajaan atau pelaburan bersama yang dibuat oleh kerajaan dalam syarikat-syarikat korporat. Menurut pandangan penulis, ini adalah berdasarkan kaedah *istihsan* yang termasuk dalam kategori: «*istihsan juz'un min hukm kulliy*». Ini ialah masalah yang pada pandangan penulis, menjadi asas di dalam mewajibkan zakat ke atas entiti sebegini. Selain itu, asas ini juga digunakan di Sudan dalam mewajibkan zakat atas entiti sebegini.<sup>33</sup>

- c. Pemilikan Wakaf. Terdapat perbezaan pendapat di kalangan *ulama'* dalam menentukan sama ada sesuatu harta *waqaf* itu termasuk dalam harta awam dan menyebabkan ia tidak dikenakan zakat. Harta wakaf secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga: (a) *waqf ahliyy (zurri)*, (b) *waqf khairiyy* dan (c) *waqf mushtarak*.<sup>34</sup> Walaupun terdapat perbezaan pendapat berkenaan dengan wakaf, sama ada ia dikenakan zakat atau tidak, penulis berpendapat bahawa harta wakaf sepatutnya tidak dikenakan zakat jika ia ialah *waqf khairiyy*, kerana manfaatnya tidaklah terhad kepada golongan tertentu. Namun begitu, jika wakaf tersebut adalah berbentuk *waqf ahliyy*, atau untuk kumpulan individu tertentu, maka sepatutnya zakat tetap dikenakan.<sup>35</sup> Ini ialah pendapat mazhab Shafi'e,<sup>36</sup> Hanbali,<sup>37</sup> Ibn Rusyd<sup>38</sup> dan ia juga merupakan pendapat Ibn 'Abbas, Abu Hurairah, Ibn 'Umar, Ibn Shihab al-Zuhri.<sup>39</sup>
- d. Badan-badan simpanan pekerja seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Institusi sebegini juga tidak diwajibkan zakat, bukan atas

sifat, wang yang disimpan dalam KWSP ialah hakmilik kerajaan, tetapi atas dasar wang tersebut bukanlah termasuk dalam kategori hak milik yang sempurna. Maka hukumnya adalah diqiyaskan kepada hutang dan *mal mustafad*.<sup>40</sup> Penulis berpandangan dalam konteks ini, zakat dikenakan kepada pemiliknya apabila ia telah diserahkan dan berada di tangannya serta cukup syarat *nisab* dan *hawl*.

- e. Pemilikan badan-badan NGO dan badan kebajikan. Badan-badan sebegini juga tidak dikenakan zakat kerana pada dasarnya tiada sebarang pemilikan individu.
- f. Dana yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi sesuatu matlamat, seperti Dana Pengkajian Syari'ah di bawah Bank Negara Malaysia, dana untuk menolong SME dan sebagainya juga tidak dikenakan zakat.
- g. Dana perlindungan insurans yang dimiliki oleh kerajaan tidak dikenakan zakat, berbanding dengan insurans yang dikendalikan oleh syarikat korporat kerana syarikat jenis ini dikenakan zakat.

## **SYARIKAT KORPORAT YANG DIKENAKAN ZAKAT MELIHAT DARIPADA PERSPEKTIF AKTIVITINYA**

Kutipan zakat hanya diwajibkan atas harta yang «halal» menurut perspektif Islam. Manakala, zakat tidak dikenakan atas harta yang tidak halal, bukan sahaja tidak boleh diambil atas dasar zakat, malah hukumnya adalah haram<sup>41</sup>. Ia mestilah diserahkan kembali kepada pemiliknya jika diketahui. Jika tidak diketahui, maka ianya hendaklah diserahkan kepada badan kebajikan, bukan atas dasar zakat atau sedekah, bahkan atas dasar melepaskan diri seseorang daripada harta haram (*takhlis al-nafs min mal al-haram*).

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam keadaan-keadaan tertentu, sifat «haram» sesuatu harta itu adalah jelas. Umpamanya, wang yang didapati daripada hasil faedah adalah jelas haramnya. Begitu juga dengan wang hasil perjudian. Namun dalam banyak keadaan, sifat haram tersebut tidak jelas, lantaran banyaknya kerjaya sesetengah individu pada masa kini yang tidak jelas halal haramnya.

Apabila dilihat daripada perspektif syarikat korporat, keadaan ini menjadi lebih rumit lagi. Bagaimana untuk menentukan sesebuah syarikat korporat itu selari dengan syari'ah dalam urusan pungutan dan pengumpulan zakat? Setakat pengetahuan penulis, tidak terdapat sebarang garis panduan dalam menentukan sama ada sesuatu syarikat itu tergolong dalam syarikat yang sepatutnya mengeluarkan zakat atau tidak. Dalam arena pasaran modal, terdapat beberapa kriteria dan panduan yang digunakan untuk menentukan sama ada sesebuah syarikat yang tersenarai itu memenuhi panduan syari'ah atau tidak. Terdapat pelbagai metodologi dalam hal ini. Mungkin pelbagai metodologi ini boleh dijadikan asas dalam meletakkan garis panduan individu dan entiti korporat bagi urusan pungutan zakat.

## **CABARAN DALAM PENGUTIPAN ZAKAT KORPORAT**

Antara cabaran pematuhan zakat korporat ialah berkenaan dengan kewajipan mengeluarkan zakat atas syarikat-syarikat korporat. Setakat pemahaman penulis, kewajipan mengeluarkan zakat hanya lebih tertumpu kepada individu.<sup>42</sup> Perkara ini lebih terserlah apabila kita melihat hukuman yang dikenakan di setiap negeri. Hatta kewajipan zakat atas individu, tindakan yang dikenakan atas kesalahan tidak mengeluarkan zakat adalah terlalu sedikit. Dalam banyak keadaan kesalahan-kesalahan tersebut hanya tertumpu kepada keengganan mengeluarkan zakat atas hasil tanaman.<sup>43</sup> Pada hari ini, walaupun jumlah kutipan zakat fitrah meningkat di setiap negeri, namun masih terdapat ramai umat Islam, sama ada individu mahupun syarikat yang tidak mengeluarkan zakat. Hakikatnya, walaupun aspek kepatuhan undang-undang dapat memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan keinginan umat Islam untuk mengeluarkan zakat, namun kelemahan dapat dilihat dari sudut pelaksanaan dan penguatkuasaan seperti yang berlaku dewasa ini. Oleh itu, faktor kesedaran menjadi lebih penting dan terserlah berbanding faktor kepatuhan undang-undang. Dalam banyak keadaan, pengeluaran zakat adalah semata-mata bergantung kepada keyakinan pengeluar zakat dan bukannya kerana penguatkuasaan undang-undang. Oleh itu, usaha mestilah lebih digiatkan dalam memastikan penguatkuasaan kewajipan mengeluarkan zakat dan juga dalam usaha menyedarkan umat Islam tentang kewajipan dan kepentingan zakat masa kini.

Namun begitu, kita sepatutnya tidak melupakan kewajipan mengeluarkan zakat bagi entiti korporat. Persoalan yang amat besar untuk dirungkaikan dalam penulisan ringkas ini ialah, bagaimana perkara ini dapat dilaksanakan. Bagaimana untuk «mewajibkan» pihak syarikat korporat untuk mengeluarkan zakat, tambahan pula insentif pengeluaran zakat tidaklah sama di antara individu dan syarikat.<sup>44</sup> Keadaan ini menjadi lebih mustahil apabila kita melihat bahawa jika ini menjadi suatu *provisi* undang-undang, kesemua syarikat korporat adalah tertakluk kepada kewajipan untuk mengeluarkan zakat. Ini sudah tentu membawa situasi yang amat sukar ditangani. Oleh itu, penulis berpandangan adalah «mustahil» untuk mewujudkan *provisi* dalam undang-undang yang mewajibkan syarikat korporat mengeluarkan zakat, sekurang-kurangnya dalam waktu yang terdekat.

Suatu cara yang boleh dilakukan adalah dengan meletakkan syarat bahawa syarikat wajib mengeluarkan zakat; di dalam “Article of Association” sesebuah syarikat korporat yang mempunyai majority pemegang sahamnya ialah orang Islam.<sup>45</sup> Selain itu, kewajipan mengeluarkan zakat atas syarikat juga boleh diusulkan semasa mesyuarat agung syarikat dijalankan. Dengan cara ini, para pelabur dan pemegang kepentingan dalam syarikat dapat memastikan bahawa pihak syarikat tidak akan gagal dalam menunaikan zakat korporat sebelum keuntungan dalam apa bentuk sekalipun dan diserahkan kepada mereka yang berhak.

## **PENUTUP**

Perlu disedari bahawa kewajipan menunaikan zakat atas entiti korporat masih mempunyai jalan yang luas terbentang dalam mencapai tahap yang memuaskan dari segi kutipan. Pelbagai faktor menyumbang ke arah tersebut dan tidak kurang juga cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi untuk mencapai tahap yang memuaskan dalam kutipan zakat korporat. Penggembelengan tenaga yang berterusan amatlah digalakkan bagi melaksanakan hasrat tersebut.

## NOTA HUJUNG

### (Endnotes)

- 1 *Ma'lum min al-din bi al-darurah* bermaksud perkara-perkara asas dalam agama Islam yang mesti diketahui oleh semua orang Islam, di mana sebarang alasan tidak mengetahui tentang hukumnya adalah tidak diterima melainkan di dalam situasi-situasi tertentu.
- 2 Kadangkala ia juga disebut sebagai *legal person*.
- 3 Antara ciri-cirinya ialah hak dan tanggungjawab sesebuah entiti korporat adalah berbeza daripada hak dan tanggungjawab yang dimiliki oleh mereka yang memiliki syarikat tersebut. Oleh itu, liabiliti mereka adalah terhad kepada pemilikan mereka dalam syarikat itu sahaja.
- 4 Untuk melihat cara terbaik dalam menilai dan menganalisa penulisan *ulama'* klasik, lihat Aznan Hasan: *The Role of Shariah Advisors in the Development and Enhancement of Islamic Securities*, Colloquium on Islamic Securities, jointly organised by Securities Commission and International Islamic University Malaysia, Securities Commission, 4<sup>th</sup> June 2007.
- 5 [http://en.wikipedia.org/wiki/Juristic\\_person](http://en.wikipedia.org/wiki/Juristic_person)
- 6 Ibid
- 7 Ibn Qudamah, *al-Mughni*, jld. 6, hlm. 187; al-Dusuqi, *Hashiyat al-Dusuqi: Ala al-Sharh al-Kabir*, jld. 4, hlm. 85.
- 8 Untuk perbincangan lanjut, sila lihat Ahmad Mahmud al-Khauili, *Nazariyyah al-Shakhsiyyah al-I'tibariyyah baina al-Fiqh al-Islami wa al-Qanun al-Wadh'i*, Dar al-Salam, jld. 1, 1423H/2003M, hlm. 69 dan seterusnya.
- 9 Untuk perbincangan lebih lanjut, sila rujuk: <http://www.islam-qa.com/ar/ref/69912>.
- 10 *Mu'tamar Zakah al-Awwal*, Kuwait, 29 Rejab 1404H/30 April 1984. Sila lihat: <http://zakat.al-islam.com/def/default.asp?l=arb&filename=Quest/desc/item6/item2/desc2>
- 11 *Mu'tamar* ke-4, Resolusi no. 3, 4/08/88, Jeddah, 18-23 Jamadil Akhir, 1408, 6-11 Februari 1988.
- 12 ثانيا: تخرج إدارة الشركة زكاة الأسهم كما يخرج الشخص الطبيعي زكاة أموال  
Kedua: Pihak pengurusan syarikat akan mengeluarkan saham sepertimana seorang entiti individu (*natural person*) mengeluarkan zakatnya.

- 13 Umpamanya, *hawl* dan *nisab* syarikat dianggap sebagai satu, tanpa mengambil kira *hawl* dan *nisab* individu yang mempunyai hak milik ke atas saham syarikat.
- 14 Sila lihat *Abkam wa Fatawa al-Zakah wa al-Sadaqat wa al-Nuzur wa al-Kafarat*, 1425 H/2004, hlm. 53, dan juga: *Abkam wa Fatawa al-Zakah wa al-Sadaqat wa al-Nuzur wa al-Kafarat*, 1428H/2007, hlm. 56.
- 15 ما كان مالكة مبهما Lihat al-Sharqawi: *Hashiyah al-Sharqawi ala al-Tabrir*, jld. 1, hlm. 332.
- 16 Artikel 25, The United Arab Emirates's Law of Civil Transactions. Undang-undang No. 5, tahun 1985.
- 17 Ruhaybani, Mustafa al-Suyuti, *Mathalib 'Uli Nuba fi Sharh Ghayat al-Muntaha*, Dar al-Rushd, Damshik, 2000, jld. 2, hlm.16 dan selepasnya.
- 18 Wahbah al-Zuhayli, *Zakah al-Mal al-'Am, Abhath wa A'mal al-Nadwah al-Hai'at li Qadaya al-Zakah al-Mu'asirah*, Qatar, 23-26 Zul Hijjah 1418H/20-23 April 1998, hlm. 350.
- 19 Wahbah al-Zuhayli, *Hukm al-Zakah fi Amwal Mansha'at al-Qita'ie al-'Am al-Hadifah li al-Ribh wa Hukm Zakah al Tharawat al-Batinah wa al-Sanadat al-Hukumiyah, Abhath wa A'mal al-Nadwah al-Hai'at nashara li Qadaya al-Zakah al-Mu'asirah*, Khourtum, Sudan, 8-11 Safar 1425H/29 Mac - 1April 2004, hlm. 234-236. Lihat juga, Muhammad Uthman bin Shubair, *Hukm al-Zakah fi Amwal Mansha'at al-Qita'ie al-'Am al-Hadifah li al-Ribh wa Hukm Zakah al-Tharawat al-Batinah wa al-Sanadat al-Hukumiyah; Abhath wa A'mal al-Nadwah al-Hai'at nashara li Qadaya al-Zakah al-Mu'asirah*, Khourtum, Sudan. 8-11 Safar 1425H/29 Mac – 1 April 2004, hlm. 273.
- 20 Lihat al-Sarakhsi, *al-Mabsut*, 3/52; al-Dusuqi, *al-Hasyiyah*, jld. 1, hlm. 487; al-Sharbini, *Mughni al-Muhtaj*, jld. 1, hlm. 412.
- 21 Wahbah al-Zuhayli, *Zakah al-Mal al-'Am*, hlm. 352.
- 22 Al-Sarakhsi, *al-Mabsut*, 3/52
- 23 Lihat komentar beliau dalam *Abhath wa A'mal al-Nadwah al-Thaminah li Qadaya al-Zakah al-Mu'asirah*, Qatar, 23-26 Zul Hijjah 1418 – 20-23 April 1998, hlm. 420-424.
- 24 Lihat komentar beliau dalam *Abhath wa A'mal al-Nadwah al-Thaminah li Qadaya al-Zakah al-Mu'asirah*, Qatar, 23-26 Zul Hijjah 1418 – 20-23 April 1998, hlm. 422-424.

- 25 Lihat komentar beliau dalam *Abhath wa A`mal al-Nadwah al-Thalithah Ashara li Qadaya al-Zakah al-Mu`asirah*, Khourtum, Sudan, 8-11 Safar 1425/ 29 Mac - 1April 2004, hlm. 310.
- 26 Lihat komentar beliau dalam *Abhath wa A`mal al-Nadwah al-Thalithah Ashara li Qadaya al-Zakah al-Mu`asirah*, Khourtum, Sudan, 8-11 Safar 1425/ 29 Mac - 1April 2004, hlm. 317-318.
- 27 Lihat komentar beliau dalam *Abhath wa A`mal al-Nadwah al-Thalithah Ashara li Qadaya al-Zakah al-Mu`asirah*, Khourtum, Sudan, 8-11 Safar 1425/ 29 Mac - 1April 2004, hlm. 320-321.
- 28 Lihat komentar beliau dalam *Abhas Abhath wa A`mal al-Nadwah al-Thalithah Ashara li Qadaya al-Zakah al-Mu`asirah*, Khourtum, Sudan, 8-11 Safar 1425/ 29 Mac - 1April 2004, hlm. 322-323.
- 29 al-Kasani, *Bada'i al Sana'i fi Tartib al-Shara'i*, jld. 2, hlm. 68.
- 30 Komentar Dr. Hasan al-Bily, *Abhath wa A`mal al-Nadwah al-Thaminah li Qadaya al-Zakah al-Mu`asirah*, Qatar, hlm. 317-318.
- 31 Al-Bayan al-Khitami, wa al-Fatawa wa al-Tawsiyyat, *al-Nadwah al-Thalithat Ashara li Qadhaya al-Zakat al-Mu`asirah*, Khourtum, Sudan, 8-11 Safar 1425H/ 29 Mac - 1April 2004, hlm. 414.
- 32 Dari segi penghujahan *syara'*, kita namakan *wajh*.
- 33 Lihat komentar Dr. Aisyah al-Ghabsyawi dalam konteks Sudan dalam *Abhas Abhath wa A`mal al-Nadwah al-Thalithah Ashara li Qadaya al-Zakah al-Mu`asirah*, Khourtum, Sudan, 8-11 Safar 1425H/ 29 Mac - 1April 2004, hlm. 333- 334.
- 34 Monzer Kahf, *al-Waqf al-Islami: Tataawwaruhu, Idaratuhu, Tanmiyyatuhu*, Dar al-Fikr, Damshik, jld. 1, 1421H/2000M, hlm.36-37.
- 35 Dalam perundangan di Malaysia, *waqf ahliyy* boleh dibentuk dengan menubuhkan *society* (pertubuhan, yayasan mahupun koperasi). *Revitalising Waqf Ahli in Modern Time: A prospect For Development*, Power Point Presentation, Singapore International Waqf Conference, 6-7 March 2007, The Fullerton Hotel, Singapore. Jika pertubuhan-pertubuhan ini ditubuhkan dan ciri-cirinya adalah sama dengan waqf ahliyy, maka ia akan tetap dikenakan zakat, apabila telah cukup syarat.
- 36 al-Shirbini, *Mughni al-Muhtaj*, jld. 1, hlm. 482; al-Nawawi, *al-Majmu' Sharh al-Muhazzab*, jld. 5, hlm.308.



- 37 al-Mardawi, *al-Insaf*, jld. 3, hlm. 14 dan seterusnya; al-Buhuti, *Kashshaf al-Qina'*, jld. 2, hlm. 196.
- 38 Ibn Rusyd, Bidayah *al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, jld. 1, hlm. 239.
- 39 Abu 'Ubaid, *al-Amwal*, hlm. 495-496.
- 40 Untuk melihat perbincangan berkenaan bagaimana zakat dikenakan ke atas hutang dan *mal mustafad*, lihat: Aznan Hasan, *Zakah 'Arudh al-Tijarah wa al-'Inayah wa Tatbiqatuhu al-Mu'asiirah fi Malizia*, Risalah Master yang diterbitkan oleh Fakulti Dar al-Ulum, Universiti Kaherah, 1998. hlm. 412-422.
- 41 Lihat *Fatwa Mu'tamar Zakah al-Awwal*, Kuwait. Lihat juga, *Fatawa al-Nadwah al-Rabi'ah li Qadhaya al-Zakah al-Mu'asirah*, Bahrain, 17 Syawal 1414 – 29 Mac 1994.
- 42 Untuk mendapat maklumat lebih lanjut berkenaan dengan pentadbiran zakat di Malaysia, termasuklah kewajipan mengeluarkan zakat dan hukuman-hukuman yang dikenakan di atas kesalahan tidak mengeluarkan zakat atau menyalurkan zakat tidak melalui saluran yang sepatutnya, lihat: Aznan Hasan, Undang-undang Pentadbiran Zakat di Malaysia, **Siri Perkembangan Undang-undang di Malaysia jld. 12: Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka.**
- 43 Lihat sebahagian daripada pendakwaan dan penjatuhan hukuman ini dalam: Mohd. Ali bin Haji Baharum, Bidang Kuasa Pungutan Zakat: Kajian Kepada Enakmen Negeri-negeri Di Malaysia Barat, hh. 38-41; Abdullah Alwi Hassan, *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, hh. 351-353. Dalam contoh-contoh ini, kesalahan yang dibicarakan ialah kengganannya untuk memberi maklumat berkenaan dengan hasil tanaman padi atau berkenaan dengan zakat fitrah.
- 44 Lihat: Seksyen 44 (11A), Akta Cukai Pendapatan 1967. Juga lihat komentar berkenaan dengan pindaan kepada seksyen ini pada tahun 2005 di dalam: *2005 Budget Commentary and Tax Information*, diterbitkan oleh Malaysian Institute of Taxation, Malaysian Institute of Accountants dan The Malaysian Institute of Certified Public Accountants, 2004. hlm. 7.
- 45 Ini adalah antara perkara yang dicadangkan oleh Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institution (AAOIFI) berpusat di Bahrain dan dilakukan oleh kebanyakan bank-bank Islam termasuklah bank-bank Islam di Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdullah Alwi Hassan. 1996. *The Administration of Islamic Law in Kelantan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahmud al-Khauili. 1423H/2003H *Nazariyyah al-Shakhsyiyah al-Itibariyyah baina al-Fiqh al-Islami wa al-Qanun al-Wadh'i*. Dar al-Salam.
- Al-Buhuti. Sheikh Mansoor bin Yunus al-Buhuti al-Hanbali. 1403H/ 1983M. *Kashshaf al-Qina' 'an matn al-Iqna'*. Beirut. 'Alam al-Kutub
- Al-Buhuti. Sheikh Mansoor bin Yunus al-Buhuti al-Hanbali. *Kashshaf al-Qina' 'an matn al-Iqna'*.
- Al-Dusuqi. Sheikh Muhammad 'Arafah al-Dusuqi. *Hashiyat al-Dusuqi: 'Ala al-Sharh al-Kabir*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutb al-'Arabiah.
- Al-Dusuqi. Sheikh Muhammad 'Arafah al-Dusuqi. t. th. *Hashiyat al-Dusuqi: 'Ala al-Sharh al-Kabir*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutb al-'Arabiah.
- Al-Kasani. Abu Bakar 'Ala al-Din Kasani. 1327H. *Bada'i al Sana'I fi Tartib al-Shara'i*. Kaherah: Dar Ihya' al-Kutb al-'Arabiah.
- Al-Kasani. Abu Bakar 'Ala al-Din Kasani. 1327H. *Bada'i al Sana'I fi Tartib al-Shara'i*.
- Al-Mardawi. Al-Qadi 'Ala al-Din Ali bin Sulaiman al-Mardawi. *al-Insaf fi Ma' rifat al-Rajih min al-Khilaf` ala Madhhab al-Imam al-Mubajjal Ahmad ibn Hanbal*. 1419H. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Al-Mardawi. Al-Qadi 'Ala al-Din Ali bin Sulaiman al-Mardawi. *al-Insaf fi Ma' rifat al-Rajih min al-Khilaf` ala Madhhab al-Imam al-Mubajjal Ahmad ibn Hanbal*.
- Al-Nawawi. Abu Zakaria Muhyiddin Yahya Ibn Sharf al-Nawawi. *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Maktabah al-Irshad.
- Al-Nawawi. Abu Zakaria Muhyiddin Yahya Ibn Sharf al-Nawawi. t. th. *al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab*. Jeddah: Maktabah al-Irshad.
- Al-Ruhaybani. Sheikh Mustafa Ibn Sa'd al-Suyuti al-Ruhaybani. 2000. *Mathalib 'Uli al-Nuha fi Sharh Ghayat al-Muntaha*. Damshik: Dar al-Rushd.
- Al-Ruhaybani. Sheikh Mustafa Ibn Sa'd al-Suyuti al-Ruhaybani. 2000. *Mathalib 'Uli al-Nuha fi Sharh Ghayat al-Muntaha*. Damshik: Dar al-Rushd.

- Al-Sharbini. Sheikh Sahmsuddin Muhammad bin al-Khatib al-Sharbini. 1425H/2005M. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani al-Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sharbini. Sheikh Sahmsuddin Muhammad bin al-Khatib al-Sharbini. 1425H/2005. *Mughni al-Muhtaj ila Ma'rifah Ma'ani al-Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Sharqawi. Abdullah bin Hijazi. 1298H. *Hashiyah al-Sharqawi 'ala al-Tahrir*. Kaherah: Maktab al-Mustafa.
- Al-Sharqawi. Abdullah bin Hijazi. 1298H. *Hashiyah al-Sharqawi 'ala al-Tahrir*. Maktab al-Mustafa.
- Artikel 25, The United Arab Emirates's Law of Civil Transactions. Undang-undang No. 5, tahun 1985
- Aznan Hasan. 1998. Zakah 'Arudh al-Tijarah wa al-'Inayah wa Tatbiqatuha al-Mu'asiirah fi Malizia. Tesis Master Fakulti Dar al-'Ulum, Universiti Kaherah.
- Aznan Hasan. 2007. *The Role of Shariah Advisors in the Development and Enhancement of Islamic Securities*. Kertas Kerja Persidangan Colloquium on Islamic Securities. Securities Commission and International Islamic University Malaysia.
- Aznan Hasan. 2007. Undang-undang Pentadbiran Zakat di Malaysia. Mahmad Ariffin (pnyt.) **Pentadbiran Undang-undang Islam di Malaysia: Undang-undang Pentadbiran Zakat di Malaysia**. jld. 13. **Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka**.
- Ibn Qudamah. Abdullah bin Muhammad bin Qudamah. 1405H/1985M. *al-Mughni*. Kaherah: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Rushd. Abul-Waleed Muhammad Ibn Rushd. 1409H/ 1989M. *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*. Beirut: Dar al-Jil.
- Juristic Person. [http://en.wikipedia.org/wiki/Juristic\\_person](http://en.wikipedia.org/wiki/Juristic_person). 5 Oktober 2009
- Malaysian Institute of Taxation, Malaysian Institute of Accountants dan The Malaysian Institute of Certified Public Accountant. 2004. *2005 Budget Commentary and Tax Information*.
- Mohd. Ali bin Haji Baharum. Bidang Kuasa Pungutan Zakat: Kajian Kepada Enakmen Negeri-negeri Di Malaysia Barat. Dlm. Mohd. Ali bin Haji

- Baharum (pnyt.) Zakat Ditinjau Dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran, h. 37-38. Kuala Lumpur: ABIM.
- Monzer Kahf. 1421H/2000. *al-Waqf al-Islami: Tataawwaruhu, Idaratuhu, Tanmiyyatuhu*, Damshik: Dar al-Fikr.
- Mu'tamar Zakah al-Awwal, Kuwait, 29 Rejab 1404H/30 April 1984. <http://zakat.al-islam.com/def/default.asp?l=arb&filename=Quest/desc/item6/item2/desc2>. 24 September 2009
- Muhammad Uthman bin Shubair. 8-11 Safar 1425H/29 Mac – 1 April 2004. Hukm al-zakah fi amwal mansha'at al-qita'ie al-'am al-hadifah li al-rihb wa hukm zakah al-tharawat al-batinah wa al-sanadat al-hukumiyyah; *Abhath wa A`mal al-Nadwah al-Hai'aat Nashara li Qadaya al-Zakah al-Mu`asirah*; t. pt. Khouurtum
- Revitalising Waqf Ahli in Modern Time: A prospect For Development*, Power Point Presentation, Singapore International Waqf Conference, 6-7 March 2007, The Fullerton Hotel, Singapore.
- Seksyen 44 (11A) Akta Cukai Pendapatan 1967
- Wahbah al-Zuhayli. 23-26 Zul Hijjah 1418H/20-23 April 1998. Zakah al-mal al-'am; *Abhath wa A`mal al-Nadwah al-Hai'aat li Qadaya al-Zakah al-Mu`asirah*. t. pt. Qatar.
- Wahbah al-Zuhayli. 8-11 Safar 1425H/ 29 Mac – 1 April 2004. Hukm al-zakah fi amwal mansha'at al-qita'ie al-'am al-hadifah li al-rihb wa hukm zakah al-tharawat al-batinah wa al-sanadat al-hukumiyyah; *Abhath wa A`mal al-Nadwah al-Hai'aat nashara li Qadaya al-Zakah al-Mu`asirah*. t. pt. Khouurtum
- Wizarah Awqaf. 1425H/2004M. *Ahkam wa Fatawa al-Zakah wa al-Sadaqat wa al-Nuzur wa al-Kafarat*. Kuwait: Wizarah Awqaf.

## **Epistemologi Tauhid dalam Pemikiran Ekonomi: Teori Penggunaan**

**FADILAH MAT NOR  
ABDUL GHAFAR ISMAIL  
AZA SHAHNAZ AZMAN**

### **Abstrak**

Agama Islam menuntut umatnya untuk hidup dalam landasan kebenaran seperti aturan yang ditetapkan oleh Allah SWT. Landasan kebenaran tersebut telah diterjemahkan melalui al-Quran dan al-Sunnah yang sepatutnya menjadi rujukan dalam semua aspek kehidupan termasuklah kepenggunaan. Justeru, tujuan penulisan ini adalah untuk mengenal pasti teks dari al-Quran dan hadis yang boleh digunakan untuk menerbitkan teori penggunaan menurut Islam. Selain itu, penulisan ini juga bertujuan untuk membangun dan menilai semula falsafah, teori, dan konsep penggunaan Islam menurut acuan Allah SWT. Kajian penulisan telah merujuk kepada beberapa kitab tafsir dan kitab adab Islam bagi mengenal pasti bukti dan kaitan teks al-Quran dan hadis dengan teori penggunaan. Dapatan penulisan secara keseluruhannya mendapati falsafah, teori, dan konsep penggunaan dalam Islam adalah berbeza dengan yang bersifat konvensional. Implikasi daripada dapatan ini sewajarnya dapat mempengaruhi kelakuan pengguna dalam aktiviti penggunaannya. Beberapa kajian lanjutan juga turut dicadangkan bagi melengkapkan pembangunan teori penggunaan menurut kaca mata Islam.

### **Abstrak**

*Islam requires its Ummah to live in the basis of truth with rules and regulations as governed by Allah SWT. This was mentioned in al-Quran and al-Sunnah as a reference in all aspects of human life including consumption activity. Hence, this research is to identify the texts from al-Quran and Hadis that is applicable to derive consumption theory and also to develop and revalue the philosophy, theory and concept of consumption according to Shariah view. This study applied a few tafseer and 'kitab adab' to determine the evidences and connection between texts in al-Quran and hadis with consumption theory. This research found that philosophy, theory, and concept of Islamic consumption theory were totally different with conventional view. Hereby, the implication of this finding should give effect to consumer behavior. Further studies were suggested in this research in order to complement the development of consumption theory according to Islamic perspective.*



### **PENGENALAN**

Agama Islam sememangnya memuliakan akal sebagai alat untuk mencari kebenaran. Namun keterbatasan<sup>1</sup> akal amat memerlukan bimbingan dan petunjuk wahyu untuk memandu manusia memahami kebenaran yang sebenar. Dengan perkataan lain, perkaitan ini sebenarnya menjelaskan tentang hubungan antara akal dengan wahyu yang sekali gus menggambarkan hubungan langsung antara agama dengan ilmu. Oleh itu gabungan yang benar antara kebenaran wahyu dengan kebenaran ilmiah akan menghasilkan suatu kebenaran yang lebih diyakini. (Chowdhury, 1997; Mahmood, 2008).

Analisis terhadap ilmu ekonomi Islam juga tidak seharusnya memisahkan nilai wahyu dengan ilmu ekonomi yang ingin dibangunkan. Langkah pertama dalam metodologi pembentukan dan ilmu ekonomi Islam adalah dengan mengumpulkan teks-teks yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah yang berkaitan dengan aspek ekonomi. Di mana teks tersebut telah sedia tertulis dan ia mempunyai kebenaran mutlak,

tetap, dan tidak berubah kerana ia datang secara langsung daripada Allah SWT dan Rasul-Nya.<sup>2</sup> Teks-teks ini boleh dikira sebagai nukleus atau pusat kepada pengembangan ilmu ekonomi Islam seterusnya (Mohammad Anwar, 1997; M.U Chapra, 2000).

Pengolahan ilmu ekonomi Islam bukan sahaja perlu dilakukan supaya selari dengan acuan syariat malah untuk membuktikan bahawa sistem ekonomi yang dihasilkan mampu memberi manfaat kepada manusia tanpa mengabaikan aspek moral dan spiritual. Maka bagi tujuan tersebut ilmu ekonomi Islam perlu dimulai dengan nilai dan prinsip yang paling benar. Ini bermakna ilmu ekonomi mesti dimulakan atau diasaskan kepada nilai dan prinsip yang dinyatakan oleh teks al-Quran dan al-Sunnah. Kaedah ini juga telah diambil oleh para cendekiawan Islam dalam mengembangkan semua cabang ilmu. Maka pembentukan dan pengembangan ilmu ekonomi Islam seperti yang dinyatakan di atas adalah selaras dengan apa yang dilakukan dalam bidang ilmu lain.

Salah satu elemen penting dalam kegiatan ekonomi ialah penggunaan. Dalam hierarki barang dan perkhidmatan, penggunaan merupakan peringkat terakhir dalam proses pengeluaran dan pengagihan. Pengeluaran barang dan perkhidmatan adalah semata-mata untuk tujuan penggunaan. Tanpa penggunaan, proses pengeluaran tidak mungkin akan dilakukan. Walau bagaimanapun hukum ini bukan bererti pengguna mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan barang yang akan dikeluarkan seperti yang diuar-uarkan oleh ekonomi konvensional. Pengguna Islam ialah pengguna yang istimewa, berbeza dengan pengguna-pengguna lain dari segi kehendak, jenis, dan kuantiti barang yang akan digunakan sehingga penggunaannya memberi keberkatan hidup di dunia dan kesejahteraan akhirat.<sup>3</sup> Atas dasar keistimewaan tersebut menyebabkan objektif penggunaannya terhadap sesuatu barang dan perkhidmatan adalah jauh lebih luas dan menyeluruh.<sup>4</sup> Tambahan pula objektif tersebut dipandu oleh petunjuk dan garis panduan dari sumber yang benar dan kekal iaitu al-Quran dan al-Sunnah.

Malangnya telah sekian lama sistem pendidikan kini dilihat sangat mengagung-agungkan ideologi ahli ekonomi Barat yang cenderung menggunakan pendekatan ilmiah semata-mata dalam pembentukan teori dan andaian penggunaan. Implikasi daripada ketaksuban tersebut membuatkan kita seolah-olah terlupa bahawa pemikiran ekonomi

Islam telah wujud lebih awal daripada itu. Ini kerana rujukan utama pemikiran ekonomi Islam ketika itu ialah al-Quran dan al-Sunnah, maka tentu sahaja kewujudan pemikiran ilmu ekonomi Islam termasuk teori penggunaan bersamaan dengan turunnya al-Quran.<sup>5</sup>

Lazimnya, perbincangan tentang teori penggunaan dalam ilmu ekonomi konvensional akan merangkumi topik-topik seperti matlamat penggunaan, andaian penggunaan, konsep rasionaliti dan utiliti, ketupamaan pilihan pengguna, etika penggunaan, keseimbangan pengguna, dan penggunaan masa kini dan penggunaan masa lampau melalui fungsi penggunaan. Kebergantungan sistem pendidikan kini terhadap ideologi teori penggunaan yang dibangunkan ahli ekonomi barat amat memberi kesan terhadap kelakuan pengguna. Dakwaan ini dapat dibuktikan dengan masalah-masalah kegiatan ekonomi seperti pembaziran melampau, penipuan dalam jual beli, dan pelanggaran hak pengguna yang meruncing kini.<sup>6</sup> Dilema ini tidak seharusnya dipertanggungjawabkan terhadap pihak pengeluar sahaja, malah pengguna tentunya mempunyai tanggungjawab dan hak yang akan dipersoal kelak.<sup>7</sup> Ketidakjelasan matlamat dalam menggunakan sesuatu barang dan perkhidmatan dilihat sebagai salah satu faktor yang menyebabkan mengapa konsep dan aplikasi penggunaan lari dari prinsip dan landasan yang sebenar.

Justeru, kajian ini dilihat sebagai satu inisiatif untuk menilai kembali apakah sebenarnya matlamat penggunaan seorang pengguna seperti yang digariskan oleh al-Quran dan al-Sunnah sebagai nukleus kepada ekonomi Islam. Pendekatan yang akan digunakan dalam kajian ini merangkumi kajian tafsir atas beberapa ayat al-Quran dan al-Sunnah yang dilihat mampu merungkai matlamat sebenar penggunaan dalam Islam. Pengumpulan tersebut hanya melibatkan ayat-ayat berkaitan dengan penggunaan sebagai satu kegiatan ekonomi yang paling asas kepada pembentukan teori ekonomi lain seperti teori permintaan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Terdapat dua objektif kajian yang dikenal pasti akan menjadi fokus dalam penulisan ini iaitu:

- a. mengenal pasti ayat dari al-Quran dan Hadis yang boleh digunakan untuk menerbitkan teori penggunaan menurut Islam, dan



- b. membangunkan dan menilai semula teori dan konsep penggunaan Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah.

## **SOROTAN KAJIAN**

Sorotan kajian lepas tentang teori penggunaan telah dibincangkan dengan meluas dan dilihat dari pelbagai sudut iaitu daripada perbincangan umum hinggalah kepada perbincangan yang lebih spesifik.<sup>8</sup> Contohnya analisis atas teori utiliti telah dikembangkan oleh Marshall (1890), seorang marginalis Austrian yang dikatakan telah menjadi pengasas kepada konsep rasional dan utiliti. Kajiannya telah menjadi asas kepada perkembangan teori ini sekali gus mencetuskan sistem ekonomi kapitalisme baharu di Eropah sekitar abad ke-17 hingga abad-19.<sup>9</sup> Seterusnya Weber (1958) seorang sosiologis mengatakan bahawa konsep rasionaliti dalam 'economic rationalism' seperti sistem ekonomi kapitalis tidak sepenuhnya dapat menerangkan fenomena ekonomi di dunia sebenar.<sup>10</sup> Penemuan ini dianggap sebagai satu kajian yang membongkar kelemahan sistem ekonomi kapitalis yang menjadikan konsep rasionaliti sebagai asas kepada perkembangan teori ekonominya sekali gus mengakibatkan teretusnya pemikiran ekonomi baharu iaitu sistem ekonomi sosialis.

Teori penggunaan turut dibincangkan dengan menggunakan pendekatan empirikal dari sudut makroekonomi. Antaranya ialah kajian empirikal oleh A.Pollak (1969) yang telah memperkenalkan jenis fungsi permintaan baharu yang telah diterbitkan daripada beberapa masalah dalam teori kepenggunaan selain membincangkan teori penggunaan dari aspek mikro dan makroekonomi. Penemuan beliau mendakwa bahawa fungsi utiliti harus disandarkan kepada fungsi pengeluaran kumpulan isi rumah dan bukannya individu. Penemuan ini bagaimanapun disangkal oleh Edward dan De Donnea (1977) yang menemui fungsi utiliti bukan hanya bergantung kepada tahap pengeluaran isi rumah dan individu tetapi turut dipengaruhi oleh teknologi dan cita rasa. Di mana kesemua faktor yang disebut ialah faktor yang relevan dalam menentukan fungsi utiliti isi rumah.<sup>11</sup> Sementara kajian oleh W. Anderson (2006) telah mencadangkan satu fungsi penggunaan individu yang cuba memaksimumkan utiliti daripada kedua-dua penggunaan semasa dan

penggunaan masa hadapan. Beliau mendapati kesan atas 'Master Plan Creation' (MPC) dimana MPC akan lebih kecil daripada MPC asal.

Kajian teori penggunaan dari sudut makroekonomi terus berkembang dengan kajian empirikal oleh Varian H.R. (1996) mengatakan bahawa tabungan hanya dilakukan dengan tujuan untuk digunakan untuk masa hadapan. Kemudian diikuti oleh kajian Xiootong Jin (2008) yang cuba untuk mengkaji kepekaan penggunaan sebagai salah satu pemboleh ubah dalam model pembangunan di Negara China. Daripada analisis kajian, beliau mendapati penduduk China meningkatkan kepekaan penggunaan mereka mengikut keadaan dan tahap ekonomi negara. Kajian oleh D. Carroll (2009) seterusnya cuba untuk melihat kesan peningkatan pendapatan secara mengejut atas penggunaan pengguna dan kesan atas garis belanjawan. Di mana kesan dilihat dengan melihat nisbah peningkatan pendapatan dan perubahan penggunaan.

Pengkaji-pengkaji konvensional cenderung memberi penekanan terhadap analisis pilihan pengguna (mikroekonomi) dan penggunaan antara masa (makroekonomi). Selain itu rentetan kajian lepas juga menunjukkan, sejak dari awal perkembangan pemikiran ekonomi dalam teori penggunaan, sumbangan cendekiawan Islam yang tentunya menjadikan al-Quran dan Hadis sebagai rujukan dan asas pembentukan teori penggunaan telah diabaikan.<sup>12</sup> Manakala kebanyakan ahli ekonomi Islam cenderung untuk membincangkan topik ini secara tertumpu.

Contohnya kupasan Khaf (1992) tentang matlamat seorang pengguna Muslim dalam kegiatan penggunaannya di mana menurut beliau pengguna Muslim patut mengutamakan akhirat berbanding dengan dunia. Pada asasnya seorang muslim akan dihadapkan pada dua pilihan iaitu antara menggunakan barang ekonomi yang bersifat duniawi sahaja dengan yang bersifat ibadah (*ukhrawi*).

Menurutnya lagi penggunaan barang untuk keperluan ibadah lebih bernilai berbanding dengan penggunaan untuk duniawi. Ini kerana orientasi penggunaannya ialah *al-falah* iaitu untuk mendapatkan pahala daripada Allah SWT, sehingga lebih bertujuan untuk kehidupan akhirat kelak. Semakin besar penggunaan untuk ibadah maka semakin tinggi pula *al-falah* yang akan dicapai. Turut menyokong tentang *al-falah* sebagai matlamat pengguna Islam ialah Siddiqi (1992). Dalam penemuannya

beliau berpendapat tujuan mencapai *al-falah* di dunia dan di akhirat merupakan matlamat utama pengguna dalam merasionalkan kehendak dan keperluan supaya selari dengan utiliti dalam penggunaan mereka.

Sementara perbincangan tentang konsep rasionaliti dan utiliti juga mendapat perhatian cendekiawan Islam. Antaranya kajian oleh Syed Omar (1990) yang membincangkan secara kritis konsep rasionaliti dari perspektif Islam dan konvensional. Menurut beliau rasional pengguna tidak seharusnya dipisahkan daripada agama iaitu bagaimana sebenarnya pegangan agama sangat berkait rapat dalam menentukan kelakuan seseorang. Kajian oleh E. Biraima (1991) menggariskan teori ekonomi *Qur'anic* yang telah mengintegrasikan ekonomi ortodoks di mana pemaksimuman utiliti sebagai prinsip yang akan menentukan rasional pilihan, dan bagi ekonomi Islam; pemaksimuman iman sebagai prinsip yang akan menentukan pilihan untuk pengguna Muslim yang rasional. Gabungan prinsip ini berperanan sebagai *MPC* dan hasil kajian ini mendapati, terdapat hubungan songsang antara pemaksimuman kehendak dengan kesedaran tentang *alam baqa'* (akhirat). Manakala menurut Mannan (1993) yang mengatakan bahawa rasionaliti dalam ekonomi Islam sentiasa mengambil kira aspek kemaslahatan. Pengguna haruslah meletakkan keutamaan dengan kekangan pendapatan yang ada padanya. Pendekatan ini juga menurut beliau harus diaplikasikan kepada semua jenis keperluan *maqasid syariah* iaitu untuk menjaga agama, nyawa, akal, zuriat, dan harta.

Melihat aspek lain, aspek pilihan pengguna juga dibincangkan oleh para ilmuan Islam. Contohnya menurut Afzal-ur-Rahman (1975) pembahagian keutamaan terbahagi kepada empat iaitu: (a) barang keperluan asas, (b) barang keperluan kecekapan, (c) barang keselesaan, dan (d) barang mewah. Sementara Mannan (1980) dan Muslehuddin (1980) telah membahagikan keutamaan penggunaan kepada tiga iaitu: (a) penggunaan barang keperluan asas, (b) barang keselesaan, dan (c) barang mewah. Walau bagaimanapun Sadeq (1987) telah mengemukakan enam jenis barang iaitu: (a) barang keperluan hidup, (b) barang keperluan asas, (c) barang keselesaan, (d) barang mewah, (e) barang berbahaya dan (f) barang keperluan kecekapan.

Perkembangan teori penggunaan dari perspektif Islam juga tidak ketinggalan daripada membincangkan tentang kelakuan pengguna.

Antaranya, Khan (1983) telah memperincikan perbincangan tentang kelakuan pengguna menurut perspektif Islam. Menurut beliau seorang Muslim seharusnya beretika dan mengikut norma-norma Islam semasa menggunakan barang dan perkhidmatan; di mana pengguna Muslim harus mengutamakan maslahat berbanding dengan kepuasan utiliti untuk memenuhi kehendak yang terbatas. Monzer Kahf (1989) dalam kajiannya menambah cara bagaimana etika pengguna Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah. Kajian beliau (1992) juga mendapati terdapat tiga prinsip dasar yang menjadi asas kepada teori kelakuan pengguna iaitu: (a) keyakinan kewujudan hari akhirat, (b) konsep *al-falah*, serta (c) fungsi dan kedudukan harta (hlm. 123)

Selain perbincangan tentang pilihan dan keutamaan pengguna, cendekiawan Islam juga cenderung mengetengahkan perbincangan tentang fungsi penggunaan seperti ahli ekonomi barat dalam perbincangan teori penggunaan konvensional. Contohnya, kajian oleh Munawar (1985) cuba mengulas tentang perubahan atas fungsi penggunaan kesan dari pengaplikasian ekonomi zakat berbanding dengan pengaplikasian cukai dalam ekonomi konvensional. Dalam penemuannya beliau telah menyokong pendapat Khaf (1984) yang mengatakan bahawa tabungan yang tidak disertai dengan keputusan untuk melabur hanya akan menjadikan keluk puas sama pengguna menjadi lebih rendah. Kajian beliau telah diperkukuh oleh kajian Khan (1990) yang mengulas isu yang sama iaitu pengaplikasian zakat atas fungsi penggunaan dengan contoh matematik dan gambar rajah aliran.

Jika diamati, dapat diperhatikan bahawa perkembangan perbincangan teori penggunaan dari kaca mata ahli ekonomi konvensional lebih cenderung membincangkan analisis pilihan pengguna (mikro-ekonomi) dan penggunaan antara masa (makroekonomi). Manakala bagi ahli ekonomi Islam pula walaupun skop perbincangan dilihat lebih menyeluruh tetapi kebanyakan kajian dan perbincangan telah dilakukan oleh individu yang sama. Di samping itu, aspek andaian penggunaan dan keseimbangan pengguna tidak banyak dibincangkan. Soroton kajian lepas banyak menyentuh perbincangan seperti matlamat penggunaan, konsep rasionaliti, pilihan pengguna, etika kepenggunaan, dan penggunaan masa kini dan penggunaan masa lampau. Ini menunjukkan masih terdapat lompongan yang perlu diisi dan dikaji oleh ahli-ahli ekonomi Muslim kontemporari khususnya.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan tafsir sebagai pendekatan utama dalam menghuraikan ayat-ayat berkenaan penggunaan. Bagi terjemahan dan huraian teks al-Quran, kajian ini banyak merujuk kepada kitab tafsir bagi menafsir sebahagian ayat al-Quran berkaitan penggunaan contohnya *Tafsir Ibn Kathir*<sup>13</sup> dan *Tafsir Al-Munir*.<sup>14</sup> Sementara penafsiran hadis, kitab tafsir yang digunakan ialah *Hadis 40 Terjemahan dan Syarahnya*<sup>15</sup> dan *Syarah Mukhtashar Shahih al-Tirmidzi*<sup>16</sup> pelbagai juzu', Ringkasan *Kitab al-Adab* pelbagai jilid dan *Fiqh Akhlak*<sup>17</sup> dan beberapa lagi kitab tafsir al-Quran dan buku-buku berkaitan fiqh akhlak. Kajian ini juga akan meng~~italik~~kan semua nama kitab Arab, perkataan Arab dan seumpamanya, yang tidak di-Melayukan serta ditulis dengan ejaan rumi seperti *Shohih al-Bukhari* dan *Syarah Mukhtashar Shahih al-Tirmidzi*.

Di samping itu, disebabkan ayat-ayat yang ditafsirkan dalam kajian ini tidak menyebut secara khusus aktiviti penggunaan dalam teks-teks yang dipilih, maka terdapat beberapa perkataan yang disebut seperti 'makanlah', 'minumlah', 'belanjakanlah', dan 'pakailah' akan diandaikan telah merujuk kepada aktiviti penggunaan. Malah, mungkin aktiviti penggunaan juga diterangkan dalam bentuk ayat seperti '... berikanlah haknya ...', '... menghambur-hamburkan (hartamu) ...' dan banyak lagi contoh yang dapat dilihat dalam perbincangan Bahagian 4. Andaian ini adalah berdasarkan definisi penggunaan yang dipetik dari Kamus Dewan Edisi Ketiga dari sudut bahasa dan istilah.<sup>18</sup>

## **ANALISIS TEORI PENGGUNAAN MENURUT AL-QURAN DAN AS-SUNNAH**

Perbincangan dalam bab terdahulu tertumpu kepada teori penggunaan secara umum yang lazim dibincangkan dalam ekonomi konvensional.<sup>19</sup> Sehubungan itu, untuk memudahkan perbincangan, huraian dalam bab ini akan menggunakan aturan tajuk yang sama tetapi dengan sedikit perubahan dan penambahan dalam menghuraikan tafsir teks-teks al-Quran dan al-Sunnah yang berkaitan dengan teori penggunaan. Sementara itu, cara pengolahan kajian dalam bahagian ini akan mengemukakan teks-teks yang dikenal pasti terlebih dahulu. Teks tersebut kemudiannya akan diekstrak dengan menggunakan kitab tafsir

yang dipilih bagi menerbitkan teori penggunaan mengikut aturan tajuk seperti yang dinyatakan di atas.

## FALSAFAH PENGGUNAAN

Perbincangan tentang falsafah penggunaan Islam telah cuba dihuraikan oleh Khaf (1981) yang telah membahagikan falsafah umum penggunaan pada tiga iaitu: (a) kepercayaan kepada hari akhirat, (b) konsep *al-falah* (kejayaan), dan (c) konsep kekayaan. Namun pendapat ini tidak menyatakan atas asas apakah pembahagian ini dibuat. Kajian ini tidak menafikan pendapat ini ekoran terdapat hujah yang kukuh dari teks al-Quran tentangnya. Antaranya:

### Kepercayaan pada hari akhirat

Firman Allah SWT:

20 وَالْوَزْنُ يَوْمَئِذٍ الْحَقُّ فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٢٠﴾

Terjemahan:

Timbangan pada hari itu (menjadi ukuran) kebenaran. Maka barang siapa berat timbangan (kebaikannya), mereka itulah orang yang beruntung.

Firman Allah SWT:

21 وَلِلْآخِرَةِ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ ﴿٢١﴾ وَلَسَوْفَ يُعْطِيكَ رَبُّكَ فَتَرْضَىٰ ﴿٢١﴾

Terjemahan:

Dan sesungguhnya hari kemudian itu lebih baik bagimu daripada yang sekarang (permulaan). Dan kelak Tuhanmu pasti memberikan kurnia-Nya kepadamu, lalu (hati) kamu menjadi puas.

Menurut tafsir Ibn Kathir ‘timbangan’ yang Allah SWT maksudkan dalam ayat ini ialah amal perbuatan yang akan dihisab di akhirat kelak (pada hari itu). Seorang muslim yang menyakini bahawa setiap

perbuatannya akan dihisab, akan lebih *wara'* dalam aktiviti hidupnya.<sup>22</sup> Malah keazaman memperoleh keuntungan seperti yang dijanjikan pada akhir ayat ini, akan menjadi motivasi kepada mereka untuk berusaha menjaga amal perbuatannya termasuklah dalam menggunakan dan membelanjakan harta. Sementara dalam ayat ke-4 dalam surah *al-Dhuha* menurut tafsir *Fil Zhilal al-Quran* karangan Sayyid Qutb menyatakan kurniaan Allah SWT di akhirat (*hari kemudian*) adalah lebih baik dan kekal berbanding dengan dunia (*permulaan*). Seterusnya Allah SWT menjanjikan kepuasan (utiliti) yang hakiki melalui kurniaan tersebut dalam ayat ke-5 surah ini.

Justeru, kepercayaan dan keyakinan pada kewujudan hari akhirat menjadikan perhitungan hidup orang Islam lebih panjang iaitu meliputi hidup sebelum dan selepas kematian yang disebut alam *baqa'*. Kepercayaan ini mendorong pengguna Islam mengarahkan semua aktiviti dan matlamat penggunaannya kepada amalan yang terbaik bagi kedua-dua kehidupan tersebut. Kewujudan ini menyebabkan pilihan penggunaan individu bertambah kerana adanya perbelanjaan untuk akhirat. Pengguna bukan saja berbelanja untuk faedah yang segera malah juga untuk faedah yang tidak nampak yang hanya akan dirasai di akhirat.

### Konsep kejayaan (*al-falah*)

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا الرِّبَا أَضْعَافًا مُضَاعَفَةً ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ  
لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٣٠﴾

Terjemahan:

Hai orang yang beriman, janganlah kamu memakan riba dengan berlipat ganda dan bertaqwalah kamu kepada Allah supaya kamu mendapat keuntungan.

Firman Allah SWT:

وَالْوَزْنَ يَوْمَئِذٍ الْحَقُّ فَمَنْ ثَقُلَتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿٨﴾  
وَمَنْ خَفَّتْ مَوَازِينُهُ فَأُولَئِكَ الَّذِينَ خَسِرُوا أَنفُسَهُمْ بِمَا كَانُوا بِآيَاتِنَا يَظْلِمُونَ ﴿٩﴾

Terjemahan:

Maka barang siapa berat timbangannya, maka mereka itulah orang yang beruntung (al-mufflihun). Dan barang siapa yang ringan timbangan kebbaikannya, mereka itulah orang yang merugikan dirinya sendiri, disebabkan mereka selalu mengingkari ayat-ayat Kami.

Kebanyakan ayat menggunakan perkataan kemenangan dan keuntungan untuk merujuk kepada konsep *al-falah* yang sebenar. Ayat ke-130 dalam surah *ali-Imran* umpamanya menyatakan seruan meninggalkan riba dan bertaqwa sebagai syarat mendapat keuntungan di dunia dan akhirat. Sementara ayat ke-8 dan ke-9 dari surah *al-A'raf* dikupas panjang oleh *Tafsir Ibn Kathir* yang menjelaskan bahawa 'timbangan amal' merupakan pelaburan yang amat menguntungkan jika melakukan amalan baik di dunia. Malah surah ini menerangkan tentang keadaan orang yang berada di atas *al-A'raf* iaitu: tempat terbaik yang tertinggi di syurga (kejayaan) dan tempat paling bawah iaitu di neraka yang sinonim dengan kegagalan.

Hujah ini diperkukuh melalui sumber dari hadis yang mengatakan bagaimana seharusnya setiap amalan termasuk penggunaan diniatkan semata-mata kerana Allah SWT dan merupakan syarat amalan diterima seterusnya layak diberi ganjaran pahala. Contohnya seperti yang disebut dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari daripada Umar Ibn Khattab r.a. yang maksudnya:

Sesungguhnya amalan perbuatan itu adalah bergantung kepada niat balasan bagi setiap amal manusia iaitu pahala bagi apa yang diniatkannya. Maka barang siapa (niat) hijrahnya kerana Allah dan Rasul-Nya, baginya pahala kerana Allah dan Rasul-Nya. Dan barang siapa (niat) hijrahnya kerana dunia yang hendak diperolehinya atau kerana wanita yang hendak dikahwininya, maka (pahala) hijrahnya sesuai dengan niatnya, untuk apa dia berhijrahnya.<sup>25</sup>




Daripada hadis di atas, *'amal* yang dikerjakan selain daripada diniatkan semata-mata kerana Allah SWT bukanlah merupakan *'amal* yang ikhlas yang sebenar. Ini kerana dia mengerjakannya masih dalam keadaan mengharap satu faedah yang berasingan selain daripada Allah SWT, maka *'amal*nya menjadi sia-sia dan tidak diterima Allah SWT. Imam Ghazali, mengulas perkataan 'sekutu' :

bahawa sekutu pada *'amal* ialah yang menghilangkan pahala iaitu sekutu dengan perasaan riak. Sungguhpun sekutu dengan yang lainnya tidaklah menghilangkan pahala sama sekali ...<sup>26</sup>

Dengan ini jelaslah bahawa Allah SWT tidak akan menerima sebarang *'amal* termasuk penggunaan yang bercampur kepentingan lain di dalamnya. Contohnya melakukan sesuatu kerana Allah SWT dan dalam waktu yang sama mengharap kepentingan dan manfaat lain seperti dipuji dan dikenang. Batasan *'amal* dari niat tersebut menurut ketentuan qasad orang yang mengerjakannya dan dia sendiri yang akan menerima balasannya. Atas dasar inilah yang dikatakan pengguna Muslim adalah lebih istimewa berbanding dengan pengguna lain jika penggunaan yang dilakukannya diniatkan hanya kerana Allah SWT dan demi reda-Nya.

### Konsep kekayaan

Firman Allah SWT:

27  وَءَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا

Terjemahan:

Dan berikanlah kepada keluarga-keluarga yang terdekat akan haknya, kepada orang miskin dan orang yang dalam perjalanan, dan janganlah kamu menghambur-hamburkan (hartamu) secara boros.

Surah *al-Isra'* ayat yang ke-26 menerangkan bagaimana sepatutnya harta yang dimiliki secara sementara itu terdapat hak yang perlu ditunaikan. Perkataan 'berikanlah' iaitu kepada kaum kerabat yang terdekat, orang miskin, dan kepada orang bermusafir. Setelah perintah untuk memberi nafkah, ayat "menghambur-hamburkan (hartamu)

secara boros” menunjukkan Allah SWT melarang manusia bersikap berlebih-lebihan dalam memberi nafkah (membelanjakan harta) tetapi dianjurkan untuk bersikap sederhana walaupun untuk tujuan memberi nafkah.<sup>28</sup> Ini dibuktikan lagi dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

29 وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا

Terjemahan:

Dan janganlah kamu jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu dan janganlah kamu terlalu menghulurkannya kerana itu kamu menjadi tercela dan menyesal.

Dalam ayat ini sekali lagi Allah SWT menegaskan bahawa dalam soal menguruskan harta, seseorang Muslim haruslah menjauhi sikap kikir. Dalam ayat ini digambarkan perkataan ‘terbelenggu’ sebagai simbolik kepada sikap kikir yang menahan-nahan harta dari dikongsi dan diberikan haknya kepada orang lain. Dalam waktu yang sama Allah SWT melarang sifat berlebihan dalam membelanjakan harta menerusi ayat ‘janganlah kamu terlalu menghulurkannya’. Ayat ini merujuk kepada cara memberi adalah dengan melihat pada kemampuan dan mengeluarkannya mengikut apa yang ada pada diri sendiri. Sementara pada akhir ayat ini Allah SWT mengingatkan supaya manusia tidak mendapat cela dan menyesal akibat sikap kikirnya dan berlarutan dengan penyesalan akibat tidak digauli dan dipedulikan masyarakat kerana sikap tersebut.

Imam al-Nasa’i meriwayatkan daripada Abu Ahwas daripada bapanya r.a. yang melaporkan berkata (maksud Hadis): Hai Bani Adam, sesungguhnya kalau kamu memberikan harta kamu yang berlebihan itu adalah lebih baik bagimu dan kalau kamu menahannya adalah buruk bagimu dan kamu tidak akan dicela kerana keserdahanaan dan mulailah bersedekah kepada orang yang menjadi tanggungjawabmu dan tangan di atas adalah lebih daripada tangan yang di bawah.<sup>30</sup>

Sementara sumber dari hadis juga menerangkan bagaimana kekayaan atau harta yang menjadi milik sementara terdapat hak-hak yang

perlu dipenuhi. Hadis di atas contohnya menjelaskan bahawa makna 'tangan yang di atas' ialah tangan yang memberi sedekah dan tangan yang di bawah ialah tangan yang menerima sedekah. Hal ini disebut dalam *Kitab Bahru al-Madzi (Syarah Mukhtashar Shahih al-Tirmidhi*, hlm: 164) bahawa orang yang memberi sedekah bersifat mulia kerana memberi dengan tangannya dan hasil titik peluhnya sendiri dalam waktu yang sama member sedekah kepada orang lain. Sikap ini dilihat sebagai satu pengorbanan yang menakjubkan. Ini menunjukkan orang yang memberi itu orang yang rajin bekerja dan berusaha malah suka berbuat baik. Oleh itu, pengguna ini layak mendapat balasan pahala daripada Allah SWT. Manakala orang yang menerima sedekah dilihat sebagai orang sanggup menghinakan diri dengan menadah-nadah dan meminta tanpa berusaha dengan titik peluh sendiri bahkan mengharapkan titik peluh orang lain. Menurut tafsiran kehinaan menimpa pengguna sebegini kerana mengambil rezeki dari titik peluh orang lain dan malas bekerja serta tidak malu.

Melalui huraian tafsir di atas maka dapat dibuktikan bahawa kekayaan atau harta dalam Islam merupakan amanah dan ujian Allah SWT terhadap pemiliknya. Namun kekayaan dan harta bukanlah lambang kepada kejahatan tetapi merupakan alat yang boleh digunakan untuk mencapai reda Allah SWT. Harta yang diamanahkan itu juga mesti digunakan dan dibelanjakan dengan cara yang 'hak'. Sebaliknya bukan dengan cara yang boros, berlebihan, membazir atau jalan yang terlarang, secara kikir, disorokkan ataupun dibekukan tanpa digunakan seperti yang diterangkan dalam teks dari al-Quran dan al-Sunnah.

### **Prinsip penggunaan**

Manusia mempunyai keperluan terhadap kebendaan dan kerohanian. Berasaskan hakikat inilah penggunaan sumber dan kekayaan yang ada di bumi ini perlu mempunyai ukuran yang tertentu supaya dapat mencapai matlamat tersebut.<sup>31</sup> Justeru, Mannan (1980) telah menggariskan beberapa panduan bagi prinsip penggunaan iaitu: (a) kebenaran atau hak, (b) kebersihan atau kesucian, (c) kerohanian atau akhlak, (d) kesederhanaan, dan (e) kemanfaatan dan kemaslahatan. Sementara untuk analisis bahagian ini, kajian akan menggunakan garis panduan yang sama untuk menerangkan prinsip penggunaan dalam Islam.

**a. Kebenaran atau Hak**

Hai sekalian manusia, makanlah yang halal lagi baik dari apa yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang nyata bagimu.<sup>32</sup>

Allah SWT mengharuskan manusia menjamah makanan yang halal dan suci di sisi Allah SWT. Makanan tersebut mestilah baik untuk diri serta tidak memudaratkan tubuh badan dan juga akal fikiran.<sup>33</sup> Dibacakan di sisi Nabi SAW lalu Sa'ad bin Abi Waqas bangun dan berkata, 'Wahai Rasulullah SAW: Doakanlah kepada Allah supaya aku menjadi orang yang mustajab doanya.' Jawab Rasulullah SAW yang maksudnya;

'Wahai Sa'ad, perelokkanlah makananmu, nescaya doamu di mustajabkan'. Demi yang diri Muhammad berada dalam gengaman-Nya, sesungguhnya satu suapan makanan haram yang masuk ke dalam kerongkong seseorang, tidak akan diterima (amalan) daripadanya selama empat puluh hari. Mana-mana cebisan daging seseorang hamba yang tumbuh daripada perkara keji dan riba, api neraka yang paling layak untuknya'.

Perkara halal yang elok bermaksud tiada *syubhat* padanya serta tidak menjejaskan hak orang lain dalam semua keadaan. Ini menunjukkan bahawa tidak halal bagi seseorang muslim mengambil harta yang mempunyai hak orang di dalamnya atau mengambilnya bukan mengikut izin syarak. Perkara inilah yang dimaksudkan Ibn Kathir hak yang benar iaitu selagi manusia makan dan minum mengikut seperti yang ditetapkan Allah SWT (menjaga halal dan haram) dan tidak melanggar jejak langkah syaitan.<sup>34</sup>

Dalam sebuah hadis riwayat 'Iyadh bin Himar dalam Sahih Muslim, Rasulullah SAW sabdanya:

Firman Allah SWT yang bermaksud: 'Sesungguhnya setiap harta yang aku anugerahkan kepada hamba-hambaku adalah halal untuk mereka'. Dalam firmanya juga: 'Sesungguhnya aku telah menciptakan hambaku sebagai orang yang benar (Islam). Kemudian datanglah syaitan menggoda sehingga mereka meng-

alpakan agama, lalu mengharamkan apa yang aku halalkan untuk mereka’.

Ayat ini menunjukkan kewajiban seorang Muslim berjihad melawan hawa nafsu dan syaitan yang menjadi punca kepada kekejian, kejahatan, dan penderhakaan.<sup>35</sup> Melalui pengertian tafsir ini, boleh disimpulkan bahawa kekejian, kejahatan, dan penderhakaan yang dimaksudkan juga termasuk dalam penggunaan yang tidak mengikut hak yang sepatutnya. Contohnya, makan dan minum benda yang haram sedangkan Allah SWT menuntut menggunakan barang yang halal dan baik. Ini termasuk dalam hal berpakaian dan berhias yang keterlaluan untuk menunjukkan kecantikan bagi wanita sedangkan etika pemakaian bagi seorang muslimah telah dinyatakan dalam al-Quran.<sup>36</sup>

#### **b. Kebersihan atau Kesucian**

Teks-teks dari al-Quran menyebut dan membincangkan tentang kebersihan dan kesucian dalam pelbagai versi: contohnya, keutamaan bersuci (al-Baqarah 2:22), kebersihan pakaian (al-Muddatsir 74:4), kebersihan badan (al-Waaqi’ah 56:79) dan kebersihan dari najis (al-Baqarah 2:173, al-Nahl 16:115 dan al-An’aam 6:145). Tafsiran terhadap ayat-ayat yang dikemukakan di atas, didapati tiada ayat yang secara spesifik menjurus terus kepada skop perbincangan iaitu bagaimana prinsip kebersihan dalam penggunaan kecuali ayat dari surah al-Baqarah 2:168 (huraian seperti dalam 4.2.3). Maka kajian ini mengemukakan dua teks hadis di bawah bagi menghuraikan prinsip ini dalam penggunaan iaitu:

Dari Ibn ‘Abbas r.a., dia berkata: ‘Rasulullah SAW melaknat laki-laki yang menyerupai wanita, dan wanita yang menyerupai laki-laki’

Penyerupaan ini boleh juga dilihat dari sudut pakaian, cara bercakap, berjalan, dan sebagainya. Kaum lelaki yang menyerupai perempuan, baik pada cara berjalan, berbicara atau berpakaian maka dia termasuk orang yang dilaknat.<sup>37</sup> Ini termasuk juga perempuan yang menyerupai lelaki seperti cara berjalan, berbicara, dan berpakaian maka dia juga termasuk dalam orang yang dilaknat. Satu lagi hadis yang berkaitan ialah:

Diriwayatkan dari Abu Dawud, An-Nasai dan Ibn Majah dari Ali bin Abi Talib r.a., dia berkata: ‘Sesungguhnya Nabi SAW mengambil sutera dengan tangan kanannya. Dan beliau mengambil emas dan memegangnya dengan tangan kirinya. Kemudian beliau bersabda: Sesungguhnya dua barang ini diharamkan untuk laki-laki umatku’.

Kaum lelaki diharamkan memakai emas dan sutera kerana ia ialah perhiasan yang hanya dikhaskan untuk kaum wanita bagi tujuan perhiasan. Tafsiran Fuad bin Abdul ‘Aziz Asy-Syalbub menyebut bahawa pemakaian kaum lelaki terhadap barang tersebut menggambarkan sikap suka berfoya-foya dan berlebihan sehingga menghilangkan sifat kelelakian dan menjatuhkan martabat sebagai seorang lelaki.

Dalam kedua-dua hadis ini lelaki yang menyerupai wanita dan sebaliknya serta pemakaian emas dan sutera bagi lelaki merupakan penggunaan yang boleh memberi kesan kepada hati.<sup>38</sup> Dalam erti kata lain, penggunaan barang-barang yang menyalahi fitrah ini dilihat sebagai ancaman kepada kebersihan hati si pemakainya.

### **c. Kerohanian atau Akhlak**

Firman Allah SWT:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كَلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَأَشْكُرُوا لِلَّهِ  
إِن كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾

Terjemahan:

Hai orang yang beriman, makanlah di antara rezeki yang baik-baik yang Kami berikan kepadamu dan bersyukurlah kepada Allah SWT, jika benar-benar kepada-Nya kamu menyembah.

Ayat ke-172 dari surah al-Baqarah ini merupakan seruan Allah SWT kepada orang yang beriman supaya bukan sahaja menggunakan perkara yang halal tetapi bersyukur dengan rezeki yang telah dianugerahkan. Sheikh M. Abdul Athi Buhairi<sup>40</sup> dalam tafsirannya menyebut hanya Allah SWT pemberi rezeki dan yang membolehkan manusia makan makanan yang baik seperti yang dianugerahkan. Pengharaman dari menggunakan

sesuatu adalah kerana sesuatu itu mengandungi unsur yang tidak baik dan bukan untuk menyusahakan hamba-Nya.

Perintah untuk hanya menggunakan barangan yang halal dan baik disertai perintah untuk bersyukur nikmat tersebut seperti yang dinyatakan iaitu: 'dan bersyukurlah kepada Allah SWT, jika benar-benar kepada-Nya kamu menyembah'. Sahl bin Abdullah berkata: 'syukur adalah bersungguh-sungguh dalam mencurahkan ketaatan disertai dengan menjauhkan diri daripada perbuatan maksiat, baik secara diam ataupun terang-terangan' (hlm. 49). Penggunaan menurut Islam perlu dilakukan dengan etika, adab kesopanan dan akhlak yang terpuji seperti yang digariskan syariah. Al-Quran dan ajaran Rasulullah SAW sangat sarat dengan etika dan akhlak yang terpuji. Antaranya sikap bersyukur dengan anugerah yang ada, adab memulakan dan mengakhiri sesuatu pekerjaan, mengawal nafsu walaupun pada perkara yang halal seperti makan dan minum, tidak menyalahgunakan kuasa serta tidak melakukan kerosakan (al-Baqarah 2: 205)

#### **d. Kesederhanaan**

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا<sup>41</sup>

Terjemahan:

Dan orang yang apabila membelanjakan (harta), mereka tidak berlebihan, dan tidak (pula) kikir, dan adalah (pembelanjaan itu) di tengah-tengah antara yang demikian.

يٰٓبَنِي آدَمَ خُذُوا زِينَتَكُمْ عِنْدَ كُلِّ مَسْجِدٍ وَكُلُوا وَاشْرَبُوا وَلَا تُسْرِفُوا إِنَّهُ لَا

يُحِبُّ الْمُسْرِفِينَ ﴿٦٧﴾

Terjemahan:

... makan dan minumlah, dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan.

Merujuk kepada tafsir Ibn Kathir, firman Allah SWT ‘Makan dan minumlah dan jangan berlebih-lebihan’. Sebenarnya merupakan tips kesihatan yang diberikan Allah SWT kepada manusia. Perkara yang sama juga ditekankan dalam ayat 67 dari surah al-Furqan supaya manusia mengambil jalan pertengahan (bersederhana) dalam membelanjakan harta. Sementara Imam Bukhari meriwayatkan, Ibnu ‘Abbas berkata: ‘Makan dan berpakaianlah sesuka kalian, asalkan engkau terhindar dari dua sifat iaitu berlebih-lebihan dan sombong’. Manakala menurut Imam Ahmad meriwayatkan daripada ‘Amr bin Syu’aib, daripada ayahnya, daripada saudara lakinya, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

Makan, minum, berpakaian dan bersedekahlah kalian dengan tidak sombong dan tidak berlebih-lebihan, kerana sesungguhnya Allah SWT suka melihat hamba-Nya memperlihatkan nikmat-Nya.<sup>42</sup>

Ibn Jarir berkata tentang firman Allah SWT ‘Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berlebih-lebihan’. Ayat ini meyerupai firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 190 yang maksudnya ‘Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas’. Walaupun menurut Ibn Kathir ayat ini menerangkan tentang jangan melampaui batas dari konteks peperangan (hlm. 235), Ibn Jarir berpendapat manusia perlu bersederhana dalam semua perkara, jangan melampau pada mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram. Sesungguhnya telah dibuktikan secara saintifik bahawa makan berlebihan akan menyebabkan badan lemah dan berpenyakit.

### **Manfaat dan Kemaslahatan**

<sup>43</sup> وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَلًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِءِ مُؤْمِنُونَ

Terjemahan:

Dan makanlah makanan yang halal lagi baik dari apa yang Allah SWT telah rezekikan kepadamu, dan bertakwalah kepada Allah SWT yang kamu beriman kepada-Nya.



Segala anugerah Allah SWT yang halal tidak salah untuk digunakan selagi anugerah itu boleh memberikan manfaat dalam bentuk ketahanan hidup, pemulihan dan menyihatkan jasad, ruh dan akal dalam usaha mengabdikan diri (ibadat) kepada Allah SWT. Malah dalam keadaan darurat iaitu sehingga mengancam nyawa, barang yang haram juga dibolehkan dengan syarat tidak keterlaluan. Ini berikutan firman Allah SWT yang bermaksud:

Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi, dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah SWT<sup>[108]</sup>. Tetapi barang siapa dalam keadaan terpaksa (memakannya) sedang dia tidak menginginkannya dan tidak (pula) melampaui batas, maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah SWT Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.<sup>44</sup>

Tafsiran kepada ayat ini menurut *Tafsir al-Munir* oleh Dr. Wahbah Zuhaily (hlm. 89) orang yang diancam kelaparan yang dikhuatiri boleh membawa maut dan tidak ada makanan yang halal melainkan hanya yang haram. Maka Islam membenarkan penggunaan tersebut dengan niat untuk menghindarkan dirinya daripada bahaya maut tetapi bukan untuk tujuan melanggar hukum yang telah ditetapkan Allah SWT.

### **Pilihan keutamaan pengguna**

Kebanyakan penulis, khususnya penulis ekonomi Islam seperti Mannan (1980) dan Muslehuddin (1980) telah membahagikan keutamaan penggunaan kepada tiga, iaitu: (a) penggunaan barang keperluan asas, (b) barang keselesaan, dan (c) barang mewah. Sementara menurut Afzal-ur-Rahman (1975) pembahagian keutamaan terbahagi kepada empat iaitu: (a) barang keperluan asas, (b) barang keperluan kecemasan, (c) barang keselesaan, dan (d) barang mewah. Walau bagaimanapun Sadeq (1987) telah mengemukakan lima jenis barang iaitu: (a) barang keperluan hidup, (b) barang keperluan asas, (c) barang keselesaan, (d) barang mewah, (e) barang berbahaya; dan barang keperluan kecemasan yang ditambah oleh Afzal-ur-Rahman.<sup>45</sup> Bertitik tolak daripada pendapat tersebut, kajian ini mengemukakan beberapa teks dari hadis yang dikenal pasti dapat merungkaikan pilihan keutamaan pengguna. Antaranya:

a. Barang keperluan hidup

Imam al-Tirmidhi meriwayatkan daripada Uthman bin Affan r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda (maksud Hadis). Tidak ada kewajiban bagi anak Adam selain terhadap hal-hal berikut: rumah untuk didiami, pakaian untuk menutup aurat, roti, dan air.<sup>46</sup>

Hadis ini menerangkan barang keperluan yang paling asas ialah tempat tinggal untuk berlindung dari panas, sejuk, dan kemudaratan lain,<sup>47</sup> pakaian, makanan, dan air. Hal ini sesuai dengan definisi barang keperluan hidup yang merujuk kepada barang yang tanpanya seseorang itu akan mati. Perkataan 'kewajiban' merujuk kepada sesuatu tuntutan yang wajib dipenuhi dan kegagalan memenuhi keperluan ini akan menyebabkan manusia tidak dapat meneruskan hidup.

b. Barang keselesaan

Imam al-Nasa'i meriwayatkan daripada Abu Ahwas daripada bapanya r.a. yang melaporkan berkata (maksud Hadis): Pada suatu hari aku datang kepada Rasulullah SAW dengan pakaian yang compang-camping, maka Rasulullah SAW telah bertanya kepadaku: 'Adakah kamu masih mempunyai harta?' Jawabku: 'Ya aku masih mempunyai semua jenis harta yang diberikan Allah kepadaku,' Sabda nabi lagi 'Jika kamu mempunyai harta, maka hendaklah kamu memperlihatkan nikmat-nikmat Allah itu pada dirimu'.<sup>48</sup>

Hadis ini merupakan bukti bahawa dianjurkan bagi orang yang dianugerahkan rezeki untuk menampakkan nikmat Allah SWT kepadanya dengan memakai pakaian yang bagus tanpa berlebihan dan menyombong diri. Hadis ini juga jelas tidak menyempitkan diri sendiri atau bakhil menggunakan harta, malah sangat dianjurkan memakai pakaian yang baharu, bagus, dan bersih atas tujuan menampakkan anugerah dan nikmat Allah SWT yang diberikan kepadanya.<sup>49</sup> Tafsiran ini sekali gus menggambarkan Islam mengiktiraf barang keselesaan yang ditafsirkan sebagai barang yang menjadikan seseorang itu berasa lebih selesa dan sempurna. Termasuk juga penggunaan barang seperti rumah yang kemas dan selesa dan perkakas dapur yang lengkap.

c. Barang mewah

Hadis riwayat oleh Ahmad, Abu Dawud, dan Ibn Majah Dari Ibn Umar r.a., dia berkata Rasulullah SAW bersabda: 'Siapa yang memakai baju yang menarik perhatian dunia, Allah SWT akan memakainya baju kehinaan di akhirat'

'Baju seperti itu' ditafsirkan oleh Ibn Athir sebagai menampakkan sesuatu yang bermaksud memakai pakaian yang masyhur di kalangan manusia kerana warna yang berbeza dengan baju mereka sehingga membuat orang memandangnya dan perhatian itu mewujudkan rasa riak, ujub, dan takbur. Manakala menurut Ibn Ruslan pula, syarah '*memakai baju*' atas tujuan menyombongkan diri dan riak, Allah SWT akan memakainya dengan pakaian yang hina sebagai balasan di akhirat. Bermakna pakaian mahsyur itu ialah pakaian yang akan membuatkan si pemakai menjadi hina di akhirat sebagaimana dia memakai pakaian yang membuatnya riak di hadapan manusia dan berasa lebih daripada mereka.<sup>50</sup>

Meskipun hadis ini merujuk kepada pemakaian pakaian sahaja, namun boleh dikiaskan kepada penggunaan secara keseluruhannya. Penerangan ini bertepatan dengan maksud barang mewah yang tidak diperlukan untuk keselesaan, tetapi sebaliknya untuk kemewahan dan gaya hidup moden, biasanya untuk tujuan berprestij, bermegah-megah, dan berbangga-bangga.<sup>51</sup> Oleh sebab menunjukkan dan bermegah-megah ialah riak dan diharamkan dalam Islam, maka penggunaannya bagi tujuan ini adalah terlarang dalam semua keadaan. Tambahan pula semua teks al-Quran yang menyebut perkataan "*mewah*"<sup>52</sup> pasti dimulai atau diikuti dengan firman Allah SWT yang menyebut tentang azab atau kesudahan yang buruk bagi golongan tersebut. Maka ia petunjuk atau tanda aras yang jelas bahawa barang mewah akan cenderung membuat manusia menjadi alpa dan sombong.

### **Kadar penggunaan**

Teks dari al-Quran mahupun hadis tidak secara langsung menetapkan kadar penggunaan sepatutnya diamalkan oleh pengguna Muslim. Namun terdapat beberapa teks dari hadis yang boleh dijadikan batu asas untuk menentukan kadar penggunaan yang sepatutnya diamalkan oleh

seseorang pengguna Muslim. Justeru, untuk memudahkan perbincangan, kajian ini membahagikan perbincangan kepada dua bahagian iaitu kuantiti penggunaan dan kekerapan penggunaan.

#### **a. Kuantiti Penggunaan**

Imam al-Tirmizi meriwayatkan daripada Miqdam r.a. bahawa Aisyah r.a. bersabda (maksud Hadis) : anak Adam tidak memenuhi tempat yang lebih jelek daripada perut, cukup bagi anak Adam beberapa makanan yang dapat menegakkan tulang belakangnya. Kalau tidak boleh, maka satu per tiga untuk makanannya, satu per tiga untuk minumannya, dan satu per tiga untuk pernafasannya.<sup>53</sup>

Hadis ini merupakan hadis yang mahsyur dan kerap diutarakan apabila membincangkan hal zuhud dan kesederhanaan dalam pengambilan makanan. Antaranya, menurut Mohammad Idris al-Marbawi, umpamanya menafsirkan ‘sepertiga’ yang dimaksudkan dalam hadis ini sebagai kuantiti maksimum yang perlu diambil bagi seseorang pengguna. Pengambilan lebih daripada kuantiti tersebut hanya akan memudaratkan (diserang penyakit) dan menjadikan manusia malas untuk beribadat. Sementara “cukup bagi Anak Adam beberapa makanan yang dapat menegakkan tulang belakangnya” bermakna pengambilan makanan dan minuman seharusnya diambil memadai untuk membolehkan individu tersebut bertenaga dan mampu bergerak ekoran tenaga yang diperoleh daripada makanan dan minuman yang diambilnya.<sup>54</sup>

Secara fitrahnya keperluan seseorang adalah berbeza-beza mengikut umur, saiz badan, dan kadar metabolisme badannya. Terdapat tiga peringkat tahap mengurangkan penggunaan iaitu: (Abd Samad, 1982:342-400):<sup>55</sup>

- i. Sekadar keperluan iaitu diamalkan oleh para *siddiqin* yang mengambil makanan sekadar cukup untuk memelihara badan daripada binasa dan membolehkan tubuh badan melakukan ibadat.
- ii. Manakala tahap yang kedua hanya setengah cupak sehari atau mencukupi untuk memenuhi sepertiga perut.
- iii. Sementara tahap yang ketiga iaitu hanya secupak untuk sehari.

## **b. Kekерapan Penggunaan**

Imam al-Tirmizi daripada Masruq r.a. bahawa Aisyah r.a. bersabda (maksud hadis) ... Aku ingat suasana ketika Rasulullah SAW meninggalkan alam fana ini. Demi Allah, Baginda tidak pernah kenyang dua kali dalam sehari dengan roti dan daging.<sup>56</sup>

Salah satu hadis ada menggambarkan kehidupan cara hidup Nabi SAW dan kerabatnya<sup>57</sup> yang tidak pernah hidup dengan senang-lenang dan bermewah-mewah. Bagaimanapun baginda dan kerabatnya berasa cukup (*qanaah*) terhadap rezeki yang ada. Malah pendapat ulama mengatakan *qanaah* itu ditafsirkan sebagai satu kemenangan. Sesetengah ulama mengatakan adalah mencukupi untuk kenyang bagi sehari dan lapar semula bagi hari seterusnya. Kemenangan yang dimaksudkan di sini ialah kemenangan di akhirat disokong hadis oleh al-Tirmizi :

Diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amru r.a. bahawasanya Rasulullah SAW bersabda: 'Sesungguhnya telah dapat kemenangan di negeri akhirat oleh orang yang telah Islam ia pada halnya adalah rezekinya secukup pada-Nya jua, tiada ia kaya dan tiada ia miskin sehabis-habis miskin, dan telah disuka reda akan dia oleh Allah SWT, yakni tiada ia gelisah tidak cukup dan tiada ia merungut-merungut'.

Membincangkan kekerapan penggunaan, Abd Samad (1982) meringkaskan isu ini kepada tiga peringkat di mana pengambilan makanan melebihi tiga peringkat ini tidak akan dianggap sebagai terpuji:

- i. Seminggu sekali makan yang merupakan amalan para *siddiqin* seperti sahabat Nabi SAW, Abu Bakar as-Siddiq.
- ii. Tiga hari sekali makan yang merupakan amalan kebanyakan para sahabat.
- iii. Manakala tahap yang ketiga ialah sehari sekali makan

Daripada huraian tersebut didapati bahawa antara sifat terpuji dalam Islam iaitu mengosongkan perut atau lapar adalah lebih baik daripada kenyang dan amat digalakkan mengurangkan makan. Namun

prinsip umum terhadap kuantiti penggunaan adalah tidak membazir atau sedaya upaya mengelakkan pembaziran.<sup>58</sup> Walaupun tidak dinyatakan secara tepat had atau kuantiti yang dikatakan sebagai membazir tetapi mengurangkan penggunaan adalah amat digalakkan dalam Islam. Tanda aras ini memadai untuk memberi pengguna muslim garis panduan dalam menentukan kuantiti dan kekerapan penggunaan dalam kehidupan harian.

## **KONSEP RASIONALITI DAN UTILITI**

Firman Allah SWT:

<sup>59</sup> وَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Terjemahan:

Dan antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka.

Meskipun ayat dari surah al-Baqarah ini merupakan suatu doa, tetapi ia jelas menerangkan utiliti yang hakiki bagi seseorang Muslim adalah apabila mendapat jaminan di dunia dan di akhirat. Ayat ini misalnya merupakan doa yang merangkumi semua kebaikan dunia dan akhirat. Kebaikan dunia menurut Tafsir Ibn Kathir termasuklah kesihatan, isteri yang solehah, rezeki yang berkat dan melimpah ruah, ilmu yang bermafaat, amal soleh, dan kenderaan yang mudah. Sementara jaminan memasuki syurga dilihat kebaikan akhirat yang paling tinggi yang paling didambakan seseorang Muslim. Di samping keamanan daripada rasa takut ketika perhimpunan di padang *mahsyar*, kemudahan ketika dihisab dan melepasi titian *sirat*.

Justeru, menurut Ibn Kathir lagi, bagi memperoleh jaminan keselamatan dan kepuasan tersebut, manusia dituntut untuk berusaha ke arah kepuasan tersebut termasuklah menjauhi hal-hal yang haram, perbuatan yang membawa kepada dosa, dan meninggalkan perkara syubhat yang diharamkan. Dalam firman Allah SWT yang lain disebut juga bahawa kurniaan Allah SWT merupakan yang paling baik dan bagi

seorang Muslim, memadai reda dan perhatian Allah SWT terhadapnya sudah cukup memberi kepuasan kepada dirinya. Dalam satu lagi firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan janganlah kamu tujukan kedua matamu kepada apa yang telah Kami berikan kepada golongan-golongan dari mereka, sebagai bunga kehidupan dunia untuk Kami cubai mereka dengannya. Dan kurnia Tuhan kamu adalah lebih baik dan lebih kekal.<sup>60</sup>

Tafsir Ibn Kathir menerangkan bahawa Allah SWT berfirman kepada rasul-Nya: supaya tidak memandang (tujukan kedua matamu) kemewahan (bunga kehidupan) yang diperoleh oleh orang kaya dan yang bersenang-lenang (golongan-golongan dari mereka). Ini kerana, semua kesenangan tersebut ialah ujian bagi mereka dan bersifat sementara. Ayat 'Dan karunia Tuhan kamu adalah lebih baik' bermakna kurniaan yang Allah SWT sediakan di akhirat lebih baik berbanding dengan kemewahan yang sementara.

Huraian teks-teks tersebut menunjukkan pengguna dianggap rasional apabila mereka membelanjakan pendapatan mereka untuk memaksimumkan kepuasan material sejajar dengan kepuasan kerohanian. Utiliti material akan menjadikan mereka sangat puas di dunia ini, manakala utiliti kerohanian membuatkan mereka puas di akhirat. Oleh itu, pendapatan digunakan bukan sahaja untuk memenuhi utiliti material tetapi juga utiliti kerohanian. Contohnya, di samping membelanjakan pendapatan untuk makanan, pakaian, dan keperluan lain, mereka mungkin juga mahu membelanjakan sebahagian pendapatan mereka sebagai derma kepada yang memerlukan.

Pengguna membuat keputusan perbelanjaan bukan sahaja berdasarkan pemikiran sendiri tetapi juga berasaskan nilai-nilai agama. Walaupun barangan tidak halal lebih murah daripada barangan halal, mereka akan tetap membeli barangan tersebut sungguhpun mahal. Selain itu, konsep utiliti secara rabbani atau kepuasan yang tulin juga disebut sebagai reda Allah SWT serta pengakhiran yang baik dan abadi iaitu syurga.

## **IMPLIKASI DASAR**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti ayat dari al-Quran dan hadis yang boleh digunakan untuk menerbitkan teori penggunaan menurut Islam serta membangun dan menilai semula falsafah, teori, dan konsep penggunaan Islam menurut al-Quran dan al-Sunnah. Bagi tujuan tersebut kajian telah menggunakan beberapa kitab tafsir dan kitab-kitab adab Islam bagi menentukan bukti dan keterkaitan ayat-ayat al-Quran dan hadis yang dipilih dengan teori penggunaan. Berdasarkan kupasan hujah yang dikumpulkan terdapat beberapa dapatan kajian yang boleh diketengahkan.

Pertama kupasan tentang falsafah penggunaan dibahagikan kepada tiga iaitu: (a) kepercayaan hari akhirat, (b) konsep *al-falah* (kejayaan), dan (c) konsep harta. Kepercayaan dan keyakinan pada kewujudan hari akhirat menjadikan perkiraan hidup orang Islam lebih panjang iaitu meliputi hidup sebelum dan sesudah kematian yang disebut alam *baqa'* sementara kebanyakan ayat menggunakan perkataan kemenangan dan keberuntungan untuk merujuk kepada konsep *al-falah* yang sebenar. Manakala bagi konsep harta Islam menggariskan bahawa harta ialah amanah dan dibelanjakan bukan dengan cara yang boros, berlebihan, membazir atau jalan yang terlarang, secara kikir, disorokkan ataupun dibekukan tanpa digunakan.

Selain itu, dalam prinsip penggunaan terdapat lima prinsip umum penggunaan yang dapat diekstrak iaitu: (a) merangkumi kebenaran atau hak, (b) kebersihan atau kesucian, (c) kerohanian atau akhlak, (d) kesederhanaan, serta (e) manfaat dan kemaslahatan. Pilihan keutamaan menurut al-Quran dan hadis pula terdiri daripada tiga jenis barang keutamaan iaitu: (a) barang keperluan hidup, (b) barang keselesaan, dan (c) barang mewah. Sementara bagi perbincangan tentang kadar penggunaan didapati bahawa antara sifat terpuji dalam Islam iaitu mengosongkan perut atau lapar adalah lebih baik daripada kenyang dan amat digalakkan mengurangkan makan. Namun prinsip umum terhadap kuantiti penggunaan adalah tidak membazir atau sedaya upaya mengelakkan pembaziran.

Kajian ini juga tidak ketinggalan dalam mengupas topik yang dilihat sangat sinonim dengan teori penggunaan iaitu konsep rasionaliti



dan utiliti. Dalam kupasan dua teks dari al-Quran yang dipilih didapati kepuasan yang hakiki hanyalah kebaikan yang diperoleh di dunia dan di akhirat. Huraian teks-teks tersebut menunjukkan pengguna dianggap rasional apabila mereka membelanjakan pendapatan mereka untuk memaksimumkan kepuasan material sejajar dengan kepuasan kerohanian. Utiliti material akan menjadikan mereka sangat puas di dunia ini, manakala utiliti kerohanian membuatkan mereka puas di akhirat.

Merujuk kepada rumusan kajian di atas, beberapa implikasi dasar dapat dijelaskan: didapati falsafah penggunaan, prinsip, dan konsep penggunaan ekonomi Islam adalah berbeza dengan teori penggunaan dalam ekonomi konvensional. Menurut Islam pengguna harus berkelakuan seperti yang digariskan dapatan tersebut. Contohnya, pengguna tidak boleh membazir, bersederhana dalam penggunaan, serta mengutamakan akhirat dalam penggunaannya.

Implikasi dari dapatan ini menuntut pengguna Islam memantapkan iman akidah sebagai benteng bermujahadah mengikuti ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Didikan jiwa dan rohani dilihat satu faktor yang subjektif tetapi efektif, yang berperanan membentuk peribadi dan akhlak mulia sama ada pengguna, pengeluar atau pemerintah yang akan patuh pada apa sahaja peraturan yang telah digariskan oleh Allah SWT melalui al-Quran dan al-Sunnah tanpa mempertikaikannya.

## **PENUTUP**

Dasar dakwah dan tarbiyah juga dilihat satu usaha mapan untuk memurnikan semula sistem pendidikan yang realitinya didominasi oleh falsafah, teori, dan konsep penggunaan yang hanya bersumberkan akal semata-mata. Dasar ini dianggap sebagai wadah untuk mengajak manusia kepada yang *ma'aruf* dan mencegah kemungkaran di samping usaha mengislamisasikan falsafah, teori, dan konsep kepenggunaan. Berdasarkan dapatan kajian yang dibentangkan, maka dicadangkan pula perlunya kajian lanjutan yang boleh mencakupi kesan kepada rajah atau fungsi persamaan dalam teori penggunaan selepas diekstrak dari teks-teks yang dikumpulkan. Memandangkan kajian ini hanya merangkumi kupasan tafsir yang lebih cenderung memurnikan konsep-

konsep di dalam teori penggunaan maka amat perlu kajian yang boleh membuktikan bahawa hasil ekstrak dari al-Quran dan al-Sunnah ini terbukti relevan diaplikasikan dalam kepenggunaan sebenar.

## **NOTA HUJUNG**

### ***(Endnotes)***

- 1 Syeikh Yusuf al-Qardawi, *Manusia dan Kebenaran Menurut Islam*, Terjemahan oleh Abdul Majid Abdullah, 1996: hlm. 80- 85
- 2 Al-Quran Surah Yunus: 37 Tidaklah mungkin al-Quran ini dibuat oleh selain Allah SWT; akan tetapi (al Quran itu) membenarkan kitab-kitab yang sebelumnya dan menjelaskan hukum-hukum yang telah ditetapkanNya<sup>[691]</sup>, tidak ada keraguan di dalamnya, (diturunkan) dari Tuhan semesta alam.” 691: maksudnya al-Quran itu menjelaskan secara terperinci hukum-hukum yang telah disebutkan dalam al- Quran itu.
- 3 Selain mendapat keberkatan hidup, setiap amalan yang diniatkan kerana Allah SWT akan dikira sebagai ibadah termasuk melalui aktiviti penggunaan yang dilakukan oleh pengguna Islam.
- 4 Maksud meluas dan menyeluruh ertinya matlamat mencapai *al-falah* di dunia dan di akhirat merupakan matlamat jangka panjang yang merangkumi kesejahteraan hidup di dunia dan kemenangan selepas kematian. Rujuk Akram Khan (1994): *Analisis al-falah dari sudut Mikro dan Makro*.
- 5 M.B Hendrie Auto, *Pengantar Ekonomika Mikro Islam. Bab 4, Sejarah Pemikiran Ekonomi di Dunia Islam*. Hlm. 69
- 6 Rujuk Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia. Laman Web:<http://tppm.kpdnkk.gov.my/portal>
- 7 Al-Quran Surah *al-Furqan*: 67 “Barang siapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarrah pun, nescaya dia akan melihat (balasan-)Nya” .
- 8 Perbincangan awal tentang konsep asas penggunaan dapat dilihat dalam apendiks.
- 9 Monzer Kahf, ‘The Theory of Consumption’ dalam Sayyid Tahir *et al.* (ed.), *Readings in Microeconomics An Islamic Perspective*, (Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd., 1992.

- 10 Dr Monzer Kahf: *A Contribution to the Theory of Consumer Behaviour in an Islamic Society* di dalam *Studies in Islamic Economic*, International Centre for Research in Islamic Economics KAAU, Jeddah: hlm 19.
- 11 Edward Meadows, *The New and Improved Consumer Behavior Theory*. Journal: *Studies in Economics and Finance* (1977), hlm. 16-27.
- 12 Abdul Azim Islahi; *Contributions of Muslim Scholars to Economic Thought and Analysis (2004)*. Islamic Economics Research International Centre King Abdul Aziz University Jeddah. 11-905 A.H./632-1500 A.D. hlm. 4.
- 13 Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq ali al-Sheikh, 2003.; penterjemah M. Abdul Ghafar E.M, Abu Ihsan al-Atsari, *Tafsir Ibnu Katsir*/Penerbit Pustaka Imam Syafie.
- 14 Wahbah Zuhaili, 2007, Zulkifli Yusuf dan Ishak Sulaiman, *Tafsir al-Munir*, Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia, Selangor.
- 15 Mustafa 'Abdul Rahman, 2005, *Hadith 40 Terjemahan dan Syarahnya*, Penerbit: Dewan Pustaka Fajar, Selangor.
- 16 Penyusun: Muhammad Idris Al-Marbawi, 2008 *Syarah Mukhtashar Shahih At-Tirmidzi*, Penerbit: Al-Hidayah Publication, Kuala Lumpur.
- 17 Penj: Salim Bazemool dan Taufik Damas, 2006, Musthafa al-'Adawy dalam *Fiqh al-Akhlak*, Penerbit: Qisthi Press. Jakarta.
- 18 Penggunaan ialah perihal (perbuatan, kegiatan) menggunakan sesuatu, pemakaian barang, hasil perusahaan, bahan makanan (hlm. 418 dalam Kamus Dewan, 1998, Edisi Ketiga, Penerbit: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur)
- 19 Rujuk Pendahuluan hlm. 4
- 20 Surah al-A'raf : 8
- 21 Surah al-Dhuha : 4-5
- 22 *Tafsir Ibn Kathir*. hlm: 351
- 23 Surah Ali Imran 3:130
- 24 Surah Al-A'raf 7: 8-9
- 25 *Shohih Bukhari* Jld. 1, Hadis No.1
- 26 M. Mustafa 'Abdul Rahman, 2005, *Hadith 40 (Terjemahan dan Syarahnya)*. Dewan Pustaka Fajar.Selangor. hlm. 55-67

- 27 Surah al-Isra' 17:26
- 28 Rujuk Ibn Kathir, Juz 15, hlm. 186
- 29 Surah al-Isra' 17: 29
- 30 Ibn Hamzah al-Dimasyqi dalam *Asbabb al-Wurud al-Hadith al-syarif*, jld. I, Hadis no. 4293
- 31 Sanep Ahmad dan Surtahman Kastin Hassan, 2005, *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur hlm. 75.
- 32 Surah al-Baqarah:168
- 33 Fuad bin Abdul 'Aziz Asy-Syalbub, 2008, *Adab Ketika Makan & Minum, Ringkasan Kitab al-Adab*, Jakarta hlm. 56.
- 34 Fuad bin Abdul 'Aziz Asy-Syalbub, 2008, *Adab Ketika Makan & Minum, Ringkasan Kitab al-Adab*, Jakarta, hlm:58.
- 35 Fuad bin Abdul 'Aziz Asy-Syalbub, 2008, *Adab Etika berpakaian, Ringkasan Kitab al-Adab*, Jakarta, hlm:61
- 36 Surah al-Nuur 24: 31
- 37 Fuad bin Abdul 'Aziz Asy-Syalbub, 2008, *Adab Etika berpakaian, Ringkasan Kitab al-Adab*, Jakarta, hlm. 394-395
- 38 Sanep Ahmad dan Surtahman Kastin Hassan, 2005, *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 76.
- 39 Surah *Al-Baqarah* 2: 172
- 40 *Tafsiran Ayat-ayat Ya Ayyubal –Laziina Aamanuu*, 2008, Terbitan: Al-Hidayah Publication. Kuala Lumpur hlm. 39-41.
- 41 Surah *al-Furqan* 25: 67
- 42 Hadis Riwayat al-Nasa'i dan Ibnu Majah
- 43 Surah al- Maidah 5: 88
- 44 Surah al-Baqarah 2: 78
- 45 Sanep Ahmad dan Surtahman Kastin Hassan, 2005, *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 80.
- 46 Sunnan al-Tirmidhi Jil IV, Bab *maja'a fi al-Zahadah fi al Dunya*, Hadis no.2453

- 47 Disebut juga perlindungan dari binatang berbisa yang boleh memudaratkan seperti lipan atau ular.
- 48 Sunan Ibn Hamzah al-Dimasyqi dalam *Asbabb al-Wurud al-Hadith al-syarif Jil I*, Hadis no. 4293.
- 49 Fuad bin Abdul 'Aziz Asy-Syalbub. *Adab Etika berpakaian, Ringkasan Kitab al-Adab*, Jakarta (2008). Hlm:390
- 50 Ringkasan *Kitab al-Adab*. hlm. 396
- 51 Sanep Ahmad dan Surtahman Kastin Hassan, 2005, *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur hlm:81.
- 52 Surah Hudd 11:16, al-Isra' 17:16, al-Mukminun 23:64, al-Syu'ara' 26:128, Sabaa' 34:34 dan al-Zukhruf 43:23.
- 53 Sunnan al-Tirmidhi Jil IV. *Kitab al-Zuhd*, bab (34) *maja'a fi karahiyati al-akli*, Hadis no.2486
- 54 Bahru Al-Madzi, 2009, *Syarah Mukhtashar Shahih at-Tirmidhi, Bab Mimpi, Saksi dan Zuhud*, Penerbit: Al-Hidayah Publication. Kuala Lumpur, hlm. 233-235
- 55 Sanep Ahmad dan Surtahman Kastin Hassan, 2005, *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur hlm. 86.
- 56 *Al-syama'il al Muhammadiyah* bab *maja'a fi sifati khudzi Rasulullah SAW*, Hadis no.140
- 57 "Isi rumahnya" merujuk kepada isteri-isteri Nabi SAW.
- 58 Sanep Ahmad dan Surtahman Kastin Hassan, 2005, *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur hlm. 86-87.
- 59 Surah al-Baqarah 2:201
- 60 Surah Toha 20:131

## **RUJUKAN**

- Abdul Azim Islahi. 2004. *Contributions of Muslim Scholars to Economic Thought and Analysis* Islamic Economics Research International Centre King Abdul Aziz University Jeddah. 11-905 A.H./632-1500 A.D.
- Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman bin Ishaq ali al-Sheikh. 2003. Terj: M. Abdul Ghafar E.M, Abu Ihsan al-Atsari. *Tafsir Ibnu Katsir*. Penerbit Pustaka Imam Syafi'I (pelbagai jilid).

- Aidit Ghazali & Syed Omar (1989). *Readings in The Concept and Methodology of Islamic Economics*. Penerbit: Pelanduk Production, Selangor.
- Anas Zarka. 1992. A Partial Relationship in a Muslim's Utility Function dalam *Readings in Microeconomics: An Islamic Perspective*. Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Asad Zaman. 1997. *Towards Foundation of on Islamic Theory of Consumer Behaviour* dalam *Essays in Islamic Economic Analysis*. Pelanduk Production, Kuala Lumpur.
- Asad Zaman. 2005. *Towards A New Paradigm for Economics*. JKAU: Islamic Econ., Vol. 18, No. 2, pp. 49-59 (A.D/1426 A.H).
- Daar al-Wathan. 2006. Terj: Hohih al-Hasan. *24 Jam Bersama Rasulullah, Bimbingan Praktis Adab Islam*. Fajar Ilmu Baru, Kuala Lumpur.
- Edward Meadows. 1977. *The New and Improved Consumer Behavior Theory*. Journal: Studies in Economics and Finance.
- Fuad bin Abdul 'Aziz Asy-Syalbub. 2008. *Adab Ketika Berpakaian, Ringkasan Kitab al-Adab*, Penerbit: Darul Falah, Jakarta.
- Fuad bin Abdul 'Aziz Asy-Syalbub. 2008. *Adab Ketika Makan & Minum, Ringkasan Kitab al-Adab*, Penerbit: Darul Falah, Jakarta.
- Al-Hilali, Ayaikh Salim 'Ied. Terj: Abu Ihsan al-Atsari. 1999. *Ensiklopedia Larangan Bab Fiqh*. Pustaka Imam asy-Syafii.
- Khaf. 1992. Theory of Consumption. Dlm. *Readings in Microeconomics: An Islamic Perspective*. Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Khaf. 1992. The Theory of Consumption. Dlm. Sayyid Tahir *et al.* (ed.), *Readings in Microeconomics An Islamic Perspective*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Khurshid Ahmad. 1976. *Studies In Islamic Economics*. International Centre for Research in Islamic Economics KAAU, Jeddah.
- M.B Hendrie Auto. 2003. *Pengantar Ekonomika Mikro Islam. Bab 4, Sejarah Pemikiran Ekonomi di Dunia Islam*. Penerbit: Ekonisia, Yogyakarta.
- Mohammad Anwar. 1997. *Islamic Economics Methodology* Dlm F.R. Faridi (Pnyt). *Essays in Islamic Economic Analysis*. Pelanduk Production, Kuala Lumpur.
- Mohammad E.Biraima. 1991. *Qur'anic Model for a Universal Economic Theory*. JKAU: Islamic Econ., Vol. 3, pp. 3-41 (1411 A.H./1991 A.D.)

- Mohammad Fahim Khan. 1992. *Theory of Consumer Behaviour in an Islamic Theory of Consumer* dalam *Readings in Microeconomics: An Islamic Perspective*. Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Monzer Kahf. 1992: *A Contribution to the Theory of Consumer Behaviour in an Islamic Society*. Journal: *Studies in Islamic Economic*, International Centre for Research in Islamic Economics KAAU, Jeddah.
- Muhammad Idris al-Marbawi. 2008. Peny. Terj: Noraine Abu. *Syarah Mukhtashar Shahih At-Tirmidzi*. Penerbit: al-Hidayah Publication, Kuala Lumpur.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi. 1992. *Islamic Consumer Behaviour dalam Readings in Microeconomics : An Islamic Perspective*. Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Mustafa 'Abdul Rahman. 2005. Peny: Muhyiddin Abu Zakariyya Yahya Sharif Al-Nawawi *Hadith 40 Terjemahan dan Syarahnya*. Penerbit: Dewan Pustaka Fajar, Selangor.
- Musthafa al-'Adawy. 2006. Terj: Salim Bazemool dan Taufik Damas. *Fiqh al-Akhlak*. Penerbit: Qisthi Press, Jakarta .
- Omar Hasan Kasule. 2009. *Epistemologi Islam Dan Integrasi Ilmu Pengetahuan Pada Universitas Islam*. Kampus Pasca Sarjana Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Palembang Indonesia.
- Rodney Wilson. 1998. *The Contribution Muhammad Baqir al-Sadr to Contemporary Islamic Thought*. Journal *Islamic Studies* 9:1 pp. 46-59.
- Sanep Ahmad dan Surtahman Kastin Hassan. 2005. *Ekonomi Islam, Dasar dan Amalan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Sayyid Qutb. 2002. Terj: As'ad Yasin. Abdul Aziz Salim Basyarahil *Fil Zhilal Qur'an*. Gema Insani, Jakarta.
- Syed Omar Syed Agil. 1992. *Rationality in Economic Theory* dalam *Readings in Microeconomics: An Islamic Perspective*. Longman Malaysia Sdn Bhd.
- Syeikh Yusuf al-Qardawi. 1996. Terj: Abdul Majid Abdullah. *Manusia dan Kebenaran Menurut Islam*. Penerbit: Maktabah Al-Islamiy.
- Tafsir al-Quran Karim. 2001. Terj. Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur, Darulfikir.
- Al-Zuhaily, Wahbah. 2007. Zulkifli Yusuf dan Ishak Sulaiman. *Tafsir al-Munir*. Intel Multimedia and Publication & Persatuan Ulama Malaysia. Selangor.

Zubair Hasan. 2000. *Treatment of Consumption in Islamic Economics: An Appraisal* Economics International Islamic University of Malaysia Kuala Lumpur, Malaysia.

Zubair Hasan. 2006. *Introduction to Microeconomics: An Islamic Perspective*. JKAU: Islamic Econ., Vol. 21 No. 1, pp: 83-91 (2008 A.D./1429 A.H.).





جایتن کما جوان اسلام ملیسبا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA